

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KETIGA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 47**

**Selasa**

**3 November 2015**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2016 (Halaman 32)

**USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada  
Peraturan Mesyuarat (Halaman 24)

Anggaran Pembangunan 2016 (Halaman 32)

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KETIGA**  
**MESYUARAT KETIGA**

Selasa, 3 November 2015

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan tahap persediaan serta langkah-langkah yang diambil dalam proses perubahan takrifan umur belia yang akan dikurangkan kepada 30 tahun menjelang pelaksanaannya pada tahun 2018.

**Menteri Belia dan Sukan [Tuan Khairy Jamaluddin]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Ahli Yang Berhormat daripada Sekijang atas soalan yang berkenaan dengan takrifan umur bagi belia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Belia Malaysia yang baru yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 15 hari bulan Mei tahun ini yang menggantikan Dasar Pembangunan Belia Negara 1997, mentakrifkan belia sebagai individu yang berumur di antara 15 sebelum mencapai umur 30 tahun. Ini menurunkan had umur belia daripada usia 40 tahun kepada 30 tahun. 40 tahun dalam dasar yang lepas, 30 dalam dasar yang baru.

Antara rasional di sebalik perubahan ini adalah untuk kita menyegerakan peremajaan kepimpinan belia selaras dengan hasrat Dasar Belia Malaysia untuk meramaikan lagi pemimpin-pemimpin muda dan untuk kita memastikan bahawa perubahan ini mengikut piawai antarabangsa serta dapat menerapkan nilai kepimpinan pada waktu yang lebih awal di kalangan anak-anak muda kita.

Dalam rencana dasar dan pendekatan kerajaan yang sesuai dengan kehendak belia semasa dan perubahan zaman supaya kita sentiasa berada di hadapan kelok perubahan dan selari dengan pendekatan antarabangsa. Perubahan ini perlu dibuat agar had umur belia bakal mendekati norma antarabangsa, terutamanya negara maju seperti Kanada – 16 hingga 23 tahun, Korea Selatan hingga 24 tahun, Amerika Syarikat hingga 24 tahun, malahan negara-negara di rantau ini juga sudah lebih fokus kepada peremajaan yang lebih awal. Pendekatan ini dapat dilihat di Singapura – 35 tahun, Thailand – 25 tahun, Indonesia – 30 tahun dan Myanmar – 18 tahun. Kita di Asia Tenggara, tinggal kita dan Brunei sahaja yang masih lagi mengikut takrifan sehingga 40 tahun.

Namun, saya sedar bahawa kita tidak hanya dapat buat perubahan pada dasar dan mungkin pindaan kepada akta tanpa kita buat langkah-langkah persediaan supaya persatuan, pertubuhan belia ini dapat membangunkan kepimpinan yang baru, dapat menyediakan pelapis yang di bawah umur 30 tahun. Agar pindaan kepada dasar dan kepada akta nanti dapat dijayakan di peringkat akar umbi di kalangan persatuan dan pertubuhan belia.

Oleh yang demikian, Kementerian Belia dan Sukan akan memastikan tahap persediaan golongan belia di pelbagai peringkat akan turut terus melaksanakan langkah-langkah persediaan ini dengan menggerakkan Pelan Peralihan Kepimpinan. Supaya ada *soft landing* kepada persatuan belia ini dan memberi latihan kepada bakal pemimpin-pemimpin muda yang berpotensi sama ada yang berpersatuan ataupun yang tidak berpersatuan menerusi latihan kepimpinan muda dengan kerjasama Majlis Belia Malaysia yang dikenali sebagai MIB 300.

Pelan Peralihan Kepimpinan ataupun *soft landing* ini akan dijalankan berteraskan 5 strategi utama. Antaranya melalui Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY), Program Insentif Pemimpin Pelapis, di mana kita memberi insentif kepada persatuan-persatuan yang menjalankan aktiviti dan program peralihan ini, membesarkan tapak bakat ataupun *talent pool*, penguatkuasaan akta dan penubuhan badan penasihat kepimpinan belia bagi mereka yang sudah tamat yang sudah melangkaui usia 30 tahun.

MIB 300 di bawah Majlis Belia Malaysia juga pula akan memberi fokus kepada pemimpin berumur 16 hingga 24 tahun melalui program latihan, melalui program *training of trainers by* fasilitator yang dapat menarik minat mereka yang akan menjadi bakal pemimpin persatuan-persatuan belia.

Untuk makluman Yang Berhormat, langkah-langkah ini dilaksanakan di negeri dan daerah dalam memastikan kesiapsiagaan dan melahirkan pemimpin belia menjelang tahun 2018 nanti. Kita tidak segera melaksanakan dan menguatkuasakan takrifan umur ini. Kita ada tempoh peralihan sepanjang dua tahun sebelum tahun 2018, barulah kita menguatkuasakan takrifan umur yang baru. Terima kasih.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang telah diberikan. Kita tahu satu hakikat yang tidak dapat kita nafikan, Dasar Belia ini seperti dasar sosial yang lain yang kita perkenalkan. Ia bolehlah dianggap sebagai satu instrumen penting kerajaan bagi menyokong dasar ekonomi yang sedia ada untuk memacu tenaga muda manusia ke arah mencapai penjanaaan pertumbuhan ekonomi agar matlamat pembangunan kita dapat dicapai.

#### ■1010

Kalau kita lihat hasil daripada jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, proses perubahan takrifan umur yang beransur-ansur dan diterima itu, definisi 15 hingga 30 tahun ini adalah yang terbaik dengan mengambil masa tujuh tahun masa ini stabil selepas umur 28 tahun. Selepas stabil dengan perkahwinan, kerjaya dan pembinaan hidup, maka seorang pemimpin belia mempunyai masa lima hingga tujuh tahun sebenarnya untuk membina karisma dan mengasah bakat dalam kepimpinan dengan mengemudi pertubuhan belia untuk berkhidmat kepada belia

dan juga masyarakat. Selepas lima hingga sepuluh tahun, barulah percubaan definisi umur 15 hingga 30 tahun boleh kita laksanakan sebelum takrifan yang lebih menepati definisi PBB iaitu 24 tahun ke bawah. Kita tahu perubahan beransur-ansur harus diraikan agar perubahan itu secara baik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Tanya soalan, Yang Berhormat.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Sikit sahaja, sikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, hasil daripada jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, adakah kementerian melihat peluang mencungkil bakat muda dalam kepimpinan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi dapat kita realisasikan menjelang tahun 2018? Ini kerana, sebelum ini Akta Belia 2007 yang diluluskan oleh kerajaan pun mengambil masa lanjutan sehingga tahun 2010 untuk ia benar-benar kita dapat laksanakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat dan terima kasih Ahli Yang Berhormat yang juga merupakan pemimpin belia yang sangat prihatin dengan isu peralihan dan isu perubahan takrifan umur ini.

Seperti mana yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat tadi, kita pun tidak ambil takrifan umur Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu iaitu 24 tahun ke bawah sebab kita rasa itu terlalu muda usianya. Jadi kita ambil di tengah-tengah, 30 tahun. Namun demikian, saya sangat-sangat setuju dengan keprihatinan Ahli Yang Berhormat. Kita tidak mahu sampai tahun 2018, *'rumah sudah siap tetapi pahat masih berbunyi'* iaitu kita buat perubahan tetapi di bawah persatuan, kelab, pertubuhan bukan di peringkat kebangsaan tetapi di peringkat negeri, di peringkat daerah dan sebagainya, tidak bersedia untuk buat peralihan pada takrifan umur kepimpinannya dan juga keahliannya.

Oleh sebab itu kali ini, Ahli Yang Berhormat, kita hanya akan bincang soal pindaan kepada akta yang melambangkan perubahan ataupun yang memberi kuasa penguatkuasaan kepada pindaan umur itu pada tahun 2018 setelah peralihan ini selesai, barulah kita buat pindaan akta. Kalau kita pinda akta dahulu selepas itu barulah kita hendak cari pemimpin muda, barulah kita hendak buat perubahan kepada keahlian persatuan dan pertubuhan-pertubuhan belia, saya risau persatuan dan pertubuhan belia akan mengalami masalah yang besar. Oleh sebab itu, lebih baik kita menjalankan program peralihan ini, program pemerksaan pemimpin-pemimpin yang sekarang ini masih lagi dalam usia 20-an dan sebagainya, sebelum kita buat sebarang pindaan agar peralihan ini tersusun dan peralihan ini diterima di peringkat akar umbi.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, secara ringkas, kita telah mula sekarang dengan satu borang maklumat yang telah diedarkan kepada semua persatuan dan pertubuhan yang berdaftar di bawah Pendaftar Pertubuhan Belia atau *Register of Youth* (ROY) dengan izin. Akhir bulan ini mereka akan kembalikan borang tersebut di mana borang itu akan memberi gambaran yang lebih jelas kepada Kementerian Belia dan Sukan melalui ROY sejauh mana keahlian, berapa ramai keahlian dan kepimpinan pertubuhan belia yang sedia ada yang di bawah umur 30 tahun. Selepas itu, kita ada beberapa langkah selama dua tahun ini untuk memastikan pada

tahun depan, kita meningkatkan keahlian dan kepimpinan persatuan belia ini yang di bawah umur 30 tahun ke tahap 50 peratus dan ke tahap 80 peratus pada tahun 2017 dan seterusnya 100 peratus pada tahun 2018.

Untuk memandu semua peralihan ini, kita ada satu jawatankuasa *taskforce* peringkat tertinggi yang akan dipimpin oleh Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan bersama dengan Presiden MBM supaya segala, dengan izin, *milestone* yang kita tentukan untuk persatuan ini dapat dilaksanakan. Kita tidak akan tinggalkan persatuan belia begitu sahaja untuk menjalankan program. Kita akan bantu mereka.

Sebagai contoh, kita bercadang untuk mengadakan perbincangan dengan Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengajian Tinggi supaya kita dapat melibatkan pelajar-pelajar dalam program dan juga persatuan belia. Jadi apabila mereka terlibat dalam persatuan belia, maka *talent pool* kita untuk mencari bakat-bakat muda usia 20-an ini lebih ramai lagi yang boleh mengambil alih persatuan-persatuan belia. Terima kasih.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah menjawab soalan ini. Saya tidak lagi pemimpin belia tetapi turut prihatin mengenai soal belia ini.

Saya berpandangan bahawa Dasar Belia Malaysia yang baru yang telah dilancarkan khususnya mengenai takrif umur ataupun usia belia ini dikurangkan daripada maksimum 40 tahun kepada 30 tahun ini, saya kira itu satu langkah yang cukup sesuai dan cukup wajar memandangkan tahap kematangan golongan belia sekarang ini telah bertambah cepat kematangan mereka berbanding dengan satu masa dahulu.

Namun demikian Tuan Yang di-Pertua, saya mohon pandangan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai penyelarasan antara hasrat kita memamatkan golongan belia ini pada usia yang lebih muda berbanding dengan beberapa pelaksanaan undang-undang terhadap golongan belia itu sendiri yang nampaknya agak bercanggah. Saya bagi contoh.

Di kalangan anak-anak kita, mahasiswa di universiti, mereka masuk universiti pada umur 18 tahun dan mungkin keluar dalam umur 22 atau 23 tahun. Akan tetapi semasa pengajian mereka di universiti, mereka tertakluk kepada undang-undang yang nampaknya menyekat proses kematangan mereka. Contohnya, wujudnya Akta Universiti dan Kolej Universiti 1975 yang mana daripada akta ini, kalau kita tengok statistik dalam tahun 2014 sahaja, seramai 25 orang mahasiswa telah dihadapkan ke mahkamah universiti kononnya telah melanggar akta ini sedangkan mereka itu melibatkan diri dalam aktiviti yang boleh memamatkan mereka sebagai pemimpin belia masa akan datang. Jadi saya hendak minta pandangan Yang Berhormat.

Kedua, adakah kementerian bercadang, selaras dengan Dasar Belia Malaysia ini, untuk menguatkuasakan umur bagi pertubuhan misalnya pergerakan pemuda ataupun dewan pemuda dalam parti-parti politik ini juga ikut umur 30 tahun? Terima kasih.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat dan terima kasih atas keprihatinan Ahli Yang Berhormat terhadap pembangunan pemimpin-pemimpin muda di negara kita.

Soalan pertama Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan kebebasan anak muda untuk menyertai aktiviti yang dilihat agak dihalang ataupun kononnya dihalang melalui pelbagai perundangan yang secara spesifiknya disebutkan ialah Akta Universiti dan Kolej Universiti.

Untuk makluman Yang Berhormat, walaupun ini terletak di bawah Kementerian Pengajian Tinggi tetapi waktu saya sebagai Ahli Parlimen biasa, saya antara Ahli Parlimen yang menyokong supaya Akta Universiti dan Kolej Universiti ini dipinda dan seksyen 15 kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti pada hari ini berbeza dengan seksyen 15 yang lepas yang mana kalau yang lepas, sebelum dipinda Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) ini, tidak dibenarkan langsung mahasiswa di universiti untuk sama ada menyertai parti politik ataupun menunjukkan sokongan mereka terhadap mana-mana parti politik. Malah sekarang ini kebebasan untuk menyertai parti politik, kebebasan untuk menunjukkan kecenderungan sokongan kepada mana-mana parti politik diberi kepada mahasiswa di universiti.

Kalau sekiranya ada apa-apa tindakan terhadap mahasiswa, ia sudah pastinya adalah disebabkan mereka melanggar undang-undang yang lain dan juga peraturan universiti masing-masing dan tidak ada kaitan dengan kebebasan mereka untuk menjadi ahli politik atau ahli parti politik, menunjukkan sokongan mereka kepada parti-parti politik dan sebagainya. Mungkin yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat adalah secara khusus pelanggaran peraturan universiti dan juga undang-undang yang lain yang juga terpakai kepada bukan mahasiswa iaitu kepada rakyat biasa. Contohnya, pelanggaran undang-undang perhimpunan aman dan sebagainya dan ini tidak boleh dikatakan bahawa ini khusus kepada pelajar-pelajar universiti. Juga, mungkin kes-kes yang melibatkan peraturan universiti di mana kebenaran pengurusan tertinggi universiti itu tidak didapati untuk beberapa program yang dijalankan oleh mahasiswa dan tidak ada kaitan dengan Akta Universiti dan Kolej Universiti yang telah pun dilonggarkan untuk mahasiswa.

Soalan kedua Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan umur untuk sayap muda dalam parti-parti politik. Pertamanya, Kementerian Belia dan Sukan tidak boleh menguatkuasakan ke atas sayap-sayap muda dalam parti-parti politik takrifan umur yang baru ini disebabkan sayap-sayap parti politik dan juga parti-parti politik tertakluk kepada pendaftaran di bawah ROS dan bukannya Pendaftar Pertubuhan Belia ataupun ROY.

■1020

Namun demikian saya percaya dan yakin walaupun pindaan ini hanya terpakai pada persatuan belia, mungkin pertubuhan-pertubuhan politik dan sayapnya juga harus melihat masing-masing Yang Berhormat daripada parti PAS, kita daripada parti Barisan Nasional perlu melihat juga kepada peremajaan sebab prinsipnya adalah untuk memberi ruang yang lebih besar kepada anak-anak muda dan untuk kita mengiktiraf kematangan yang lebih cepat yang datang. Akan tetapi itu tertakluk kepada keputusan yang bakal dibuat oleh setiap parti politik sama ada mereka hendak ikut ataupun tidak. Terima kasih.

**2. Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [Pandan]** minta Perdana Menteri menyatakan senaraikan semua projek pembinaan masjid di bawah MAIWP atau JAKIM sejak 2010 hingga kini berserta maklumat kontraktor dilantik, maklumat pembida lain dan nilai kontrak yang dianugerahkan bagi setiap projek

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Pandan. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, pembangunan infrastruktur sama ada membina atau membaik pulih masjid-masjid di seluruh negara kecuali di Wilayah-wilayah Persekutuan diuruskan sama ada melalui peruntukan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) ataupun Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri (PPPN), Unit Penyelarasan Pelaksanaan ICU Jabatan Perdana Menteri.

Bagi masjid di Wilayah-wilayah Persekutuan selain daripada peruntukan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), ia juga mempunyai peruntukan bajet tahunan yang dipohon oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Sejak tahun 2010 hingga kini, JAKIM telah diberikan peruntukkan Rancangan Malaysia Kesepuluh bagi membina dua buah masjid iaitu Masjid Al-Firdaus Segambut Luar, Kuala Lumpur yang kemajuan projeknya dalam peringkat pembinaan, kemajuannya ialah 82%. Keduanya Masjid Sungai Bedaun, Wilayah Persekutuan Labuan di mana masih lagi kedudukannya dalam proses *design* oleh pihak Jabatan Kerja Raya. Projek tersebut adalah dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya sendiri. Manakala melalui peruntukan MAIWP dan diselia oleh JAWI telah membina sebanyak sembilan buah masjid iaitu empat buah masjid baru dan lima buah pembinaan semula dengan kos di antara RM8 juta hingga RM13 juta setiap satu.

Projek tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Masjid Terminal Bersepadu Selatan (TBS) Bandar Tasik Selatan dalam peringkat pembinaan. Kemajuannya ialah 95%;
- (ii) Masjid Bukit Jalil siap pada 16 Ogos 2015;
- (iii) Masjid Al-Ubudiah Segambut Dalam, dalam peringkat pembinaan. Kemajuannya 93%; dan
- (iv) Masjid Taman Koperasi Polis Gombak dalam pembinaan. Kemajuannya 32%.

Pembinaan semula masjid iaitulah:

- (i) Masjid Abu Hurairah, Jalan Ipoh dalam peringkat pembinaan. Kemajuan 49%;
- (ii) Masjid Ibnu Khaldun, Sungai Besi dalam peringkat pembinaan. Kemajuan 88%;
- (iii) Masjid Jamek Alam Shah, Jalan Tun Perak Off Jalan Pasar dalam peringkat pembinaan. Kemajuan 91%;

- (iv) Masjid Baiturrahman, Ampang dalam peringkat pembinaan. Kemajuan 93%;
- (v) Masjid Ar-Rahimah Kampung Pandan dalam peringkat pembinaan. Kemajuan 55%.

Peruntukan bagi masjid-masjid di atas adalah berdasarkan peruntukan yang diambil daripada peruntukan *al-Faid* iaitulah wang lebih daripada asnaf zakat yang terkumpul setiap tahun. Wang ini telah dibenarkan penggunaannya melalui fatwa yang dikeluarkan pada tahun 1995.

Jumlah penyertaan kontraktor bagi projek-projek masjid di atas antara 20 hingga 40 kontraktor pada setiap kali tender ditawarkan. Proses pelantikan kontraktor dibuat secara tender terbuka dan selaras dengan tatacara perolehan yang diamalkan oleh agensi-agensi kerajaan yang lain. Tatacara dan perolehan yang dilaksanakan oleh MAIWP adalah berdasarkan amalan tadbir urus ataupun *good governance practices* dengan mematuhi prinsip-prinsip perolehan kerajaan seperti mana garis panduan semasa yang berkuat kuasa.

Dalam kesempatan ini suka saya menyatakan bahawa tatacara pelaksanaan tender adalah melibatkan beberapa peringkat jawatankuasa iaitulah Jawatankuasa Menentukan Spesifikasi, Jawatankuasa Membuka Peti Tender, Jawatankuasa Penilai Tender dan Jawatankuasa Pelantikan Kontraktor.

Mesyuarat Lembaga Perolehan akan memilih kontraktor berdasarkan syor yang dikemukakan oleh jawatankuasa-jawatankuasa berkenaan. Asas pelantikan kontraktor tidak hanya tertakluk kepada harga rendah sebaliknya turut mengambil kira asas pertimbangan seperti kemunasabahan harga yang ditawarkan, keupayaan teknikal loji dan pengalaman kontraktor dan keupayaan kewangan yang dikemukakan bagi setiap petender yang terlibat. Setiap projek pembinaan masjid yang menggunakan peruntukan Baitulmal akan dimasukkan dalam anggaran perbelanjaan tahunan dan perlu terlebih dahulu dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan yang dipengerusikan oleh Mufti Wilayah Persekutuan sebelum diluluskan oleh MAIWP.

Setiap perbelanjaan pembangunan MAIWP termasuk pembinaan masjid-masjid adalah hanya boleh dibelanjakan setelah mendapat perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong selaku Ketua Agama Wilayah-wilayah Persekutuan. Sekian.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ambil kesempatan untuk mengalu-alukan aktivis daripada Parti Amanah Negara Kota Raja yang bersama-sama kita pada hari ini. *[Tepuk]* Soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Menteri, JAKIM, JAWI dan juga MAIWP menguruskan belanjawan yang besar seperti yang diperuntukkan oleh kerajaan bersama-sama juga dengan pengurusan wang zakat.

Oleh sebab itu adalah menjadi keperluan yang paling utama supaya segala ini diuruskan dengan lebih telus berbanding dengan perbelanjaan kerajaan-kerajaan yang lain. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, berapa peratus daripada jumlah perbelanjaan dan perolehan di



bawah JAKIM, MAIWP ataupun JAWI setiap tahun yang masih lagi dibuat berasaskan rundingan terus tanpa ada tender terbuka ataupun melibatkan pembida-pembida. Terima kasih.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Pandan. Berkaitan dengan keprihatinan Yang Berhormat Pandan tentang pembinaan-pembinaan masjid dan juga surau-surau di Wilayah Persekutuan khususnya, pertamanya saya ingin menjelaskan Yang Berhormat untuk di bawah JAKIM. JAKIM tidak memegang peruntukan kewangan melainkan sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi sama ada di bawah ICU ataupun di bawah JPM. Wang tersebut diselia aturkan pembinaan bangunan dan sebagainya oleh pihak JKR, Jabatan Kerja Raya. JAKIM hanyalah sebagai pihak tuan pemilik sahaja, sebagai *ownership* dengan izin Tuan Yang di-Pertua untuk menguruskan masjid-masjid tersebut.

Adapun soal kewangan dan juga tatacara kelolanya adalah di bawah pihak-pihak yang telah diberikan tanggungjawab khususnya JKR ini untuk pembinaan dalam peruntukan kerajaan. Adapun dalam konteks MAIWP Yang Berhormat saya suka hendak memaklumkan, MAIWP sehingga sekarang ia menggunakan peruntukan daripada wang-wang yang telah saya sebutkan sebentar tadi iaitu wang lebih daripada pemberian zakat setelah menumpukan. Ini pun juga berdasarkan kepada fatwa yang telah dikeluarkan pada tahun 1995 iaitu wang yang dipanggil dengan *al-Faid* ataupun *alif, lam, pa, ya, dhat* dalam sebutannya ialah wang ini adalah untuk tujuan lebih-lebih sahaja dan fokusnya adalah untuk *fi sabilillah*, lebih-lebih lagi untuk pembinaan masjid-masjid baru.

Kalau balik kepada soalan Yang Berhormat sebentar tadi tidak ada mana-mana pembinaan pun yang dibuat daripada tanpa tender terbuka di MAIWP ataupun JAWI yang menguruskan masjid-masjid, kita semuanya adalah berdasarkan kepada tender terbuka. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pandan meletakkan keprihatinan dan kita juga dalam masa nada yang sama ialah kita ingin melihat ketelusan itu berjalan.

Oleh sebab itu tidak ada mana-mana pembinaan pun yang dibuat melainkan dalam keadaan tender terbuka dan mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan. Terima kasih.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, di Labuan ada beberapa projek di bawah MAIWP yang sedang dilaksanakan. *Insyallah* akan ada lagi beberapa yang akan dilaksanakan.

■1030

Adakah pihak Menteri sedar bahawa kos pembinaan di Labuan adalah jauh lebih tinggi daripada di Semenanjung malah lebih tinggi daripada di Sabah dan Sarawak. Jadi, semasa proses pembidaan, selalunya kontraktor-kontraktor dari luar akan meletakkan harga yang jauh lebih rendah daripada kontraktor-kontraktor yang datang dari Labuan yang sebenarnya tahu akan kos sebenar di Labuan. Memandangkan saya lihat selalunya kontraktor-kontraktor yang akan memenangi atau pun diaward projek itu adalah kontraktor-kontraktor yang harganya yang terendah atau pun di antara yang terendah.

Jadi, ini menyebabkan kontraktor-kontraktor daripada Labuan tidak dapat projek-projek tersebut dan kontraktor-kontraktor yang dari luar yang mendapat projek tersebut berhadapan dengan risiko untuk mengalami kerugian. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar dan kalau boleh tolong ianya diberi perhatian untuk projek-projek yang akan datang supaya kontraktor di Labuan mempunyai peluang untuk mendapatkannya dengan harga yang berpatutan dan kontraktor-kontraktor dari luar tidak menghadapi risiko untuk kerugian. Terima kasih.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Labuan yang telah mengusulkan pandangan supaya diambil perhatian tentang harga pembinaan bangunan dan juga mana-mana projek termasuk masjid, surau, sekolah agama dan sebagainya di Labuan. Sebenarnya pihak yang berkaitan khususnya MAIWP amat menyedari. Sebab itu apabila kita melakukan pembinaan atau pun mana-mana tender yang dikeluarkan untuk sebarang pembinaan yang berkaitan dengan masjid terutamanya ianya ada pihak perunding yang telah pun dilantik dan pihak perunding ini adalah merupakan mereka yang bukan hanya soal saya sebutkan awal juga tadi dalam jawapan kepada Yang Berhormat Pandan di mana kita ada empat tapisan untuk menentukan harga dan sebagainya.

Sebenarnya kita juga menyedari bahawa kita tidak mengambil yang terlampau murah kerana kita pun memahami bahawa risiko daripada ini akan menyebabkan kegagalan projek itu disiapkan. Satu perkara lagi Yang Berhormat kita suka hendak memaklumkan melalui perunding ini dia sudah ada harga yang ditetapkan pada paras yang tertentu dan kita tidak boleh melebihi harganya terlampau rendah. Kalau terlampau rendah lebih daripada 50% juga adalah tidak bersesuaian dan tingginya pun tidak boleh melebihi daripada 15% sebagai pihak yang dibawa untuk pemilihan di dalam tender kita. Jadi, apabila disyorkan kemudian oleh peringkat jawatankuasa dia mengambil kira rendah sangat pun tidak, daripada 15% yang ditetapkan harga syiling dan 15% yang melebihi daripada harga syiling tersebut.

Namun, walau bagaimanapun kita memahami Yang Berhormat Labuan selain daripada harga rendah yang menjadi persoalan di Labuan termasuk juga untuk mendapat *supply* dengan izin atau pun mendapat barangan-barangan yang perlu dibawa datang daripada luar Labuan terutamanya besi, simen dan sebagainya yang menjadi keperluan asas kepada pembinaan, jadi kelambatan ini juga menjadi faktor-faktor yang melewati tempoh siap daripada bangunan-bangunan yang telah Yang Berhormat sebutkan.

Akhirnya, saya suka ingin menyatakan Yang Berhormat bahawa kita mengambil perhatian bahawa kita akan laksanakan dengan sebaik mungkin daripada apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Labuan kerana Yang Berhormat adalah merupakan Ahli Parlimen kawasan Labuan yang memahami keadaan-keadaan yang ada di sana. Terima kasih.

**3. Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) usaha-usaha strategik bagi negeri Sabah yang mendapat mandat menambah jumlah guru dari kalangan anak tempatan kepada 90 peratus daripada keseluruhan tenaga pengajar di sekolah dalam tempoh tiga tahun akan datang; dan

- (b) bilakah pelaksanaan SMK Gum Gum 2 dan SMK Libaran.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Chong Sin Woon]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Libaran yang bertanyakan soalan mengenai penempatan anak tempatan, guru-guru ke negeri Sabah. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat antara usaha dan pendekatan yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi mencapai sasaran 90% guru yang berkhidmat di negeri Sabah terdiri dalam kalangan anak tempatan kelahiran atau anak jati Sabah bermula tahun 2016 hingga tahun 2018 adalah seperti berikut:

- (i) Penempatan dan pertukaran atas kepentingan perkhidmatan. Guru berasal dari Semenanjung yang berkhidmat di Sabah akan ditukarkan ke Semenanjung untuk memberi laluan kepada guru asal Sabah dan Sarawak untuk mengisi kekosongan jawatan berdasarkan keperluan *option*. Guru asal Sabah dan Sarawak yang bertugas di Semenanjung dan tidak mempunyai komitmen keluarga akan diarahkan berkhidmat di negeri asal. Selain daripada itu, guru baru asal Sabah dan Sarawak yang akan dilantik tetap di tempatkan ke negeri asal mengikut kekosongan jawatan dan keperluan *option*. Keutamaan akan diberikan kepada permohonan pertukaran guru asal Sabah untuk berkhidmat di negeri asal masing-masing mulai sesi persekolahan Januari 2016 tanpa mengambil kira tempoh perkhidmatan;
- (ii) Pengambilan pelajar Fakulti Pendidikan dalam kalangan pelajar kelahiran Sabah dan Sarawak di IPTA. Dalam usaha untuk memenuhi sasaran 90% pengambilan pelajar fakulti pendidikan dalam kalangan pelajar kelahiran Sabah dan Sarawak yang berkecukupan di IPTA perlu ditingkatkan. Graduan cemerlang lepasan IPTS yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh KPM bagi menjawat jawatan perguruan dicadangkan untuk diambil sekiranya graduan unjuran KPM lepasan IPTA tidak mencukupi untuk menampung kekosongan jawatan guru sekolah menengah di Sabah dan Sarawak sahaja. Ini adalah selaras dengan cadangan pengambilan guru secara sistem terbuka, *open system* dengan izin dan menawarkan latihan perguruan secara Diploma Perguruan Lepas ijazah (DPLI), Diploma Pendidikan (DP) ambilan khas kepada graduan bukan pendidikan dari Sabah sekiranya graduan unjuran KPM tidak dapat menampung kekosongan jawatan dan keperluan *option* di Sabah; dan
- (iii) Proses temu duga lantikan tetap oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP). Semua graduan pendidikan kelahiran Sabah dan Sarawak yang memenuhi keperluan *option* semasa KPM perlu dipanggil

temu duga dan dilantik tetap oleh SPP bagi memenuhi sasaran 90%. Selain daripada itu keahlian panel temu duga SPP dipelbagaikan iaitu terdiri daripada ahli panel yang berasal dari Sabah dan Sarawak sekurang-kurangnya seorang daripada mereka bagi memberi perspektif sebagai anak kelahiran Sabah dan Sarawak.

Berhubung dengan soalan mengenai pembangunan SMK Gum Gum 2, untuk makluman projek pembinaan SMK Gum Gum 2 baru sahaja diluluskan pelaksanaannya dalam *rolling plan* 1 2016/2017 di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas. Manakala bagi SMK Libaran, kelulusan baru diperoleh daripada pihak Majlis Perbandaran Sandakan pada 22 September 2015 dan kementerian menerima surat berkenaan pada 1 Oktober 2015. Buat masa ini perunding sedang dalam proses penyediaan dokumen untuk proses perolehan secara tender. Terima kasih.

**Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang panjang dan tepat. Soalan tambahan saya, berdasarkan perancangan Kementerian Pendidikan apakah cabaran yang dihadapi bagi menempatkan lebih ramai bilangan guru yang terdiri daripada anak-anak tempatan untuk mengajar di Sabah dan apakah daya tarikan kepada mereka supaya dapat memberikan perkhidmatan di negeri asal terutamanya di kawasan pedalaman serta bagaimana perancangan kementerian seterusnya kerana ini melibatkan anak tempatan. Bukan sahaja guru-guru baru diambil tetapi melibatkan anak tempatan dari negeri-negeri Semenanjung. Begitu juga guru-guru daripada Semenanjung yang mungkin balik ke negeri asal mereka. Minta jawapan, terima kasih.

■1040

**Tuan Chong Sin Woon:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Libaran yang begitu prihatin terhadap penempatan guru-guru balik ke Sabah dan Sarawak. Saya setuju memang banyak cabaran yang dihadapi oleh kementerian dalam usaha kita memenuhi dasar 90% guru balik ke Sabah dan Sarawak. Antara cabaran yang dihadapi oleh kementerian ialah:

- (i) Perlunya pelaksanaan polisi penempatan semula yang drastik ataupun *redeployment*, dengan izin guru-guru Sabah dan Sarawak yang sedang bertugas di negeri-negeri lain di Semenanjung;
- (ii) Akan wujud ketidaksepadanan, *mismatch*, dengan izin, opsyen apabila penempatan guru asal Sabah dan Sarawak ditempatkan di negeri asal mereka;
- (iii) Mungkin berlaku ketidakharmonian dalam kalangan guru yang diarahkan untuk bertukar;
- (iv) Sekiranya graduan cemerlang lepasan IPTS diambil akan berlaku graduan IPTA dan IPTS unjuran KPM dari Semenanjung tidak dapat dilantik sebagai guru; dan

- (v) Perlunya peruntukan kewangan tambahan untuk pelaksanaan DPLI dan DPambilan khas dan pembayaran kemudahan serta elaun melibatkan arahan pertukaran penempatan.

Di antara perancangan latihan guru di IBKN dan di universiti awam, pengambilan pelajar Fakulti Pendidikan dalam kalangan pelajar kelahiran Sabah dan Sarawak di universiti awam, pengambilan graduan pendidikan IPTS yang cemerlang, kelahiran Sabah dan Sarawak mengikut opsyen, graduan cemerlang lepasan IPTS dicadangkan untuk diambil sekiranya graduan unjuran KPM lepasan IPTA tidak mencukupi untuk menampung kekosongan. Seperti mana yang dijawab tadi, Diploma Perguruan Lepas Ijazah dan DP akan dilaksanakan untuk pengambilan khas kepada guru-guru dari Sabah dan Sarawak dan proses temu duga khas dengan panel yang terdiri daripada kalangan Sabah dan Sarawak.

Menjawab soalan daya tarikan untuk mereka mengajar balik ke Sabah dan Sarawak:

- (i) Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai elaun bagi menarik minat guru-guru berkhidmat di pedalaman seperti elaun khas mengikut lokasi dan tahap kesusahan dan bayaran insentif pedalaman;
- (ii) Menawarkan guru-guru untuk menyumbangkan bakti di tempat kelahiran dan berada dekat bersama dengan keluarga; dan
- (iii) Mengurangkan kos pengangkutan petugas di luar Sabah dan Sarawak.

Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagai peringatan, terutama sekali kepada yang bertanya dan kepada yang menjawab. *Insyah-Allah* kalau perubahan kepada prosedur-prosedur mesyuarat diluluskan nanti oleh Dewan ini, maka tahun depan ada satu prosedur di mana Ahli Yang Berhormat yang bertanya di bawah satu minit, yang menjawab paling lama dua minit atau tiga minit. Jadi mulai daripada sekarang ini, tolong praktis. Sila Yang Berhormat tanya soalan tambahan, pendek sahaja.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Ini tiada skrip Tuan Yang di-Pertua, jangan risau. Petang tadi ada skrip. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan tambahan. Di samping Yang Berhormat Libaran mencadangkan 90% tenaga pengajar di seluruh negeri Sabah dalam tempoh tiga tahun akan datang, soalan saya, apakah langkah kerajaan untuk memastikan guru sandaran, *contract of service* tidak berlaku dalam kumpulan pengajar di Sabah yang mensyaratkan 15 tahun baru hendak *confirmkan* mereka supaya faedah persaraan EPF dan faedah penikmatan tidak akan menyusahkan mereka? Mohon penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tadi bilang tidak ada skrip, lepas itu angkat skrip. *[Ketawa]* Pokoknya Yang Berhormat skrip, satu skrip pendek, satu skrip panjang. Sila Yang Berhormat.

**Tuan Chong Sin Woon:** Skrip panjang Tuan Yang di-Pertua adalah kerana adanya fakta-fakta dan perkara-perkara yang inggin diberikan dalam jawapan kepada soalan.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Chong Sin Woon:** Apa dia?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, jangan ganggu. Sila. *Take your time.*

**Tuan Chong Sin Woon:** Menjawab kepada soalan guru gantian di negeri Sabah yang memerlukan tempoh 15 tahun untuk mereka mendapatkan bayaran, di dalam perancangan penyediaan guru kepada semua negeri bukan sahaja di Sabah adalah berdasarkan kepada keperluan dan kekosongan dan unjuran KPM selama ini. Akan tetapi kita mempunyai dasar sekarang untuk membantu anak-anak tempatan dari Sabah dan Sarawak untuk balik ke negeri masing-masing.

Dengan itu, guru-guru sandaran yang sebelum ini yang diperlukan untuk membantu KPM semasa penyediaan guru yang tidak mencukupi sebelum ini terpaksa diberhentikan perkhidmatan mereka kerana yang dirancang untuk kursus perguruan adalah mereka yang melalui latihan perguruan selama lima tahun dan enam bulan sebagai guru yang profesional untuk mengajar.

Maka dengan itu kepada mereka guru-guru sandaran yang telah berkhidmat selama ini untuk semua negeri di negara ini, kita mengucapkan terima kasih banyak kerana sokongan mereka sebelum kita mempunyai guru yang mencukupi. Akan tetapi dengan perancangan khas untuk ini, kita telah memenuhi keperluan untuk kekosongan guru bukan sahaja di Sabah dan Sarawak tetapi di semua negeri. Sekian, terima kasih.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Tak jawab soalan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya dengar Menteri berdiri, dia berhujah, menjawablah itu. *[Ketawa]*

**4. Puan Teo Nie Ching [Kulai]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan bilangan kes yang didakwa dan dijatuhkan hukum di bawah Akta Kanak-kanak 2001.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kulai. Tuan Yang di-Pertua, menurut statistik daripada Jabatan Peguam Negara, bilangan kes yang didakwa di bawah Akta Kanak-kanak 2001 bagi tahun 2011 hingga 2015 setakat September 2015 adalah sebanyak 4,730 kes. Dalam tempoh yang sama sebanyak 4,021 kes atau 85% daripada dakwaan tersebut telah dijatuh hukum di bawah akta yang sama. Ini menunjukkan satu peratusan jatuh hukum yang amat tinggi dan bermaksud siasatan kes serta bukti yang kukuh sehingga hukuman dapat dijatuhkan.

Dari tahun 2011 hingga 2013, bilangan kes pendakwaan tidak menunjukkan satu *trend* yang menaik atau menurun. Tahun 2011 mencatatkan 889 kes jatuh 48 kes kepada 841 kes

pada tahun 2012 dan naik 55 kes kepada 896 kes pada tahun 2013. Trend turun naik ini dalam sekitar 5.5% adalah tidak berapa *significant*. Walau bagaimanapun, tahun 2014 mencatatkan satu angka dakwaan yang agak tinggi iaitu sebanyak 1,243 kes atau peningkatan sebanyak 38.7%. Ini jelas sekali menunjukkan satu peningkatan yang agak tinggi dan rekod ini nampaknya akan kekal tinggi kerana setakat September tahun ini, jumlah kes yang didakwa telah mencecah 861 kes.

Peningkatan jumlah kes dakwa di bawah Akta Kanak-kanak adalah satu trend yang baik kerana akta ini ada memperuntukkan ciri-ciri yang lebih mesra kepada kanak-kanak. Dalam pada itu, kementerian juga mempergiatkan program-program hebahan dan advokasi untuk memupuk kesedaran terhadap kepentingan perlindungan kanak-kanak. Antaranya melalui kerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan dan sektor swasta. Kanak-kanak yang mempunyai konflik dengan undang-undang tidak diperlakukan sebagaimana pesalah orang dewasa. Ibu bapa dan pelindung akan dimaklumkan apabila mereka ditahan oleh polis. Mahkamah kanak-kanak disediakan untuk membicarakan kes yang melibatkan kanak-kanak. Dalam masa yang sama, hakim akan dinasihati oleh penasihat mahkamah yang arif dengan keperluan kanak-kanak.

Kerajaan menerima hakikat bahawa masyarakat dunia termasuk masyarakat Malaysia pasti menghadapi masalah kanak-kanak yang mempunyai konflik dengan undang-undang. Sehubungan itulah kerajaan telah meluluskan Akta Kanak-kanak. Ia telah mengambil kira *the best interest of the child* dalam penggubalan undang-undang. Pada masa ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sedang membuat pindaan baru terhadap akta ini dan saya menyeru agar semua Yang Berhormat dapat menyokong usaha kementerian ini nanti untuk terus menambah baik undang-undang khas kanak-kanak tersebut untuk kesejahteraan kanak-kanak kita di negara Malaysia ini. Terima kasih.

■1050

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, saya ingin hendak tanya Timbalan Menteri apakah keberkesanan Akta Kanak-kanak ini untuk melindungi keselamatan kanak-kanak kerana saya rasa kes pembuangan bayi di kebelakangan ini memang tidak menurun. Pada tahun 2009, ada 79 kes pembuangan bayi. Pada tahun 2010, ada 91 kes. Tahun 2011 ada 98 kes di mana 59 bayi meninggal dunia. Pada tahun 2012 juga ada 87 kes di mana 61 bayi meninggal dunia. Bukan itu sahaja, kebelakangan ini juga ada banyak kes di mana kanak-kanak mati akibat ditinggalkan di dalam kereta. Jadi saya hendak tanyalah Timbalan Menteri, apa pendekatan kementerian dan juga keberkesanan Akta Kanak-kanak ini untuk mengurangkan kes-kes sebegini? Sekian sahaja, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Terima kasih, Yang Berhormat Kulai yang amat prihatin terhadap kanak-kanak kita di Malaysia. Saya rasa kita semua pun Tuan Yang di-Pertua amat prihatin dan menyayangi anak-anak kita. Berkaitan dengan kes pembuangan bayi, ia sebenarnya bukan di bawah Akta Kanak-kanak dan pembuangan bayi juga

permasalahannya mengapa mungkin tidak dapat diambil tindakan kepada pihak-pihak yang berkenaan ini, tidak mudah untuk mencari mereka yang membuang bayi ini.

Walau bagaimanapun kita tidak berputus asa, pelbagai usaha yang dibuat oleh kementerian berkaitan dengan mereka yang mungkin terlibat dengan pembuangan bayi. Antara lainnya ialah kita mengadakan program-program advokasi di kalangan orang-orang muda kita dan termasuklah di sekolah-sekolah kita mengadakan program untuk mengajar berkaitan dengan pelajaran reproduksi ataupun mungkin lebih dikenali dengan *sexual education*.

Ini adalah tujuan kita untuk lebih awal lagi memberikan pendidikan kepada orang muda kita supaya tidak terlibat dengan perkara-perkara yang menyebabkan mungkin mereka akan berhadapan dengan risiko hamil dan sebagainya dan akhirnya dalam keadaan yang sedemikian kerana takut memalukan keluarga, maka berlakulah perkara di mana lahir di tempat yang tidak terjaga, yang tidak sesuai dan bayi itu akan dibuang. Selain daripada itu, untuk kes-kes kanak-kanak yang dibiarkan ataupun ditinggalkan di dalam kereta, sebenarnya kita sekarang ini sedang melihat dengan secara teliti Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, bagaimana kita dapat mengimbangi ibu bapa yang mungkin terlupa yang anaknya ada di dalam kereta dan dalam keadaan yang amat bersedih sekali apabila kanak-kanak itu meninggal. Dalam masa yang sama, bagaimana kita pula mahu mengambil tindakan terhadap ibu bapa yang meninggalkan anak di dalam kereta menyebabkan kematian.

*Sometimes* ini adalah satu perkara atau satu keadaan yang agak susah untuk kita mengambil keputusan untuk mengambil tindakan. Walau bagaimanapun, kita di kementerian sedang mengkaji caranya bagaimana kita akhirnya memberikan perhatian yang paling tinggi ataupun *the best interest of the child* itu dengan mengambil tindakan mungkin terhadap orang tua yang meninggalkan anak-anak mereka di dalam kereta sehinggakan mereka meninggal ataupun mati.

Walaupun bagaimanapun, dalam masa yang sama kita juga bekerjasama dengan pelbagai pihak yang lain, dengan kementerian-kementerian yang lain, agensi yang lain bagaimana mungkin dalam keadaan yang di mana ibu bapa perlu meletakkan anaknya di tempat yang tertentu supaya mereka terjaga. Kita akan bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan. Kalau mereka guru-guru, bagaimana anak mereka ini boleh diasuh di tempat tertentu supaya mereka tidak terpaksa tertinggal di dalam kereta. Banyak perkara lain yang sedang kita pada masa ini memberikan perhatian dan berbincang dengan pelbagai pihak untuk menanganinya dengan sebaik mungkin bukan sahaja melalui akta ataupun undang-undang. Terima kasih.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dasar perlindungan kanak-kanak merupakan satu dasar untuk melindungi kanak-kanak yang selaras dengan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) dan Akta Kanak-kanak 2001. Soalan saya, sejauh manakah dasar perlindungan kanak-kanak ini berjaya membendung masalah jenayah eksploitasi di negara kita ini kerana hari ini kita lihat kanak-kanak banyak digunakan.



Contohnya yang kita nampak sekarang ini kalau kita pergi bank, ada anak-anak tunggu dekat luar minta duit. Di muka dia nampak ketakutan dan juga bila dia kata dekat kita “Assalamualaikum, saya anak yatim” kita jadi sebak dan rasa kasihan. Jadi adakah ini satu eksploitasi ataupun keadaan yang sebenarnya. Sejauh mana? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Bagan Serai. Untuk kes yang mengemis ini telah saya jawab sebelum ini di Dewan yang mulia ini. Memang itu adalah bila kita menggunakan kanak-kanak untuk mengemis sama ada di hadapan bank kah, di R&R kah atau di restoran kah, ini adalah satu kesalahan di bawah Akta Kanak-kanak di bawah Seksyen 32 itu memang satu kesalahan untuk memeralatkan kanak-kanak untuk mengemis dan di bawah seksyen itu ada hukuman yang telah ditentukan iaitu boleh dihukum denda sehingga RM5000 ataupun dipenjarakan dua tahun ataupun kedua-duanya sekali.

Dalam hal ini, saya juga telah berkata pada hari itu bahawa kalau kiranya yang melakukan ini adalah para ibu bapa, kita sudah bagi *warning* bahawa kita akan mengambil tindakan yang tegas terhadap mereka dalam perlakuan membenarkan anak-anak mereka yang mengemis tapi jika ia dilakukan oleh pihak sekolah-sekolah seperti sekolah tahfiz, madrasah dan sebagainya, kita telah meminta kerjasama dengan kerajaan negeri supaya sama-sama memantau aktiviti yang dilakukan oleh pihak sekolah-sekolah ini supaya mereka tidak menyalahgunakan pelajar mereka untuk menjadi pengemis dan sekiranya mereka melakukannya, maka tindakan patut diambil di bawah undang-undang negeri, undang-undang agama negeri kerana kuasa itu di bawah negeri.

Selain daripada itu, kita juga bekerjasama dengan pihak PDRM dan lain-lain lagi untuk melihat kalau kes-kes yang mana memeralatkan mereka yang menggunakan sindiket itu supaya ini dapat kita banteras dengan sebaik mungkin. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Isu penting, saya benarkan lagi satu soalan tambahan. Saya nampak Yang Berhormat Rantau Panjang berdiri tadi. Sila, Yang Berhormat Rantau Panjang.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas keprihatinan isu berkaitan dengan wanita dan kanak-kanak. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, sejauh mana pemantauan yang dibuat oleh pihak kementerian terhadap isu yang sangat membimbangkan ibu bapa hari ini iaitu isu penderaan dan isu penculikan kanak-kanak yang banyak kes berlaku dalam negara kita yang pelbagai perkara yang menyayat hati yang kita dapati dan daripada kes-kes yang telah disenaraikan oleh pihak menteri tadi yang berkaitan dengan pendakwaan yang telah dibuat, apakah jenis kesalahan yang paling banyak didakwa? Minta penjelasan.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Terima kasih sahabat saya dari Rantau Panjang. Kita semua ini memang amat prihatin terhadap anak-anak apalagi terhadap kaum wanita. Berkaitan dengan pemantauan untuk kes-kes penderaan terhadap kanak-kanak, memang di bawah kementerian kita telah menubuhkan pelbagai badan jawatankuasa di

peringkat nasional, di peringkat negeri dan juga di peringkat daerah kita ada jawatankuasa perlindungan kanak-kanak.

Dengan bantuan mereka ini yang merupakan dianggotai oleh pegawai-pegawai daripada JKM juga diketuai oleh pegawai daripada kesihatan, doktor-doktor, dianggotai oleh ahli-ahli masyarakat bersama-samalah kita memantau sekiranya ada kes-kes ataupun risiko kanak-kanak didera oleh ahli keluarga mereka, penjaga mereka ataupun sesiapa sahaja kerana hasil daripada itulah mereka ini dapat memberikan maklumat kepada kita dan kita dapat mengambil tindakan terhadap kes-kes yang sedemikian. Selalunya melalui keprihatinan daripada masyarakat kita dan mereka akan gunakan talian Kasih kita 15999 untuk melaporkan perkara ini. Berkenaan dengan kes-kes culik, mungkin itu kita lebih kepada pihak PDRM yang lebih berkuasa untuk menjaga dan memantau keadaan yang sedemikian.

■1100

Walau bagaimanapun, kita sentiasa pula bekerjasama dalam kes seperti itu kementerian pula jika berlaku seperti itu kita akan membantu keluarga mereka daripada kaunseling dan lain-lain lagi. Yang Berhormat, terima kasih.

**5. Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan:

- (a) berapa banyakkah jumlah bot menangkap ikan laut dalam yang beroperasi di negara ini; dan
- (b) di mana mereka berpangkalan dan berapakah jumlah syarikat bot laut dalam ini dimiliki oleh kaum bumiputera.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tuan Nogeh anak Gumbek]:** Selamat pagi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Putatan atas soalan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman sehingga 31 Oktober 2015 jumlah bot menangkap ikan lautan dalam yang beroperasi dan aktif di negara kita ini adalah sebanyak 1,261 buah. Manakala bagi negeri Sabah pengeluaran lesen laut dalam adalah dikeluarkan oleh Pejabat Perikanan Negeri Sabah di mana jumlah bilangan lesen laut dalam di negeri Sabah adalah sebanyak 51 buah lesen.

Jumlah keseluruhan syarikat bot laut dalam di Malaysia adalah sebanyak 226 buah. Sebanyak 171 buah syarikat adalah milik bumiputera sepenuhnya dan 55 buah syarikat selebihnya adalah milik bukan bumiputera. Berdasarkan kepada rekod Jabatan Perikanan Malaysia sebanyak 124 buah syarikat berpangkalan di Pantai Timur, Kelantan, Terengganu dan Pahang. Manakala sebanyak 47 lagi buah syarikat berpangkalan di Sabah, Sarawak dan di Labuan. Sekian terima kasih.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih jawapan ringkas daripada Menteri soal statistik yang diberikan tadi. Saya melihat Tuan Yang di-Pertua bahawa pengusaha-pengusaha bot dalam ini walaupun ia dilesenkan kepada rakyat Malaysia tetapi realitinya Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua tahu ini.

Kebanyakan pengusaha-pengusaha laut dalam ini adalah orang asing. Tidak satu saya nampak orang Malaysia yang beroperasi terutama sekali daripada negeri Sabah.

Pengusaha-pengusaha bot penangkapan ikan laut dalam ini telah menceroboh kawasan pantai di mana para nelayan kecil di pantai-pantai itu termasuklah Kota Belud, termasuk juga kawasan-kawasan Tuan Yang di-Pertua. Kawasan Putatan dengan mata saya sendiri habis ditarik, menarik udang, *coral-coral*, kerang-kerang tepi pantai itu habis hancur oleh pengusaha-pengusaha ini. Jadi adakah pihak kementerian melihat di mana Akta Perikanan ini menguatkuasakan dan berapakah jumlah kes-kes tangkapan lesen-lesen yang dibatalkan yang melanggar akta yang menyalahgunakan, yang mengalibabakan lesen-lesen ini kepada rakyat asing.

Soalan seterusnya oleh sebab kita telah memperkasakan dua tiga tahun yang lalu memperkasakan penangkapan ikan laut dalam. Saya melihat perkara ini terutama sekali Sabah adalah terletaknya di Lautan Pasifik. Adakah kementerian tidak beroperasi di Lautan Pasifik? Ada satu *agreement* persetujuan daripada negara-negara yang letak di Lautan Pasifik Tuan Yang di-Pertua yang mana Malaysia tidak pun tahu atas *agreement* dan kenapa.

Kita kalau masuk perairan Indonesia kita ditangkap. *[Disampuk]* Ini soal penting ini kepada rakyat Bintulu. Yang Berhormat Bintulu, Yang Berhormat Bintulu tidak tahu ini. Tadi itu arahan Tuan Yang di-Pertua itu ditunda kepada soalan nombor 6 nanti. Ini soal penting sebab kita mahu juga beroperasi di Lautan Pasifik di mana terdapat penangkapan ikan itu lebih luas. Kita tidak mahu terikat di lautan... *[Disampuk]* Mahu minta mencelahkah? Lautan India sahaja, kita mahu juga di kawasan luas Tuan Yang di-Pertua. Minta penjelasan daripada sahabat saya Yang Berhormat Mas Gading.

**Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading]:** Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Walaupun soalan asalnya begitu spesifik saya akan juga memberi jawapanlah ke atas soalan tambahan. Jabatan Perikanan Malaysia tidak membenarkan pemegang lesen untuk menyewa ataupun mengalibabakan bot-bot mereka kepada nelayan-nelayan asing. Akan tetapi yang dibenarkan adalah untuk merekrut awak-awak untuk bot-bot ini kerana kita kekurangan awak-awak di negara kita ini.

Ini dipantau oleh Jabatan Perikanan kerana mereka perlu mendaftar bilangan awak-awak yang bekerja dengan mereka, gambar-gambar mereka dan *particular-particular* yang lain. Kita juga memantau daripada segi pendaratan ataupun jumlah penangkapan ikan yang di darat di negara kita. Ini kerana bot-bot ini terutama sekali yang mempunyai lesen C2 ini mereka ada kuota minimum setahun.

Misalnya yang menggunakan pukut tunda tidak kurang daripada 250 metrik tan dan yang memakai pukut jerung pula tidak kurang daripada 350 metrik tan satu tahun. Jadi daripada segi itu jabatan akan memantau sama ada mereka ini betul-betul menangkap ikan untuk negara kita. Mengenai bot-bot yang diberi lesen untuk menangkap ikan daratan yang pula menangkap di tepi pantai. Kita juga ada menerima aduanlah daripada nelayan-nelayan tempatan yang ini adalah soal penguatkuasaan dan kementerian sedang mengambil usaha untuk mempergiatkan lagi.

Terutama sekali pada penghujung minggu dan pada waktu cuti awam kita juga memerlukan APMM penguat kuasa kita untuk memantau bot-bot yang besar ini supaya mereka tidak akan menangkap ikan di tepi pantai seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Putatan tadi.

Yang Berhormat tadi juga telah menyentuh mengenai *Nauru Agreement*. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua kejadian ini adalah satu *sub regional agreement* di antara negara-negara di Lautan Pasifik yang menyenaraikan syarat-syarat untuk menangkap ikan tuna di Lautan Pasifik. Setakat ini negara kita belum lagi menjadi ahli kerana kita sedang mengkaji keperluan untuk menjadi ahli melalui *Nauru Agreement* ini.

Ini sebab buat masa ini Malaysia adalah *signatory* atau ahli kepada *Indian Ocean Tuna Commission* dengan izin. Di mana negara kita diberi kuota 153 kuota untuk menangkap ikan tuna tetapi setakat ini kita cuma ada enam permintaan sahaja di negara kita untuk menangkap ikan tuna. Jadi yang *sub regional agreement* ini kita akan mengkaji dan kalau perlu nanti kita bolehlah jadi *signatory* kepada *agreement* itu. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Beruas.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah sama ada keputusan kerajaan untuk melarang semua pukot tunda daripada beroperasi pada tahun depan di dalam lingkungan 8 nautika *Mile*. Itu keputusan muktamad dan tidak akan diubah sungguhpun sudah berkali-kali dinyatakan penguatkuasaan itu masalahnya. Soalan tambahan kepada itu ialah, adakah kerajaan juga memberi lesen kepada pukot jerut yang beroperasi di pantai tetapi hakikatnya cara ini juga menangkap semua ikan, kehidupan laut di tepi pantai. Ia juga memberi kesan seperti pukot tunda kalau ia beroperasi di pantai.

■1110

**Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading]:** Terima kasih atas soalan. Seperti yang dinyatakan tadi bot-bot ini yang ada lesen untuk menangkap ikan di lautan dalam memang tidak boleh menangkap ikan di tepi pantai. Untuk pukot tunda juga kita telah menguatkuasakan supaya pukot tunda tidak kurang daripada 38 mm. Jadi, kalau ada bot-bot yang menangkap ikan di tepi pantai, kita minta nelayan-nelayan kita memberitahu kepada penguatkuasaan kita supaya tindakan dapat diambil dan pada masa ini Jabatan Perikanan sedang mengkaji akan diberi sedikit masa lagi. Pukot jerut juga pantai kita sedang membuat kajian dan kita akan memberi maklumat pada masa akan datang, terima kasih.

6. **Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan kenapa harga getah dan kelapa sawit menurun dalam nilai ringgit juga sungguhpun komoditi-komoditi tersebut dijual dalam Dolar Amerika (USD) yang telah meningkat nilai secara mendadak berbanding dengan Ringgit Malaysia (RM). Nyatakan tindakan-tindakan yang akan diambil untuk memulihkan harga komoditi-komoditi ini.

**Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Datuk Amar Douglas Uggah Embas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, komoditi getah dan sawit diperdagangkan dalam pasaran antarabangsa dalam Dolar Amerika Syarikat. Kejatuhan harga kedua-dua komoditi ini dalam tempoh beberapa bulan yang lalu berpunca

daripada beberapa faktor termasuk pertumbuhan ekonomi yang perlahan di negara-negara pengimport utama seperti China, Kesatuan Eropah dan Amerika Syarikat. Ini adalah memberi kesan kepada permintaan dan harga.

Nombor dua peningkatan stok ekoran pengeluaran melebihi permintaan. Ini nyata kalau kita melihat dari segi stok purata minyak sawit dalam negara telah pun meningkat dari RM1.9 juta pada tahun 2013 kepada RM2.2 juta pada tahun 2014. Bulan September 2015 stok minyak sawit kita meningkat kepada 2.63 juta tan. Pada masa yang sama pengeluaran minyak kacang soya yang merupakan persaingan utama telah meningkat ke 36.2 juta tan pada tempoh Januari-September 2015 berbanding dengan 33.5 juta tan bagi tempoh yang sama dalam tahun 2014.

Dalam kes getah pula, stok purata getah asli meningkat daripada 2.35 juta tan pada 2012 kepada 31.2 juta tan pada 2014. Tetapi kita nampak stok dia jatuh daripada Januari 2015 stok telah menurun kepada 2.6 juta tan. Kita berharap stok ini akan terus menurun. Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, susutan nilai ringgit berbanding Dolar Amerika Syarikat tidak memberi kesan ke arah penstabilan harga kedua-dua komoditi tersebut. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengambil langkah kerana kerajaan prihatin kepada kebajikan pekebun-pekebun mengambil beberapa langkah ke peringkat domestik dan antarabangsa untuk menstabilkan harga getah dan sawit. Bagi sektor sawit langkah-langkah yang diambil adalah seperti;

- (i) Kita meningkatkan penggunaan bio-diesel dari B5 kepada B7 mulai November 2014;
- (ii) Kita telah pun menyediakan dana RM100 juta kepada Skim Insentif Tanaman Semula 2015.

Bagi sektor getah pula tumpuan diberi kepada bagi meningkatkan getah asli dalam negara melalui penggunaan adunan getah dengan bitumen dan pembinaan jalan raya yang kita harap dapat dimulakan pada tahun akan datang.

Di peringkat antarabangsa pula Malaysia juga bekerjasama dengan lain-lain negara pengeluar getah asli di bawah rangka *International Tripartite Rubber Council*, Malaysia telah bekerjasama dengan Thailand, Indonesia bagi mencari pendekatan untuk menstabilkan harga getah asli. Dalam jangka masa panjang ini termasuk *supply management scheme* dengan izin dan *Agreed Export Tonnage Scheme* di kalangan negara-negara ITRC.

Tuan Yang di-Pertua, bagi sektor sawit Malaysia bersama-sama dengan Indonesia akan menjadi negara pengasas dalam penubuhan *Council of Palm Oil Producing Countries*, dengan izin. Badan ini kita berharap di mana negara-negara pengeluar dapat kerjasama dalam perancangan, promosi dan pelaksanaan pelbagai aktiviti berkaitan dengan pembangunan industri sawit termasuk kita menentukan bahawa harganya adalah harga yang munasabah, terima kasih.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah selain daripada permintaan pasaran yang menentukan harga kelapa sawit, didapati ramai pekilang kelapa sawit termasuk FELDA sendiri yang sekarang ini memotong RM100 daripada harga pasaran kerana dikatakan terpaksa menampung *storage cost* kerana dikatakan bekalan berlebihan dan adakah ini dibenarkan dan kedua apakah tindakan kerajaan untuk

mengatasi tindakan Kerajaan Indonesia untuk cuba menarik pembinaan *refinery* dengan izin di Indonesia dan telah pun menghapuskan cukai kalau tidak silap USD60 supaya harga minyak kelapa sawit di sana lebih murah *as an incentive for people to build refinery di Indonesia*. Jadi ini menyebabkan satu tindakan yang menyebabkan harga minyak kelapa sawit cuba menurun. Apakah tindakan kerajaan daripada perbincangan Kerajaan Indonesia supaya kita dapat satu kata sepakat untuk menentukan harga kelapa sawit tidak akan terus menurun.

**Datuk Amar Douglas Uggah Embas:** Terima kasih Yang Berhormat Beruas. Perkara pertama yang disentuh oleh Yang Berhormat tadi kita akan mengkaji apa yang dikemukakan. Tetapi secara prinsip umumnya, kerajaan memang sentiasa prihatin mengenai keadaan harga di peringkat ladang ataupun di peringkat kilang kerana khususnya apabila harga sawit rendah, kita akan menentukan tidak ada mana-mana pihak yang akan mengurangkan lagi harga dari apa yang patut. Jadi saya telah pun mengarahkan MPOB untuk membuat satu penyelidikan dan untuk menjalankan penguatkuasaan supaya apa-apa tindakan yang tidak adil itu kita akan tentukan ianya harus dihentikan supaya khasnya pekebun kecil kita dapat harga yang berpatutan walaupun harga rendah sekarang.

Kedua, mengenai tindakan Indonesia. Inilah tujuan mengapa kedua-dua negara yang mengeluarkan 85% minyak sawit dunia telah pun membuat keputusan seperti diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Presiden Indonesia baru-baru ini kita menubuhkan *Council of Oil Palm Producing Countries*.

Jadi, matlamat utamanya untuk kita bekerjasama membuat kolaborasi yang lebih erat untuk menentukan bahawa sebagai pengeluar yang terbesar di dunia kita mempunyai pengaruh dan peranan untuk menentukan arah tuju pembangunan kelapa sawit kita dan dengan itu kita harap kita dapat mengelakkan persaingan yang tidak sihat seperti telah berlaku di beberapa pasaran sama ada di pasaran antarabangsa atau pasaran domestik. Inilah satu tindakan, satu pencapaian yang dicapai oleh ketua pemimpin kita yang cukup bersejarah bagi industri sawit dunia kita. Terima kasih.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Masalah harga getah ini ialah masalah rakyat sudah dua tahun lebih rakyat kita menghadapi masalah harga getah yang begitu rendah.

■1120

Saya hendak tanya pertamanya, apakah perakuan-perakuan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Kabinet yang Yang Berhormat umumkan penubuhannya bagi mengkaji tentang kemerosotan harga getah? Apakah ada perbincangan di peringkat Menteri di antara negeri-negeri pengeluar, Malaysia, Indonesia, Thailand dan mungkin Vietnam?

**Datuk Amar Douglas Uggah Embas:** Pertama, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat cukup prihatin kepada kebajikan pekebun-pekebun kecil kerana mungkin ramai pekebun-pekebun kecil adalah di kawasan Yang Berhormat. Di kawasan saya juga ramai pekebun-pekebun kecil. Jadi, kita sama-sama prihatin dan kita juga sama-sama merasa betapa pahitnya kerana harga getah turun.

Jawatankuasa yang disebutkan Yang Berhormat adalah mungkin beliau merujuk kepada satu Jawatankuasa Kabinet yang akan membincangkan fasal kos sara hidup yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri KKLW. Jawatankuasa ini telah pun berbincang dan membuat beberapa cadangan untuk mengatasi masalah pekebun-pekebun kecil kita akibat daripada penurunan harga getah.

Beberapa keputusan telah pun dibuat di antara adalah yang pertama, kita telah pun membayar *one-off* RM500 kepada pekebun-pekebun kecil baru-baru ini di seluruh negara. Kedua, kita telah pun mendapat keputusan Kabinet untuk melaksanakan satu *social safety nett* iaitu di mana kita memberi insentif pengeluaran harga. Jadi, ini telah pun diumumkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri oleh beliau juga yang cukup prihatin kepada masalah-masalah pekebun-pekebun kecil kita di seluruh negara. Maka, beliau telah pun meningkatkan paras harga pengaktifan bagi program ini adalah ditingkatkan dari RM4.60 kepada RM5.50 bagi SMR 20 dan bagi *cup lump* dari RM1.75 kepada RM2.20.

Jadi, dengan taraf pengaktifan harga yang baru ini, kita percaya kita dapat mengaturkan satu program untuk satu bukti bagaimana Barisan Nasional membela nasib pekebun-pekebun kecil kita di seluruh negara. Terima kasih.

**7. Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah garis panduan bagi East Valley Expressway (EKVE) bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas dan adakah laporan penilaian alam sekitar (EIA) yang disediakan sebelum ini termasuk tinjauan penduduk di kawasan itu.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]:**  
*Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat untuk soalan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Laporan Kajian Penilaian Kesan Trafik (TIA) untuk projek Lebuhraya Lembah Klang Timur atau EKVE telah dilaksanakan oleh pihak juru perunding yang dilantik oleh syarikat konsesi dan disemak serta disahkan oleh jurutera perunding bebas. Kajian tersebut telah diserahkan kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) pada bulan Februari 2013 yang lalu. Menerusi kajian tersebut, masalah kesesakan trafik di Jalan Lingkaran Luar Dua atau MRR2 dijangka akan dapat dikurangkan sehingga 20% apabila projek EKVE ini disiapkan kelak.

Tuan Yang di-Pertua, manakala laporan terperinci Penilaian Alam Sekitar atau DEIA untuk projek EKVE yang merentasi sebahagian kawasan hutan simpan di Gombak dan Ampang dan kawasan tadahan air di Ampang telah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar pada 25 April 2013. Laporan tersebut antara lain telah mengambil kira kesan terhadap flora dan fauna, hakisan, kualiti air, udara, bunyi, getaran, hidrologi, geologi dan sosioekonomi semasa tempoh pembinaan dan operasi lebuhraya berkenaan. Sehubungan itu, syarikat konsesi perlu mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam DEIA itu semasa melaksanakan kerja-kerja pembinaan projek ini.

Di samping itu, tinjauan umum atau *public opinion survey*, dengan izin, untuk projek ini telah dibuat juru perunding lain melalui kajian yang berasingan. Berdasarkan hasil tinjauan tersebut, mendapati 86% responden yang ditemui bersetuju dengan cadangan pelaksanaan projek ini termasuk aspek pemilihan jajaran EKVE ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini sentiasa bekerjasama dengan pihak-pihak berkuasa yang terlibat bagi meminimumkan kesan projek ini terhadap alam sekitar, terutama di kawasan-kawasan yang sensitif. Ia dibuat menerusi sesi perbincangan dan pemantauan yang diadakan secara berkala daripada semasa ke semasa. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tanjong Piai.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri ada bagi jawapan mengatakan pelbagai langkah diambil. Akan tetapi masih ramai ataupun banyak bantahan, suara bantahan mengatakan pembinaan EKVE ini adalah pembersihan hutan di sepanjang laluan lebuhraya akan menjejaskan ekosistem itu. Jadi, saya ingin tahu apakah langkah-langkah yang lebih proaktif diambil oleh kementerian dalam memastikan isu menjejaskan ekosistem hutan ini dapat dielakkan. Sekian, terima kasih.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Piai di atas soalan dan keprihatinan Yang Berhormat terhadap isu ini. Tuan Yang di-Pertua, apabila sesuatu projek lebuhraya dirancang Yang Berhormat, secara lazimnya hanya Laporan Penilaian Alam Sekitar atau EIA iaitu *Environmental Impact Assessment* sahaja yang diperlukan ataupun sudah memadai Yang Berhormat. Akan tetapi di dalam projek EKVE ini, bagi pembinaan lebuhraya ini, pihak ibu pejabat di Jabatan Alam Sekitar telah mengarahkan agar *detail environmental impact assessment* iaitu satu laporan terperinci mengenai impak alam sekitar telah diarahkan untuk dibuat dan dilaksanakan bagi memastikan pelaksanaan projek ini tidak memberikan kesan kepada alam sekitar Yang Berhormat, semasa dan selepas kerja-kerja pembinaan dilaksanakan Tuan Yang di-Pertua.

Selain daripada *detail environmental impact assessment* ini, syarikat konsesi juga diwajibkan bagi mengemukakan *environmental management plan* mereka iaitu EMP untuk kelulusan Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor sebelum kerja-kerja pembinaan dimulakan. Di samping itu, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, satu jawatankuasa pemantauan peringkat negeri yang dianggotai oleh pelbagai agensi. Sama ada di peringkat negeri mahupun Persekutuan telah ditubuhkan bagi memantau pelaksanaan projek EKVE ini menyedari bahawa sensitiviti sangat tinggi.

Jadi, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat juga, antara agensi yang terlibat dalam jawatankuasa ini adalah pihak LLM, pihak JAS, pihak Urus Air Selangor (UAS) dan juga PBT-PBT yang terlibat, Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, di bawah DEIA itu iaitu *detail environmental impact assessment* ini, pihak Jabatan Alam Sekitar telah meletakkan sebanyak 64 syarat yang perlu dipatuhi oleh syarikat konsesi semasa pelaksanaan pembinaan lebuhraya ini. Antara syarat-syaratnya Yang Berhormat, termasuklah pihak syarikat dimestikan untuk mendapat kelulusan daripada Jabatan Pengairan dan Saliran untuk pelan mitigasi iaitu



*erosion sediment control plan* (ESCP) dan juga semasa pembinaan Yang Berhormat dan juga *pollutant removal system* atau PRS semasa operasi di laksanakan.

Semua ini dimestikan Yang Berhormat, disebabkan kawasan jajaran EKVE ini melibatkan kawasan-kawasan sensitif, termasuklah kawasan hutan simpan dan juga tadahan air, Yang Berhormat.

■1130

Selain daripada itu Yang Berhormat, pihak LLM iaitu Lembaga Lebuhraya Malaysia yang mempunyai kepakaran terutama sekali untuk memantau pelaksanaan projek-projek yang melibatkan kawasan-kawasan sensitif juga sentiasa memberikan pemantauan. Mereka ini merupakan Lembaga yang berpengalaman dan mempunyai kepakaran dalam aspek ini.

Selain daripada itu juga, pihak LLM dan untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, projek EKVE ini sebenarnya merupakan sebahagian daripada HMDP iaitu *Highway Network Development Plan* yang dibangunkan oleh Kementerian Kerja Raya dan ia juga merupakan sebahagian daripada perancangan Lebuhraya Lingkaran Luar Kuala Lumpur. Sudah tentu ini merupakan satu projek yang bukan sahaja mampu untuk menyuraikan trafik tetapi pada masa yang sama boleh membangunkan koridor kawasan-kawasan yang terlibat terutama sekali dari aspek ekonomi.

Selain daripada itu Yang Berhormat, bagi menjawab kepada persoalan yang ditimbulkan mengenai aspek *environment* ini, sebenarnya *engagement* berterusan juga dilaksanakan di antara pihak kementerian, pihak LLM dan kerajaan negeri bagi memastikan apa-apa sahaja isu sensitif termasuklah isu yang melibatkan *environment* ataupun alam sekitar ini tidak terjejas dan dipastikan untuk memastikan projek ini berjalan mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan berakhir.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]**

**USUL**

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN  
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**11.32 pg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 11.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi pada hari Rabu, 4 November 2015.”

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

### 11.33 pg.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, melalui kenyataan media, saya selaku Yang di-Pertua Dewan Rakyat mengambil maklum bahawa terdapat cadangan untuk suatu siaran langsung debat diadakan mengenai 1Malaysia Development Berhad (1MDB) antara Presiden dan Pengarah Kumpulan Eksekutif 1MDB, Arul Kanda Kandasamy yang merupakan saksi kepada prosiding PAC tersebut dengan Ahli PAC, Tuan Tony Pua Kiam Wee iaitu Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang semua sedia maklum, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara adalah sebuah jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Peraturan Mesyuarat 77 bagi menjalankan fungsi yang diperuntukkan kepadanya di bawah Peraturan Mesyuarat tersebut. Antaranya, memeriksa kira-kira Kerajaan Malaysia, memeriksa apa-apa kira-kira badan pentadbiran yang menguruskan wang negeri dan memeriksa penyata yang dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara.

Apa-apa tindakan yang melibatkan prosiding atau siasatan di bawah *Public Accounts Committee* (PAC) adalah tertakluk kepada Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat yang telah ditetapkan termasuklah Peraturan Mesyuarat 85 mengenai penyiaran keterangan sebelum masanya.

Merujuk kepada debat yang hendak diadakan secara langsung antara Arul Kanda Kandasamy dengan Yang Berhormat Petaling Jaya Utara selaku Ahli Jawatankuasa PAC, debat tersebut dengan jelas akan melibatkan perkara yang dibincangkan dan dikemukakan di dalam Mesyuarat PAC, dan apa-apa perkara atau keterangan di hadapan sesebuah Jawatankuasa hendaklah tertakluk kepada Peraturan Mesyuarat 85 seperti yang berikut... *[Membaca petikan]*

*“85. Keterangan yang diambil di hadapan sesebuah Jawatankuasa Pilihan dan apa-apa surat yang dikeluarkan kepadanya tidak boleh disiarkan oleh siapa-siapa ahli Jawatankuasa itu, atau oleh siapa-siapa jua, sebelum Jawatankuasa itu membuat penyata itu kepada Majlis.”*

Peruntukan tersebut jelas tidak membenarkan apa-apa keterangan disiarkan oleh mana-mana Ahli Jawatankuasa sebelum suatu penyata ataupun laporan dibentangkan di hadapan Majlis.

Apa-apa pendedahan, keterangan atau perkara yang dikemukakan di hadapan sesebuah Jawatankuasa juga adalah tertakluk kepada syarat yang diperuntukkan di bawah seksyen 23 Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952 seperti yang berikut... *[Membaca petikan]*

“23. *Tiada ahli atau pegawai Majlis dan tiada jurutrengkas yang digunakan khidmat untuk mencatat minit keterangan di hadapan Majlis atau mana-mana Jawatankuasa, boleh memberi keterangan di tempat lain berkenaan dengan kandungan keterangan itu atau kandungan apa-apa manuskrip atau dokumen yang dibentangkan di hadapan Majlis atau mana-mana Jawatankuasa atau berkenaan dengan apa-apa prosiding atau pemeriksaan yang dijalankan di hadapan Majlis atau mana-mana Jawatankuasa tanpa mendapatkan izin khas Majlis terlebih dahulu. Selepas pembubaran atau semasa istirahat atau penangguhan, izin khas itu boleh diberikan oleh Yang di-Pertua, atau semasa ketiadaannya atau lain-lain ketidakupayaannya oleh Setiausaha.”*

Saya juga merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 23(1)(e) berhubung dengan suatu pertanyaan itu tidak boleh menyebutkan perjalanan Jawatankuasa yang belum dimaklumkan kepada Majlis. Oleh yang demikian, suatu debat yang akan melibatkan pertanyaan dan jawapan daripada kedua-dua pihak dalam hal ini jelas bertentangan dengan Peraturan Mesyuarat 23(1)(e) tersebut.

Ahli-ahli Yang Berhormat, memandangkan perkara yang hendak diperdebatkan antara Arul Kanda Kandasamy dengan Yang Berhormat Petaling Jaya Utara adalah suatu perkara yang masih dalam siasatan dan prosiding PAC, apa-apa keterangan yang dikeluarkan oleh kedua-dua pihak dalam debat tersebut boleh dianggap sebagai suatu ruang untuk membincangkan perkara yang *premature* ataupun belum matang memandangkan penyata Jawatankuasa masih belum dikemukakan kepada Majlis.

Kenyataan yang akan dikeluarkan dalam debat tersebut juga berkecenderungan menimbulkan tuduhan terhadap sifat diri seseorang yang jelas tidak dibenarkan di bawah Peraturan Mesyuarat 23(1)(o). Siaran langsung debat tersebut juga boleh mengakibatkan perjalanan siasatan PAC atau *Public Account Committee* terjejas dan menimbulkan prejudis oleh orang awam terhadap kredibiliti pihak-pihak yang terlibat dalam siasatan 1MDB.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tidak akan menghalang sekiranya debat secara langsung tersebut hendak diteruskan oleh kedua-dua pihak. Walau bagaimanapun, perkara ini saya benarkan dengan syarat bahawa:

- (i) Yang Berhormat Petaling Jaya Utara hendaklah meletakkan jawatannya sebagai Ahli PAC atau kalau tidak pun meletakkan jawatan, beliau tidak melibatkan dirinya dalam mana-mana bahagian siasatan dan prosiding PAC iaitu melibatkan siasatan 1MDB; dan
- (ii) Arul Kanda Kandasamy yang merupakan saksi kepada siasatan yang dijalankan oleh PAC tidak lagi boleh terlibat dalam mana-mana bahagian siasatan dan prosiding PAC.

Ini bagi maksud mengekalkan ketelusan dalam siasatan dan prosiding yang dijalankan oleh PAC selaras dengan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat sebelum penyata PAC tersebut dibentangkan kepada Majlis.

Sekian, terima kasih. Sila Setiausaha.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Tuan Yang di-Pertua, ya..

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bukan hendak mempersoalkan arahan ataupun petua daripada Tuan Yang di-Pertua. Cuma saya hendak mendapatkan penjelasan kerana amat jelas sekali dalam beberapa hari ini ada pendirian yang berbeza-beza daripada pihak kerajaan.

#### ■1140

Ada yang minta Yang Berhormat Petaling Jaya Utara letakkan jawatan. Selepas itu kata tidak ada masalah. Semalam saya lihat kenyataan dari Pengerusi PAC kata, "*Tidak ada masalah. Go ahead. Dia hendak debat, dia punya hal.*" Selepas itu pagi tadi saya baru nampak Yang Berhormat Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Datuk Seri Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak telah mengatakan bahawa RTM tidak ada masalah. *Even* kata Jumaat jam 9 malam hingga 10 malam dibenarkan perdebatan, perbahasan di antara Yang Berhormat Petaling Jaya Utara dengan Arul Kanda.

Akan tetapi sekarang ini saya hendak tanya sama ada pihak eksekutif ada berbincang dengan Tuan Yang di-Pertua sebelum ini, sebelum mereka membuat pendirian seperti ini. Seperti saya tidak mahu nanti jawatan Tuan Yang di-Pertua diheret, diheret dalam perkara ini. Ini kerana nampak bahawa seolah-olah nanti apabila mereka bersandiwara kata hendak debat tetapi akhirnya Tuan Yang di-Pertua membuat satu arahan, membuat satu fatwa kata tidak boleh berbahas, kalau berbahas ada syarat. Saya takut nanti ini Tuan Yang di-Pertua diheret menjadi seolah-olah satu perisai kepada pihak eksekutif.

Jadi saya hendak mohon penjelasan sama ada pihak eksekutif, pihak kerajaan ada berbincang meminta pandangan daripada Tuan Yang di-Pertua sebelum mereka membuat ini? Ini kerana bagi saya ini seolah-olah satu strategi oleh pihak kerajaan kata, "*Oh, saya tidak ada apa-apa disembunyikan, hendak bahas*". Akan tetapi akhirnya mereka tahu mungkin ini Tuan Yang di-Pertua akan membuat satu *ruling*. Jadi saya pohon dapat satu penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Seremban. Pertamanya saya mengharapkan sangat supaya hujah Yang Berhormat Seremban itu tidak mempunyai tujuan yang sinis di mana saya berunding dengan...

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti dulu, nanti dulu.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Saya ikhlas Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey. Saya berunding dengan pihak eksekutif. Ahli-ahli Yang Berhormat, masing-masing kita sebagai Ahli Dewan Rakyat ataupun Ahli Parlimen termasuk saya sebagai Tuan Yang di-Pertua mempunyai tanggungjawab. Tanggungjawab Ahli-ahli Yang Berhormat ialah mendebat isu-isu Yang Berhormat fikir penting demi untuk rakyat [*Disampuk*] Itu pun termasuk sama ada dibenarkan oleh peraturan mesyuarat atau tidak. Tugas-tugas eksekutif ialah mentadbir negara dengan sebaik mungkin dan mereka juga bertanggungjawab kepada Parlimen ini. Tugas saya sebagai Tuan Yang di-Pertua ialah cuma memerhati, menghindarkan peraturan mesyuarat itu dituruti atau diikuti oleh kerajaan dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Dalam soal ini, saya terpaksa menjalankan tugas sebagai Tuan Yang di-Pertua iaitu saya tidak boleh membenarkan perbahasan atas isu 1MDB di antara Yang Berhormat Petaling Jaya Utara dengan Encik Arul Kanda Kandasamy. Ini kerana Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang ini Jawatankuasa PAC pun sedang menyiasat. Jadi penyiasatan itu harus diteruskan mengikut peraturan-peraturan mesyuarat. Saya nampak ada lebih penting *Public Accounts Committee* ini menyiasat bukan dibuat secara berbahas. Berbahas itu tidak mempunyai kesimpulan. Kesimpulan yang sebenar sama ada apa yang dituduh itu benar atau tidak, perlu disiasat oleh PAC yang boleh memanggil saksi-saksi yang tertentu.

Kalau saya benarkan, debat umum itu dibenarkan seolah-olah debat itu adalah lebih penting daripada *Public Accounts Committee*. Kalau saya benarkan debat itu dibenarkan maka jangan ada lagi *Public Accounts Committee* ataupun jawatankuasa-jawatankuasa lain di lain masa, biarlah berdebat sahaja secara terbuka. Jadi tidak adalah gunanya kita mengadakan jawatankuasa-jawatankuasa. Sekarang ini pun kita berdua untuk menambahkan lagi bilangan jawatankuasa-jawatankuasa itu.

Jadi kalau umpamanya kerajaan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi itu mempunyai agenda, itu agenda kerajaan. Bagi saya kalau kerajaan juga mahu teruskan perdebatan itu, saya tidak akan melibatkan diri saya dalam hal ini dan saya dengan segala sukacitanya akan mengundur diri sebagai Tuan Yang di-Pertua kalau itu juga diteruskan. Jadi saya tidak mahu lagi Ahli-ahli Yang Berhormat berdiri dengan soal ini. Pendirian saya adalah jelas.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat sudah, tidak ada lagi.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya, Tuan Yang di-Pertua. Saya, Tuan Yang di-Pertua minta maaf. Saya hendak minta satu sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat. Sudah.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Sikit, sikit.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Siapa yang satu ini? Yang Berhormat Segambut, yang lain duduk.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ya, ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang lain duduk.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Dengan segala hormatnya saya minta Tuan Yang di-Pertua menangguhkan keputusan tadi sehingga Ahli Yang Berhormat Petaling Jaya Utara berada di sini supaya dia boleh *defend* sendiri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak Yang Berhormat. Ini bukan soal bela membela...

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ini tidak adil. Beliau tidak ada di sini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya perlukan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat satu, satu. Duduk Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya belum meyakinkan diri saya dan juga rakyat di luar tentang *precedent* yang telah diambil di sini [*Dewan riuh*] Saya menghormati sama sekali keputusan Tuan Yang di-Pertua tetapi saya perlukan penjelasan yang perlu dijelaskan.

Tadi dikatakan bahawa disebabkan oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, disebabkan dia berada di PAC maka debat ini tidak boleh diteruskan. Keduanya, Tuan Yang di-Pertua juga telah menjelaskan kepentingan PAC berbanding dengan perbahasan umum, debat umum. Saya balik kepada isu penjelasan pertama tadi, disebabkan Yang Berhormat Petaling Jaya Utara wujud dalam PAC maka tidak keseimbangan beliau juga berada dalam perbahasan. Adakah ini bermaksud jikalau ada Ahli Parlimen yang bukan berada dalam PAC dan ingin meneruskan perdebatan ini, adakah ia akan diluluskan daripada pihak Tuan Yang di-Pertua? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kalau perkara *hypothetical* saya tidak akan jawab kerana itu tidak dibenarkan oleh peraturan mesyuarat.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pulai, duduk dulu Yang Berhormat Pulai. Ahli Yang Berhormat, cuba kita fikir di sebalik apa yang kita fikirkan sekarang. Apa masalah kalau *Public Accounts Committee* itu duduk menjalankan penyiasatan dan saya difahamkan bahawa laporan kepada Majlis akan juga dibuat dalam sesi Parlimen ini. Selepas itu barulah perbahasan di antara siapa-siapa sahaja, berbulan-bulan berbahas secara *live* pun boleh.

Kenapa? Tidakkah boleh rakyat Malaysia menunggu sehingga penyiasatan dibuat? Pada ketika itu Yang Berhormat Petaling Jaya Utara juga duduk dalam PAC dan Encik Arul Kanda Kandasamy juga akan dipanggil. Kenapa harus terburu-buru? Adakah perbahasan itu nanti mendapat satu kesimpulan tuntas? Jawapan ia adalah tidak. Tunggu sampai PAC membuat laporan kepada Majlis, Majlis ini iaitu wakil-wakil rakyat sendiri daripada kerajaan dan daripada pembangkang boleh bahas sebaik mungkin. Selepas itu sesiapa yang mahu berbahas di luar sana secara terbuka atau dengan cara-cara tertentu atau tiada, itu terpulang. Kenapa itu tidak boleh ditunggu? Kenapa harus berbahas di luar? Sila.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: [Bangun]**

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merujuk kepada *Standing Order* yang telah dirujuk oleh Tuan Yang di-Pertua tadi Peraturan Mesyuarat 85 dan Peraturan Mesyuarat 23. Sehubungan dengan itu, Tuan Yang di-Pertua telah membuat satu *ruling* bahawa Yang Berhormat Petaling Jaya Utara tidak dibenarkan untuk mengadakan debat terbuka dengan Encik Arul Kanda. Saya hendak tahu penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua, adakah Tuan Yang di-Pertua sebagai Speaker boleh membuat satu *ruling* atau perintah *gag order* kepada mana-mana orang yang telah disenaraikan untuk menjadi saksi dan dihadapkan ke PAC?

Sebagai contohnya, Encik Arul Kanda. Salah seorang yang pasti akan dipanggil sebagai saksi dan untuk memanggil beliau PAC perlu memberi notis selama 14 hari. Dalam masa 14 hari ini apa-apa pun boleh berlaku. Mungkin ada pihak lain selain daripada Bernama ataupun agensi berita yang lain akan memanggil beliau untuk memberikan satu temu bual dan sebagainya. Adakah Tuan Yang di-Pertua sebagai Speaker dalam keadaan *in position* boleh memberikan satu *gag order* kepada orang yang sudah pasti dipanggil menjadi saksi di luar PAC ini? Saya mohon penjelasan, terima kasih.

■1150

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya tidak ada kuasa untuk memberi *gag order* kepada siapa-siapa. Sedangkan dalam majlis ini pun saya terang-terang mempunyai kuasa apabila saya gunakan kuasa itu saya juga tidak didengar oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Tetapi jelas dalam soal ini yang berbahas adalah saksi utama yang juga akan dipanggil. Dalam juga soal ini perlu diingat bahawa setiap ahli sesebuah jawatankuasa itu tugas utama ialah sebagai penyiasat bukan pendakwa.

Jawatankuasa ahli-ahli adalah daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat *by partition*. Menyiasat atau apa-apa tugas yang ditentukan oleh majlis. Tiada lain daripada itu, kalau Yang Berhormat Petaling Jaya Utara juga, saya benarkan juga untuk berbahas, bermakna dia juga menjadi sebagai pendakwa bukan lagi penyiasat. Jadi ini akan menghilangkan kredibiliti *Public Accounts Committee*.

*Public Accounts Committee* adalah satu-satunya jawatankuasa yang berkuasa untuk memanggil saksi. Jawatankuasa-jawatankuasa lain tidak ada. Itu penting, jadi biarlah *Public Accounts Committee* itu menjalankan tugas seperti yang kita semua mahu mereka menjalankan tugas.

Sebelum ini Ahli-ahli Berhormat telah mempersoalkan, apabila saya membuat keputusan supaya *Public Accounts Committee* itu tidak boleh bermesyuarat kerana tidak ada pengerusi. Itu dipersoalkan kerana mahu konon penyiasatan dibuat dengan segera. Jadi sekarang ini semua ahli telah pun dilantik, mesyuarat telah diadakan, kelmarin kalau tidak silap saya mesyuarat pertama dan saya difahamkan bahawa mesyuarat akan dipanggil dengan segera.

Jadi saya juga difahamkan bahawa penyata PAC akan dibuat dalam sesi ini. Bermakna sesi ini berakhir pada awal Disember. Jadi kenapa perbahasan yang saya sebut itu perlu

disegerakan sedangkan PAC dalam penyiasatan. Saya benarkan lagi satu suara daripada Yang Berhormat Kulai. Selepas itu yang lain tolong duduk. Kita ada perkara penting lagi untuk dibahas.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Tadi Tuan Yang di-Pertua, belum jawab soalan saya, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara tidak ada di sini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya telah buat keputusan. Silakan Yang Berhormat Kulai

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ada satu perkara yang minta penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa salah satu keputusan yang di buat oleh Tuan Yang di-Pertua tadi adalah sekiranya CEO 1MDB Arul Kanda mengambil bahagian dalam debat ini. Jadi dia tidak boleh jadi saksi di dalam prosiding PAC. Tetapi saya tidak faham kerana 1MDB ini bukan sahaja disiasat oleh PAC, ia juga disiasat oleh MACC-SPRM, ia juga disiasat oleh Bank Negara dan juga disiasat oleh PDRM. Tetapi kesemua pihak ini tidak pernah memberi *gag order* terhadap Arul Kanda.

Jadi saya tidak faham sini kerana kenapa seorang saksi yang terlibat dalam satu kes iaitu 1MDB yang tengah disiasat oleh pelbagai pihak, tetapi pihak yang lain tidak masalah untuk beliau ambil bahagian dalam debat dengan Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Tetapi PAC ini lebih khas sikit kerana yang hendak ambil bahagian yang menjadi saksi dalam PAC prosiding ini langsung tidak boleh terlibat dalam debat yang terbuka. Jadi ini saya minta sedikit penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bezanya Yang Berhormat adalah senang sahaja, kerana institusi bank dan Parlimen berbeza. Perlembagaan di bawah Artikel 62(2) mengatakan bahawa Peraturan Mesyuarat ini dibuat di bawah Perlembagaan. Peraturan mesyuarat kita dibuat oleh Perlembagaan ini juga perlu diikuti prosidingnya oleh *Public Accounts Committee* atau mana-mana jawatankuasa kerana jawatankuasa itu diwujudkan oleh Majlis.

Jadi itu sebab kenapa ada kaitan Tuan Yang di-Pertua mempunyai kuasa. Jadi janganlah bandingkan institusi Parlimen yang tinggi dengan mana-mana institusi. Yang perlu saya mahu tahu, kenapa perbahasan itu juga perlu dibuat besok atau lusa? Kenapa tidak boleh tunggu sehingga penyiasatan PAC ini dibuat.

Orang-orang yang terlibat dalam perbahasan umum ini juga akan terlibat dalam PAC. Selepas itu apabila laporan PAC pula dibuat kepada majlis, Ahli-ahli Yang Berhormat juga sebagai wakil rakyat yang mewakili rakyat boleh berbahas di sini. Selepas itu, bolehlah adakan perbahasan berapa lama sekali pun.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ya, Tuan Yang di-Pertua, kenapa tidak boleh tunggu sehingga Yang Berhormat Petaling Jaya Utara balik ke Dewan sini. Tunggu sedikit tapi Tuan Yang di-Pertua kata kenapa boleh speaker...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat duduk.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** *[Bangun]*

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Sedikit penjelasan sahaja Tuan Yang di-Pertua...



**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat duduk Ahli Yang Berhormat. *[Disampuk]* Mana ada peraturan mesyuarat mengatakan bahawa apabila Tuan Yang di-Pertua membuat fatwa di bawah peraturan mesyuarat terpaksa tunggu seorang ahli hadir atau tidak. Ada! Beritahu kepada saya, di mana peraturan mesyuarat mengatakan begitu. *[Disampuk]* Ada! Kalau tidak ada, maka jangan bangkitkan perkara yang tidak ada dalam peraturan mesyuarat.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Tuan Yang di-Pertua, ini logiklah. *[Dewan riuh]* Pakai *common sense*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat. *[Disampuk]* Sudah, tidak ada lagi yang saya layan dengan hal ini. Sila Setiausaha teruskan.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua, *clarification point*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah, Ahli-ahli Yang Berhormat sudah. Sila teruskan.

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2016**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua**

##### **DAN**

##### **USUL**

##### **ANGGARAN PEMBANGUNAN 2016**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2016 ini dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis”.

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari lima puluh dua bilion ringgit (RM52,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2016, dan bagi tujuan dan butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2016, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 42 Tahun 2015, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersementara dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.” **[2 November 2015]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya difahamkan Yang Berhormat Setiu akan membahas. Yang Berhormat Setiu dan Ahli-ahli Berhormat ikut berbahas nanti, tolong perhatikan masa, perhatikan masa kalau 20 minit, 20 minit, 15 minit, 15 minit. Kerana lain kali saya tidak benarkan kita bersidang sampai 11.30 kerana itu juga kuasa saya. Sila Yang Berhormat Setiu.

11.57 pg.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya bermula dengan pantun sekali. Kalau dulu pantun saya berterabur, hari ini cantik.

*Melati kuntum tumbuh melata,*

*Sayang merbah dipohon cemara,*

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh mula bicara,*

*Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua izinkan saya untuk bermula.*

*Tanak pulut santan durian,*

*Buah mabuk jangan dimakan,*

*jangan mabuk macam pembangkang,*

*Sayangkan kerajaan, berilah sokongan,*

*Sayangkan pembangkang, bidasan dihadiahkan nanti insya-Allah.*

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuhlah inti pati ucapan Bajet 2016 yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Jadi bagi saya bajet ini merupakan satu bajet yang benar-benar komprehensif. Dan sekiranya dijalankan dengan betul serta mengikut landasannya, maka ia benar-benar dapat 'Mensejahtera Kehidupan Rakyat'. Jadi bertepatan dengan tema bajet kita 'menyejahterakan kehidupan rakyat'.

Jadi berbanding dengan bajet sebelah sana Pakatan Harapan kononnya yang dilihat agak kurang menyengat dan tidak konsisten dengan pendirian mereka sebelum ini yang boleh saya katakan berbentuk retorik.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memuji langkah pihak kerajaan dalam membantu meringankan kos sara hidup rakyat kita. Terutamanya mereka yang berada dalam golongan B40. Jadi bagi membantu golongan usahawan kecil khususnya, pelbagai pinjaman perniagaan akan diteruskan dalam peruntukan Bajet 2016 yang membantu rakyat untuk terus kekal bersaing dan berdaya maju.

#### ■1200

Malah, agenda ini bukan hanya bertumpu kepada kaum bumiputera sahaja tetapi ia turut diperluaskan kepada kaum India dan kaum Cina. Melalui program yang kita ketahui, melalui TEKUN, SME Bank, Amanah Ikhtiar Malaysia dan juga KOJADI.

Tuan Yang di-Pertua, di mana lagi boleh kita lihat seorang pemimpin seperti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang bukan sahaja berjuang untuk bangsa sendiri tetapi juga lain-lain bangsa, kaum-kaum lain juga turut dititikberatkan dan tidak pernah dipinggirkan.

Namun di sini saya ingin bertanya, apakah sebenarnya prestasi dan berapa peratuskah kadar pembayaran balik setiap pinjaman perniagaan yang berjaya dikutip berbanding jumlah pinjaman yang telah diberikan? Jadi ini perlu agar kelangsungan manfaat tersebut dapat diteruskan kepada mereka yang lain.

Soalan lain, berapa peratuskah antara syarikat atau individu yang diberikan pinjaman bagi menjalankan perniagaan tersebut masih kekal beroperasi serta berapa peratuskah yang didapati gagal dalam meneruskan perniagaan mereka?

Jadi saya juga memohon agar pihak kerajaan dapat mencari faktor kegagalan daripada terus bertahan di dalam bidang perniagaan agar ianya dapat dijadikan panduan kepada mereka yang baru ingin menjinakkan diri dalam bidang perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh soal BR1M yang selalu diperkatakan iaitu Bantuan Rakyat 1Malaysia yang telah lama memberikan manfaat kepada golongan yang memerlukan. Jadi saya mengucapkan terima kasihlah kepada pihak kerajaan kerana meneruskan program yang baik sehinggakan pihak pembangkang yang dahulunya juga kelihatan tidak bersetuju dan membantah atas kenaikan BR1M tetapi pada kali ini Ketua Pembangkang sendiri bersetuju pula dengan pemberian BR1M malah meminta jumlah pemberian tersebut untuk dinaikkan.

**Seorang Ahli:** Bila ini?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Lihatlah sendiri ya. Jadi sekiranya dilihat kepada bajet mereka, jadi jelas ianya amat tidak konsisten dengan apa yang ditulis berbanding dengan apa yang diminta oleh Ketua Pembangkang sendiri. Jadi kononnya pemberian BR1M adalah tidak mampan serta kurang berkesan dalam mengurangkan kemiskinan. Itu pun baru-baru ini Ketua Pembangkang sendiri telah meminta supaya dinaikkan RM1,300.

Jadi malah dalam bajet pembangkang turut menyebut pemberian tunai tersebut kepada golongan berpendapatan rendah perlu melalui majikan dan diberikan dalam bentuk kenaikan gaji. Saya kata ini tidak betul. Ini kerana yang berpendapatan rendah bukan semua yang bekerja kerajaan ataupun bekerja ada majikan. Kalau orang kampung macam mana kita hendak beri melalui majikan? Jadi sekarang ini kalau kita hendak ikut apa yang dikehendaki oleh pihak Pakatan Harapan, bermakna semua dimasukkan melalui majikan, kesusahan akan berlaku.

Untuk pengetahuan pihak yang di sebelah. Pihak pembangkang inilah ya, apa yang kerajaan buat pada hari ini adalah jauh lebih baik daripada idea mereka sendiri. Jadi kita dapat melihat kalau dahulunya mereka mencemuh kerana memberi wang kepada rakyat yang memerlukan kerajaan turut dituduh. Semalam ada Yang Berhormat Kuantan menuduh seorang merasuah kan rakyat. Jadi namun akhirnya cadangan kerajaan untuk meneruskan BR1M telah dipersetujui oleh mereka tetapi kononnya perlu ditambah baik.

Jadi untuk pengetahuan juga pemberian wang secara terus kepada individu adalah langkah yang tepat dalam mengelakkan sebarang permasalahan dan kebocoran. Ini adalah jauh lebih efisien. Sekiranya peruntukan tersebut diberikan kepada majikan, kita bimbang ia akan menunjukkan satu situasi *bias* serta tidak sampai kepada golongan sasaran selain lebih menyukarkan rakyat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Yang Berhormat Setiu, boleh minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Beruas bangun.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Masa tidak mengizinkan.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Penjelasan.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Akhir nanti akhir, sebab saya tidak ada isu-isu panas. Ini isu-isu yang biasa sahaja.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** BR1M, BR1M. Hendak tanya sahaja.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Biasa sahaja. Nanti saya...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Isu inilah.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Tunggu sekejap, tunggu sekejap. Nanti saya habiskan fasal BR1M ini saya akan beri. Tengok keadaan.

Jadi malah pihak sebelah sana juga mencadangkan agar pemberian sebanyak RM3,000 ya, isi rumah berpendapatan rendah kurang daripada RM3,000 sebulan yang satu lagi syarat diberi, yang mempunyai anak bersekolah hanya akan dibuat dengan syarat rekod kehadiran sekolah adalah mencapai 90%. Ini tidak masuk akal. Ini kerana kalau ikut harian sekolah, setahun lebih kurang 205 hari, bermakna kalau 20 hari atau 21 hari tidak hadir ke sekolah, bermaknanya tidak akan mendapat BR1M.

Tujuan BR1M diberi sebagai bantuan kepada mereka yang berpendapatan bawah RM3,000. Ini masalah, cadangan ini saya rasa tidak masuk akal sekali. Walaupun kita lihat niat mereka ini baik...

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Walaupun niat pembangkang ini baik...

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** ...Meningkatkan prestasi kedatangan pelajar tetapi dari sudut lain ianya boleh menimbulkan pelbagai pertikaian di mana mekanisme pemberian tersebut tidak jelas dan menambahkan beban guru yang sudah sedia ada.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Cuma...

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Sedikit boleh?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Saya tidak ada masa. *Please*, 20 minit saya rasa tak sempat. Banyak lagi saya hendak bercakap, okey. Boleh bangun balik. Okey. Cuma saya minta pihak kementerian menyentuh sedikit membuat satu kaedah pemberian BR1M ini perlu ditambah baik. Itu yang saya minta bagi memastikan wang itu tidak digunakan sewenang-wenangnya untuk membeli *top-up*, hendak beli telefon, hendak beli apa yang tidak perlu, yang perlu untuk barang-barang asas.

Jadi kita beri melalui satu - dicadangkan pemberian BR1M ini diberi dalam bentuk debit, *debit card*. Akan tetapi *debit card* ini bukan bermakna dia sendiri pergi buka akaun apa semua, disediakan oleh pihak kerajaan. Bermakna mereka boleh berbelanja secara berhempah. Kemudian, pertanyaan saya juga, adakah mungkin bajet pihak sebelah sana sekali lagi telah dimonopoli oleh parti yang tertentu? Pastinya PAS tidak memberi apa-apa sumbangan saya rasa dalam bajet mereka. Jadi sudah tentulah ia mengetepikan fikiran parti yang telah sedia tersisih selama ini.

Jadi ini kerana tidak nampak tahap keupayaan intelektual daripada pihak sana melalui bajet yang mereka bentangkan. Bercakap pandai tetapi bajet yang dibentangkan tidak ke mana.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** “*Batu api*” ya.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Sekiranya inilah tahap hasil bajet yang boleh difikirkan oleh pembangkang, pada pandangan saya adalah lebih baik memfokuskan isu dalaman.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Setiu, saya ingin dapat kepastian. Adakah Yang Berhormat Setiu membenarkan sebarang pencelahan ataupun...

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Saya tak benarkan sebab kalau masa saya dilanjutkan, saya boleh beri tetapi kalau setakat 20 minit saya rasa saya tak boleh beri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Jadi kita lihat Peraturan Mesyuarat 37(2). Sila Yang Berhormat yang lain duduk diam, mendengar, walaupun terasa panas termasuk Yang Berhormat Bukit Gantang. Sila.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Panas kah?

**Seorang Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Jadi sekiranya tahap hasil bajet yang difikirkan oleh pembangkang pada hemat saya adalah lebih baik difokuskan kepada skop yang lebih kecil dengan menyelesaikan isu dalaman mereka yang bergelora dan tidak nampak tanda-tanda untuk kembali tenang.

Jadi pihak PAS, Yang Berhormat Bukit Gantang jaga-jagalalah. Janganlah orang kata “*gila talak*” pula nanti sebab sebelah sana pun sudah bantai kita macam-macam sudah, banyak sudah, tikam belaknglah, apa semua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Jadi kalau hendak duduk dekat-dekat itu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Setiu.

**Seorang Ahli:** Bila hendak habis ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Setiu, jangan usik sangat PAS ini.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Saya tidak usik. Ini supaya pihak yang berada dalam Pakatan Harapan pun jaga, “*jangan jaga tepi kain orang lain*”. Jaga tepi kain sendiri. Dalam PKR sendiri pun ada masalah dengan adanya satu kartel Azmin dipanggil ingin buat *coup d’etat* kepada Ketua Pembangkang.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ini keterlaluan ini.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Jadi maknanya...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Kita tidak minta tolong Yang Berhormat Setiu, kita tidak minta tolong.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ini tidak ada kena mengena, ini tidak ada kena mengena.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ini maklumat saya dapat daripada pembacaan saya. *[Dewan riuh]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Maklumat apa. Bahas bajet, tidak ada politiklah.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** UMNO sekarang ini pun sudah berpecah Timbalan Presiden. Ini buang masa Dewan yang mulia ini...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tidak ada politik. Tidak ada politik.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** ...Yang Berhormat Setiu ini patutlah balik. Tanam ubi lagi baik.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ini buku tebal ini tidak boleh bahas.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Sudahnya...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Berani menjawab atau tidak berani menjawab?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tebal ini.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Melalui perkara ini, maka adalah pula...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Carilah satu benda yang boleh manfaat rakyat. Orang-orang yang duduk...

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Satu langkah yang baru...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Buang masa sahaja.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** ...laitu "*Langkah Rawang*". Jadi "*Langkah Rawang*" telah ada...

#### ■1210

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Setiu.

*[Dewan Riuh]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya rasa langkah Yang Berhormat Setiu ada PRU Ke-14. Itu *confirm*. Dengan standard macam ini, Tuan Yang di-Pertua langkah Yang Berhormat Setiu *confirm*. Langkah Yang Berhormat Setiu memang *confirm*!

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Itu cerita *you* cipta sebelah sana.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Saya juga boleh melayari internet. Dalam internet sudah ada. Ini bukan caranya. Yang Berhormat Kapar diam, diam. Bagi saya bercakap.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, bila hendak habis? Tidak tahan lah hendak tengok merapu ini.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Sepang pun satu hal.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Apa? Yang Berhormat Sepang?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Apa ini tidak ada peraturan langsung? Ini kah *lawyer*. Apakah? Peraturan pun tidak ikut. Cakap pandai...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini bukan peraturan. Ini merapulah. Berhentilah. Cakap pun tidak ada *point*lah. Tidak ada *point*, diam dan duduk.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ini *point*lah. Ini *point*.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Ikut peraturan sikit Tuan Yang di-Pertua. Mengikut peraturan mesyuarat boleh kah merapu dan merepek dalam Dewan Rakyat ini?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Mana boleh merapu dalam Dewan.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Saya minta satu... Adakah merapu dibenarkan di dalam Dewan yang mulia ini.

*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Setiu. Duduk sekejap.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Peraturan mesyuarat tidak boleh merapu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Sepang. Yang lain sila duduk. Sebab itu beberapa kali Tuan Yang di-Pertua telah mengingatkan bahawa dalam ucapan kita baik di sebelah kanan atau di sebelah kiri saya. Kalaulah kita sanggup mendengar dengan tenang dan yang kawan kita yang lain pula akan membalas dan kita juga sanggup dengar dengan tenang. Semalam, ramai di kalangan kita yang berapi-api menuduh Ahli Parlimen yang lain dan Ahli Parlimen tersebut tidak ada di dalam Dewan.

Akan tetapi, kawan kita tidak bertindak apa-apa. Jadi begitulah juga hari ini kalau Yang Berhormat Setiu berhati-hati dalam ucapan dan yang sebelah kiri saya juga kena tenang mendengar kerana selepas ini ada Yang Berhormat Bukit Mertajam boleh jawab. Lepas ini Yang Berhormat Kapar anak muda yang ada wawasan juga akan boleh menjawab. Jadi duduk diam elok-elok, sabar, tenang dan lepas itu Yang Berhormat Ketereh pula juga ada peluang untuk memberikan idea. Kita ada pembangkang, kita ada pihak penyokong kerajaan. Jadi tenang supaya kita punya pelawat-pelawat juga boleh mendengar dengan tenang. Begitu intelektualnya kita berbahas di dalam Dewan Rakyat. Sila, Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya terima dengan akur, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tidak apa saya beralih ke isu lain. Nampak isu yang saya sebutkan tadi agak panas. Jadi saya isu yang tidak panas. Jadi isu yang tidak panasnya, GST. Tidak panas lah ya. Sudah biasa dah.

Jadi isu GST ini saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, setakat enam bulan ini setakat mana kejayaan yang telah dicapai dalam fasal GST ini? Jadi, cuma saya hendak tanya

satu lagi sama ada perkiraan GST ini sama kah tidak seperti mana yang perkiraan di mana setiap rakyat kena bayar, yang dikatakan RM19. Yang disebut oleh Yang Berhormat Pandan dan juga Yang Berhormat Kelana Jaya, kena bayar RM1 ribu lebih.

Saya hendak tahu, daripada pihak kementerian adakah setiap rakyat yang tidak berbelanja kena bayar GST? Purata sebab kiraan dibuat secara purata. Jadi saya minta penjelasan daripada pihak kementerian.

Isu lain juga. Ini agak panas sikit, isu 1MDB lah ya. 1MDB ini nampaknya tadi sudah Tuan Yang di-Pertua sudah buat keputusan. Cuma saya hendak sebut tentang keputusan cara keputusan telah dibuat oleh pihak Speaker tapi dipertikaikan. Maksud saya Yang Berhormat Gelang Patah telah mempertikaikan. Saya berasa dia ini sudah 40 tahun dalam Parlimen tapi tidak memberi contoh, tunjuk – tidak memberi apa langsung kepada kita. Sebagai orang baru. Adakah hendak dilihat kita ini bersikap kurang ajar? Cara berdebat di Parlimen, menghina *Speaker*, menunjuk – menuding jari kepada *Speaker*. Adakah itu yang hendak diteruskan? Saya rasa ini dibuat dengan niat supaya beliau digantung. Sebab dia tahu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Putatan bangun.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Persangkaan buruk. Persangkaan buruk kenyataan tersebut.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Bercakap kemudian boleh Yang Berhormat Putatan? Kemudian boleh? GST sudah habis dah. Nanti saya tanya Menteri.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Tuan Yang di-Pertua. Persangkaan buruk terhadap Yang Berhormat Gelang Patah tadi.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang pasal 1MDB. Saya hendak teruskan dengan kenapa saya kata dia tahu sebenarnya.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Setiu saya membantu Yang Berhormat Setiu. Boleh?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Sikit sahaja, tidak payahlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Setiu ada lima minit sahaja lagi.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Lima minit kita tak sempat lagi, ada banyak lagi hendak cakap ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Sudah dikacau, saya rasa ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sepang ada Peraturan Mesyuarat. Peraturan Mesyuarat berapa Yang Berhormat Sepang? Yang Berhormat Setiu sila duduk.



**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Peraturan Mesyuarat 36(6). Seorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas siapa ahli. Tadi beliau mengatakan bahawa Yang Berhormat Gelang Patah buat itu seolah-olah beliau hendak minta hendak digantung. Saya rasa ini satu sangkaan. Kalau beliau hendak digantung buat apa beliau membela diri dan kita semua berlawan untuk beliau.

Jadi saya rasa ini sangat jahat. Saya minta sebagai bekas hakim, janganlah bersangka jahat. Ini apa punya hakim ini.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Sepang ada perkataan saya kata mungkin. Saya tidak kata dia. Saya kata mungkin tadi kan? Ini masalah dengan Yang Berhormat Sepang. Separuh diambil apa yang saya cakap, saya cakap mungkin. Dia tahu benda dia hendak.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Mungkin saya cakap mungkin. Ya atau tidak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sepang jawab Yang Berhormat Sepang. Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ya ataupun tidak. Kemungkinan ya ataupun kemungkinan tidak.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Mungkin, mungkin.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Samalah.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Mungkin tidak kira. Mungkin tidak kira.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Tidak perlu cakap mungkin. Yang betul sebab itu dia kena gantung.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ia mungkin sahaja.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Itu satu perkataan sangka, sangka, sangka. Mungkin lah. Mungkin. Sangkaan jahat. Mungkin jahat.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Tidak sangka. Kita tidak perlu sangka. Dengan perbuatannya menghina *Speaker* mungkin ada sebab-sebab tertentu. Okey. Saya ubah, saya ubah. Mungkin ada sebab-sebab tertentu untuk tujuan politik dan sebagainya. Sebab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sepang duduk, Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Sebab selepas digantung. Ada disebut dia mengatakan bahawa dia mangsa kerana 1MDB. Saya *relatekan* pasal 1MDB. Itu masalah dia. Sebab dan peraturan jelas. Makna selagi jawatankuasa itu kena ada, wajib ada dua

pengerusi, dia punya pengerusi dengan naib pengerusi – kena ada. Bermakna yang lain-lain ahli itu antara enam hingga 12. Manakala, satu campur dengan enam atau campur tujuh campur 12, tidak boleh jadi jawatankuasa. Jadi tidak boleh hendak diteruskan. Jadi dituduhnya pula dia kata, “*Oh dengan ketiadaan pengerusi boleh diteruskan*”, ini semua permainan politik.

Ini yang susah. Baca betul-betul ini masalahnya bila sudah disebut oleh Yang Berhormat Gelang Patah disokong pula oleh Yang Berhormat Sepang yang dianggap pandai selama ini. Itu yang susah. Dia tidak rasa macam bersalah. Jadi saya hendak tanya pihak kementerian ada tidak apa-apa cadangan untuk meminda sama ada peraturan kita peraturan mesyuarat ataupun Akta Parlimen itu sendiri. Sebab sana bercakap pasal pembaharuan dan sebagainya. Yang menghina *Speaker* tidak perlu lagi denda sudah. Hantar jel terus. Dah kalau betul ini maknanya seolah-olah jadi macam satu permainan mengacah kita, mengajar kita untuk kurang ajar di Parlimen. Biar ada had lah, kita ada had kan.

**Dato’ Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** *Point of order. Point of order.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya peraturan mesyuarat berapa?

**Dato’ Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Saya masih belum mendapat Peraturan Mesyuarat 36(6) Tuan Yang di-Pertua. Saya masih belum mendapat *ruling* bahawa Yang Berhormat Setiu sedang bercakap satu perkara yang telah diputuskan. Kemudian mempunyai sangkaan yang amat jahat dan saya rasa ini sesuatu yang *unparliamentary*. Jadi saya minta *ruling* daripada Speaker supaya isu ini kita *go forward* dengan apa yang patut kita bincangkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat sekalian sebab itu saya ulang lagi Tuan Yang di-Pertua sudah beberapa kali menegur kita ada peraturan mesyuarat dan kalau kita teliti ucapan-ucapan kita juga sangat pedas, sangat sakit hati kita dengar. Terutama sekali... Ya Yang Berhormat Sepang. Sebab itulah, berbagai-bagai tuduhan yang telah dibuat kepada bukan saya hendak membela sesiapa tetapi ungkapan-ungkapan, kata-kata dalam perbahasan ditujukan kepada Yang Amat Berhormat Pekan. Adakah Yang Amat Berhormat Pekan ada ketika ini di dalam Dewan ketika kita berbahas? Isu 1MDB? Isu RM2.6 bilion? Juga tidak adil kalau kita teliti mengikut peraturan. Adakah itu prasangka jahat? Sangkaan jahat?

#### ■1220

Kalau kita definisikan boleh kita mendefinisikan begitu, kita tafsirkan begitu sebab itu Yang Berhormat Setiu berhati-hati dalam perbahasan dan sila beralih kepada tajuk yang lain.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak payah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kalau kita menggunakan alasan – sekejap, kalau kita menggunakan alasan Yang Amat Berhormat Pekan, Yang Amat Berhormat Pekan datang berapa kali...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sepang...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** ...Maka kita tidak perlu sebut langsung RM2.6 bilion sebab apa berapa kali dia datang dalam Parlimen.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sepang...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** [*Menyampuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Parit Buntar sila duduk. Sebab itu masa kita berucap, kita tidak perasan isi ucapan kita apabila kita bersemangat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Tidak, kalau cakap pasal ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kalau kita sebut semalam ucapan-ucapan cukup pedas...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Kalau begitu kita tidak boleh cakap pasal Yang Amat Berhormat Pekan juga.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Bukan begitu maksud saya. Bukan maksud saya begitu tetapi sangkaan jahat, 36(6).

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Saya setuju Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sebab itu...

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** ...Semasa kita menyebut tentang Yang Amat Berhormat Pekan tidak ada bantahan, tidak ada sesiapa yang membantah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sebab itu kita kena berlapang dada. Berlapang dada dengan...

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** [*Menyampuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Semalam kalau kita sebut Yang Berhormat Puchong, begitu juga ungkapan-ungkapan yang dikeluarkan tetapi saya sebagai Speaker ketika itu, saya biarkan. Begitu juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, penyokong-penyokong kerajaan. Jadi Yang Berhormat Setiu, sila beralih kepada tajuk lain dan gulung.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya hendak tanya *ruling*, kalau kita kata...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** ...Saya sudah beri teguran...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** ...Mungkin

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** ...Saya sudah beri teguran supaya Yang Berhormat lain kali berhati-hati. Sila Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tidak apalah saya tinggalkan benda-benda yang agak panas ini, saya pergi yang tidak panaslah ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, poin yang terakhir.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Poin yang terakhir seterusnya saya ingin menyentuh penambahbaikan sistem telekomunikasi di negara ini. Cadangan untuk meningkatkan kelajuan Internet luar bandar sebanyak empat kali ganda daripada 5 *megabyte* kepada 20 Mbps dipanggil amatlah dipersetujui dan penambahbaikan ini bukan sahaja membantu mereka yang berada di luar bandar untuk mendapatkan informasi dan pengetahuan yang lebih cepat malah ia turut membantu dalam peningkatan perniagaan atas talian.

Namun di setiap cadangan baik itu terdapat perkara yang perlu diberikan perhatian. Sehubungan dengan itu, Internet ini didapati perhubungan secara talian telah berkembang begitu pesat sehinggakan pada hari ini sahaja terdapat berjuta-juta tapak jaringan dengan berjuta-juta pelanggannya juga telah mengirimkan berjuta-juta perkataan dalam bahan mereka dan internet dan juga perkhidmatan talian komersial pada setiap waktu dan ketika. Maka pastinya antara bahan-bahan yang dikirimkan itu terdapat bahan tulisan yang mengandungi fitnah. Sejajar dengan perkembangan dan kemajuan Internet in di negara kita, maka kerajaan haruslah mengambil langkah yang lebih agresif dalam memastikan kemudahan Internet ini tidak menjerumuskan rakyat Malaysia ke dalam satu kancah yang boleh merosakkan permuafakatan seperti penyebaran fitnah yang bertujuan merosakkan imej individu tertentu waima kerajaan sekalipun.

Jadi ini kerana trend pada hari ini lebih bertumpu kepada persepsi iaitu *battle of perception*. Jadi manusia pada hari ini lebih mudah untuk mempercayai perkara yang belum tentu kesahihannya. Apa yang mengeruhkan keadaan, maklumat tersebut yang dihantar kepada pihak lain tanpa disiasat isi kandungannya terlebih dahulu sehingga menimbulkan kekecohan malah menambahkan keburukan bagi sesuatu situasi seperti terjadi ketika tragedi banjir besar di Kelantan tempoh hari.

Perbuatan tersebut telah menimbulkan panik di kalangan mangsa serta keluarga yang terlibat dengan banjir di samping menyukarkan misi kerajaan dalam menyalurkan bantuan. Jadi tidak ketinggalan juga sehingga ke hari ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri turut dijadikan bahan hentaman dan kecaman pihak pembangkang yang tidak sabar-sabar untuk mengambi alih tampuk pemerintahan dengan cara yang begitu menjijikkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Setiu...

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** ...Memfitnah kerajaan Jadi perbuatan ini amatlah bertentangan dengan nilai dan ajaran Islam sendiri sesuai dengan firman Allah SWT dalam surah Al Hujurat, ayat 6... [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Maknanya, 'Wahai orang-orang yang beriman, jika datang kepada kamu seseorang yang fasik dengan membawa satu

*berita, maka selidiklah terlebih dahulu agar kamu tidak menimpakan suatu musibah kepada suatu kaum tanpa mengetahui keadaannya secara jahil, maka sebab itulah jadilah kamu di atas perbuatan kamu itu orang-orang yang menyesal'.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Justeru, tutup.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** ...Saya gulung okey. Justeru itu, saya amat memohon agar setiap di antara kita untuk menilai kembali apa yang disampaikan kepada pihak lain. Janganlah kerana hawa nafsu dalam merampas pemerintahan yang telah dipilih secara adil ini membenarkan kita untuk melanggar batas sehingga sanggup memburuk-burukkan pemimpin negara termasuklah menjaja cerita yang belum tentu betul tentang negara yang kita cintai ini sehingga ke peringkat antarabangsa termasuk kuasa asing untuk turut campur tangan dalam hal ehwal pemerintahan negara. Dengan ini terima kasih, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Bukit Mertajam, 20 minit.

**12.26 tgh.**

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Bukan 30 seperti Yang Berhormat Setiu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Itulah saya sebut tadi, sila.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Apa pun terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk menyertai perbahasan peringkat dasar Rang Undang-undang Perbekalan ini. Alkisah Mardionius, panglima besar empayar *Royal Persia* pada suatu hari bangkit berhujah dengan kata-kata manis memuji Raja, semasa itu Rajanya Xerxes menyokong titah Raja Xerxes bahawa *Persia* patut sekali lagi berperang dengan Yunani ataupun *Greece* walaupun telah kalah dalam perang Greco yang pertama. Semua pembesar lain terkelu berdiam diri tidak berani membangkang ataupun membantah. Maka ketika itu Tuan Yang di-Pertua, seorang tokoh bernama Alta Barnes iaitu bapa saudara Xerxes bangun lalu berhujah.

*"Tuanku...", kata beliau, "...apabila tidak ada pembangkang dalam sesuatu pandangan maka mustahil untuk memilih pandangan mana satu yang lebih baik dan kita tiada pilihan melainkan memilih yang telah diusulkan tetapi jika ada pembangkang, maka ia seperti emas tulen yang tidak dapat dinilai dengan sendiri tetapi dinilai dengan menggosokkannya dengan seketul emas yang lain lalu diperhatikan perbezaan mereka".*

Begitulah catatan ringkas perbahasan Parlimen kuno *Persia* lebih kurang 2500 tahun yang lalu yang direkodkan kepada kita oleh sejarawan unggul Herodotus. Catatan ini menggambarkan betapa pentingnya peranan pembangkang dalam sesuatu sistem kerajaan. Malah begitu penting sekali pembangkang sehinggakan dalam sistem *Westminster* yang kita amalkan pembangkang disebut *His Majesty's Loyal Opposition*, dengan izin. Iaitu walaupun kami

membantah, mengkritik, membangkang dasar-dasar serta tindak tanduk kerajaan, kami di sini dilindungi daripada fitnah derhaka kepada Raja, rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Perbekalan merupakan antara rang undang-undang yang penting dalam kalender tahunan Parlimen. Bajet ialah dokumen dasar yang mustahak, bukan sahaja kerana melibatkan wang rakyat malah ia berupaya untuk menjana ataupun menjahanamkan ekonomi negara. Justeru, penglibatan pembangkang dalam proses bajet amat kritikal.

Tuan Yang di-Pertua, bajet alternatif mula dibentangkan oleh pembangkang sejak tahun 2007 lagi sehingga ke tahun ini. Bajet alternatif adalah penting sebagai panduan dan kritikan kepada bajet kerajaan. Sejak bajet alternatif dibentangkan oleh pihak kami, kerajaan juga telah mengambil pedoman dari dasar-dasar yang dikemukakan dalam bajet alternatif tersebut. Contohnya pada tahun ini, bajet kerajaan kali ini telah mengambil iktibar daripada bajet alternatif dalam perkara pencukaian produktif iaitu meningkatkan peratusan cukai pendapatan bagi golongan berpendapatan yang paling tinggi sebanyak 3% dan mengurangkan beban cukai untuk golongan berpendapatan pertengahan.

Justeru, melihat kepada kepentingan peranan pembangkang dan kepentingan Rang Undang-undang Perbekalan ini, saya ingin mencadangkan empat pembaharuan perkara-perkara asas ataupun *fundamentals* dalam proses membuat bajet kerajaan. Jangan saban tahun bajet kerajaan, kata orang Penang, '*Pi mai, pi mai tang tu*'. Sandiwara yang sama sahaja tidak cekap, tidak telus, tidak adil dan tidak demokratik. Apabila kita memulakan dengan asas yang betul, *let's deal with the fundamentals*.

#### ■1230

Empat perkara asas ini adalah:

- (i) penubuhan sebuah pejabat bajet Parlimen untuk meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan;

Saya akan *elaborate* nanti.

- (ii) pindaan kepada Akta Perangkaan 1965 (Pindaan 1989) untuk mencerminkan ketulusan;
- (iii) penerapan prinsip *gender responsive budget* (GRB) demi keadilan sosial dan keadilan gender; dan
- (iv) penyertaan rakyat dalam proses membuat keputusan bajet atas dasar demokrasi.

Pertama sekali penubuhan pejabat bajet Parlimen. Sudah sampai masanya saya kira Parlimen ini menubuhkan sebuah majlis fiskal bebas yang dikenali sebagai pejabat bajet Parlimen atau dengan izin, *Parliamentary budget office* untuk membolehkan dasar-dasar kerajaan mahupun dasar-dasar pembangkang dianalisa, dinilai dan dikoskan secara jitu. Institusi sebegini telah wujud di negara-negara seperti Amerika Syarikat, Kanada, UK, Sweden, Afrika Selatan, Australia, Korea Selatan dan banyak lagi. Saya di sini suka untuk memetik Parlimen Australia yang mentakrifkan peranan pejabat bajet Parlimen ini sebagai dengan izin, "...*To inform*

*the Parliament by providing independent and non-partisan analysis of the budget cycle, fiscal policy and the financial implications of proposals”.*

Pada masa ini Tuan Yang di-Pertua, pembangkang dan orang awam termasuk sekali penyelidik akademik, secara amnya tidak dapat mengakses data dan maklumat-maklumat fiskal yang penting bagi membuat penilaian ekonomi terhadap dasar-dasar serta bajet kerajaan ataupun untuk tujuan urusan mengemukakan dasar-dasar alternatif dan bajet alternatif. Dalam bajet yang dikemukakan oleh kerajaan pula, ada banyak perkara yang tidak dimasukkan dalam bajet, yang dikenali sebagai *off-budget items* ataupun *off-balance sheet items*. Ini sudah tentu akan merumitkan lagi penilaian bajet tersebut.

Dengan adanya pejabat bajet Parlimen yang bebas dan berkecuali, maka setiap Ahli Parlimen tidak kira *backbencher* ataupun pembangkang boleh mendapatkan analisa tentang anggaran perbelanjaan serta kos kewangan terhadap sebarang dasar dan perundangan yang dikemukakan di Parlimen ini. Ini sudah tentu akan membantu Ahli-ahli dalam Dewan yang mulia ini dalam...

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat Bukit Mertajam, mencelah.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Kuantan.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya minta ke belakang sedikit Yang Berhormat Bukit Mertajam, tentang *gender responsive budget* tadi. Yang Berhormat Bukit Mertajam menyebut berkenaan dengan *gender responsive budget*. Saya menyebut berkenaan dengan *gender responsive budget* ini setiap tahun Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi, pihak kerajaan masih belum berjaya melaksanakan *gender responsive budget* ini.

Saya kira sebagai wanita, sebagai pemimpin wanita dan wanita dalam negara ini, wanita dalam keadaan kerugian. Ini kerana kerajaan tidak sensitif berkenaan dengan *gender responsive budget*. Adakah Yang Berhormat Bukit Mertajam merasakan bahawa kerajaan tidak faham apa maksud *gender responsive budget* ini?

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Terima kasih. Nanti saya akan *explain* ataupun menjelaskan dengan lebih lanjut tentang GRB ini dan saya mengambil kira apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi.

Jadi, saya rasa pembentukan pejabat bajet Parlimen ini sudah tentu akan membantu Ahli-ahli dalam Dewan yang mulia ini untuk melaksanakan tugas-tugas kita bagi meneliti sebarang urusan berkaitan wang rakyat. Sukacita di sini saya ingin meletakkan dalam rekod bahawa mantan Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara iaitu Ahli dari Pulau yang kini menjadi Timbalan Menteri Dalam Negeri juga pernah mencadangkan penubuhan institusi ini. Saya berharap kini beliau sebagai sebahagian daripada bahagian eksekutif akan merealisasikan cadangan tersebut.

Keduanya tentang pindaan kepada Akta Perangkaan 1965. Dua minggu yang lepas, saya terbaca berita bahawa Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Dato' Sri Abdul Wahid Omar telah menyatakan bahawa jurang pendapatan isi rumah antara bumiputera dengan Cina adalah lebih kurang 30%. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa statistik ini amat bermasalah. Mengapa? Pertama, kerajaan menggunakan kaedah purata pendapatan dalam pengiraannya. Sudah diketahui umum bahawa bagi sesuatu set yang mempunyai taburan yang amat besar seperti pendapatan isi rumah, nilai-nilai titik terpencil atau *outliers* akan memesongkan puratanya.

Dalam contoh di atas secara ringkasnya, jika kita ada lima isi rumah Cina dan lima isi rumah bumiputera dan setiap satu daripada empat isi rumah Cina yang pertama itu mempunyai pendapatan isi rumah yang lebih rendah daripada kesemua isi rumah bumiputera tersebut tetapi hanya satu isi rumah Cina yang kelima itu ialah keluarga *billionaire*, contohnya Tan Sri Dato' Seri Vincent Tan dari Berjaya Corp., maka purata pendapatan isi rumah Cina akan tiba-tiba menjadi lebih tinggi daripada isi rumah bumiputera. Keduanya, setiap kaum itu ada yang berpendapatan rendah, ada yang berpendapatan tinggi. Salah satu daripada sifat penting bagi sebarang pengukur ketidaksamarataan pendapatan atau *income inequality measure* ialah *anonymity*, tidak bernama. Ia di mana metrik yang diukur bukannya diukur berdasarkan identiti termasuk kaum atau agama, tetapi hanya mengikut taburan pendapatan.

Justeru, data yang diberikan oleh kerajaan tidak memberikan apa-apa makna yang berguna kerana nilainya langsung tidak tepat. Masalah akan timbul jika kerajaan kemudiannya menggubal dasar ekonomi berasaskan data sebegini. Maka dasar tersebut bukan sahaja salah, malah akan memudaratkan masyarakat kita.

Seperkara lagi ialah bagaimana data-data kerajaan tidak dapat membezakan antara kaum Melayu di Semenanjung ataupun dengan contohnya Bidayuh di Sarawak atau Bajau di Sabah. Kesemuanya dikategorikan di bawah satu kategori bumiputera, masalahnya jelas. Jika dibandingkan contohnya tentang kemiskinan. Kadar kemiskinan bumiputera secara total adalah 5.3% pada tahun 2009, manakala kadar kemiskinan orang Melayu di Semenanjung hanya 4.3% dibandingkan dengan Bidayuh 10.8% dan Bajau 28.1%.

Maka tidak munasabah jika kerajaan menggunakan angka 5.3% itu untuk mewakili kadar kemiskinan kesemua kumpulan etnik bumiputera di Malaysia. Jika dasar ekonomi dirangka menggunakan maklumat sebegini, maka kebanyakan kaum peribumi di Sabah, di Sarawak dan juga orang asal di Semenanjung akan tersisih seperti yang berlaku sekarang. Antara punca masalah ini adalah kekurangan ketelusan dan kecekapan dalam perolehan dan penyebaran maklumat perangkaan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam era *open government* ini, Akta Perangkaan yang kita gunakan sudah lapuk. Digubal 50 tahun yang lalu, pada tahun 1965 dan tidak pernah dipinda sejak 26 tahun yang lalu, pada tahun 1989. Akta ini kini sudah tidak mampu untuk berhadapan dengan keperluan dan cabaran semasa untuk mencapai objektif pentadbiran telus. Contohnya, seksyen 2(ii) mengehendkan fungsi Jabatan Perangkaan untuk mengumpul perangkaan hanya bagi tujuan kegunaan kerajaan dan beberapa tujuan yang spesifik sahaja. Seksyen 8 pula memberikan



kuasa mutlak kepada Perdana Menteri untuk menghalang pemberian maklumat dan juga mengenakan pembayaran fi terhadap permohonan maklumat perangkaan.

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]:** Ya.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Sekejap sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Bendera. Sila.

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]:** Baik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Bukit Mertajam ada menyentuh mengenai fi ataupun yuran yang perlu dibayar oleh orang ramai untuk mendapat maklumat dari Jabatan Statistik. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa kos untuk mendapat maklumat ini adalah terlalu tinggi. Terlalu tinggi sehinggakan saya pernah dengar cerita pelajar IPTA yang membuat PhD yang mahukan data membuat kajian pun terpaksa membayar beribu-ribu ringgit hanya untuk mendapatkan *raw data* ataupun data kasar daripada DOS. Pohon penjelasan, adakah ini munasabah Yang Berhormat?

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Saya amat setuju dengan apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bendera dan saya setuju bahawa memang wujud kejadian di mana penyelidik ataupun orang awam yang memohon maklumat perangkaan telah dikenakan bayaran yang mahal sehinggakan beribu-ribu ringgit. Saya rasa ini tidak munasabah dan tidak patut berlaku.

Justeru Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetengahkan tiga pembaharuan terhadap Akta Perangkaan yang sedia ada. Pertama, oleh sebab maklumat yang dikumpul oleh Jabatan Perangkaan itu menggunakan wang rakyat, maka mandatnya patut diperluaskan untuk mengumpul dan mentafsir perangkaan untuk kepentingan orang awam, untuk kepentingan rakyat secara amnya, bukan hanya untuk kegunaan kerajaan semata-mata. Kedua, atas alasan yang sama bahawa perangkaan dikumpul dengan dana awam dan berikutan dengan apa yang dikatakan Yang Berhormat Bukit Bendera tadi, rakyat patut dibenarkan untuk mengakses secara mudah dan tanpa kos semua maklumat perangkaan tersebut.

#### ■1240

Ketiga, Jabatan Perangkaan patut menerbitkan secara atas talian (*online*) semua data mereka, termasuklah data-data mentah, *disaggregated data*, termasuk data-data gender, *subregional*, metodologi, pentaksiran dan apa-apa maklumat yang berkaitan dengan perangkaan. Data-data ini juga patut dibenarkan untuk ditukar kepada bentuk lain untuk kegunaan penyelidikan ataupun untuk kegunaan orang awam secara amnya. Ini bukan sahaja membenarkan orang awam mengakses perangkaan penting tetapi juga untuk membolehkan penyelidik dan juga pembuat dasar, tak kiralah daripada *backbencher* ataupun *opposition bench*, untuk mempunyai akses kepada maklumat penting agar kita mampu membuat analisa yang lebih tepat.

Keempatnya dan ini mungkin *is of interest to* Yang Berhormat daripada Kuantan tadi. Penerapan prinsip *gender responsive budget* (GRB) demi keadilan. Tuan Yang di-Pertua, wanita kini merupakan 50% daripada populasi negara kita. Justeru, bajet kerajaan patut mencerminkan

keadilan daripada segi gender. Dalam Bajet 2016 ini kita lihat bagaimana bila keadaan ekonomi kerajaan tidak baik, maka hal ehwal dan pembangunan wanita bagaikan diabaikan. Saya ambil contoh, peruntukan untuk program mamogram dan vaksinasi HPV.

Dua program yang amat penting untuk kesihatan wanita untuk mengawal penyakit barah wanita. Dalam Bajet 2014, setiap satu daripada program tersebut diperuntukkan RM10 juta masing-masing. Kemudian dalam Bajet 2015 pula, peruntukan telah dipotong sebanyak 90%, tinggal RM1 juta untuk setiap satu. Akhirnya, dalam Bajet 2016 ini, bajet yang menampakkan tambahan sebanyak RM1.1 bilion kepada Jabatan Perdana Menteri dalam bajet ini, peruntukan untuk kesihatan wanita dalam aspek tersebut telah dipotong 100%, tinggal sifar. Kita perlu sedar bahawa kepentingan bajet kepada wanita bukan sekadar terhad kepada peruntukan untuk Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sahaja.

Kita perlu ada analisa untuk memastikan wang yang dibelanjakan dalam keseluruhan bajet dibelanjakan dengan adil untuk membawa faedah kepada semua lapisan masyarakat tak kira lelaki ataupun wanita. Itulah objektif utama GRB (*gender responsive budget*). Sebenarnya Kerajaan Pusat telah pun menyempurnakan *pilot* ataupun projek perintis GRB sejak tahun 2003 lagi. Akan tetapi malangnya sehingga kini kerajaan masih gagal melaksanakan konsep GRB secara keseluruhan. Paling asasnya, kita tidak ada data. Setiap ringgit yang kerajaan belanjakan untuk sesuatu perkara itu, apakah faedah yang diperoleh oleh kaum lelaki, oleh kaum wanita, oleh kanak-kanak, oleh warga emas? Tanpa analisa faedah insiden ataupun *benefit incident analysis* sebegini, kita tidak akan tahu bagaimana perbelanjaan wang awam akan membawa faedah kepada setiap lapisan masyarakat. Akhirnya, akan berlaku keadaan di mana beberapa kelompok penduduk Malaysia akan tercicir daripada faedah bajet kerajaan. Pembaharuan keempat, penyertaan rakyat dalam proses membuat keputusan bajet.

Ini perkara fundamental yang saya rasa amat penting. Oleh sebab sebagai sebuah demokrasi, penyertaan rakyat ataupun *people's participation* dalam proses membuat keputusan kerajaan amat penting. Tuan Yang di-Pertua, apa keputusan yang lebih penting daripada keputusan berkaitan soal wang, soal kewangan. Jika rakyat itu betul-betul *boss*, maka mereka berhak menentukan hala tuju bajet kerajaan. Namun, saya ingin memberi peringatan secara rendah diri kepada Yang Amat Berhormat Pekan, penyertaan rakyat bukannya sekadar bertanya di *Facebook*.

Saya bagi contoh di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2012 telah menerapkan unsur gender dan penyertaan rakyat dalam bajet pihak berkuasa tempatan melalui Projek *Gender Responsive and Participatory Budgeting*. Pelbagai kaedah telah dilaksanakan termasuklah mesyuarat *town hall*, dialog bajet, kaji selidik bajet, kumpulan tumpu bincang ataupun *focus group discussion* dan kaedah undian sebagai pungutan suara tentang bajet.

Di kawasan saya tahun depan di Bukit Mertajam, melalui Projek *Gender Responsive and Participatory Budgeting* Kerajaan Negeri Pulau Pinang, rakyat di Machang Bubuk akan dapat memutuskan melalui undian bagaimana hendak membelanjakan peruntukan tabung tersebut. Ini Tuan Yang di-Pertua, merupakan kali pertama rakyat Malaysia berpeluang mengundi secara

langsung bagaimana wang awam, wang rakyat itu sendiri akan dibelanjakan untuk kepentingan mereka. Saya di sini tidak minta untuk keseluruhan bajet kerajaan RM260 bilion kira-kiranya diperlakukan sebegini.

Akan tetapi bayangkan Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini, jika kita mulakan dengan hanya 1% bajet kerajaan ditentukan dengan penyertaan secara langsung oleh rakyat, maka pada hari ini jumlah 1% itu bersamaan dengan RM2.6 bilion bukan menjadi simbol skandal derma yang masuk ke dalam akaun peribadi Perdana Menteri tetapi menjadi satu pengiktirafan konkrit bahawa rakyat itu betul-betul tuan, rakyat itu betul-betul boss kepada kita semua, Ahli-ahli dalam Dewan yang mulia ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Mertajam, boleh gulung.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Ya. Itulah empat perkara fundamental yang saya rasa kita patut perhatikan terlebih dahulu. Sebenarnya perkara-perkara ini patut dilaksanakan sebelum apa-apa bajet dibentangkan. Akan tetapi malangnya sehingga kini, kita masih berada di tahap demokrasi yang tidak normal. Jadi akhir sekali, dengan dukacitanya saya ingin menyatakan bahawa saya tidak dapat menyokong Bajet 2016. Suatu bajet yang bermula dengan fundamental yang salah, tidak cekap, tidak telus, tidak adil dan tidak demokratik. Apa yang paling penting sekali, dikelolakan oleh kerajaan yang telah hilang keyakinan rakyat. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Ketereh.

#### 12.46 tghari.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, bajet atau belanjawan sesebuah negara adalah pelaksanaan tugas dan tanggungjawab sesebuah kerajaan bagi memastikan kesejahteraan rakyat yang diperintah oleh mereka. Bajet bagi sesebuah kerajaan juga adalah suatu kaedah agar diperturunkan rezeki bagi rakyat dengan secara tertib dan teratur selaras dengan janji Allah terhadap pelbagai punca dan cara rezeki diturunkan kepada manusia.

Walaupun Allah SWT menjanjikan rezeki yang tertentu bagi semua makhluk seperti mana terdapat di dalam al-Quran [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] yang membawa maksud... "*Tidak ada suatu binatang pun ataupun manusia yang bergerak di atas bumi ini yang tidak dijamin oleh Allah, namun Allah telah menetapkan agar manusia berusaha dengan rajin, secara teratur dan tersusun agar kehidupannya dapat mencapai kebahagiaan*". [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] ...yang membawa maksud, "*Tidaklah manusia mendapat apa-apa kecuali apa yang telah dikerjakan atau diusahakan oleh mereka*".

Justeru, sebuah kerajaan yang bertanggungjawab menyusun dan ia adalah juga suatu petanda apabila ia yang disusun dan dilaksanakan dengan baik, dilaksanakan dengan sempurna

adalah sebagai tanda manusia-manusia yang bersyukur. Oleh kerana sebelumnya, saban tahun demi tahun apabila bajet itu dilaksanakan, kejayaan-kejayaan itu dapat dicatatkan dalam bentuk angka-angka dan fakta. Sama ada kehidupan rakyat semakin baik, sama ada pengurusan khazanah negara dapat digunakan dengan semakin baik, itu bukan merupakan mitos tetapi perkara-perkara yang boleh dipersaksikan. Bagi rakyat dan masyarakat yang bersyukur atas kebaikan hendaklah dikata baik, atas keburukan tidaklah menjadi kesalahan kalau ianya hendak ditegur. *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* yang membawa maksud, “*Janji Allah kalau kita bersyukur, nikmat Allah akan ditambah-tambah tetapi kalau kita kufur akan nikmat itu, maka azab Allah adalah amat pedih*”.

Kita berasa agak pelik pada kali ini, dalam keadaan segala petanda menunjukkan pengurusan ekonomi negara dalam suasana ekonomi yang mencabar. Terbukti dengan nyata urusan ekonomi negara dikendalikan dengan baik, dikendalikan dalam keadaan yang baik dengan petanda-petanda yang jelas. Akan tetapi masih lagi ada usaha-usaha yang secara sengaja untuk cuba memberikan gambaran yang kadangkala tidak memberikan gambaran yang sebenar. Siapakah yang lebih wajar untuk menyatakan sesuatu kejayaan ataupun pengiktirafan melainkan mereka-mereka yang boleh merujuk kepada petanda-petanda tentang kejayaan-kejayaan yang telah dicapai dalam keadaan yang mencabar.

#### ■1250

Sewaktu ekonomi dunia hanya berkembang pada tahap 3.1%, kita dapat mengemudi ekonomi negara kita pada satu kadar pertumbuhan yang lebih tinggi pada kadar 4.5% dan kadangkala melebihi daripada 5%. Pada tahun-tahun yang akan datang juga, pada tahun 2016, kadar eksport dan import juga menunjukkan petanda-petanda yang semakin baik.

Jelas tidak dapat dinafikan kerajaan telah menguruskan defisit Belanjawan Negara secara sistematik daripada defisit hampir 7%, disusun begitu rupa dalam belanjawan setiap tahun sehinggakan defisit itu telah dibawa turun kepada tahap kira-kira 3.1% atau 3.2%. Begitu juga dalam soal konteks penarafan dan pengiktirafan badan-badan yang berwajib dan berwajib tentang kedudukan pengurusan ekonomi negara secara relatif, misalnya Laporan Kompetitif Global 2014-2015 oleh Forum Ekonomi Dunia yang menyenaraikan kerajaan Malaysia pada kedudukan kelapan daripada 144 buah kerajaan lain daripada tanpa kelola yang dilaksanakan.

Begitu juga negara kita mengekalkan kedudukan dalam kalangan 15 buah negara paling kompetitif di dunia, sebuah negara yang hanya baru merdeka beberapa tahun. Sebuah negara rantau Asia, sebuah negara yang dahulunya dianggap sebagai hanya negara membangun boleh menduduki pada tangga ke-15 paling kompetitif bukan sesuatu yang berlaku secara kebetulan.

Malaysia juga perlu kekal berada di tangga yang baik dalam berbagai-bagai laporan yang telah dikeluarkan dalam buku tahunan, “*Daya Saingan Dunia 2015*”. Begitu juga beberapa petanda-petanda yang lain. WCY juga menyenaraikan Malaysia di tangga pertama dalam kalangan 30 ekonomi dengan KDNK per kapita yang kurang daripada USD20,000.

Dan banyak lagi penarafan-penarafan lain termasuk juga Laporan Indeks Inovasi global misalnya, Malaysia berada pada tangga ke-32 di kalangan beberapa buah negara. Ini hanyalah

sebahagian yang saya bacakan yang menyatakan kedudukan sebenar secara *relative* kedudukan pengurusan ekonomi kita yang sebenarnya tidak boleh disangkal.

Sememangnya kita faham bahawasanya ekonomi yang diuruskan dengan baik adalah satu igauan bagi pembangkang. Ekonomi yang berjaya oleh sesebuah kerajaan adalah diibaratkan sebagai titik noktah bagi yang pembangkang. Kejayaan dan kesejahteraan rakyat adalah talkin bagi pembangkang. Kesenangan dan kegembiraan rakyat terhadap apa yang dihidangkan oleh kerajaan sesuatu mimpi buruk bagi pembangkang.

Maka, sudah tentulah peranan pembangkang dan kerajaan adalah tidak sama. Ada yang cuba hendak mempertikaikan soal kredibiliti. Kononnya belanjawan ini dibentangkan oleh kerajaan pada dakwaan mereka tidak ada kredibiliti. Saya ingin bertanya, apakah ada kredibiliti pada pihak pembangkang? Pihak pembangkang sendiri harus sedar di kalangan pembangkang sendiri pun sebenarnya tidak sekata dalam setiap pendirian mereka. Di manakah kredibilitinya? Di manakah letaknya wibawa pembangkang? Sebahagian daripada pembangkang terdiri daripada orang-orang yang berhijrah politik yang berada di dalam dewan ini, masuk ke Dewan ini dengan mandat oleh orang lain, parti lain dan sekarang ini berada di bawah parti yang lain? Di manakah ada integritinya? Di manakah ada wibawanya?

Sepatutnya oleh sebab mereka dipilih atas nama parti tertentu, mereka mewakili rakyat yang tertentu, kalau mereka mengubah haluan ke parti yang lain sudah tentu sepatutnya mereka seharusnya dapat meminda mandat yang baru. Kalau hendak dikirakan, soal integriti. Kalau hendak dikirakan. soal wibawa. Berintegritikah pembangkang misalnya yang berada di dalam Dewan Parlimen ini, tetapi pada masa yang sama di luar Parlimen bertindak di luar daripada *norms* sebagai seorang Ahli Parlimen? Ada yang terlibat dalam pelbagai dakwaan seperti pesalah-pesalah dalam memberi dokumen-dokumen dan memalsukan dokumen untuk mencapai tujuan-tujuan yang tertentu.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Yang Berhormat Ketereh, boleh tanya tak? Apakah pandangan Yang Berhormat Ketereh tentang rampasan kuasa di Perak itu dahulu?

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Ini putus tali dari mana ni? Manakah peraturan ini?

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Minta laluan, boleh?

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Tak mahu beri laluan, saya hendak habiskan dahulu.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Ini takutlah. Takut kerana kalah.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Tuan Yang di-Pertua, berintegritikah pembangkang yang kalau sekadar Ketua Pembangkangnya hanyalah seorang *puppet* yang terpaksa membaca ucapan...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Fahamkah masuk integriti ini? Dia fahamkah? [Ketawa]

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** ...Akan tetapi tidak mempunyai daya kepimpinan tersendiri? Berintegritikah pembangkang kalau saya katakan

sebahagian daripada mereka tidak dapat mencapai kata sepakat hanya sesama mereka? Berintegritikah pembangkang yang memimpin secara nepotisme, secara anak-beranak? Berintegritikah mereka? Soal integriti ini soal siapa yang hendak membicarakan untuk siapa. Sebab itu yang penting ada di sini integriti itu nantinya akan disukai oleh rakyat. Integriti itu nantinya akan berasaskan kepada sejauh mana fakta dan kejayaan.

Kita faham pada masa ini, strategi kepada pihak pembangkang adalah untuk menyasarkan kemarahan dan juga untuk meletakkan kedudukan Yang Berhormat Pekan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kononnya untuk melakarkan wajahnya sebagai seorang pemimpin yang tidak berintegriti dan tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan inilah yang menjadi saksi rekod perkhidmatan Yang Berhormat Pekan bukan setahun jagung. Waktu Yang Berhormat Pekan memijak kakinya ke dalam Dewan yang mulia ini, sebahagian daripada Ahli Parlimen dalam Dewan ini baru memakai kain lampin. Yang Berhormat dari Pekan masuk ke dalam alam politik dengan memberikan perkhidmatan sebagai Menteri Besar, Timbalan Menteri, menjaga beberapa kementerian demi kementerian, melalui satu rentetan perjalanan politik yang berpuluh-puluh tahun lamanya.

Kewibawaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri negara kita telah melalui satu proses dalam parti dan luar parti, dalam negara dan luar negara, bahawasanya kewibawaannya berada pada tahap yang tersendiri. Namun kita memahami sebagai seorang ketua bagi kerajaan, beliau akan menjadi sasaran. Ini bukan perkara baru, setiap Perdana Menteri dalam negara ini, apabila menjadi Perdana Menteri memanglah mereka akan diserang dan dilanyak oleh pembangkang. Pembangkang akan hanya memuji dan memuja setelah mereka tidak lagi berada dalam jawatan. Bila saja Perdana Menteri sudah tidak ada dalam jawatan, orang yang sama jugalah yang akan memuja dan menyanjung-nyanjung sewaktu bekas Ketua Pembangkang daripada mantan Permatang Pauh. Mereka diserang oleh pembangkang dengan pelbagai cerca dan sebagainya. Akan tetapi akhirnya, pembangkang duduk bernaung di bawah ketiak beliau sehinggalah sekarang. Itu caranya pembangkang.

Begitu juga dengan Perdana Menteri dan pemimpin-pemimpin yang lain. Bila sudah tidak berada dalam kerajaan, sememanglah pembangkang akan mula menggunakan mereka...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kapar bangun.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Ya, sila.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Yang Berhormat Ketereh, Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membawa perhatian kepada Yang Berhormat Ketereh, yang lanyak Yang Berhormat Pekan, bukan sahaja pembangkang, Malahan Presiden UMNO dan mantan Perdana Menteri iaitu Tun Dr. Mahathir sekarang. Tambahan pula, Timbalan Perdana Menteri Yang Berhormat Pagoh dan beberapa orang ahli dari UMNO Barisan Nasional sendiri. So, hendak katakan pembangkang sahaja yang hendak katakan Yang Amat Berhormat Pekan dan mempersoalkan kewibawaan beliau tidak tepat. Terima kasih.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Terima kasih kerana menyokong hujah saya. Itulah yang saya maksudkan kerana ini adalah politik. Bukan sahaja berlaku dalam barisan kerajaan, pembangkang pun begitu. Daripada sokong-sokong Presiden PAS, tiba-tiba boleh lari pergi duduk ke lain. Sekurang-kurang sebelah sini tidak ada lagi lari tukar parti. Setakat ada bercanggah pendapat tetapi yang sebelah sana boleh lari duduk dalam parti lain.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Itu bukan fasal mana kes RM2.6 bilion? Hendak beza. Kalau dia cakap fasal integriti, RM2.6 bilion itu di mana?

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Yang Berhormat, saya hendak teruskan ucapan saya itu.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Jawablah soalan. Ini fakta, ini bukan andaian...

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Oleh sebab itu saya katakan ini ialah... Ini terputus dari mana ini?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ini dari Shah Alam.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Tahu tak berputus? Tahu tak berputus?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Dari Shah Alam.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Shah alam, berputus.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Berputus apa?

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Berputus. Ada berputus.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak ada putus apa-apa pun.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Tidak ada orang beri jalan, tidak ada apa, terus bangun buat apa?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak apa. Kamu layan, aku jawablah. Kalau tidak layan, saya tidak cakap. Sudah layan...

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Duduk, duduk, duduk [Ketawa] Dia pening, dia selalu pening.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Ketereh, kita sambung jam 2.30 petang, ya.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baiklah Yang Berhormat, kita tangguhkan mesyuarat kita hingga jam 2.30 petang.

**[Mesyuarat dtempohkan hingga jam 2.30 petang.]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat.*]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya jemput Yang Berhormat Ketereh untuk menyambung perbincangan.

**2.32 ptg.**

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung sedikit lagi tentang isu integriti.

Saya menyatakan pada sebelah pagi tadi, kita mempunyai seorang Perdana Menteri mempunyai integriti dan rekod perkhidmatan yang tidak boleh disangkal. Saya juga menyatakan pagi tadi bahawasanya kita memahami apabila seseorang itu berada di tempat ataupun di jawatan sebagai Perdana Menteri sudah tentu beliau akan diuji, beliau akan diserang, beliau akan dikritik, beliau akan ditegur tetapi sejarah telah membuktikan bahawasanya walau apa juga kritikan yang dilemparkan kepada pucuk pimpinan negara yang terpentingnya soal kebenaran dan hakikat.

Sememangnya dalam lumrah alam fitnah boleh datang dalam masa yang cepat dan naluri manusia lebih percaya kepada fitnah yang pertama didengarinya. Oleh sebab itu di dalam Islam memperingatkan fitnah itu lebih dahsyat daripada membunuh kerana apabila ia disebarkan dan ianya dipercayai tanpa usul periksa apalagi kalau ianya datang daripada orang yang rekodnya jelas fasik, maka dia boleh membawa kepada kemudaratan.

Sementara untuk membuktikan kebenaran, ia memerlukan satu titik proses yang panjang untuk menuduh hanya memerlukan seungkap perkataan, "*Kamu mencuri!*", itu tuduhan. Setiap tuduhan kita dituntut untuk menyiasat. Proses penyiasatan sudah tentu memakan masa. Penyiasatan perlu mengumpulkan segala bukti. Proses itu terpaksa melalui mengikut peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah yang tertentu kerana itu prinsip dan asas kepada wujudnya keadilan.

Apabila penyiasatan itu telah dilakukan barulah sampai ke peringkat pendakwaan. Sebelum pendakwaan berlaku pihak yang hendak mendakwa mestilah berpuas hati, ada bukti yang cukup dikutip dalam proses penyiasatan yang teratur. Itu juga memerlukan kepada satu tempoh masa. Kemudian barulah berlaku proses pendakwaan dan kemudiannya penghakiman.

Masalah kita pada hari ini dalam keghairahan pembangkang mereka mahu menjadi yang menuduh, mereka juga berhempas pulas mahu menjadi penyiasat. Duduk dalam PAC tugas menyiasat, pada masa yang sama dia hendak jadi hakim. Dia hendak menjadi hero di luar. Dia hendak mencabar semua orang. Baru duduk dalam PAC yang tugasnya menyiasat dia sudah tidak boleh hendak kawal diri macam Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Dia tidak boleh hendak kawal diri, dia tidak boleh bezakan yang mana satu antara Tony Pua ataupun Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara atau dia sebagai Ketua Publisiti DAP, atau dia sebagai anggota PAC.

Dia tidak faham apa peranan dia sebagai Ahli Parlimen. Apa peranan dia dalam PAC yang terikat dengan peraturan tertentu. Akan tetapi kerana hendak mencari publisiti bagi



kepentingan politik, dia pergi mencabar pegawai di luar sana. Sedangkan dia tahu dia punya kedudukan yang istimewa, lebih istimewa daripada kami Ahli-ahli Parlimen yang lain. Beliau akan menjadi orang yang pertama mendapat *privilege* untuk mendengar penjelasan daripada orang-orang yang beliau boleh panggil. Kenapakah beliau mahu mengadakan perdebatan awam?

Saya mencabar pembangkang. Kalau pembangkang benar merasakan 1MDB ini satu-satunya peluru yang akan menggulingkan Barisan Nasional pilihan raya akan datang kenapa serah kepada Yang Berhormat Petaling Jaya Utara? Kenapa tidak Ketua Pembangkang tampil dan berdebat dengan Arul [*Tepuk*] Saya ucap tahniah kepada saudara Arul Kanda. Seorang pegawai yang mengambil tanggungjawab secara berani. Kita tahu Tuan Yang di-Pertua, tidak ada sebuah GLC dalam dunia ini, yang dengan izin, *was under public scrutiny* seperti mana yang sedang dihadapi oleh GLC yang bernama 1MDB.

Tidak ada satu GLC dalam dunia yang urus niaganya diganggu-gugat demikian rupa sehingga dia sedang berada di bawah mikroskop SPRM, PDRM, *Accountant General*, dan PAC serentak. Pada masa yang sama para pengendali syarikat terpaksa mengambil tanggungjawab kerana ini sebuah syarikat milik kerajaan yang sedang menanggung bebanan hutang. Kita tahu kenapa 1MDB ini diserang. Ini kerana sekali lagi kalau sekiranya satu pelaburan strategik kerajaan berjaya dia meresahkan kepada pembangkang. Dia menggusarkan pembangkang.

Kita tahu apabila 1MDB memilih dalam perancangan strategiknya untuk menceburkan diri dalam bidang IPP, pengusaha-pengusaha IPP tersebut sudah tentu rasa tidak senang hati kerana usaha mereka yang selama ini meraih berbilion-bilion keuntungan yang membebankan kepada Tenaga Nasional, yang membebankan kepada rakyat, yang kos pengeluaran hanya 8 sen, 9 sen, kerajaan terpaksa membayar 20 tahun lebih pada kadar 18 sen, 19 sen, 20 sen, 23 sen. Pentadbiran Perdana Menteri sekarang hendak mengubah, membuat pembedahan dengan mengambil semula. Maka sudah tentu ada orang yang terasa poketnya terancam. Hati mereka tidak senang.

Bila 1MDB memilih untuk terlibat dalam kegiatan *property development* secara besar-besaran di lokasi strategik dalam bandar, orang yang selama ini menguasai *property development* dalam bandar rasa tidak senang hati. Oleh sebab rasa tidak senang hati inilah 1MDB mula diserang. Kita faham 1MDB telah ada strategi tertentu dengan modal yang sedikit hanya RM1 juta untuk membuat pelaburan dengan membuat pinjaman yang besar atas andaian November tahun lalu boleh dibuat IPO dan sebagainya, sebagai satu *business plan* yang tertentu.

#### ■1440

Akan tetapi kita tahu dalam Dewan ini bagaimana 1MDB diconteng dan dikotorkan sehingga *goodwill* yang ada pada 1MDB terjejas, IPO gagal. Mereka mahu menggagalkan program IPP [*Tepuk*] Mereka tidak senang bila 1MDB menjalankan CSR dengan modal RM1 juta daripada kerajaan. CSR 1MDB melebihi daripada RM100 juta yang membantu rakyat di luar bandar. Strategi pendekatan baru yang digunakan oleh Yang Amat Berhormat Pekan. Hati mereka tidak senang. Hati mereka tidak senang apabila 1MDB ini menguasai sektor tertentu. Hati

mereka tidak senang apabila kerajaan ada kekuatan tambahan selain daripada jentera kerajaan yang ada melalui pelaburan dan peranan 1MDB dalam bentuk yang *non-conventional* ini. Lalu mereka mahu melihat IPO itu gagal.

Akan tetapi kerajaan, saya ucapkan tahniah. Seawal-awal. Saya tidak pernah ingat dalam Dewan ini, setiap kali bersidang, soalan tentang 1MDB ini dikemukakan dan kerajaan setiap kali jugalah memberikan jawapan demi jawapan. Kita ucap tahniah kerana Perdana Menteri secara konsisten menyatakan 1MDB, sila dan harus diperiksa, diserahkan kepada AG, diserahkan kepada badan-badan berwajib mengikut peraturan-peraturan tertentu. Yang jelas, proses itu sudah berjalan dan sudah tentulah diulangi beberapa kali, kalau dalam proses penyiasatan nanti, ada *conclusion*, ada pihak yang terbabit melakukan kesalahan, tidak ada sesiapa *above the law*. Itu penegasan yang telah kerajaan lakukan dan proses itu sedang berjalan tetapi mereka juga tidak berpuas hati, kenapakah? Kerana apabila IPO itu gagal, kerajaan telah tampil pula dengan *rationalization plan*.

Kerajaan masih berkeyakinan hutang yang tinggi, ya. Ia terlalu tinggi, kerajaan iktiraf bahawasanya itu bukan suatu keadaan *business* yang *prudent* dan baik tetapi kerajaan juga mempunyai rancangan bagaimana cara hendak mengatasinya. Maka mereka juga hendak berusaha bagi memastikan *rationalization plan* ini juga gagal. Mereka di luar sana secara tidak berintegriti mengulangi dan mengulangi bahawasanya wang RM42 bilion hilang tetapi di mana buktinya dan menuduh dengan pelbagai tuduhan yang saya merasakan sebenarnya yang tidak ada integriti itu adalah di pihak pembangkang.

Saya berkeyakinan. Diberikan masa, urusan 1MDB dan isu 1MDB ini walaupun berat di sebelah kerajaan untuk menjawab fitnah, saya percaya akhirnya 1MDB inilah yang akan menjadi kekuatan baru kepada Barisan Nasional dalam pilihan raya yang akan datang apabila kita akan membuktikan apa yang didakwa itu adalah tidak benar.

Serupa juga dengan isu RM2.6 bilion. Hendak takut apa kita hendak bahas di sini. Kenapa terlalok, terlolong dengan membawa pelekat. Kita di sini bukan penunjuk perasaan. Kita di sini Ahli Parlimen. Kalau kita punya bukti RM2.6 bilion ini wang rasuah, wang rakyat, kenapa tidak kita tampil saja dan beri maklumat-maklumat kepada badan berwajib. Akan tetapi tidak. Menggunakan RM2.6 bilion hanya sebagai sindiran. Pada 3 Ogos, MACC ataupun SPRM membuat kenyataan. RM2.6 bilion dalam akaun Perdana Menteri bukan daripada 1MDB. Kalau ia bukan daripada 1MDB, ia bukan daripada wang kerajaan, jadi apakah isunya di sini?

Oh, adalah kerana ia masuk ke dalam akaun peribadi. Urusan ia masuk ke dalam akaun peribadi sebagai dana politik urusan dalaman UMNO dan Barisan Nasional. Isunya, adakah wang itu wang rakyat? Adakah wang itu wang rasuah? Adakah wang itu wang 1MDB? Kalau tidak, ia urusan dalaman Barisan Nasional. Kami dalam Barisan Nasional, kami dalam UMNO menerima realiti. Tradisi sejak sekian lama. Urusan kewangan kami, kami serahkan kepada Presiden kami. Presiden kami yang menguruskan kewangan.

Kami tidak pernah persoalkan daripada mana wang itu datang kerana itu kita telah anggap sebagai amanah Presiden. Presiden, Bendahari. Apabila timbul itu RM2.6 bilion, kami

telah menemui presiden kami, kami berpuas hati dengan penjelasan malah kami tabik kepada Presiden kami kerana ada inisiatif bagi memastikan menghadapi pilihan raya- *the mother of all the peppers*. Kita mempunyai dana yang cukup untuk menentang kemaraan DAP terutamanya yang juga mendapat dana dari luar.

Oleh sebab itu, soal RM2.6 bilion ini. Pertama, adakah wang rakyat? Tidak. Adakah wang rasuah? Tidak. Adakah wang 1MDB? Tidak! Urusan lain urusan dalaman kecuali kalau berkehendakkan ia diperdetailkan, maka kita cabar kepada barisan pembangkang wujudkan peraturan dan kaedah bagi membolehkan apa juga dana politik itu dibuat melalui satu perisytiharan dan peraturan yang ditetapkan. Selagi peraturan itu tidak wujud dan selagi pembangkang tidak mahu bersetuju untuk mengadakan kaedah-kaedah deklarasi, maka itu RM2.6 bilion yang merupakan dana politik Barisan Nasional tidak harus dipertikaikan oleh sesiapa sekalipun [*Tepuk*]

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** [*Bangun*]

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Tuan Yang di-Pertua. Soalnya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Rasah bangun.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Sikit boleh? Sikit boleh?

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Sila.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Dalam isu RM2.6 bilion ini, saya rasa, bagi saya dan kebanyakan daripada kami di sebelah sini, sebenarnya pada awalnya ketika pendedahan RM2.6 bilion ini dimasukkan ke dalam *personal account* Perdana Menteri, tetapi pada masa itu, Perdana Menteri, beliau sendiri tidak pernah menafikan sehinggalah SPRM mengemukakan bahawa RM2.6 bilion itu bukanlah daripada wang 1MDB. Barulah seluruh rakyat Malaysia mengetahui bahawa sebenarnya RM2.6 bilion telah pun dimasukkan ke dalam akaun beliau. Selaku Perdana Menteri, saya rasa Perdana Menteri perlu menjawab, secara diri sendiri kepada seluruh rakyat Malaysia untuk memastikan seluruh rakyat Malaysia mengetahui bahawa dari mana sumber tersebut dan bagaimana RM2.6 bilion ini dibelanjakan. Terima kasih.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Yang Berhormat, sebab itulah Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib jadi Perdana Menteri. Tidak orang macam Yang Berhormat yang jadi Perdana Menteri. Ini kerana kalau seseorang Perdana Menteri, setiap *Tom, Dick and Harry* yang buat tuduhan, maka Perdana Menteri terkial-kial hendak jawab semua, jawabnya dia gila tidak jadi Perdana Menteri. Bila ada satu-satu tuduhan, seorang Perdana Menteri yang bertanggungjawab, diserahkan kepada badan berwajib, siasat mengikut proses. Dia kena *keep cool*, bukan macam Yang Berhormat. Bila Perdana Menteri tidak mahu menjawab secara spontan, pada saya itu satu langkah bijaksana menunjukkan bahawasanya beliau tidak perlu hendak terburu-buru dan tidak perlu hendak *react* kepada provokasi-provokasi murahan yang dilakukan dan saya ucapkan tahniah dan saya harap Yang

Amat Berhormat Pekan kekal dengan cara yang sedemikian sebagai seorang Perdana Menteri  
[Tepuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, boleh habiskan.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Ini kerana akhirnya proses penyiasatan tetap akan berjalan. Maka dia akan dijalankan dan kalau kita benar, kita tidak perlu merasa kluatir. Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Yang Berhormat Marang ada membuat kenyataan bahawasanya Yang Berhormat Marang dan juga partinya bersedia untuk bekerjasama dengan kerajaan. Saya ingin merakamkan rekod dalam Dewan yang mulia ini ucapan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Marang. Rupa-rupanya di sebelah pembangkang ini masih ramai lagi Ahli-ahli Parlimen yang mempunyai etika.

Ramai lagi Ahli-ahli Parlimen yang berjuang atas dasar kebenaran dan bukannya emosi. Akan tetapi yang saya tidak faham kenapakah kenyataan sedemikian menimbulkan keresahan di kalangan pembangkang sehingga timbul reaksi bahawasanya DAP akan meletakkan calon di kerusi-kerusi di mana PAS bertanding. Saya harap itu benar berlaku dan kalau DAP letak calon di situ, di kawasan-kawasan PAS, saya akan ajak kawan-kawan Barisan Nasional beri sokongan kepada PAS dan kalahkan DAP [Tepuk]

Sebenarnya ada pihak yang merasakan berdasarkan kepada keadaan sekarang, mereka merasakan seolah-olah pilihan raya akan datang sudah menjadi milik mereka. *InshaaAllah*, tanpa keizinan Allah, itu tidak akan berlaku. Negara sedang mengalami satu proses politik baru yang kita akan saksikan dalam tempoh dua tahun mendatang. Ini kerana politik ini politik berasaskan kesedaran. Di suatu peringkat, barangkali PAS tidak percaya kepada Barisan Nasional. Dia lebih percaya kepada DAP lalu dia cuba untuk bekerjasama dengan DAP. Proses perjalanan panjang yang PAS lalui bersama DAP membuktikan siapakah DAP sebenarnya.  
[Tepuk]

Perkongsian itu membawa untung semata-mata kepada DAP. PKR hanya menjadi parti yang duduk di nombor dua dan hanya duduk di bawah ihsan DAP manakala parti PAS pula dipersendakan begitu rupa. Apabila PAS menggambarkan untuk memberikan kerjasama dengan kerajaan, sebenarnya itu adalah satu *gesture* yang sepatutnya disambut baik tetapi ada pihak yang mula menimbulkan kegusaran. Proses ini tetap akan berlaku. Proses apabila rakyat sedar, apabila sebahagian daripada orang Melayu, orang Islam sedar di mana letak duduknya asas perjuangan satu-satu parti itu. Mereka tidak boleh lari daripada sejarah. Rakyat kenal apa itu DAP. Rakyat kenal apa itu dasar DAP.

Rakyat tidak lupa apa yang DAP telah lakukan dalam negara ini. Saya- tidak mungkin rakyat negara ini akan memberikan kuasa untuk memerintah kepada DAP [Tepuk] Kita berterima kasih. Kita ditegur, kita diserang. Kita diuji dengan beberapa kekalahan. Tidak jadi masalah. Dalam politik sudah tentu ada naik turunnya. Sedikit sebanyak yang penting ia memberikan juga kesedaran kepada kita tetapi UMNO dan Barisan Nasional akan menjadi lebih kuat dengan apa yang sedang berlaku sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, boleh gulung, Yang Berhormat.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Yang pastinya sekarang ini adalah salah satu daripada kejayaan DAP ialah dia boleh mengawal PKR dan DAP sekarang ini boleh memperkotak-katikkan PAS. Satu-satunya parti yang boleh memecahkan kekuatan PAS adalah DAP. Tercatat dalam sejarah.

■1450

Saya *salute* pada DAP kerana dapat menarik beberapa orang kuat PAS untuk menjadi tali barut-tali barut mereka. Barangkali yang ada dalam PAS itu pun masih ada lagi yang sedang dalam keadaan keraguan kerana digoda oleh DAP. Akan tetapi rakyat di luar sana sedang memerhatikan apakah DAP ini akan menjadi parti yang boleh mengendalikan urusan kebajikan rakyat dan juga kestabilan politik dalam negara.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Ketereh, celah sedikit sahaja. Belakang.

Yang Berhormat Ketereh, kita dengar kenyataan dari Pengerusi DAP Selangor, Yang Berhormat Ketereh sebut pasal PAS, pasal PKR tetapi kita tidak sentuh 'Baju Oren' ini.

Apabila DAP di Selangor dengan jelas menyatakan bahawa mereka mahu bertanding lapan Kerusi yang sebelum ini ditandingi oleh PAS, itu bermakna nampaknya DAP juga tidak mengiktiraf kepada parti yang baru, yang sepatutnya Kerusi itu diserahkan kepada mereka. Ini menunjukkan bahawa nampaknya DAP juga tidak mengiktiraf PAS ini. Apakah pandangan Yang Berhormat Ketereh?

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Saya fikir ia telah merupakan satu tabii parti berkenaan yang lebih faham dan lebih tahu adalah orang PAS yang pernah bekerjasama dengan DAP. Ke manakah perginya? Sebenarnya kekuatan pakatan pembangkang baru-baru ini kekuatan datang dari PAS. Siapalah PKR sebenarnya kalau tidak didokong oleh PAS? Kekuatan PKR itu datangnya dari PAS. Siapalah DAP kalau tidak disokong oleh PAS? Sekarang ini DAP tidak boleh mendabik dada. Tunggu pilihan raya yang akan datang, tengok situ apa yang akan berlaku dalam pilihan raya yang akan datang.

Oleh sebab itu sebagai menggulung Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan sekali lagi, kewibawaan Perdana Menteri berdasarkan kepada rekod, berdasarkan kepada sejarah, berdasarkan kepada servis juga berdasarkan kepada *result* pengurusan ekonomi negara di bawah Program Transformasi dan sebagainya. Kita harus bersyukur macam ayat Al-Quran yang saya baca di peringkat awal tadi. Bersyukur kerana negara kita dalam keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu tetapi ia masih tetap diuruskan dengan baik. Tidak mengambil pendekatan populariti tetapi mementingkan keutamaan rakyat dan kita tahu bagaimana misalnya GST menyelamatkan kita, bagaimana rasionalisasi subsidi menyelamatkan keadaan kita, bagaimana penurunan defisit menyelamatkan penarafan *rating* kita langkah yang awalnya tidak popular tetapi yang penting tindakan yang betul dan benar.

Kedua, dalam menggulung ini saya ingin menekankan bahawasanya pihak pembangkang jangan terlalu angkuh bahawasanya rakyat juga sedang memerhatikan kredibiliti mereka. Kredibiliti mereka sebagai sebuah badan gabungan di antara rakan-rakan komponen, kredibiliti mereka dalam membuat kerja termasuk ini diedarkan kononnya ada memorandum rakyat diberikan kepada Ahli-ahli Parlimen. Dalam kawasan saya, saya baca ambil nama saya cek orang yang sudah mati pun ada. Inikah kredibiliti? Ada seorang itu doktor dalam kawasan saya, Ziad Azhari, saya *call* dia, dia tidak tahu pun. Inikah kerja berkredibiliti? [*Tepuk*]

Adakah pembangkang sudah sampai satu tahap yang tidak sabar-sabar hendak mendapatkan kuasa? Tidak sabar-sabar menunggu pilihan raya yang akan datang hendak cari jalan untuk menolak belanjawan ini sebagai satu keadaan undi tidak percaya? *InshaaAllah*, bila sampai mengundi bil ini, proses usul untuk menjadikan ini undi tidak percaya akan kita terbalikkan menjadi proses undi tidak percaya kepada integriti pembangkang. Saya yakin pembangkang tidak dapat mengumpul hatta 88 buah kerusi di kalangan mereka pun mereka tidak akan mengumpulkan bila masa mengundi. Sementara di Barisan Nasional *inshaaAllah*, kami berdiri teguh bersama-sama dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri [*Tepuk*] Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Pasir Putih.

#### 2.54 ptg.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua... [*Bercakap dalam Bahasa Arab*]

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya berucap untuk memperdebatkan Bajet 2016 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 28 Oktober 2015 bersamaan 10 Muharram 1437 Hijrah. Saya petik ayat yang dibaca oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan maknanya... [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Surah An-Nisa', ayat ke-58, yang bermaksud, "*Sesungguhnya Allah menyuruhmu menyampaikan amanah kepada yang berhak menerimanya dan apabila kamu menetapkan hukum di antara manusia, hendaklah kamu menetapkannya dengan adil. Sesungguhnya Allah sebaik-baik yang memberi pengajaran kepada kamu. Sesungguhnya Allah Maha mendengar dan Maha melihat*".

Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana memetik ayat ini untuk dimulakan ucapan bajet yang telah dibacakan oleh beliau.

Tuan Yang di-Pertua, setelah kita merdeka, kerajaan kita Malaysia telah mentadbir urus negara sehingga ke hari ini. Berbagai-bagai-bagai cabaran, turun naik yang dirasakan dan pada hari ini kita merancang lagi untuk meneruskan pembangunan negara dan memakmurkan kehidupan rakyat Malaysia semuanya.

Dalam ucapan Bajet Perdana Menteri dan buku-buku yang diedarkan mengenai perincian pendapatan anggaran perbelanjaan, laporan ekonomi dan lain-lain lagi banyak yang

saya sendiri belajar dan kita boleh pelajari bagaimana ekonomi negara sekarang sedang diurus oleh kerajaan. Jadi terangkan bahawa pengurusan mikro ekonomi negara ialah tujuannya untuk mengukuhkan daya tahan ekonomi, menguruskan impak ketidakpastian luaran yang berlaku dan seterusnya untuk menjamin kesejahteraan kehidupan rakyat dan ekonomi negara yang terbuka menyebabkan negara ini dipengaruhi oleh perkembangan-perkembangan yang berlaku di dunia dan juga di dalam negara kita Malaysia.

Kita tahu masalah-masalah yang dihadapi dunia sekarang seperti kelembapan di negara China, Jepun dan Eropah. Kita tahu juga akan penurunan harga minyak dan harga-harga komoditi penting dalam negara dan kita tahu bahawa Amerika Syarikat tidak pasti sama ada mereka akan mengadakan dasar yang baru kepada pentadbiran monetari mereka. Mungkin akan menyebabkan mereka batuk di sana, kita di sini demam dan banyak lagi keadaan yang sedang berlaku sekarang yang pada keseluruhannya bacaan pakar-pakar ekonomi memberikan gambaran bahawa kita sedang berhadapan dengan keadaan ekonomi global yang tidak menentu. Ini akan memberi kesan yang besar kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, antara pembaharuan fiskal yang dilakukan oleh kerajaan beberapa tahun ini pertama ialah rasionalisasi subsidi dan perbelanjaan.

Kedua ialah pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan iaitu GST. Saya ingin bercakap sedikit tentang GST ini. Dijangkakan bahawa hasil daripada GST pada tahun 2016 ialah sebanyak lebih kurang RM39 bilion, dengan izin. Ia sedikit-sebanyak akan menampung kekurangan daripada ketidakhasilan hasil daripada industri minyak dan gas dan juga disebabkan oleh harga dan lain-lain masalah yang menyebabkan kekurangan hasil negara yang dijangka pada tahun hadapan.

Sebagaimana yang kita tahu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan inilah yang menyelamatkan kita dalam kita merancang fiskal kita pada tahun depan, yang menyelamatkan kita ialah GST. Dijangka *inshaaAllah*, defisit negara akan boleh dikurangkan sedikit kepada 3.1% atau 3.2% daripada KDNK negara.

#### ■1500

Saya masih ingat ketika Parlimen meluluskan pelaksanaan GST kita. Kita difahamkan bahawa GST sesuai dilaksanakan ketika ekonomi negara berkembang dengan baik. Dan pada masa itu, itulah yang diberitahu oleh Timbalan Menteri Kewangan kepada kita.

Dalam keadaan ekonomi yang berkembang dengan baik, rakyat makmur, pendapatan yang banyak maka ketika itulah masa yang paling baik untuk kita laksanakan GST. Akan tetapi dalam masa tidak sampai satu tahun setelah pelaksanaan GST dimulakan keadaan berubah menjadi keadaan gawat dengan masalah-masalah ekonomi yang ada sekarang. Ini menyebabkan GST itu menambah beban kepada rakyat. Ini dirasakan oleh semua. Saya tanya semua orang, semua kata GST membawa beban kepada rakyat, membebaskan mereka. Saya tidak pernah jumpa lagi seorang kecuali dia itu orang kaya, dia tidak cara perbelanjaan dia itu, harian dia itu bebas. Dia tidak perlu berfikir berapa senkah dia belanja? Dia tidak berkira berapa

banyak dia habis hari ini dan esok. Bagi manusia macam itu kita letak di tepi tetapi kebanyakan orang-orang yang berpendapatan rendah dan sederhana mereka merasai beban GST ini.

Jadi, dengan kenaikan harga barang dan kenaikan harga perkhidmatan ini menyusahkan rakyat. Oleh sebab itu, seboleh-bolehnya kita kena tangguhkan dahulu pelaksanaan GST atau kita kenakan GST ini pada kadar sifar ke atas barang-barang atau servis-servis yang diperlukan oleh golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Saya tidak sampailah mengatakan bahawa kadar sifar kepada semua tetapi kalau boleh kepada semua barang-barang yang kita perlukan...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Pasir Puteh.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** ...Atau servis-servis yang diperlukan oleh golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bagan Serai bangun.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Bagan Serai.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Yang Berhormat Bagan Serai sudah lima jam bercakap. Saya baru lima minit tidak sampai. Ada 15 minit lagi, tidak sempat. Minta maaf.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Seminit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak bagi jalan lah itu Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Banyak lagi. Masa, masa nanti Tuan Yang di-Pertua marah saya. Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Lepas ini, lepas ini. Lepas habis tanya *inshaaAllah*. Itu tentang GST. Saya ingin membaca satu ayat lagi daripada Al-Quran. Ini menerangkan tentang Nabi Daud. Kalau Nabi Daud kita tahu diangkat menjadi Raja. Di satu zaman dahulu dia diangkat menjadi Raja. Allah berfirman... *[Membaca ayat Al-Quran] Bermaksud, "Wahai Daud, sesungguhnya kami telah menjadikan mu khalifah di muka bumi ini. Maka jalankanlah hukum di antara manusia dengan yang benar yakni hukum yang diwahyukan kepadamu, hukum Allah, syariat Allah. Dan jangan engkau menurut hawa nafsu kerana yang demikian itu akan menyesatkanmu dari jalan Allah. Sesungguhnya orang yang sesat dari jalan Allah akan beroleh azab yang berat pada hari hitungan amal disebabkan mereka melupakan jalan Allah itu".*

Ayat ini memperingatkan sesiapa yang diangkat menjadi pemimpin, pemerintah, menjadi khalifah dan Allah menjadikan kita sebenarnya semua khalifah... *[Bercakap dalam bahasa Arab]* Dan kalau dia menjadi khalifah, Raja, pemimpin, Perdana Menteri maka dia mesti ingat ayat ini. Ini nasihat kepada pemimpin supaya menghukum di antara manusia ini dengan kebenaran dan kebenaran itu adalah... *[Bercakap dalam bahasa Arab]* "Kebenaran itu daripada tuan engkau iaitu daripada Al-Quran dan hadis. Jangan sekali-kali engkau mengikut hawa nafsu mu. Memang hawa nafsu mu tidak akan puas". Kalau kita membuat kenduri kahwin anak kita dengan harga RM100,000 kenapa kita perlu buat dengan harga berjuta-juta? Tidak perlu. Misalnya, contoh.



Jangan mengikut hawa nafsu kita, tidak cukup. Kalau boleh hendak besar lagi. Tidak cukup ikut nafsu ini kerana mengikut nafsu itu akan menyesatkan kita dari jalan yang benar...

**Seorang Ahli:** GST benar, cubalah.

**Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Firman Allah lagi untuk memperingatkan kita sebagaimana Yang Berhormat Ketereh memberitahu bahawa sebenarnya siapa yang memerintah ini sudah ditentukan oleh Allah. Selama ini Allah menentukan bahawa Barisan Nasional memerintah sampai ke hari ini tetapi esok kita tidak tahu. Allah yang menentukan. Allah berfirman... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Bermaksud, katakanlah Allah yang memiliki segala kerajaan. Dia memberi kerajaan kepada orang yang dikehendaki dan Dia menarik kerajaan itu daripada orang yang dikehendaki hingga ke akhir hayat. Ini semua kita baca selepas solat, kita kena sedar, jangan angkuh.

Sesiapa yang diangkat menjadi pemerintah bahawa dia diangkat untuk menjadi khalifah Allah di muka bumi ini bukan untuk bermegah-megah dan hendak berkuasa mahu tunjuk hebat dia. Dia kena bertanggungjawab kepada Allah SWT, dia kena bertanggungjawab kepada Rasulullah dan dia kena bertanggungjawab kepada Muslimin, kepada rakyatnya yang diperintahnya... [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] "*Beramallah...*" "*Qul*"- katakan, beramallah kamu, buatlah kerja sebanyak mana, sebaik-baiknya.

Sekarang kita bekerja kita hendak merancang untuk mengurus kewangan negara dan membawa kemakmuran kepada negara kita. Kita buat betul-betul. Saya ingin ucapkan terima kasih kepada semua pegawai kerajaan yang menyediakan bajet ini. Kepada kerajaan juga terima kasih kerana tahu inilah tanggungjawab dan tugas. Kalau kita menjadi kerajaan kita juga akan menyediakan bajet ini. Kemudian kita akan bincangkan bajet ini dan kita akan berbincang untuk meluluskannya atau tidak.

Saya di pihak pembangkang mesti kita akan mencari di mana kelemahan-kelemahannya supaya kita boleh baiki, ditolak dahulu, kita baiki *inshaaAllah*, boleh tiada masalah. Kalau majoriti setuju dengan bajet ini kita teruskan, tidak apa dan kita lihatlah kesannya kepada kita pada tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua yang dikasihi, saya ada beberapa isu. Kerana masa singkat saya *straight* kepada masalah dalam kawasan saya dan di negeri saya Kelantan. Saya dengar di sini bermacam-macam-kompelin, aduan dari Malaysia Timur, Sabah dan Sarawak. Saya pergi ke Sabah dan Sarawak dan jika saya bandingkan dengan keadaan di Sabah dan Sarawak dengan Kelantan, kasihan Kelantan. Akan tetapi orang Kelantan ini kita menerima dengan terima kasih dengan *wahab*, dengan sabar apa sahaja yang kita ada *alhamdulillah*. Ini ketentuan Allah SWT. Kita tidak banyak kompelin tetapi kita memilih pembangkang, itu sahaja di Kelantan. Kita menunjukkan bahawa kita tidak suka apa yang dilakukan oleh Kerajaan Pusat kepada kita, kita pilih pembangkang.

Kalaulah apa dilakukan oleh Kerajaan Pusat itu seperti mana dilakukan di negeri Pantai Barat saya rasa mungkin Kerajaan Kelantan bukan PAS. Mungkin lain, mungkin Kerajaan Pusat,

tidak tahu tetapi kerana kezaliman, ketidakadilan yang dilakukan oleh Barisan Nasional inilah, maka kita rakyat Kelantan memilih PAS, pilih pembangkang...

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Minta penjelasan sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Macam mana- saya pun tidak kacau...

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Saya cuma hendak tanya orang Kelantan. Orang Kelantan ramai dekat Pulau Pinang, dekat Shah Alam, dekat- tempat-tempat lain macam mana?

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Sebab itu kita berterima kasih juga kerana kita sebenarnya terus teranglah kita orang Kelantan ini kita boleh cari rezeki di mana-mana. Kita mempunyai fikiran, kita mempunyai tenaga dan kita bebas untuk bergerak di seluruh Malaysia ini untuk mencari rezeki di bumi Allah ini dan *alhamdulillah* disebabkan ditindas di Kelantan, kita tersebar di seluruh Malaysia. Kita menguasai banyak tempat di Malaysia ini, *alhamdulillah*.

Walau bagaimanapun, saya ingin menyebut jugalah keadaan di Kelantan yang ketinggalan. Ada beberapa perkara di kawasan saya di Pasir Puteh, kawasan Tok Bali. Kita di Kelantan amat memerlukan pelabuhan tetapi sampai ke hari ini kita tidak dibenarkan di bawah kuasa Kerajaan Pusat untuk membina pelabuhan di sana.

#### ■1510

Kalau ada pelabuhan di sana, sudah tentu perniagaan, sudah tentu pembangunan akan pesat di negeri Kelantan. Kemakmuran ini akan sampai ke negeri Kelantan tetapi tidak dibenarkan. Sekali lagi saya menyeru, saya merayu kepada Kerajaan Pusat, berilah kepada rakyat Kelantan sebuah pelabuhan di Tok Bali, kecil saja tidak apa asal kita boleh berniaga ke luar. Orang Kelantan ini orang yang pandai berniaga, *inshaaAllah*. Kita boleh pergi ke Vietnam, boleh pergi Kemboja, dan akan membawa kekayaan ke Malaysia ini, dan itu yang diperlukan, membawa kemakmuran pada Malaysia. Itulah yang boleh kita sumbangkan melalui pelabuhan di Kelantan itu.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, jalan-jalan. Di Kelantan ini jalan-jalannya teruk. Kita datang dari Terengganu atau dari Pahang, masuk saja Kelantan jalan sudah berubah, lain, ini bukan Malaysia ini. Ini lain, negeri lain ini. Jalannya berliku-liku, berlubang-lubang dan macam-macam lagi. Jadi, adakah Kelantan ini negeri di dalam Malaysia atau tidak? Kalau saya di Sabah, kerajaan kita di Sabah sudah lama saya minta kemerdekaan, biar kita urus sendiri kekayaan kita dan kita bina jalan-jalan, lebu-lebu raya yang cantik *inshaaAllah* untuk rakyat tetapi kerana kita ini sayang pada Malaysia. Ini tanah air kita, ini tempat kita hidup, kita akan mati dan akan pertahankan Malaysia, maka kita bersabar dan kita percaya satu hari nanti *inshaaAllah* jalan-jalan di Kelantan ini akan diperbaiki.

Jalan dari Kota Bharu ke Pasir Puteh, tembus pada dua *carriageway* terlalu sibuk dan sempit. Ada sedikit tempat sudah dibaiki, jambatan di Beluk ada dibaiki tetapi kita perlukan sepanjang jalan dan menyambung sampai ke Jerneh, ke Terengganu. Maka itu *inshaaAllah* akan memudahkan perjalanan dan memberikan kesenangan kepada rakyat Kelantan.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Yang Berhormat, sedikit.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Baiklah Yang Berhormat Ketereh. Sila.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Terima kasih, saya ucapkan. Tahniah atas ucapan Yang Berhormat Pasir Puteh. Nampak ada banyak perubahan daripada sebelumnya, *alhamdulillah*.

Saya cuma nak tanya Yang Berhormat, saya setuju sangat sebenarnya Kelantan sangat-sangat tertinggal dan saya harap kita sama-sama berjuang. Soalan saya, adakah dengan signal yang diberikan oleh Presiden PAS tentang hendak bekerjasama dengan kerajaan itu akan membawa harapan baru kepada kita di Kelantan? Satu.

Keduanya, saya terbaca sebuah poster yang disebar di Kelantan. Yang Berhormat ini disenaraikan di bawah PAN tetapi sekarang ini duduk di bawah PAS. Sebenarnya Yang Berhormat hendak ke mana?

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** [Ketawa] Terima kasih Yang Berhormat Ketereh. Sebenarnya ketika saya menjadi Exco di Kelantan dahulu, kita cukup rapat dengan Kerajaan Pusat. Kita datang berjumpa dengan Menteri dan meminta keperluan-keperluan kita. Akan tetapi disebabkan oleh orang-orang UMNO di Kelantan ini dia berdendam dengan kita. Dia kata jangan bagi. Menteri nak bagi dah, Menteri kata nak bagi tetapi minta maaf Yang Berhormat, UMNO Kelantan jahat sangat [Ketawa]

Saya harap UMNO Kelantan akan berubah, *inshaaAllah*, menjadi orang lain *inshaaAllah*. Kalau kita berbaik sebagaimana Islam menyaran kita supaya... [Membaca sepotong ayat Al-Quran] Maka *inshaaAllah* kita akan bekerjasama untuk membawa kemakmuran dan kebaikan kepada rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, ada dua tiga perkara lagi. Saya minta sedikit lagi. Kemudian kita perlu pada jalan Kota Baharu-Kuala Krai itu, lebuh raya itu pada pendapat sayalah, kita negeri Kelantan ini miskin. Hasil kita tidak banyak. Kita akan banyak bergantung pada yang kayalah seperti Selangor dan lain-lain. Akan tetapi Kerajaan Pusat kita mempunyai bajet yang cukup banyak. Saya minta supaya jalan Kota Baharu-Kuala Krai ini dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Pusat. Kasihan kepada kerajaan negeri, kasihan kepada kita yang meminta sedekah pada orang lain. Dikatakan lebuh raya rakyat, rakyat yang mengeluarkan RM1, RM2 ini, tidak cukup Tuan Yang di-Pertua.

Jadi oleh sebab itu saya ingin minta supaya Kerajaan Persekutuan mengambil alih pembangunan lebuh raya ini dan membiayai sepenuhnya dari Kota Bharu sampai ke Gua Musang sampailah ke *Central Spine*. itu pun dalam perancangan kita, *central spine* ini penting, ini

tulang belakang negara kita. Kalau patah tulang belakang, mati kita, mundur kita. Oleh sebab itu saya harap *inshaaAllah* Kerajaan Pusat memberikan tumpuan supaya *Central Spine* ini disempurnakan secepat mungkin dengan sebaik-baiknya.

Kemudian hubungan kereta api ke luar dari negeri Kelantan, hubungan kereta api. Sampai hari ini tidak bergerak kereta api kita, sudah setahun setelah banjir. Saya tidak tahu apa jadi. Katanya dalam enam bulan boleh siap tetapi tidak siap-siap. Tidak boleh berjalan lagi dari Tumpat ke Kuala Lumpur. Jadi saya harap *inshaaAllah* pihak kerajaan akan berusaha secepat mungkin untuk menyelesaikan masalah rel-rel ini supaya *inshaaAllah* perhubungan di antara Kota Bharu ke Kuala Lumpur ini akan dapat disiapkan secepat mungkin.

Di Bandar Pasir Puteh Tuan Yang di-Pertua, perparitan di sana bermasalah. Kita tahu orang Kelantan ini miskin. Saya mengakulah kita miskin, baik kita mengaku miskin supaya orang kaya boleh bantu kita, supaya orang kaya boleh bersedekah dan mendapat pahala. Kalau kita tidak beritahu, bagaimana orang kaya hendak tahu, dia belanja tempat lain. Dia belanja untuk benda-benda yang tidak penting, benda-benda kemewahan, ini perkara darurat. Perkara darurat, parit saja untuk mengalirkan air tetapi kita tidak mampu untuk menyelesaikannya. Saya dengar-dengar ada juga peruntukan kata tetapi bila? Sepuluh tahun lagi, dua puluh tahun lagi. Saya harap *inshaaAllah* secepat mungkin Kerajaan Pusat boleh membantu kawasan saya ini menyelesaikan masalah banjir sebab tempat-tempat lain banjir kilat dan sebagainya. Hujan sikit mula banjir di dalam bandar itu.

Perkara yang seterusnya sedikit sahaja tentang perumahan. Di negeri Kelantan ini saya tidak tahulah berapa buah rumah yang disediakan oleh kerajaan. Projek PR1MA misalnya, kita ada 175,000 unit rumah yang akan dibina dan diharapkan *inshaaAllah* tahun depan ada 10,000 buah akan dibina tetapi berapa banyak di Kelantan. Saya pun tengok kiri kanan, tidak nampak, dalam Pasir Puteh tidak nampak. Juga rumah-rumah lain seperti rumah-rumah mesra rakyat, dikatakan 10,000 buah akan dibina tetapi di mana? Berapa buahkah di Kelantan? Rumah perumahan Penjawat Awam 1Malaysia banyak akan dibina tetapi berapa di Kelantan.

Program Perumahan Rakyat, Rumah Generasi Kedua FELDA, FELCRA, beratus-ratus juta atau berbilion-bilion dibelanjakan untuk semua projek ini tetapi berapa buah rumah yang dibina di Kelantan. Saya minta penjelasan daripada kerajaan supaya boleh beritahulah di Kelantan ada beberapa buah yang akan dibina pada tahun hadapan mengikut perancangan-perancangan ini dan berapakah yang sedang dibina. Khususnya pada tahun hadapan, berapa banyak yang akan dibina. Lebih-lebih lagi di dalam kawasan saya Pasir Puteh, saya tidak tahu, rakyat Pasir Puteh pun tidak tahu. Minta penjelasan daripada Menteri.

Seterusnya mungkin yang kedua terakhir. Tuntutan royalti. Ini mesti disebut, tempat-tempat lain dapat, negeri-negeri lain dapat royalti. Di Kelantan saya rasa tidak banyak royalti Kelantan itu, sedikit saja tetapi sedikit sebanyak *inshaaAllah*, ia boleh membantu kerajaan negeri untuk membantu sekolah-sekolah agama rakyat, membantu program-program orang miskin, membantu program *Al-It'aam*. *Al-It'aam* ini program kita memberikan beras kepada orang miskin

e-Tegar dalam kawasan kita, 100 orang satu DUN tidak mengira parti, tidak mengira bangsa, kalau mereka ini e-Tegar kita pilih 100 orang, kita beri beras sekampit sebulan.

Kita minta daripada Kerajaan Pusat supaya memberikan kepada kita supaya membeli daripada Kerajaan Pusat beras ST15 tetapi sedihnya tidak dibenarkan. Kita terpaksa beli beras ST10 atau ST5, terpaksa beli dengan harga yang lebih mahal. Sedangkan ini adalah untuk orang miskin tetapi tidak diberikan. Itulah nasib kita di Kelantan. Tidak apa walau bagaimanapun kita diberitahu bahawa ST15 ini akan dihapuskan sepenuhnya. Saya berterima kasih kerana memang subsidi yang diberikan oleh kerajaan ini bukan sampai kepada rakyat, tidak sampai kepada rakyat tetapi sampai kepada pengilang-pengilang, tidak menguntungkan rakyat. Terima kasih kepada kerajaan atas kebijaksanaan rasionalisasi subsidi ini penuh tepat pada masa masanya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, boleh habiskan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Dua minit, *inshaaAllah*. Kemudian saya hendak sebut juga tentang *maqasid* syariah. Ini mungkin penutup saya.

#### ■1520

Saya percaya bahawa syariat itu undang-undang daripada Allah SWT. Perintah Allah yang kita orang Islam wajib, bukan sunat, bukan ada pilihan untuk kita tidak melaksanakan, wajib kita laksanakan. Akan tetapi kita tahu bahawa banyak urusan kita termasuklah bajet kita ini yang kita rancang ini, mungkin tidak ada rupa-rupa yang jelas daripada syariat itu sendiri. Yang ada hanyalah hukum-hukum yang umum tetapi yang kita boleh dapat daripada Islam ialah maksud hukum syariah itu sendiri yang kita mesti laksanakan dalam setiap aktiviti kehidupan kita termasuklah aktiviti kerajaan untuk mentadbir negara ini, mestilah bertepatan dengan *maqasid syar'iah*.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana mula menggerakkan *maqasid* ini dan menilai segala kewajipan kerajaan dengan mengutamakan semua kewajipan itu mestilah bertepatan dengan objektif utama dengan syariah itu sendiri iaitu *maqasid syar'iah* iaitu untuk menjaga agama, menjaga nyawa, menjaga akal, menjaga keturunan dan menjaga harta. Menjaga harta ini- inilah yang kita rancang agar jangan ada di sana itu penyalahgunaan kuasa, untuk merampas harta orang lain. Kita mesti memberikan hak kepada orang itu, orang itu mempunyai hak atas harta mereka maka kita mesti memberikan kebebasan pada dia untuk menikmati hartanya, untuk dia mengusahakan hartanya, untuk dia mengembangkan hartanya. Inilah yang kita mesti galakan, jangan pula kita mengambil harta mereka dan kita masuk dalam poket kita dan kita menggunakan harta ini dengan cara yang salah di sisi agama.

Saya berharap, *inshaaAllah* apa sahaja yang kita lakukan, saya minta kita di pihak Kerajaan atau di pihak pembangkang, kita menegur, kita menasihati, dan kita akan terus melihat di mana sahaja kekurangan yang ada pada kerajaan kita akan tegur dengan niat yang baik supaya kerajaan memperbaiki *inshaaAllah*. Kalau kerajaan tidak mahu membaiki, kita tukar kerajaan. Kalau kerajaan tidak mahu membaiki dirinya, kita tukar kerajaan.

Kita ada pembangkang *inshaaAllah*, yang padu *inshaaAllah*, yang lebih kuat *inshaaAllah* untuk mengimbangi- *check and balance* Kerajaan Pusat ini, Kerajaan Malaysia ini, supaya tidak beraku penyelewengan, tidak berlaku sesuatu yang bercanggah dengan *maqasid syar'iah* itu sendiri. Itulah matlamat dia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas masa yang diberikan. *Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Kangsar.

### 3.23 ptg.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Sebelum saya meneruskan perbahasan saya, ingin saya mengalu-alukan kehadiran rombongan daripada pensyarah, dan penuntut-penuntut Ijazah Sarjana Sains Sosial USM yang diketuai oleh Dr. Siva Murugan. Selamat datang. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, "Mensejahtera Kehidupan Rakyat", begitulah tema Bajet pada kali ini. Saya berpendapat bahawa aspirasi Bajet 2016 ini adalah sangat bertepatan dengan masanya, khususnya dalam suasana dan cuaca ekonomi dunia yang tidak menentu. Saya mewakili warga Kuala Kangsar ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kepimpinan Kerajaan yang telah merangka Bajet 2016 yang bagi saya amat menyeluruh merata dan *very well spread*, dengan izin.

Setiap tahun acara pembentangan bajet merupakan sesuatu yang amat dinantikan oleh setiap lapisan dengan pelbagai tujuan. Ada kumpulan yang menantikan pembentangan bajet untuk melihat peluang-peluang baru yang ada, ada kumpulan yang menantikan untuk mencari kesalahan kerajaan, ada juga menantikan pengumuman insentif istimewa daripada belanjawan tahunan. Tidak kurang juga ada yang menunggu bulan jatuh menggolek ke riba.

Apa pun tujuan pendengarnya saya yakin segala yang dibentangkan adalah demi kesejahteraan rakyat dan kelangsungan ekonomi negara kerana 80% daripada bajet adalah untuk rakyat dan 20% hanya untuk pembangunan. Namun begitu, soal bajet ini bukanlah soal kewangan atau soal *financial* ataupun soal peruntukan, tetapi pada saya merupakan soal implementasi dan juga *good governance*, dengan izin, untuk melaksanakan, untuk masuk dalam objektif yang bakal kita capai. Sebenarnya bajet ini sebuah pelan- *it is just a plan*, dan merupakan sebuah perancangan yang memerlukan peruntukan.

Tuan Yang di-Pertua, secara konsepnya *good governance* ataupun pemerintahan penyelenggaraan yang baik yang mempunyai kaitan dua pemahaman. Yang pertamanya nilai-nilai yang menjunjung kehendak rakyat dan juga nilai-nilai yang dapat meningkatkan kemampuan rakyat dalam mencapai agenda nasional yang mandiri, yang lestari dan juga dalam keadaan keadilan sosial.

Yang keduanya aspek-aspek *functional* daripada pemerintahan yang efisien dan efektif dalam pelaksanaan tugasnya untuk tujuan yang dimaksudkan. Dengan izin, *good governance*

menunjukkan kepada kita bahawa satu penyelenggaraan negara yang bertanggungjawab yang menjaga sinergi interaksi yang konstruktif di antara institusi negara pemerintahan sektor swasta, masyarakat dan NGO-NGO dan seluruh lapisan, maka dengan demikian paradigma *good governance* menekankan erti penting kesejajaran hubungan antara domain negara, sektor swasta dan masyarakat. Oleh itu segala pelaksanaan yang disediakan mampu benar-benar dapat menyejahterakan rakyat.

Oleh itu juga pertamanya setiap inti pati insentif ataupun inisiatif dan aspirasi kerajaan perlu benar-benar difahami oleh kumpulan-kumpulan pelaksana bermula daripada Ketua Setiausaha Negara sendiri KSN sehinggalah kepada pegawai penguat kuasa di bawah di kawasan-kawasan kita. Hanya dengan cara ini semangat untuk menyalurkan perkhidmatan terbaik kepada rakyat dapat diterjemahkan kepada proses kerja serta rangka kerja yang efisien dan cekap.

Kedua, setiap gerak kerja yang dilakukan perlulah dipantau secara terperinci daripada segi keberkesanan secara berkala. Hal ini adalah penting bagi memastikan golongan sasaran dapat menikmati setiap inisiatif yang disediakan oleh kerajaan.

Ketiga ialah merangka dan melaksanakan penilaian prestasi secara sistematik. *Appraisal* ataupun penilaian ini juga menjadikan budaya kerja setiap kumpulan pelaksana sentiasa mementingkan pencapaian KPI dapat dipenuhi dan KPI sosioekonominya dapat juga dipenuhi. Saya akui tiga perkara yang saya utarakan ini bukanlah asing bagi kita. Namun saya khawatir, sekiranya tiga perkara asas ini dipandang mudah, setiap tahun kita akan melakukan cara kerja yang sama dan mendapat keputusan yang sama.

Jadi jelas Tuan Yang di-Pertua, bagi merealisasikan *effective governance* ia hendaklah bukan sekadar menjadikan nilai amalan dalam perkhidmatan awam, tetapi juga di kalangan ahli politik, pihak swasta, badan-badan bukan kerajaan dan juga golongan-golongan profesional. Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyatakan bajet ini bukanlah soal kewangan- *financial* ataupun peruntukan, tetapi soal implementasi dan *good governance* itulah asas dan fundamentalnya.

Isu kedua yang utama yang saya hendak bawakan ialah isu perumahan dan kediaman. Perancangan perumahan dalam bajet 2016 melingkari pelbagai kategori dan pelbagai *target* yang disasarkan seperti membina 175,000 buah rumah PR1MA, 10,000 unit rumah dijangka siap pada tahun 2016. Semua rumah akan dijual 20% lebih rendah daripada harga pasaran.

Jumlah peruntukan bagi projek ini RM1.6 bilion. Membina 10,000 unit Rumah Mesra Rakyat yang dikendalikan oleh SPNB sebanyak RM20,000 subsidi bagi setiap unit rumah akan diberikan. Ini tidak termasuk rumah kos sederhana yang akan dibina di antara RM80,000 hingga RM220,000. Membina 100,000 unit rumah Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) menjelang 2018. PPA1M akan dijual dengan harga RM90,000 hingga RM300,000. Membina 22,300 unit pangsapuri dan 9500 unit rumah teres di bawah Program Perumahan Rakyat yang dikendalikan oleh KPKT.

## ■1530

Ini tidak termasuk pembangunan yang akan dijalankan oleh pihak berkuasa tempatan seperti DBKL dan juga dewan-dewan bandar raya yang lain. Dalam RMKe-11 ini telah menyatakan bahawa taraf mampu milik rumah yang ideal bagi Malaysia adalah apabila harga median rumah berada pada tahap tiga kali ganda nilai median pendapatan tahunan isi rumah. *Khazanah Research Institute* menyatakan dalam laporannya pada masa sekarang harga median rumah di Malaysia adalah pada tahap 4.4 kali ganda nilai median pendapatan tahunan isi rumah.

Bacaan ini menunjukkan harga rumah di Malaysia berada pada tahap *seriously unaffordable*, dengan izin. Satu tahap tidak kemampuan yang begitu kritikal, tahap yang memabukkan hingga sekarang ini kita lihat iklan seperti *affordable luxury*, dengan izin. Bermakna satu kemewahan yang mampu dimiliki sehingga istilah pemasaran dan juga *marketing*. Kita juga telah lihat bahawa istilah mampu milik telah *dihijack* dan dieksploitasikan sewenang-wenangnya oleh *speculator-speculator* dan juga pemaju-pemaju perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya, apakah kaji selidik telah dibuat untuk jumlah permintaan yang terbanyak? Kumpulan mana yang memerlukan dan juga kategori mana yang perlu kita lakukan untuk keutamaan kita. Jadi, kalau kita dapat kajian itu sudah tentu kita tumpu kepada perkara yang perlu kita utamakan melalui kaji selidik ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya statistik ini tadi dipecahkan mengikut negeri, Terengganu, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang merupakan tiga buah negeri yang mempunyai bacaan harga median rumah yang tertinggi dengan masing-masing 5.5, 5.4 dan 5.2 kali ganda daripada nilai median pendapatan tahunan isi rumah. Laporan *Khazanah Research Institute* juga menunjukkan pemaju perumahan di Malaysia sangat kurang membina rumah-rumah untuk pasaran golongan berpendapatan rendah.

Di Kuala Lumpur, pelancaran unit perumahan baru yang berharga RM500,000 hingga RM1 juta adalah dua kali ganda berbanding pelancaran unit perumahan baru berharga RM250,000 hingga RM300,000. Di Pulau Pinang, pelancaran unit perumahan baru yang berharga RM500,000 hingga RM1 juta adalah empat hingga lima kali ganda berbanding dengan pelancaran unit perumahan baru yang berharga RM250,000 hingga RM300,000. Kebanyakan pemaju perumahan sentiasa memberi justifikasi bahawa harga bahan binaan dan juga harga tanah untuk membina rumah adalah mahal. Ini satu mitos. Kita perlu semak semula dua justifikasi ini. Perihal harga bahan binaan sebenarnya perkara yang agak dangkal kerana kebanyakan pemaju telah membeli bahan binaan dengan harga yang lebih murah kerana mereka membeli secara pukal dan juga boleh mengunci harga untuk pembelian masa hadapan.

Realitinya Tuan Yang di-Pertua, kos fizikal untuk membina sebuah unit rumah bersaiz 1,000 kaki persegi mungkin di sekitar RM80,000 hingga RM100,000, kos asas pembinaan untuk sebuah satu unit rumah yang bersaiz 1,000 kaki persegi. Mana-mana kontraktor pun boleh lakukan dengan kos ini, bangunan kos harga binaan yang asas. Saya percaya rakan-rakan di sana pun macam Yang Berhormat Kuala Terengganu pun tahu tentang kos asas bahan binaan dan juga kos asas binaan rumah. Isu harga rumah mahal, harga tanah mahal pula isu ekonomi.



Kita selalunya dimomokkan oleh keadaan di mana harga rumah naik disebabkan harga tanah mahal. Padahal salah satu kes kajian kes di dalam Laporan *Khazanah Research Institute* yang bertajuk *Making House Affordable* menunjukkan bahawa harga tanah menjadi mahal disebabkan oleh pemaju sememangnya sanggup untuk membeli tanah dengan harga yang mahal. Ini kerana mereka menjangkakan dapat menjual rumah pada harga yang lebih tinggi di masa yang akan datang apabila mereka memasarkan produk mereka.

Ini bermakna ada kemungkinan besar bahawa isu harga tanah mahal di Malaysia bukan disebabkan nilai semasa tanah yang sudah sedia kala tinggi. Akan tetapi ia disebabkan oleh permintaan daripada pihak pemaju dan kesanggupan mereka untuk membeli tanah dengan harga yang mahal faktor penyebab harga tanah melambung tinggi. Maka, dicadangkan untuk kerajaan benar-benar mengkaji akan perkara ini. Jika benar perkara yang sebaliknya berlaku, saya kira kerajaan perlu untuk merangka *corrective measures*, dengan izin, dalam memperbetulkan perihal penilaian harga tanah perumahan dan juga penilaian kepada garis panduan kos bahan-bahan binaan.

Tuan Yang di-Pertua, pihak swasta dan juga GLC agak malang juga. Membangunkan perumahan berteraskan keuntungan maksimum dan daripada perspektif pencapaian dan KPI pengurusan. Di sebaliknya juga, saya juga amat bimbang sekiranya isu penyediaan tempat kediaman ini untuk rakyat sentiasa dipandang daripada segi perspektif kebajikan dan bukan daripada segi perspektif pembangunan sosioekonomi oleh semua pihak.

Sekiranya usaha menyediakan rumah sentiasa dipandang daripada segi perspektif kebajikan sahaja, selama-lamanya hanya kerajaan sahajalah yang akan bertungkus-lumus membina rumah murah dan mampu milik untuk rakyat. Pihak pembangkang pula selama-lamanya akan hanya menjalankan peranan memekik rumah murah tidak cukup lagi di dalam dan luar Parlimen tanpa memberi sebarang alternatif atau melihatnya secara menyeluruh.

Percayalah, amat sukar untuk kerajaan menyediakan rumah untuk semua secara bersendirian tanpa bantuan daripada pihak pemaju. Pemaju perumahan perlulah memandang tentang kemaslahatan sosial negara dan juga menjalankan perniagaan yang menguntungkan. Jangan terlalu mengejar keuntungan yang berlebihan tetapi jika perlu kita berbuat sesuatu, kita perlu buat sesuatu.

Hasrat saya bagi pihak kerajaan pula perlu segera mencari cara alternatif selain daripada perancangan membina rumah sahaja untuk menyelesaikan isu rumah yang mahal ini. Sama-samalah kita mencari jalan untuk membina situasi menang-menang antara kerajaan dan pemaju perumahan. Jika tidak, selamanya kita akan berdebat perkara yang sama tentang perumahan dan rakyat masih lagi tidak mampu untuk memiliki rumah sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak merasa untuk bercakap lebih panjang. Akan tetapi marilah kita kembali kepada asas, kembali kepada asas-asas kos, kos asas binaan, kos asas tanah, kos asas *incidental* yang terlibat dalam kos-kos pembangunan, kos-kos *development charges*, kos-kos *statutory contribution* yang mana kita perlu membayar kepada pihak *authority* seperti Tenaga dan juga air, puluhan ribu untuk satu unit.

Saya yakin dan percaya jikalau kita melihat kembali kepada kos-kos asas ini dan berganding bahu bersama dengan pihak kerajaan, maka kita kembali kepada asas untuk membina rumah-rumah kos rendah, membina rumah-rumah kos sederhana. Untuk rakyat mampu memiliki, mampu membeli dan mampu membayar rumah yang kita sediakan kepada mereka untuk kesejahteraan rakyat. Dengan itu, saya menyokong Bajet 2016 ini dengan jayanya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kamar.

**3.38 ptg.**

**Tuan Ko Chung Sen [Kampar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2016.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan penghargaan kepada kerajaan kerana pengenaan GST pada kadar sifar ke atas semua jenis ubat mulai tahun hadapan. Kerajaan telah menyenaraikan 4,215 jenis ubat untuk dikecualikan GST berdasarkan Senarai Ubat Penting Kebangsaan atau *National Essential Medicines List*, dengan izin.

Akan tetapi realitinya terdapat banyak ubatan lain di pasaran yang tidak dikecualikan. Pada November tahun lepas, 85 orang Ahli Parlimen Pembangkang telah menandatangani petisyen oleh Persatuan Farmasi Malaysia mendesak supaya semua ubat preskripsi dikenakan GST pada kadar sifar. Akhirnya, Menteri Kesihatan dan kerajaan telah bersetuju dengan kami bahawa ubat-ubatan bukanlah barang-barangan mewah.

Isu pertama yang saya ingin bawa ke perhatian Menteri Kesihatan adalah sementara perundingan klinik GP dan rawatan hospital swasta dikecualikan daripada GST. Rundingan doktor pakar dan rawatan di hospital swasta dikelaskan sebagai perkhidmatan sumber luar dan tertakluk kepada kadar standard GST.

■1540

Tidak ada orang yang mahu sakit dan menanggung bayaran tinggi rawatan dan bayaran doktor pakar swasta ini. Untuk menanggung tambahan bayaran GST enam peratus lagi adalah bagai menggosok garam ke dalam luka. Saya dengan sepenuh keikhlasan meminta Menteri Kesihatan menimbangkan semua bayaran doktor pakar swasta dikecualikan daripada GST. Pesakit-pesakit swasta sebenarnya menjimatkan wang kerajaan dengan tidak pergi ke klinik dan hospital kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa kerajaan sedang menghadapi masalah dengan bajet kali ini. Perdana Menteri sendiri berkata ini bajet yang paling sukar yang pernah dibentangkan. Masalah asasnya kerajaan telah sentiasa berbelanja di luar kemampuan dengan membentangkan bajet defisit tahun demi tahun sejak tahun 1997. Ini berlaku apabila harga minyak masih melebihi USD100 setong.

Pada tahun 2012, pendapatan daripada Petronas berjumlah RM80 bilion tetapi kerajaan telah masih terlebih belanja di mana pada masa itu kerajaan sepatutnya mengukuhkan simpanan. Pada tahun 2014, hasil berkaitan petroleum RM62 bilion. Pada tahun 2015, ia akan

menjadi RM44 bilion dan pada tahun hadapan, hasil berkaitan petroleum dianggarkan hanya sebanyak RM31.7 bilion. Ini penurunan besar iaitu lebih daripada RM30 bilion berbanding tahun 2014.

Tuan Yang di-Pertua, agak menghairankan, kerajaan masih berjaya meningkatkan hasil sebanyak RM3.2 bilion menjadi RM225.6 bilion pada tahun hadapan. Dengan bangganya kerajaan mengucapkan tahniah kepada dirinya sendiri. Keseluruhan pendapatan tambahan ini datanginya daripada penambahan cukai secara langsung dan tidak langsung. Cukai pendapatan daripada individu dan syarikat akan bertambah. Kadar cukai pendapatan bagi individu pemastautin yang mempunyai pendapatan bercukai melebihi RM600,000 dan RM1 juta dinaikkan sebanyak satu peratus dan tiga peratus daripada kadar semasa.

Pada tahun hadapan, cukai pendapatan daripada individu akan menjana tambahan RM2.1 bilion dan berjumlah RM30.2 bilion. Cukai pendapatan daripada syarikat-syarikat akan menjana tambahan RM6 bilion dan berjumlah RM74.3 bilion. Cukai Barangan dan Perkhidmatan atau GST dijangka mengumpulkan RM39 bilion iaitu RM21 bilion lebih tinggi dari Cukai Jualan dan Perkhidmatan atau SST pada tahun 2014.

Jadi, jumlah cukai tambahan yang dibayar oleh rakyat pada tahun hadapan akan menghampiri RM30 bilion lebih berbanding tahun lepas. Jadi sekarang kita berdepan kos hidup yang lebih tinggi dan cukai yang lebih tinggi. Ini sebenarnya bukan kerajaan yang berhemah seperti yang dikatakan Perdana Menteri. Tidak ada apa yang boleh dibanggakan tatkala rakyatlah yang menyelamatkan negara daripada muflis dengan membayar untuk salah urus kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia akan diperuntukkan RM1.2 bilion untuk menambah baik infrastruktur telekomunikasi. Ini termasuklah projek jalur lebar untuk meningkatkan kelajuan *internet* luar bandar empat kali ganda daripada sehingga 5 megabit sesaat kepada 20 megabit sesaat, *National Fiber Backbone Infrastructure*, jalur lebar berkelajuan tinggi dan sistem kabel dasar laut.

Malangnya, bagi kita yang telah memilih untuk membayar harga lebih tinggi dan menggunakan UniFi, pengalamannya cukup teruk. Kelajuan yang diperoleh adalah amat mengecewakan sehingga ke tahap di mana tidak ada sambungan data. Saya sendiri telah memilih pakej VIP10 dan ia tidaklah sehebat mana seperti diharapkan. Pengalaman jalur lebar kita adalah seperti lebuhraya kita, bayar tol untuk masuk *jam*. Bayar tol untuk masuk *jammed* [*Tepuk*] Ya, selalu *jam*. Selalu tak boleh jalan. Inilah kita punya UniFi dan kita punya *highway*. Di Malaysia, kita bayar untuk menderita dan disiksa dengan kelajuan internet yang terlalu rendah. Ini bukan kerana kita memilih pakej *internet* murah yang perlahan seperti dinyatakan oleh Menteri kita. Tidak hairanlah mengapa kita ketinggalan jauh di belakang negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua. Pada masa ini, tidak ada perkhidmatan jalur lebar UniFi tersedia di Kampar. Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) terletak di sini dengan hampir 20 ribu orang pelajar. Tenaga akademik dan pelajar yang berkenaan terdesak untuk mendapatkan jalur lebar berkelajuan tinggi untuk melakukan penyelidikan dan tesis mereka.

Mereka sanggup membayar untuk jalur lebar kelajuan tinggi. Saya ingin meminta Menteri agar memastikan UTAR dan universiti yang lain diberi keutamaan dalam hal sambungan fiber optik dan internet jalur lebar berkelajuan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, daripada segi kesihatan. Kita telah capai jangka hayat lebih tinggi iaitu 74.8 tahun pada tahun 2014 berbanding 74.1 tahun pada tahun 2010. Bilangan doktor telah meningkat daripada 32,980 orang dalam tahun 2010 kepada 51,835 orang pada tahun 2014. Nisbah doktor kepada penduduk telah meningkat daripada seorang doktor kepada 859 orang penduduk kepada seorang doktor kepada 581 orang penduduk. Bilangan katil hospital untuk kedua-dua sektor kesihatan awam dan swasta juga meningkat daripada 55,180 buah katil dalam tahun 2010 kepada 58,530 buah katil pada tahun 2014. Daripada jumlah ini, 75 peratus adalah di hospital awam.

Seperti yang kita dapat lihat, terdapat lonjakan mendadak dalam bilangan doktor dalam lima tahun yang lepas. Peningkatan sebanyak 18,855 orang doktor atau 57 peratus dalam lima tahun.

#### ■1550

Ini adalah kerana pada masa kini kita mempunyai bilangan sekolah perubatan sama seperti di United Kingdom yang mempunyai penduduk seramai 64 juta orang. Setiap tahun 5,000 orang doktor menamatkan pengajian mereka. Malangnya bilangan katil di hospital telah hanya meningkat sebanyak 3,350 pada kadar 6% sahaja. Jadi kadar peningkatan bilangan doktor adalah 9.5 kali ganda, kadar penambahan katil di hospital. Nampaknya menjelang tahun 2016, akan ada lebih ramai doktor daripada bilangan katil di hospital. Namun begitu, kebanyakan doktor ini doktor siswazah muda yang menjalani latihan untuk menjadi pakar. Jadi walaupun jumlah bilangan doktor kelihatan baik, bilangan sebenar pakar perubatan masih amat berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia meningkat dari sebuah ekonomi berpendapatan rendah pada tahun 1970 kepada ekonomi pendapatan sederhana tinggi pada tahun 1992 dan kekal di tahap ini sehingga ke hari ini. Jadi, bagaimana kita boleh gembira untuk terjebak dalam perangkap pendapatan pertengahan. Singapura telah menjadi negara pendapatan tinggi sejak tahun 1987. Brunei pula sejak tahun 1990. Taiwan sejak tahun 1987. Korea Selatan sejak tahun 2001. Malah negara-negara dahulunya komunis sehingga tahun 1989 telah pun mencapai status negara berpendapatan tinggi. Contohnya Republik Czech sejak tahun 2006 dan Poland sejak tahun 2009. Kedua-dua negara ini dahulunya negara komunis. Dalam tempoh 20 tahun sahaja mereka boleh mencapai pendapatan tinggi.

Malaysia telah merdeka tahun 1957 dan dikurniakan dengan sumber asli yang begitu banyak tetapi masih gagal menjadi sebuah negara pendapatan tinggi. Kerajaan Barisan Nasional jelas gagal. Bajet 2016 memperuntukkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM267.2 bilion. Ini lebih 100 kali lebih besar berbanding bajet Selangor 2016 yang terbesar tahun ini hanya sebanyak RM2.42 bilion. Selangor merupakan penyumbang terbesar kepada ekonomi negara dan menyumbangkan 22.4% kepada KDNK. Ini diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan sumbangan 15.1%, Sarawak 10.1%, Johor 9.3% dan Sabah 6.5%. Lima buah negeri ini

sahaja menyumbangkan 63.4% kepada ekonomi negara mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia dalam Laporan KDNK mengikut negeri tahun 2010 sehingga tahun 2014.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa Sabah dan Sarawak telah menyumbang lebih daripada sembilan buah negeri lain di Semenanjung kepada ekonomi negara kita. Namun kedua-dua negeri ini adalah yang paling miskin dan kurang membangun.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dr. Ko Chung Seng [Kampar]:** Betul. Masih banyak kawasan di sana yang tidak mempunyai bekalan air paip dan elektrik teruk, cukup teruk. Kasihan, walaupun sudah merdeka selama 50 tahun, adalah jelas bahawa kerajaan pusat tidak mampu untuk menguruskan negara dan menjaga semua negeri secara adil dan saksama. Sudah tiba masanya Kerajaan Pusat mengembalikan separuh hasil yang dikutip kepada negeri masing-masing untuk menguruskan diri mereka sendiri.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dr. Ko Chung Seng [Kampar]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merumuskan seperti berikut:

- (i) Bajet 2016 adalah tidak adil kerana membebankan rakyat dengan cukai yang semakin tinggi;
- (ii) negara kekurangan infrastruktur, jalur lebar berkelajuan tinggi dan bilangan katil hospital yang perlu diberi perhatian; dan
- (iii) negeri-negeri perlu diberikan autonomi pengurusan hasil dan berhak menerima separuh daripada jumlah pendapatan negara untuk menguruskan negeri masing-masing.

Saya mencadangkan untuk menolak Bajet 2016 ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Rompin.

### 3.56 ptg.

**Dato' Hassan bin Arifin [Rompin]:** *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.* Salam Sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terlebih saya mengucapkan ribuan terima kasih diberi kesempatan untuk mengambil bahagian dalam ucapan bajet dalam keadaan ekonomi dunia yang seperti kita tahu, ditambah pula dengan keadaan politik dan suasana di Timur Tengah yang merupakan pengeluar utama minyak dunia. Ini menjadikan bajet yang disediakan oleh kerajaan bukanlah satu perkara yang mudah dan kita mengucapkan tahniah atas keberanian kerajaan untuk mengemukakan bajet yang cukup bermakna kepada rakyat.

Bajet 2016 amat penting bukan sahaja kerana ia merupakan bajet pertama dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Ia juga berfungsi sebagai landasan kepada lonjakan fasa terakhir ke arah pencapaian visi negara berpendapatan tinggi pada tahun 2020. Maka Bajet 2016 di samping merancang untuk keperluan tahun hadapan mestilah mampu menyediakan negara ke arah perjalanan menuju ke status negara maju yang mula diilhamkan oleh pemimpin-pemimpin dulu.

Perancangan ini bukan merupakan satu perkara yang mudah. Seperti yang saya katakan tadi kita berhadapan dengan suasana yang ramai di kalangan kita faham dan dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di mana negara-negara rakan dagang kita juga menghadapi masalah yang sama. Kejatuhan komoditi dan minyak dan juga kejatuhan Ringgit.

Dalam pada itu rakyat perlu pula sedikit sebanyak dibelenggu dengan masalah kos hidup. Isu ini perlu dilihat dari sudut yang lebih luas supaya langkah-langkah yang bersesuaian perlu diambil. Daripada segi sudut kenaikan kos sara hidup adalah secara langsung disebabkan oleh pertumbuhan pendapatan isi rumah yang lebih perlahan berbanding dengan pertumbuhan ke paras harga.

Walau bagaimanapun, perlu diingat bahawa faktor perubahan cita rasa tidak kurang pentingnya sebagai penyumbang kepada kenaikan kos sara hidup. Sudah pasti cita rasa rakyat jelata berubah selari dengan kemajuan negara. Barang-barang dan perkhidmatan yang suatu masa dulu yang merupakan satu kemewahan, kini mungkin merupakan satu keperluan.

#### ■1600

Faktor-faktor semasa seperti kejatuhan nilai ringgit turut memburukkan keadaan. Bajet 2016 yang bertemakan, "Mensejahtera Kehidupan Rakyat" amat bertepatan.

Sehubungan dengan itu saya ingin mencadangkan supaya peruntukan pelbagai pembangunan sama ada secara langsung atau tidak langsung harus perbelanjaan pembangunan, perbelanjaan pengurusan sama ada secara langsung atau tidak langsung harus menandakan produktiviti.

Matlamat akhir mestilah ke arah pengagihan sumber yang cekap. Dengan ini kesan daripada peruntukan Bajet 2016 bukan sahaja mampu menangani isu semasa malah yang lebih penting ia menyediakan ekonomi untuk jangka masa yang lebih panjang ke arah pencapaian sebuah negara maju. Pada keseluruhannya, bajet pada kali ini memperlihatkan golongan B40 diberi keutamaan dan boleh dikatakan bajet ini adalah bertepatan dengan kehendak parti PAS iaitu sebuah negara yang berkeadilan.

Jadi saya berharap Ahli-ahli Parlimen daripada parti PAS seharusnya tidak teragak-agak untuk menyokong bajet ini [Ketawa] [Disampuk] Kejatuhan Ringgit merupakan satu perkara yang dibicarakan oleh hampir seluruh masyarakat. Golongan terpelajar, ahli perniagaan, pendidik, pegawai tadbir, orang kampung walaupun dia tidak faham tetapi semuanya membicarakan soal kejatuhan.

Apa yang sebenarnya apa yang kita lihat hari ini memperlihatkan Amerika memperlihatkan kekuatannya yang begitu dominan menguasai ekonomi dunia, menguasai politik, menguasai ketenteraan dan peperangan yang canggih dan keadaan politik yang stabil mempunyai rakan dagang dan rakan negara-negara politik yang cukup akrab yang seolah-olah memandu politik dunia dan juga ekonomi dunia hari ini.

Kita menyokong penuh langkah yang diambil oleh Gabenor Bank Negara untuk tidak mengikat Ringgit kepada US Dollar dan telah dipersetujui oleh kerajaan. Kita menyokong juga tempoh perkhidmatan Gabenor Bank Negara ini dilanjutkan dan terbukti dia seorang yang begitu

berwibawa [*Tepuk*] Kerajaan pun tidak pernah menyatakan dia tidak akan mahu menyambung khidmat Gabenor Bank Negara.

Berbanding dengan keputusan yang diambil oleh kerajaan seperti yang saya kata dalam tahun 1997-1998 di mana ketika itu kerajaan mengambil keputusan untuk *to insulate economy* dengan membawa dua pendekatan iaitu *adds US Dollar* dengan Ringgit dan *capital control*. Ini pendekatan yang dibawa oleh kepimpinan dahulu ketika itu walaupun ada pandangan mengatakan bahawa ia tidak perlu dilakukan sedemikian membiarkan keadaan ringgit dan tidak ada kontrol dan ekonomi akan mengambil *adjustment* dan pulih sendiri.

Bermakna dengan keadaan hari ini ekonomi kita berada dalam keadaan cukup selesa. Semua *indicator* ekonomi menunjukkan bahawa ia dalam keadaan selesa dan semua *rating agency* memberikan semua "A" on "A-" dan keadaan yang begitu baik. Bermakna negara kita diurus dengan keadaan yang cukup baik oleh kepimpinan negara. Bank kita berada dalam keadaan diuruskan dengan baik.

Pertumbuhan ekonomi mengatasi setengah-setengah negara rakan dagang kita pada tahun ini 4.9 dan dijangkakan pada tahun pertumbuhan negara akan paling kurang berada pada 4.5%. Jadi semua *indicator* ekonomi menunjukkan bahawa kita dalam keadaan yang cukup selesa. Akan tetapi soalnya kenapa kita keadaan *US Dollar* kita begitu turun berbanding- cuba kita melihat secara objektif. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan ekonomi terbuka dan *dimension* pola perniagaan kita juga berubah. Kita tidak menggunakan *US Dollar* bila berdagang dengan umpamanya dengan Indonesia, dengan Singapura, dengan Vietnam ataupun dengan China sendiri.

Untuk itu, *US Dollar* bukanlah menjadi faktor yang penting tetapi ada kaedah kita untuk mengelakkan daripada tekanan *US Dollar* ke atas Ringgit kita. Untuk kita melihat kedudukan-kedudukan ringgit dengan *US Dollar* dengan lebih objektif, cuba kita melihat tiga buah negara, China, Australia dan *Singapore* berbanding dengan kita Malaysia. China umpamanya seperti yang saya katakan dia terpaksa *devalue* dia punya *US* dia dan ada tanda-tanda dia akan *devalue* lagi kerana tidak tahan dengan *hits US Dollar* yang boleh mengancam kepada keadaan ekonomi mereka.

Negara yang dikatakan terbesar, ekonomi terbesar kedua di dunia masih tidak mampu untuk bersaing dengan Amerika, kenapakah? Cuba kita lihat Australia. Australia juga negara seperti lebih kurang kita *commodity base* dan dia mengeksport banyak komoditi dan kejatuhan *Australian Dollar* juga hampir sama dengan kita.

Dia lebih kurang sahaja. Begitu juga dengan *Singapore*. Kita lihat *Singapore* sebagai rakan. *Singapore* terpaksa membelanjakan dikhabarkan, diberitakan bahawa di antara 40 hingga 50 bilion *to support Singapore Dollar*.

Kerana *Singapore* terpaksa berbuat kemudian *or* kerana *Singapore* a negara *financial center* dan juga negara pelaburan. Dia, *Singapore* ini dikelaskan sebagai *asset class*, maknanya *Singapore* ini *asset class* dia punya kategorinya seperti *US Dollar*, seperti Pound, seperti beberapa buah negara lagi. Ya, *asset class* dia terpaksa membelanjakan 40 hingga 50 bilion *to*

*support* berbanding dengan kita tidak dan berita terbaharu bahawa mereka juga tidak tahan kerana *Singapore Dollar* terlalu kuat berbanding dengan negara jiran. Ada tanda-tanda bahawa dia akan cuba mengendurkan, mengurangkan kekuatan *Singapore Dollar* kerana kesan *economy inflation*, orang tak pergi *Singapore* dan sebagainya.

Ini satu keadaan yang suasana yang begitu unik dan luar biasa dalam keadaan ekonomi dunia hari ini dan kita tidak boleh menyalahkan negara kita. Kalau kita lihat, umpamanya satu perkara yang agak unik bila *Federal reserve* cuba-cuba untuk menguar-uarkan untuk menaikkan *interest* dia. Keadaan ekonomi dunia sudah...

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Boleh saya celah sikit?

**Dato' Hasan bin Arifin [Rompin]:** Ya.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Rompin. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Rompin tentang perkembangan yang disebutkan tadi, apakah ini di luar jangkaan kita sebenar-benarnya di luar jangkaan kita dan kita tidak ada sebarang perancangan terhadap apa yang berlaku ataupun kita telah gagal dalam melakukan perancangan yang baik? Terima kasih.

**Dato' Hasan bin Arifin [Rompin]:** Saya akan pergi selepas ini. Selepas ini saya boleh masuk Shah Alam, rakan baik saya. Dia keadaan yang cukup luar biasa. Kalau *Big of England* mengatakan dia nak naik *interest*, orang tidak kisah. Akan tetapi bila US mengatakan, *Federal reserve* mengatakan dia hendak naik *interest rate* dia maka seluruh dunia *financial center* akan melihat dan memberikan kesan yang cukup besar kepada ekonomi dunia. Keadaan yang luar biasa saya katakan ketika ini ialah *the consent of money US Dollar* di luar negara lebih besar dari di dalam negara Amerika sekarang. Amerika dengan sekutunya OPEC selalunya kalau harga minyak rendah, OPEC akan *cut production* untuk menstabilkan harga minyak.

#### ■1610

Ditambah pula dengan keadaan perang di Timur Tengah, minyak dijual dengan *black market* menyukarkan harga minyak untuk naik semula. Maknanya seolah-olah mewujudkan peperangan, tekan harga minyak. Satu keadaan yang memang dalam *control* Amerika sepenuhnya walaupun negara-negara *Russia* mempunyai kecanggihan teknologi peperangan, tidak mampu oleh sebab ekonominya teruk. Maknanya, dalam kata mudah, bolehlah saya katakan bahawa *US Dollar* ini bukanlah diasaskan kepada *fundamental economic* biasa kepada *reserve* emas, *balance of trade* dan sebagainya. Akan tetapi *US Dollar* hari ini berasaskan atau bersandarkan kepada *nuclear power*, *aircraft carrier*, *laser guided missile*, *military based* dan sekutu. Itulah asas sebenar kepada *US Dollar* hari ini yang menyebabkan ia dominan dan menyukarkan untuk negara-negara miskin seperti Malaysia, hatta China saya katakan tadi, negara yang terbesar ekonomi tidak mampu untuk bersaing dengan mereka. Dia cukup dominan. Ya, silakan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Rompin, saya mengikutilah dengan penuh minat penjelasan yang diberikan, dan saya rasa tidak ada siapa yang menafikan bahawa keadaan ekonomi dunia sekarang ini menghadapi satu



suasana yang berbeza. Pengaruh Amerika Syarikat seperti mana yang diceritakan bukan benda yang baru. Akan tetapi yang menjadi perbezaan dan kepelikan di antara Malaysia dengan negara China seperti mana yang disebutkan dan juga di negara Singapura ialah kewangan ataupun mata wang mereka menjadi terlalu kuat sehingga terpaksa difikirkan keperluan untuk dilakukan *devaluation* supaya mampu untuk mempertahankan *competitiveness economy* mereka. Kalau dipilih ataupun diberikan peluang untuk memilih di antara berada dalam satu keadaan di mana kita terpaksa *devalue* oleh sebab duit kita ini terlalu kuat, dengan keadaan yang dihadapi oleh Malaysia, di antara dua pilihan ini tidakkah pilihan berada seperti China ataupun Singapura, adalah jauh lebih baik?...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Di situlah, di mana kita persalahkan kerajaan. Kalau hakikatnya atas sebab...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Rompin, jangan beri masa banyak sangat, Yang Berhormat Rompin.

**Dato' Hasan bin Arifin [Rompin]:** Tidak, saya boleh terang.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Okey, *you* jawab dulu. Kalau perlu saya boleh *argue* juga.

**Dato' Hasan bin Arifin [Rompin]:** Sebenarnya dia tidak berapa faham... [*Dewan riuh*] Dia- Apakah China, menggunakan apakah sistem untuk kawal *currency*nya? Ia panggil China *crawling pegging*. Ia *peg crawling*, maknanya ia *crawl*, *crawling pegging*, ya. *Monetary Authority of Singapore* melihat ia masih dikawal. Saya hendak tanya Yang Berhormat Shah Alam, apakah untungnya *Singapore Dollar* kuat berbanding dengan Malaysia? Beri saya tiga sebab. *Singapore Dollar* kuat daripada Malaysia, apakah untungnya sekarang?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Eh, memang banyaklah untungnya.

**Dato' Hasan bin Arifin [Rompin]:** Cuba, cuba beri contoh.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Apabila ekonomi dia kuat, ekonomi dia kukuh, mata wangnya kuat...

**Dato' Hasan bin Arifin [Rompin]:** Tidak, dengan Malaysia.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Berbanding dengan Malaysia.

**Dato' Hasan bin Arifin [Rompin]:** Apakah untungnya?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Berbanding dengan keadaan di mana duit ringgit ini nilainya menurun, merudum.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Rompin.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Rakyat terpaksa menanggung kos yang jauh lebih tinggi. Barang-barang yang diimport semua harganya akhirnya naik. Hasil daripada itu inflasi dan itulah satu perkara yang menunjukkan bahawa kerajaan telah gagal kerana Singapura dan negara China dia hadapi suasana dunia yang sama. Amerika Syarikat juga ke situ, *US Dollar* ke situ juga tetapi mereka tidak mengalami keadaan *loss of integrity*, *loss of confident*. Ia tidak wujud dalam keadaan adanya rasuah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat cukup.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Sedangkan negara China yang komunis sekali pun, ini fasal dia tanya saya soalan Tuan Yang di-Pertua, saya kena jawablah. Sedangkan negara China yang komunis sekalipun bertindak dengan tegas terhadap...

**Seorang Ahli:** Perasuah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Perasuah-perasuah yang dilakukan walaupun tinggi mana jawatan itu. Akan tetapi negara Malaysia apabila timbul isu rasuah, maka orang yang ada jawatan persoalkan, dipecat. Macam mana orang hendak percaya? *What kind of economy is this? What kind of government is this?*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Shah Alam cukup Yang Berhormat Shah Alam. Balik kepada Yang Berhormat Rompin.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Jauh lebih baik keadaan Singapura dan keadaan negara China berbanding dengan keadaan Malaysia. Kalau itu pun Yang Berhormat Rompin tidak boleh faham, saya minta maaflah ya...

**Dato' Hasan bin Arifin [Rompin]:** Saya, saya...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Saya minta maaf.

**Dato' Hasan bin Arifin [Rompin]:** Saya telah menjelaskan dari awal, kita harus melihat daripada perspektif dagangan antara dua buah negara. Kita dengan Singapura, kita dengan Indonesia, kita dengan Vietnam, kita dengan Kemboja, apakah *US Dollar* memainkan peranan penting? Itu bergantung kepada kebijaksanaan. Umpama *Singapore Dollar*, kenaikan *Singapore Dollar* menguntungkan orang Johor... [Disampuk] Ya, *property* boleh dijual, pelancong banyak duduk, orang tidak beri...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *You sell your country? Because of the Singapore Dollar* begitu kuat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Sehingga nilai hartanah jatuh merudum menyebabkan orang Singapura...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Rompin hendak beri jalan, Yang Berhormat Rompin?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Boleh masuk, beli. Inikah kebanggaan Barisan Nasional? *Come onlah...* [Dewan riuh]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, sudah Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Rompin, tekan *mike*. Terima kasih.

**Seorang Ahli:** Jangan marah Yang Berhormat...

**Dato' Hasan bin Arifin [Rompin]:** Saya tidak marah. Cuma saya...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Relaks Yang Berhormat, relaxlah.

**Dato' Hasan bin Arifin [Rompin]:** Apabila kita melihat suasana yang lebih logik dan bagaimana kita harus menghadapi suasana ini? Itu yang saya cuba hendak. Begitu kekalkan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Jadi duit kita jatuh, kita lelonglah?

**Dato' Hasan bin Arifin [Rompin]:** Tidak ada. Kita- negara kita diuruskan dengan baik saya katakan tadi...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Diuruskan dengan baik?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kalau diuruskan dengan baik, kenapakah mata wang rendah?... [*Dewan riu*]

**Seorang Ahli:** Pengerusi PAC ada.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Rompin boleh jadi jurulelong.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Rompin, masa sudah habis sudah.

**Dato' Hasan bin Arifin [Rompin]:** Berhadapan dengan suasana dunia seperti ini sebenarnya kita harus mengatur strategi yang lebih cermat dan saya berharap *MalaysiaKini* tidak *misquoted me* seperti yang dia kata dulu, saya membicarakan dalam perspektif di antara negara perdagangan. Negara bukan dia selalu- *MalaysiaKini* ini membuat tafsir yang salah, separuh ia punya penjelasan.

Berhadapan dengan suasana dunia seperti ini sebenarnya kita harus mengatur strategi yang lebih cermat untuk menguruskan ekonomi kita dan mengambil langkah-langkah supaya kesan kejatuhan ringgit seperti yang saya katakan tadi kurang memberi kesan kepada masyarakat dunia. Kalau Tuan Yang di-Pertua membenarkan saya bercakap dengan lebih, saya boleh benarkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Masa sudah habis Yang Berhormat. Boleh gulungkan.

**Dato' Hasan bin Arifin [Rompin]:** Habis sudah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sudah habis sudah.

**Dato' Hasan bin Arifin [Rompin]:** Baru sesuku ucapan saya. Oleh sebab saya *PAC Chairman*...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *Try again, try again.*

**Dato' Hasan bin Arifin [Rompin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh bercakap awal banyak kerja. Saya harap beri ihsan sepuluh minit tambahan, jadi saya...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, mana boleh [*Ketawa*]

**Dato' Hasan bin Arifin [Rompin]:** Beberapa langkah yang perlu dicadangkan untuk mengurangkan kesan kepada kejatuhan ekonomi kita ini iaitu:

- (i) GLC kita menjual pelaburan di luar negara dan syarikat-syarikat menjual pelaburan di luar negara dan membawa balik modal itu ke dalam negara; dan
- (ii) Kerajaan harus mengurangkan import duti bagi barang-barang yang *declassified* sebagai *capital good*.

Di dalam negara, pengusaha-pengusaha kilang kita hendaklah menggunakan bahan-bahan mentah dalam negara dan syarikat-syarikat perladangan harus banyak menggunakan *organic fertilizer* yang banyak terdapat dalam negara kita menggantikan *chemical fertilizer* yang digunakan hari ini. Langkah-langkah mempergiatkan PKS dialu-alukan kerana PKS adalah penting bagi menyumbang kepada KDNK negara.

#### ■1620

Usaha menggalakkan sektor pelancongan juga perkara yang harus digalakkan oleh kerajaan. Usaha pemodenan sektor pertanian merupakan satu langkah yang bijak kerajaan. Walau bagaimanapun, saya ingin menyatakan bahawa peruntukan RM190 juta oleh FAMA menumpukan kepada program penurunan harga harus ditukar kepada bagaimana hendak mengeksport barang-barang pertanian ke luar negara.

Peruntukan untuk menambahkan, memperbaiki pengurusan tenaga kerja asing juga harus diurus dengan lebih cekap. Langkah meningkatkan taraf hidup isi rumah B40 amat dialu-alukan dan saya mencadangkan supaya kerajaan menimbangkan semula peruntukan RM100 juta ke Institut Latihan Kemahiran Swasta dan NGO supaya ditukar dan diberikan kepada program kemahiran bekerja di kilang-kilang.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, bencana alam hasil daripada pengurusan sungai yang tidak cekap. Ramai-ramai rakan saya dari Sarawak menyatakan sungai di negeri mereka bermasalah. Saya mencadangkan supaya sudah sampai masanya, kerajaan menubuhkan sama ada Perbadanan ataupun Lembaga Sungai Negara.

Untuk menguruskan sungai memerlukan perbelanjaan yang besar dan beberapa peruntukan enakmen harus digubal supaya negeri-negeri juga patuh kepada penjagaan sungai umpamanya *catchment area* tidak harus ditebang dan Kerajaan Pusat yang mempunyai kewangan yang besar bolehlah membayar pampasan kepada kerajaan negeri kalau suatu kawasan itu untuk *reserved* sebagai kawasan tadahan air. Begitu juga beberapa perkara pedalaman sungai dan semua sekali pendek kata daripada segi untuk menguruskan sungai ini memerlukan perbelanjaan yang besar dan sampailah masanya untuk kerajaan negeri memikirkan supaya satu Lembaga Sungai Negara ditubuhkan, di enakmen dan dikawal supaya tidak membebankan rakyat. Sungai semakin cetek, industri ikan dan pelancongan tergendala dan sebagainya.

Industri *aquaculture* juga mempunyai hubung kait dengan sungai. Kita harus menjadikan industri *ecoculture* sebagai industri yang penting sebagai sumber alternatif bekalan ikan air tawar yang menggantikan ikan air laut yang semakin mahal dan dapat juga mengurangkan kos hidup. Di samping itu, ia juga merupakan sumber protein yang utama bagi negara kita. Di sebelah

Pantai Timur seperti yang saya katakan, sungai semakin cetek, saya mencadangkan supaya di kawasan saya Sungai Rompin ini harus diberi peruntukan untuk membina benteng pemecah ombak. Malahan di sungai-sungai di Pantai Timur, Sungai Mersing, Sungai Endau menghala ke yang sama dan saya berharap peruntukan diberi untuk membina benteng pemecah ombak.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab masa begitu singkat saya sekali lagi membenarkan bajet yang disediakan oleh kerajaan hari ini adalah berlandaskan suasana dan keadaan politik dunia hari ini. Dan bajet inilah yang cukup bermakna dan bersesuaian juga dengan saya katakan tadi apa kehendak PAS iaitu sebuah negara kebajikan dan kalau PAS tidak sokong saya pun tidak fahamlah kenapa tidak sokong bajet yang berorientasikan sebuah negara kebajikan. Dengan ini saya menyokong bajet ini. Terima kasih

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Alor Star.

#### 4.25 ptg.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2016. Yang Amat Berhormat Pekan dalam ucapan Bajet telah pun memberi gambaran bahawa ada pihak-pihak tertentu yang telah memberi gambaran bahawa ekonomi negara kita dalam krisis dan ini menurut beliau adalah tidak benar dan adalah satu *misconception* bahawa ekonomi negara telah pun diurus dengan tidak bagus.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada *misconception* pun, *scandal 1MDB* telah pun menyumbang kepada kejatuhan nilai Ringgit yang amat besar sehingga nilai Ringgit Malaysia menjadi *the worst performing among the major Asian currencies this year*, dengan izin. Pelabur asing sebanyak USD4 bilion telah diambil keluar daripada *stock exchange* dan jumlah wang yang besar-besaran, beratus juta rizab wang negara kita telah pun digunakan untuk mempertahankan nilai mata wang ringgit kita, Tuan Yang di-Pertua.

*Icing-nya*, dengan izin, penemuan RM 2.6 bilion di dalam akaun peribadi Yang Amat Berhormat Pekan. Dalam akaun peribadi beliau. *Never before*, tidak pernah bahawa kita ada satu Perdana Menteri dalam negara kita yang diimplikasikan dengan satu skandal, salah laku seperti sebegitu besar, *of epic proportion*, dengan izin. Jelasnya terdapat *crisis credibility* dan krisis kehilangan keyakinan dalam ekonomi kita.

Ini bukan sahaja pembangkang yang menyatakan begitu. Pakar-pakar *economist* juga berpendapat begitu. Termasuk Professor Emeritus Datuk Dr Mohamed Ariff bin Abdul Kareem, *Head of INCEIF* iaitu *International Centre for Education in Islamic Finance*, *Chairman* Bank Negara Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz menyatakan bahawa kita perlu menyelesaikan isu-isu domestik, politik negara kita untuk pulihkan keyakinan dalam ekonomi negara kita. Beliau tidak perlu pun, sebenarnya untuk *list down* satu persatu apakah isu politik, masalah yang kita hadapi.

*We all know what they are.* Yang pertama, keinginan *the refusal of* Yang Amat Berhormat Pekan untuk meletak jawatan. Membenarkan satu siasatan yang bebas dan *credible* ke dalam

*scandal* 1MDB. Dan untuk siasatan RM2.6 bilion *donation*, dermaan ini untuk memastikan terdapat sebarang salah laku.

Yang kedua, pergolakan politik yang besar yang kita lihat dalam UMNO, *fracturing* UMNO dengan Yang Amat Berhormat Pekan. *Removed*- menyingkirkan sesiapa yang menyoal beliau termasuk Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Yang ketiga adalah apa yang kita melihat serangan ancaman kepada kebebasan institusi-institusi awam negara kita. Seperti pemberhentian Ketua Peguam Negara, penangkapan, gangguan, intimidasi ahli-ahli institusi awam dalam *AG's Chamber*, MACC, Bank Negara. Semalam ada pula berita bahawa DPP daripada MACC pula telah di-*transfer* keluar Ahmad Sazilee Abdul Khairy. Amat mengejutkan Tuan Yang di-Pertua, bahawa kita ada seorang peguam negara baru yang tidak mahu menerima *recommendation* ataupun cadangan Bank Negara untuk saman 1MDB kerana memberi *information* ataupun maklumat yang tidak benar pada Bank Negara.

Siapakah yang lebih arif dalam perkara ekonomi kalau bukan Bank Negara? Saya percaya dalam isu-isu kewangan biasanya AG mereka sendiri akan mengambil nasihat dari Bank Negara. Saya percaya seluruh negara amat menghargai keberanian Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz dalam usahanya untuk melihat tindakan dibawa terhadap 1MDB. Dalam berbuat demikian, beliau sebenarnya melindungi, mempertahankan, dengan izin, *safeguarding the independence of Central Bank* yang mana adalah sebegitu penting, *vital* dalam memelihara *stability* dan *integrity* sistem kewangan negara kita.

#### ■1630

Saya menyokong sepenuhnya Bajet Alternatif Pakatan Harapan, cadangan untuk melanjutkan terma Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz sebagai Pengerusi Bank Negara. Ini kerana beliau telah menunjukkan ketabahan dan keteguhan, *rare tenacity and steadfastness* dalam membela dan mempertahankan kebebasan Bank Negara walaupun beliau diancam *personal attacks*- serangan yang dibuat terhadap beliau. Bayangkan sekiranya kita tidak ada kebebasan *central bank* kita, dikompromi oleh gangguan politik, *political interference*. Jangan lupa Bank Negara adalah *guardian of our reserve*, memelihara, menjaga jumlah rizab negara kita dan juga nilai mata wang negara kita.

Kita tahu, seluruh negara tahu untuk memulihkan kredibiliti dan keyakinan dan ekonomi negara kita, Yang Amat Berhormat Pekan mesti meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Pekan oleh sebab beliau telah enggan untuk meletakkan jawatan, maka tanggungjawab kita mewakili pengundi-pengundi kita, menjadi suara mereka, niat mereka untuk mengundi tidak percaya terhadap Yang Amat Berhormat Pekan supaya tidak lagi menjadi Perdana Menteri.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat.*]

Dalam roh yang sama adalah juga tanggungjawab kita untuk mengundi menolak bajet ini sebagai tanda bahawa kita tidak lagi mempunyai keyakinan dalam kepimpinan Yang Amat Berhormat Pekan sebagai Perdana Menteri.

Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada surat khabar berita bahawa pengumuman kerajaan subsidi beras Super Tempatan- ST15 telah pun dimansuhkan. Pihak pembangkang telah lama membawa isu bahawa terdapat ketirisan dan rasuah dalam program subsidi ini. Tahun 2008 sehingga hari ini, sejumlah lebih daripada tiga bilion tiga ratus tujuh puluh lapan juta telah pun dibiayai untuk program ini dengan tujuan membekalkan beras yang murah kepada rakyat yang miskin.

Akan tetapi apa yang berlaku selama ini kita melihat stok tidak ada. Tidak ada pemantauan langsung bagaimana beras ini sampai kepada orang miskin. Tuduhan banyak dibawa tentang rasuah, 'toci', kuota politik dan sebagainya. Hari ini kita mendengar dan melihat bahawa program ini telah pun ditamatkan, bagus. Akan tetapi ini membawa dua masalah yang lebih besar. Salah satunya adalah berkenaan langkah-langkah yang akan dibawa oleh kerajaan untuk memastikan rakyat miskin boleh mendapat beras yang murah.

Kedua, saya difahamkan 99% orang pengilang bumiputera Melayu bergantung kepada subsidi ST15, perniagaan mereka. Seluruh industri beras, pengilang Melayu akan terkesan *will be affected* dengan pemansuhan ST15 ini. Jadi, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk memelihara pengilang-pengilang Melayu ini serta pengedar-pengedar dan pemborong ST15?

Tuan Yang di-Pertua, dalam...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. terima kasih Yang Berhormat Alor Star. Yang Berhormat Alor Star, setuju atau pun tidak dengan saya bahawa sepatutnya yang dimansuhkan ialah mekanisme pemberian kuota kepada syarikat individu-individu yang dipersoalkan selama ini yang menyebabkan beras itu tidak ada di pasaran dan tidak sampai kepada golongan sasaran. Itu sepatutnya yang dihapuskan bukan dimansuhkan, pengeluaran beras subsidi ST15. Sepatutnya mekanisme itu dimansuhkan dan digantikan supaya diberikan pengeluaran terus, *direct* kepada kilang-kilang Bumiputra khususnya untuk pengampitan dan mereka inilah terus melalui ada agensi-agensi yang lain terus kepada peruncit. Ini akan memberikan hasrat untuk kita membantu golongan miskin itu akan tercapai.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Saya amat bersetuju dengan kenyataan-kenyataan yang dibawa oleh Yang Berhormat Pokok Sena dan harap hujahan beliau dimasukkan dalam ucapan saya. Seterusnya dalam Bajet 2016 yang bertemakan '*Mensejahterakan Kehidupan Rakyat*' ada lima bahagian keutamaan.

Kelima, meringankan kos sara hidup rakyat. Di bawah langkah pertama adalah untuk meningkatkan taraf hidup isi rumah B40. Akan tetapi amat sedih Tuan Yang di-Pertua, bahawa selepas 58 tahun merdeka, pesawah padi masih dimasukkan dalam golongan kategori miskin ini. *The bottom 40% of the nation's poor*, dengan izin.

Sebenarnya sektor pertanian telah lama jauh ditinggalkan di belakang jika dibandingkan dengan sektor-sektor lain dalam usaha mentransformasikan ekonomi negara. Ada sebuah analisis yang baru dikeluarkan yang ditulis oleh seorang Murray Hunter, *Associate Professor* daripada UniMAP yang bertajuk, "*How bureaucracy is destroying Malaysia's agricultural sector*". Dalam artikel ini beliau telah pun membangkitkan banyak isu daripada bagaimana GLC tidak membantu komuniti tempatan, rasuah tidak ada *transparency*, akauntabiliti dan sebagainya.

Saya harap Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani yang baru akan mengambil kira nota-nota yang telah ditulis dalam artikel tersebut. Kita selalu mendengar bahawa kerajaan memuji pesawah padi. *They hold them in high regard*, amat dihargai. Wira kerana mengeluarkan beras untuk negara kita. Kita selalu dengar kerajaan menggunakan ayat-ayat seperti setiap titik seorang pesawah padi, nilainya seperti intan Tuan Yang di-Pertua.

Akan tetapi apa yang berlaku, saya melihat pesawah-pesawah padi masih susah, miskin dan diabaikan oleh Kerajaan UMNO, Barisan Nasional. Hanya kroni-kroni sahaja yang diberikan pilihan dan *special treatment* oleh kerajaan seperti BERNAS yang sekarang dimiliki sepenuhnya oleh Tan Sri Syed Mokhtar. Syarikat ini tidak perlu membayar import duti ber *millions* setiap tahun, diberikan monopoli untuk mengimport beras walaupun tidak lagi dalam kawalan ataupun bukan sebuah institusi awam. Diberikan berjuta-juta setiap tahun untuk mengeluarkan ST15 dan sebagainya. Ia juga diberikan kebenaran oleh kerajaan dan disokong untuk disenarai keluar daripada Bursa Malaysia walaupun terdapat bantahan yang besar. Sampai hari ini kita tidak tahu apa yang sebenarnya berlaku dalam BERNAS. *We have been kept in complete darkness*, dengan izin. Kewangan BERNAS kita pun tidak tahu, apa status, *corporate restructuring* pun tidak tahu. Sebab dahulu pernah dijanjikan bahawa BERNAS akan disenaraikan balik dan nikmat serta nafas akan diberikan saham dalam syarikat yang akan *delisted* nanti.

Saya juga dalam bulan Julai telah membangkitkan satu laporan, *RAM Ratings Report* di mana dilaporkan berjuta-juta, ratus Ringgit juga disalurkan keluar daripada BERNAS oleh *main holding company* yang dimiliki oleh Tan Sri Syed Mokhtar. Apa yang kita takut adalah *company* BERNAS ini, dengan izin, *will be stripped of its assets and cash* dan *listing* ini tidak akan dijadikan satu kebenaran, *we do not become a reality and* kerajaan akan dihadapkan dengan satu lagi *bailout* yang besar.

Saya menyeru supaya Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani baru memberikan satu penjelasan penuh apa yang sedang berlaku dalam BERNAS dan bilakah ia akan disenaraikan semula serta *financial health*, kesihatan kewangan BERNAS pada ketika ini. Saya juga menyeru Menteri untuk bertindak dalam kepentingan rakyat untuk merombak semula peranan BERNAS. Tamatkan monopoli BERNAS, import BERNAS dan bawa balik Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN).

Dalam ucapan Bajet, saya amat kecewa membaca bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hanya mengumumkan dua inisiatif untuk membantu pesawah-pesawah padi...

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mencelah sedikit. Yang Berhormat Alor Star, bersetuju kah Yang Berhormat Alor Star dengan saya



wujudnya BERNAS dan wujudnya monopoli ini telah mengakibatkan bukan sahaja petani-petani tetapi juga rakyat Malaysia terpaksa dikongkong dan dicengkam akibat monopoli harga.

■1640

Jadi kalau betul-betul kerajaan ingin membantu Melayu dan bumiputera. Adakah kerajaan tidak boleh menghidupkan ataupun membina 10 'Syed Mokhtar', dan membuka peluang untuk import beras kepada 10 Melayu yang lain? Kenapa harus Tan Sri Syed Mokhtar segala-galanya. Itu yang pertama.

Kedua, kenapa padi dan beras ialah makanan asas Malaysia, dan kenapakah ia dimonopoli seorang sahaja? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Kita boleh memang mengikuti apa yang telah pun diamalkan di Singapura. Di mana mereka memberi *license* mungkin lima ataupun 10 buah syarikat besar untuk import beras. Itu kita boleh buat di Malaysia juga. Tidak ada untuk saya kenapa hal ini tidak boleh dijadikan berlaku di Malaysia. Jadi, saya juga harap ucapan apa yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Sungai Petani dimasukkan dalam ucapan saya.

**Dato' Hasan bin Arifin [Rompin]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Dalam- saya tidak ada masa. minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Rompin, saya tidak ada masa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah ditetapkan tadi bahawa berhujah itu 15 minit, belum?

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Belum. Belum.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey. Sila. Sila teruskan ada seminit dua lagi Yang Berhormat Alor Setar.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Seminit dua lagi? Okey.

Ada dua sahaja inisiatif yang telah diumumkan. Pertama, inisiatif menetapkan harga padi pada RM200 per metrik tan. *Now*, ini amat mengecewakan sebab sebenarnya program ini telah pun dilancarkan tahun lepas. Akan tetapi, masih masuk dalam bajet kita. Itu yang saya tidak difahamkan. Apa yang pesawah padi inginkan adalah untuk menetapkan satu harga lantai dan bukan satu harga siling supaya mereka boleh mendapat harga yang lebih baik untuk penjualan harga padi mereka.

Perdana Menteri juga menyatakan bahawa sebelum ini, selepas harga baru ini ditetapkan pendapatan pesawah padi juga akan naik sebab kalau kadar pemutuan penolakan ataupun *deduction rate* untuk kualiti beras adalah dihadkan kepada 20%. Maka, mereka akan dapat peningkatan dalam pendapatan *income* mereka. Akan tetapi, ini juga mengelirukan sebab sebelum harga baru ini ditetapkan pesawah padi di Kedah dan Perlis telah pun menjual padi mereka pada harga RM1100 per metrik tan dengan kadar penolakan 18%. Akan tetapi apabila harga baru dimasukkan dan di perkenalkan BERNAS khususnya telah pun meningkatkan kadar pemotongan ke-20% sampai 24% di Kedah dan Perlis.

Di Kelantan dan Terengganu lebih tinggi, 26% sampai 30%. Jadi, apa permintaan pesawah-pesawah padi adalah tetapkan harga sebagai harga siling. Kedua, tetapkan kadar pemotongan tidak lebih daripada 18%. Inilah permintaan mereka. Berkenaan kenaikan SSHP

daripada RM248 per metrik tan sehingga RM300 per metrik tan, saya rasa pesawah padi akan berasa berlega hati. Sebab ini, bukan kerana gembira tetapi telah pun berpuluh-puluh tahun mereka meminta kenaikan sejak dan kenaikan tidak pun dinaikkan sejak 1991. Apabila Dato' Seri Anwar Ibrahim masih bertugas sebagai Menteri Kewangan, isu pernah banyak dibangkitkan dalam pilihan raya kecil di Sungai Limau.

Sebenarnya, bajet Pakatan Harapan mencadangkan harga subsidi beras SSHP ini dinaikkan bukan sekadar RM300 per metrik tan tetapi RM380 per metrik tan. Saya juga berasa kesal cadangan Menteri Besar Kedah untuk GST dikenakan ke atas sektor pertanian khususnya barangan dan peralatan untuk proses penghasilan padi dikecualikan daripada GST. Semasa pembentangan bajet ini, tidak langsung diambil kira dan tidak disentuh langsung oleh Perdana Menteri.

Saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kenapa cadangan yang baik ini tidak boleh dilaksanakan, memandangkan kebanyakan pesawah padi adalah *smallholders* yang sedang menghadapi tekanan kenaikan kos untuk mengeluarkan padi. Saya juga ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kenapa pemotongan yang besar-besaran dalam subsidi pertanian yang berjumlah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang lagi Yang Berhormat Alor Star?

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Ya, saya akan tamatkan lagi dalam satu minit. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Ada pemotongan besar dalam subsidi sehingga RM831 juta peruntukkan untuk program-program khusus telah pun diturun, *cut from RM2.942 billion to RM1.661 billion. The lowest allocation ever given for agriculture since 2012.* Saya juga akhir sekali, meminta kerajaan memberi jawapan sebab saya pernah bertanya berapakah projek pembangunan dalam Rancangan Malaysia Ke-9 dan Ke-10 di Kedah yang diluluskan? Akan tetapi masih belum diselesaikan. Jawapannya, 465 projek. Saya harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh membekalkan butir senaraikan apa projek-projek ini satu per satu dan menjelaskan kenapa mereka belum diselesaikan.

Di sebabkan bajet ini, saya lihat adalah hanya untuk bertujuan menyelamatkan Yang Berhormat Pekan sahaja maka saya mencadang menolak bajet yang dicadangkan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih sebelum saya panggil dalam *list* saya Yang Berhormat Tanjong Piai. Sebelum saya panggil Yang Berhormat Tanjong Piai, sekarang ini saya ingin membuat ketetapan bahawa 15 minit Yang Berhormat kerana ramai lagi yang hendak berbahas. Jadi 15 minit *stick to that time. Please*, sila. 15 minit Yang Berhormat Tanjong Piai.

**4.46 ptg.**

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbincangan ucapan Bajet 2016 di dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sesuai dengan tema Bajet 2016 iaitu, "Mensejahtera Kehidupan Rakyat".

Saya ingin membangkitkan beberapa isu yang berhubung kait dengan bajet. Mengenai peruntukkan bagi Kampung Baru Cina di Bajet 2016, semasa membentangkan Bajet 2016 pada 23 Oktober Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan sebanyak RM40 juta akan diperuntukkan untuk pembangunan Kampung Baru. Di mana ia termasuk pembangunan infra di Kampung Baru serta pinjaman khas *micro credit*.

Saya ingin mengucapkan terima kasih atas keprihatinan dan komitmen Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terhadap pembangunan Kampung Baru Cina. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, mengikut rekod terdapat 607 buah kampung baru di bawah seliaan bahagian kampung baru Jabatan Perdana Menteri. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-10, sebanyak RM265.45 juta telah diperuntukkan untuk pembangunan infra Kampung Baru Cina.

Justeru itu, saya ingin meminta Jabatan Perdana Menteri memberikan jumlah peruntukkan serta pecahan yang tepat untuk Kampung Baru Cina bagi bajet tahun 2016. Di samping itu, ingin tahu adakah peruntukkan khas di bawah Skim Pinjaman Kampung Baru Cina masih diteruskan seperti di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 dan berapakah peruntukkan yang disediakan pada Bajet 2016 dalam usaha membantu mempergiatkan aktiviti ekonomi kampung baru. Demi menarik generasi-generasi muda balik ke kampung mereka. Seterusnya, mengekalkan *sustainability*, dengan izin, Kampung Baru dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyuarakan rintihan warga miskin di kampung baru di mana, disebabkan kekangan pendapatan mereka terdapat sebahagian penghuni kampung baru ataupun golongan warga emas atau tua dan ibu tunggal tidak mampu memperbaiki kediaman mereka yang telah bocor dan usang. Maka saya, berharap Kerajaan Pusat dapat memberi perhatian dalam hal ini dan membantu mereka yang memerlukan pertolongan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh isu perkhidmatan Telekom. Salah satu ciri negara yang maju capaian internet yang baik dengan kadar gangguan perkhidmatan yang minimum. Sesuai dengan itu, bagi kawasan seperti Tanjong Piai dan khasnya kawasan Pekan Nanas dan kawasan pelancongan di perkampungan Kampung Air Masin, Kukup Laut untuk maju capaian internet satu prasyarat kepada pembangunan.

#### ■1650

Akan tetapi amat malang sekali, terdapat kebanyakan kawasan perumahan yang bukan sahaja capaian internetnya pada kadar sifar, malah tiang-tiang telefon dan infrastruktur asas untuk kemudahan komunikasi pun tidak disediakan.

Selain daripada itu, di kawasan-kawasan di mana terdapat capaian internet, banyak aduan diterima mengenai perkhidmatan internet *wireless*, dengan izin, yang sangat lemah dan lembap atas alasan kesesakan penggunaan atas talian. Oleh yang demikian, oleh sebab keperluan yang amat mendesak, masyarakat telah mula menuntut terhadap penaikan taraf perkhidmatan internet sesuai dengan keperluan hari ini. Untuk memastikan kawasan perumahan yang baru juga disediakan dengan prasarana yang sesuai supaya kemudahan yang membolehkan capaian internet dibangunkan, saya mencadangkan supaya pihak berkuasa

tempatan meletakkan pematuhan syarat penyediaan talian telefon sebagai syarat untuk kelulusan Sijil Menduduki Bangunan (CFO) selain dari jalan, air dan elektrik.

Sehubungan dengan itu, saya ingin sekali lagi membangkitkan pertanyaan mengenai apakah langkah-langkah yang akan dilaksanakan oleh agensi seperti TM dalam menyesuaikan keperluan prasarana komunikasi alaf sekarang. Saya juga ingin mencadangkan untuk memastikan pemasangan alat-alat komunikasi dilakukan dengan cepat, kerja-kerja pemasangan tidak dimonopoli oleh sebuah syarikat sahaja. Kerajaan perlu memberi peluang kepada lebih banyak syarikat untuk berkhidmat.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh berkaitan jalan *bypass* di Pekan Nenas. Dalam bajet ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memperuntukkan beberapa bilion bagi menambah baik infrastruktur logistik. Saya ingin mengambil kesempatan ini juga untuk memohon keperluan menambah baik infrastruktur logistik bagi laluan Pontian-Pekan Nenas-Johor Bahru. Pada masa ini, kesesakan kenderaan di kawasan Pekan Nenas menjadi bertambah buruk dari hari ke hari akibat pertambahan kenderaan di atas jalan. Demikian juga pada waktu puncak, deretan kenderaan sehingga 2 kilometer menjadi pemandangan biasa yang telah menjadi rungutan rakyat sekian lama.

Cadangan membina projek jalan *bypass* ataupun jalan pintas telah dicadangkan sejak Rancangan Malaysia Kelapan dan telah dimasukkan dalam setiap cadangan projek Rancangan Malaysia Kesembilan, Kesepuluh dan Kesebelas ini. Masalahnya hari ini masih belum kelihatan tanda-tanda projek tersebut akan dilaksanakan. Seperti dinyatakan pada ketika itu, kos hanya bernilai RM1 juta. Akan tetapi semakin lama ditangguhkan, kos ini akan terus meningkat dan pada masa yang sama masalah kesesakan akan bertambah teruk dan merunsingkan.

Akibat kesesakan ini, dikhuatiri akan memberi kesan rantaian, di mana berlakunya kekurangan peluang pekerjaan. Pada masa yang sama, penghijrahan keluar penduduk akan meningkat akibat kurangnya pelaburan atau pelabur yang beroperasi di daerah Pontian oleh sebab kekurangan infrastruktur. Di Dewan yang mulia ini, saya ingin bertanya dan tidak akan jemu bertanya. Bilakah Kementerian Kerja Raya dapat melaksanakan projek berkenaan? Pertumbuhan ekonomi Pekan Nenas amat bergantung kepada kemudahan infrastruktur jalan *bypass* Pekan Nenas. Saya juga ingin mencadangkan supaya kerja-kerja pelebaran jalan utama Pekan Nenas sehingga ke Taman Mas Merah dilakukan sebagai penyelesaian bagi masalah kesesakan ini dalam masa yang terdekat.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang seterusnya mengenai isu tapak pelupusan sampah di Pekan Nenas. Telah beberapa kali dibangkitkan di Dewan yang mulia ini. Pada suatu ketika, ia seolah-olah telah menemui jalan penyelesaian apabila sebuah tapak baru yang telah pun sepatutnya sampai ke fasa pelaksanaan. Namun akhirnya terhenti dan sekarang masih dalam pencarian tapak baru. Penyelesaian kepada isu tapak pelupusan sampah ini amat penting sebagai penanda aras kepada keberkesanan pentadbiran kerajaan agar ia tidak dimanipulasikan oleh pihak yang berkepentingan dengan memberikan gambaran negatif kepada rakyat yang mudah dijejakan dengan maklumat separuh benar.

Sebagaimana sedia maklum, keadaan atau kaedah yang dilaksanakan di tapak sediaada, pelupusan sampah secara konvensional akan menyebabkan pencemaran alam sekitar yang lebih ketara dan akan menjadi rungutan dan aduan rakyat. Sehubungan dengan itu, saya amat berharap isu berkenaan dapat diselesaikan dengan kadar segera memandangkan ia telah berlarutan beberapa tahun dan telah beberapa kali pengumuman dibuat berhubung dengan penyelesaian. Namun realitinya, masih belum dapat diselesaikan.

Saya mengangkat tajuk di atas adalah untuk mendapatkan penjelasan status terkini isu penyelesaian tapak pelupusan sampah di Pekan Nenas yang tergantung sehingga hari ini. Apakah langkah konkrit yang diambil oleh agensi berkaitan bagi menangani isu tapak pelupusan sampah berkenaan? Ini termasuklah kaedah yang akan dilaksanakan bagi mengurus tapak pelupusan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, isu keselamatan tanggungjawab bersama. Ketika Balai Polis Pekan Nenas dan rumah-rumah berek polis telah dibina pada 11 Mei 1975 dengan kekuatan anggota seramai 29 orang anggota, dapat menampung keperluan 5,000 orang penduduk pada ketika itu. Pada hari ini, penduduk kawasan lingkungan operasi Balai Polis Pekan Nenas adalah seramai 50,000 orang. Ini satu peningkatan sebanyak 10 kali ganda. Akan tetapi Balai Polis Pekan Nenas yang dibina pada tahun 1975 masih lagi tidak berubah daripada segi penambahan fizikal sesuai dengan keadaan dan perubahan zaman. Jurang nisbah anggota polis dan penduduk terlalu ketara dan besar. Tidak mungkin anggota polis dapat menangani dan mencegah kes jenayah dengan berkesan dengan bilangan anggota polis yang tidak mencukupi.

Pada masa ini terdapat lebih 30 buah taman perumahan yang telah dihuni dan pada masa yang sama projek perumahan baru terus dibangunkan. Isu ini ditambah lagi dengan sebegitu ramai tenaga kerja asing dari pelbagai negara seperti Myanmar, Nepal, Vietnam, Filipina dan sebagainya dan menjadi sebahagian daripada komuniti baru di Pekan Nenas. Saya mendapat maklumat terkini tentang keadaan pembangunan dan struktur bangunan balai polis tersebut tidak lagi dalam keadaan yang baik. Seperti berek-berek rumah polis yang sudah usang, bangunan pejabat yang telah rosak dan kemudahan kenderaan yang tidak mencukupi.

Justeru itu, bilakah sebuah balai polis baru akan dibina bagi memenuhi keperluan masyarakat di Pekan Nenas? Selain itu, apakah langkah-langkah yang boleh dipraktikkan untuk membantu mencegah isu-isu jenayah yang berlaku pada masa kini? Saya juga ingin menyarankan supaya penambahan bilangan anggota yang secukupnya untuk menangani masalah jenayah yang meningkat. Tuan Yang di-Pertua, kepesatan pembangunan di kawasan Tanjung Bin dengan adanya Loji Tanjung Bin yang bernilai RM5 bilion untuk penjanaan elektrik serta projek hab petrokimia yang bernilai RM1.7 bilion menjadikan kawasan tersebut mempunyai nilai ekonomi yang tinggi, sekali gus berisiko tinggi juga kepada kejadian-kejadian kebakaran berdasarkan bentuk industri yang terlibat di kawasan tersebut.

Lokasi kawasan berkenaan juga terletak berhampiran kawasan perkampungan tradisional selain dari sebuah perkampungan atas air di kawasan Mukim Air Masin yang sangat berisiko dengan kejadian kebakaran. Pada keseluruhannya, di kawasan Serkat dan Air Masin

terdapat sebanyak 2,500 buah rumah penduduk dan 500 buah bangunan awam seperti sekolah, masjid, surau, balai raya dan lain-lain rumah ibadat. Pada waktu ini, perkhidmatan bomba disediakan dari bandar Pontian pada jarak 40 kilometer dari Tanjung Bin dan mengambil masa 30 minit sekurang-kurangnya untuk sampai ke lokasi jika berlakunya bencana seperti kebakaran.

Walaupun di kawasan zon industri terdapat Unit Kawalan Kebakaran Dalaman tetapi keperluan bantuan dari luar amat diperlukan bagi mempercepatkan tindakan. Bagi keadaan penempatan perumahan atas air di Mukim Air Masin pula, kedudukan fizikal rumah rapat dan kebanyakannya masih dibina dengan kayu dan papan juga mengundang risiko kebakaran yang amat serius. Sesuai dengan kepesatan pembangunan pendidikan, sebuah sekolah vokasional juga sedang dalam pembinaan dan akan menempatkan ramai pelajar di asrama kemudian kelak.

Selain itu, sebuah jeti sebagai hab kemasukan orang ramai dari negara jiran Indonesia dan Singapura menggunakan feri menjadikan kawasan tersebut yang kedudukannya bersebelahan dengan penempatan atas air juga amat memerlukan jaminan pengurusan bencana kebakaran yang kritikal.

#### ■1700

Dengan adanya sebuah balai bomba di kawasan selatan Pontian ini akan menjadikan prasarana di kawasan ini lebih terjamin keselamatan khasnya dari sudut kawalan bencana kebakaran.

Oleh yang demikian, saya mencadangkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menimbangkan dengan serius bagi mewujudkan sebuah balai polis di kawasan selatan Pontian bagi keperluan di kawasan Serkat dan Air Masin serta sokongan kepada isu keselamatan di kawasan industri Tanjung Bin.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang terakhir ialah harapan rakyat di Parlimen Tanjong Piai khasnya di kawasan Pekan Nenas untuk mendapat sebuah perkhidmatan kesihatan. Wang lebih baik telah pun ditunaikan oleh kerajaan dengan lulusnya pembinaan sebuah klinik kesihatan baru bertaraf KK3 di Pekan Nanas yang melibatkan kos sebanyak RM21 juta.

Tuan Yang di-Pertua, projek pembangunan telah mula dibina tetapi berdasarkan pemantauan didapati *progress* pembinaan sangat perlahan dan telah mula menimbulkan persoalan kepada penduduk. Saya meminta Kementerian Kesihatan dapat melihat perkara ini supaya projek KK3 berkenaan dapat digunakan dalam tempoh masa yang telah dirancang. Saya juga ingin tahu bilakah janji kementerian untuk mewujudkan sebuah pusat hemodialisis di Pekan Nanas dapat ditunaikan? Itu sahaja secara ringkas. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Klang.

#### 5.01 ptg.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk bahas Belanjawan 2016 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dua minggu yang

lalu. Saya akan membangkitkan lebih kurang enam isu yang pada pandangan saya perlu perhatian segera oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengatakan bahawa GST penyelamat ekonomi Malaysia. Beliau berkata bahawa tindakan untuk mengimplementasikan GST tindakan yang baik oleh kerajaan. Beliau juga mengatakan bahawa di bawah sistem cukai SST, kerajaan hanya dapat mengutip sebanyak RM18 bilion manakala melalui sistem cukai GST pula, kutipan cukai RM39 bilion.

Tuan Yang di-Pertua soalan yang harus ditanya ialah lebihan sebanyak RM21 bilion ini datang dari mana? Saya berpendapat bahawa rakyat Malaysia khususnya golongan pertengahan dan golongan berpendapatan rendahlah yang merupakan penyumbang besar kepada kutipan RM21 bilion ini. Pada pandangan saya, merekalah penyelamat Malaysia, merekalah penyelamat ekonomi Malaysia atau *savior of the Malaysian economy. It is the working class and the middle class that are the savior of the Malaysian economy.* Dari satu sudut, kumpulan ini penyelamat ekonomi tetapi dalam sudut yang lain, kutipan GST pula adalah salah satu faktor yang telah memiskinkan rakyat khususnya golongan B40. Ini adalah kerana kutipan GST ini datang daripada satu kumpulan besar yang sebenarnya tidak dapat membayar cukai.

Selain GST, peningkatan harga yang- atau *steep increase in prices* termasuk kos sewa rumah dan harga rumah yang tinggi, peningkatan harga tol serta gaji yang kurang telah mencetuskan apa yang boleh dikatakan krisis kos sara hidup, krisis kos kehidupan. Penurunan nilai mata wang Ringgit juga telah memberi impak drastik kepada golongan B40 dan ini satu keadaan yang serius pada pandangan saya.

Fenomena krisis kos sara hidup *is reflected* dalam satu kajian yang dibuat oleh iMoney.my yang bertajuk, "*Budget 2016 Survey: Malaysian Buckle Under the Rising Cost of Living*". Dalam kajian ini menunjukkan bahawa, pertama, 87 peratus rakyat Malaysia berpendapat bahawa isu kos sara hidup isu yang serius sekali di Malaysia. Kedua, 90 peratus rakyat Malaysia tidak percaya bahawa BR1M boleh mengatasi masalah kewangan mereka. Ketiga, 80 peratus inginkan kerajaan untuk menurunkan kadar GST manakala keempat, 68 peratus mendesak supaya mekanisme kawalan harga ditingkatkan dengan segera.

Kajian ini dengan jelas menunjukkan bahawa negara ini sedang menghadapi krisis kos sara hidup dan memiskinkan kebanyakan rakyat khususnya golongan B40. Jelas juga bahawa rakyat golongan B40 dan juga M40 telah menyelamatkan ekonomi Malaysia. Walaupun begitu, mutu dan kualiti kehidupan mereka terjejas secara tidak langsung oleh sebab kos sara hidup yang dialami. Dalam konteks ini, saya minta kerajaan untuk memberitahu Dewan yang mulia ini jumlah GST yang dikutip dari M40 dan juga B40 untuk tahun ini dan jangkaan atau *expected GST revenue* untuk tahun 2016 untuk golongan yang sama.

Salah satu cadangan kerajaan untuk mengatasi kemiskinan dan ketidaksamarataan di Malaysia, peningkatan gaji minimum daripada RM900 kepada RM1,000 pada bulan Julai 2016. Peningkatan sebanyak RM100 terlalu kecil memandangkan peningkatan kos sara hidup yang begitu besar. Tambahan pula, peningkatan sebanyak RM100 ini dalam gaji minimum dibuat

selepas 19 bulan. Peningkatan kuantum gaji minimum dan *implementation time frame* tidak adil kepada pekerja, Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah kerana kenaikan gaji minimum harus dibuat pada bulan Januari 2015 dan bukannya pada Julai 2016. Kenaikan ini diisytiharkan 19 bulan lambat.

Malah, di bawah sistem gaji minimum yang baru oleh kerajaan, kita dapati bahawa diskriminasi terhadap pekerja swasta berbanding penjawat awam berlaku. Secara dasar, kerajaan telah mengenal pasti bahawa RM1,200 sepatutnya menjadi gaji asas untuk penjawat kerajaan tetapi gaji minimum ini tidak dipanjangkan kepada pekerja-pekerja swasta. Soalnya, mengapakah layanan berbeza diberikan kepada pekerja swasta dan kerajaan? Saya mohon supaya Menteri menjelaskan perkara ini dan menyamaratakan gaji pekerja swasta dan kerajaan.

Saya juga mencadangkan bahawa kerajaan mengkaji semula gaji minimum yang akan diumumkan iaitu sebanyak RM1,000 kepada RM1,500 seperti yang diminta oleh pihak kesatuan sekerja serta pihak berkepentingan lain dan *stakeholder-stakeholder* yang lain. Saya mohon supaya Menteri menjelaskan mengapa ada perbezaan gaji minimum antara pihak swasta dan juga penjawat kerajaan.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, sekarang Malaysia mempunyai sebanyak 2.3 juta orang pekerja asing serta empat hingga enam juta orang pekerja yang tidak mempunyai dokumentasi atau *undocumented workers*. Jumlah pekerja asing di Malaysia pada masa kini hampir 8.3 juta. Baru-baru ini, kerajaan telah mengambil keputusan untuk membawa masuk 1.5 juta orang pekerja baru dari Bangladesh untuk tiga tahun yang akan datang.

Saya mohon supaya Menteri berkenaan memberitahu kepada Dewan yang mulia ini, selain Bangladesh, adakah kerajaan bercadang untuk membawa pekerja asing daripada negara-negara lain? Adakah kerajaan tidak sedar bahawa dasar ini akan bercanggah dengan pelan Rancangan Malaysia Kesebelas yang mengesyorkan bahawa Malaysia akan mengurangkan pergantungan atau *dependence* terhadap pekerja-pekerja asing? Selain itu, syarikat manakah yang akan dipilih untuk menguruskan kemasukan pekerja-pekerja ini ke Malaysia?

Berkait dengan isu ini, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengatakan bahawa Kementerian Luar Negeri telah memilih sebuah syarikat yang dimiliki oleh mantan Menteri Dalam Negeri untuk mengurus kemasukan pekerja-pekerja dari Bangladesh. Apakah kriteria yang diguna pakai untuk memilih syarikat ini? Adakah benar bahawa setiap pekerja yang datang ke Malaysia dari Bangladesh dikehendaki membayar sekurang-kurangnya RM3,000 kepada syarikat ini?

Juga, adakah kerajaan telah membuat kajian *labor impact assessment* sebelum membuat keputusan untuk membawa 1.5 juta orang pekerja Bangladesh? Selain kajian *labor impact assessment*, apakah cadangan kerajaan untuk menangani masalah pekerja asing tanpa izin yang berjumlah lebih empat hingga enam juta yang tinggal di Malaysia?

■1710

Tambahan pula saya ingin memohon penjelasan daripada Menteri berkenaan bahawa adakah kerajaan membuat *impact assessment* kepada gaji pekerja tempatan dan peluang



pekerjaan memandangkan berjuta-juta pekerja asing akan bersaing untuk kerja yang sama. Saya khawatir bahawa tanpa satu kajian yang menyeluruh atau *comprehensive*, kita secara tidak langsung akan menginstitusikan apa yang dipanggil *raise to the bottom* dan fenomena ini akan merangkapkan pekerja Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya adalah berkait dengan hutang kerajaan dan hutang isi rumah. Hutang isi rumah ke GDP Malaysia pada suku akhir tahun lepas adalah lebih tinggi, 146% berbanding dengan Amerika Syarikat iaitu 99%, United Kingdom – 133% menurut kajian oleh McKenzie. Selain itu hutang isi rumah keseluruhan Malaysia adalah pada 88% dan tidak stabil seperti yang dikatakan oleh Fitch Ratings. Apa cadangan kerajaan untuk menolong isi rumah atau *household* yang sekarang dibebankan dengan hutang. Tambahan pula Tuan Yang di-Pertua jurang pendapatan antara golongan elit Malaysia dan rakyat biasa di Malaysia amat luas.

Kajian oleh Dr. Abdul Khalid daripada UKM mengatakan bahawa 15 buah keluarga atasan di Malaysia memiliki lebih kurang 76% kekayaan negara. So, ini satu fenomena yang kita tidak nampak dulu. Ini menunjukkan bahawa perluasan ataupun ketidaksamarataan antara golongan elit Malaysia dan juga rakyat biasa yang menjadi luas pada masa kini. Jadi amat ketara di sini bahawa BR1M bukan jawapan kepada masalah ini. Apa yang sepatutnya dilakukan iaitu peningkatan gaji benar pekerja-pekerja Malaysia. Adakah kerajaan sedia untuk ulang kaji gaji minimum untuk sama ratakan antara golongan kaya dan miskin? Saya minta Menteri menjelaskan isu ini.

Isu yang seterusnya Tuan Yang di-Pertua berkait dengan perubatan. Terlebih dahulu saya menyambut baik keputusan dan ucapan tahniah kepada Kementerian Kesihatan dan kerajaan juga yang telah membuat keputusan untuk menggandakan jumlah ubatan-ubatan yang di kadar sifarkan oleh GST. Saya harap kerajaan dapat mengeluarkan senarai penuh bagi ubat-ubat ini yang tidak akan dikecualikan dalam masa yang segera demi kepentingan pengguna-pengguna. Berkait dengan isu ini saya ingin mohon supaya semua ubatan di Malaysia dikadar sifarkan oleh kerajaan untuk kepentingan rakyat.

Saya berpendapat bahawa sesuatu kerajaan atau masyarakat tidak harus meletakkan cukai ke atas ubat-ubatan yang digunakan untuk memanjangkan nyawa seseorang individu. Pandangan ini termasuk dalam dasar Kementerian Kesihatan iaitu *Malaysian National Essential Medicines Service Policy 2006*. Oleh sebab itu saya ingin minta supaya kerajaan *zero rate* semua ubatan termasuk *medical equipment*. Minta pandangan daripada Yang Berhormat Menteri.

Keputusan kerajaan untuk bersetuju di perbincangan *Trans-Pacific Partnership Agreement* untuk memanjangkan *data protection* untuk selama lapan tahun untuk *biologics medicine*, akan meningkatkan harga ubat baru untuk rakyat Malaysia. Apakah tindakan kerajaan untuk memastikan rakyat Malaysia tidak mati cepat akibat kenaikan harga ubat yang melambung tinggi?

Terakhir Tuan Yang di-Pertua, berkait dengan penyakit denggi di Malaysia. Seramai 263 orang telah meninggal dunia sehingga 17 Oktober tahun ini akibat penyakit denggi. Sehingga

sekarang kerajaan masih belum lagi mencari jalan yang menyeluruh untuk menyelesaikan dan membanteras penyakit denggi. Saya juga telah mengadakan perbincangan meja bulat mengenai isu ini dan wakil daripada kementerian serta Kerajaan Negeri Selangor pada bulan Ogos yang lepas. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian untuk mengurangkan insiden kematian dalam kalangan rakyat akibat denggi ini? Minta penjelasan daripada pihak Menteri.

Terakhir Tuan Yang di-Pertua, ini adalah berkait dengan nasib pemandu-pemandu teksi di Malaysia. Impak GST kepada pemandu teksi di Malaysia adalah serius. Mereka terpaksa membayar empat jenis GST iaitu satu untuk membeli alat gantian, GST untuk pemasangan alat gantian, GST untuk pemeriksaan PUSPAKOM dan juga GST untuk pembayaran sewa harian. Dengan kenaikan kos NGV sekarang pendapatan golongan pemandu-pemandu teksi ini mula terjejas.

Selain itu sistem teksi sekarang yang berteraskan *rent seeking* yang dimonopoli oleh syarikat swasta perlu dikaji semula dan kadar keuntungan siling diperoleh oleh masyarakat swasta perlu diketatkan kepada satu tahap yang berpatutan. Dalam konteks ini saya minta supaya permit diberi kepada pemandu teksi secara individual dan konsep sewa permit perlu dimansuhkan. Saya harap Menteri berkenaan jawab soalan saya.

Sudah banyak kali dalam Parlimen saya telah menekankan keperluan *social safety net policy* untuk kumpulan ini iaitu pemandu-pemandu teksi. Pemandu teksi memerlukan polisi atau dasar ini bagi menjamin kepentingan mereka. Merujuk kepada fakta-fakta ini, jelas menunjukkan bahawa berlakunya kegagalan dalam sistem rancangan teksi. Saya mencadangkan supaya jawatankuasa khas perlu diwujudkan oleh SPAD untuk mengkaji semula dasar sistem teksi yang sedia ada. Tambahan pula jawatankuasa ini harus fokus untuk meningkatkan mutu perkhidmatan pemandu teksi serta *incorporate* perkembangan teknologi untuk menolong pemandu-pemandu teksi dengan dapat lebih *customers* dan juga untuk mengkaji keperluan *social safety net* untuk kumpulan ini.

Saya ingin minta penjelasan daripada Menteri berkenaan adakah kementerian sudah mempunyai pelan untuk jangka masa panjang dalam industri teksi? Bagaimana kementerian merancang untuk mengaplikasikannya atau implementasikan rancangan ini. Sekian, terima kasih

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim...*

**Tuan Yang di-Pertua:** [Ketawa] Sila, sila. Tidak apa, sudah.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Semangat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Pasir Gudang.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Selepas Yang Berhormat Pasir Gudang, nanti sekejap ya... [Disampuk] Ya, Yang Berhormat Sepang. Selepas Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Kudat.

#### 5.17 ptg.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk turut serta dalam perbahasan Bajet 2016.

Tuan Yang di-Pertua, "Mensejahtera Kehidupan Rakyat" begitulah tema Bajet 2016 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada Jumaat yang lalu. Saya berpendapat bahawa aspirasi pucuk pimpinan negara yang dizahirkan melalui tema Bajet 2016 adalah sangat bertepatan dengan masanya. Sebagai mukadimah saya terpanggil untuk berkongsi tiga perkara utama yang saya kira perlu untuk diberi perhatian apabila kita merancang sesuatu dasar atau inisiatif baru. Tiga perkara ini bukanlah sesuatu yang baru bagi semua pembuat dasar seperti kita. Namun saya kira elok untuk kita sama-sama saling ingat mengingati.

Pertama kita perlu memastikan bahawa setiap perincian sesuatu dasar difahami dengan jelas di setiap peringkat masyarakat agar setiap individu mendapat kefahaman yang sama dan mendalam. Hal ini penting supaya inisiatif baharu yang diusahakan oleh pihak kerajaan disambut baik oleh rakyat dan tidak mudah diputarbelitkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Kedua, strategi pelaksanaan perlu disusun baik dengan objektif untuk mengurangkan ketirisan dan kebocoran. Setiap perkara perlulah untuk diambil berat berkenaan perinciannya.

Ketiga, pemantauan secara berkesan adalah amat perlu bagi memastikan setiap pelaksanaan itu sentiasa berada pada landasan yang betul-betul serta mudah untuk diperbaiki jika berlaku permasalahan.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama saya ingin menyentuh soal kos sara hidup. Jumlah pendapatan merupakan indikator utama yang digunakan untuk menilai kedudukan ekonomi rakyat. Tahap pendapatan sebenar perlu banyak dipengaruhi oleh turun naik harga barang di pasaran. Ini bermakna sungguhpun dua orang individu memperoleh nilai pendapatan yang sama, namun kerana perbezaan harga menyebabkan kedudukan ekonomi berbeza.

#### ■1720

Jika kita lihat pada indeks harga pengguna yang meningkat daripada segi 110.6% pada Januari 2015 kepada 113.6% pada September 2015. Kita melihat kepada peningkatan 2.71% yang berlaku dalam jangka masa kurang dari setahun. Ini pastinya memberi tempas kepada semua rakyat terutamanya golongan pertengahan dan rendah.

Saya menyokong penuh inisiatif kerajaan untuk menaikkan gaji minimum dan saya ingin menyampaikan di sini ucapan ribuan terima kasih daripada warga-warga industri kerana gaji minimum telah dinaikkan daripada RM900 kepada RM1,000. Ucapan terima kasih juga kepada

suri rumah kerana suami-suami mereka sudah naik gaji. Kalau yang belum, ibu bapa sangat menghargainya.

Namun yang demikian, saya kira perkara ini haruslah diselaraskan di antara Sabah Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan kerana seperti yang saya nyatakan tadi, kos naik di mana-mana. Jadi sudah sampai masanya gaji minimum diselaraskan, apatah lagi jika dibezakan dengan gaji kakitangan kerajaan. Gaji minimum mereka RM1,200. Sedangkan kita beli barang pun semuanya sama. Jadi mohon pihak kerajaan terutama Kementerian Sumber Manusia melihat kepada perkara ini dengan *detail* nya bagi mengkaji perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan yang prihatin ini juga telah bersedia untuk memberi pelepasan cukai, sesuatu yang telah diperjuangkan yang agak lama, iaitu daripada jumlah pelepasan cukai setiap anak di bawah 18 tahun. Ini juga ribuan terima kasih saya ingin sampaikan bagi pihak warga industri. Ini kerana daripada pelepasan RM1,000 sudah naik RM2,000. Ini bermakna dalam sebuah keluarga, jika ada empat anak yang mendapat pelepasan cukai, kalau dahulu mereka mendapat RM3,000 atau RM4,000 sekarang berganda dia akan mendapat pelepasan cukai RM6,000 atau RM8,000 dan seterusnya.

Bukan setakat itu sahaja, untuk menyejahterakan hidup rakyat, pelepasan cukai juga diberikan kepada anak-anak yang menyara ibu bapa mereka. Ini juga satu peningkatan yang baik. Begitu juga dari sudut warga industri yang ulang-alik yang tidak mempunyai insurans, sangatlah berterima kasih kerana pihak SOCSO telah dinaikkan daripada RM3,000 kepada RM4,000. Ini satu polisi yang sangat baik kerana kalau dulu Tuan Yang di-Pertua, bila seseorang itu masuk kerja, kalau gajinya RM3,000 SOCSO mengamalkan dasar, '*Once-In-Always-In*'. Bermakna kalau mereka mula masuk dengan gaji RM3,000 mereka boleh mencarum dan mendapat perlindungan SOCSO. Akan tetapi kalau gaji mereka RM3,001 mereka tidak mendapat perlindungan daripada SOCSO itu. Jadi dengan kenaikan ke RM4,000 ini menambahkan kebaikan kepada pekerja-pekerja yang boleh dilindungi di bawah SOCSO ini.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun bajet menghindarkan banyak berita baik untuk rakyat, namun saya kira pasti masih boleh dipertimbangkan beberapa penambahbaikan. Antaranya kita juga perlu mengkaji perkara-perkara lain seperti yang telah dinyatakan iaitu di mana BR1M. BR1M ini perlu kita membuat sedikit kajian, Tuan Yang di-Pertua kerana melalui BR1M ini, kita juga melihat masih banyak lagi penipuan-penipuan yang berlaku. Jadi untuk mengatasi masalah ini, untuk memastikan mereka ini tidak membuat penipuan-penipuan sukalah saya membuat cadangan mungkin BR1M ini kerana tujuan BR1M untuk rakyat. Kerajaan membantu rakyat menangani kos sara hidup. Jadi maknanya kita bolehlah berikan BR1M ini dalam bentuk *debit card* kepada mereka ataupun bayaran yang dibuat secara bulanan. Kalau tidak bila mereka dapat duit secara pukal ini, RM300, RM500, RM600 dan sebagainya mereka akan menggunakan dengan cara yang, ada yang menggunakan dengan cara yang tidak patut digunakan. Dia bukan menjadi kos sara hidup, tetapi menjadi keperluan yang mungkin tidak perlu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak kerajaan dengan penambahan kadar sifar terhadap 8,630 jenama ubat serta beberapa jenis

bahan makan memberikan makna yang besar kepada rakyat daripada segi kos sara hidup. Namun begitu, saya meminta pihak kerajaan mempertimbangkan untuk memberikan kadar sifar atau pelepasan GST kepada polisi insurans, sektor perkhidmatan kerajaan tempatan, serta perkhidmatan kesihatan. Perkara ini telah beberapa kali juga saya suarakan kerana kita menggalakkan ramai daripada rakyat kita terutamanya mereka yang ada kemampuan golongan pertengahan ke atas untuk membeli insurans. Akan tetapi bila, memanglah insurans ini agak mahal, kalau mereka tidak mampu mereka tidak boleh beli. Akan tetapi bila dikenakan GST menjadi satu kemarahan kepada mereka kerana pertambahan ini. Pihak-pihak insurans atau pihak-pihak seperti doktor-doktor pakar ini mereka bukan hendak duit GST ini. Mereka mengatakan bukan mereka yang kenakan, tetapi pihak kerajaan. Jadi sewajarnya perkara ini dilihat dengan teliti.

Daripada segi pemantauan saya juga ingin memberitahu kepada Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya dikejutkan apabila salah seorang pengundi saya, dia menghantar *message* kepada saya dengan gambar di mana mereka telah pergi ke sebuah pasar raya untuk membeli sebiji jantung pisang. Harga jantung pisang ini Tuan Yang di-Pertua, mungkin Tuan Yang di-Pertua kalau dengar pun terperanjat. Harganya sebiji RM26. Jantung pisang RM26. Jadinya saya pasti pemantauan dan penetapan harga selepas GST ini masih lagi perlu diperbaiki. Apabila barang makanan yang dahulu kita boleh beli dengan murah, tetapi tidak terkawal. Ini bukanlah kerana GST dinaikkan, saya tidak rasa begitu. Akan tetapi saya ingin mengaitkan dengan soal pemantauan. Akan tetapi digunakan oleh peniaga-peniaga adalah kerana GST tadi. Peniaga akan sentiasa mencari alasan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memberi sedikit tentang masalah BR1M. Kita dalam tujuan BR1M ini adalah untuk membantu rakyat, kos sara hidup rakyat, kita kerajaan yang prihatin. Akan tetapi dalam masa yang sama, kita juga melihat banyak perkara kita rasionalisasikan subsidi kita. Ini adalah untuk kepentingan negara kita. Bagi mengimbangi pendapatan kita. Akan tetapi dalam masa yang sama, kita juga memberi BR1M. Walaupun ada pihak yang membantah BR1M ini tidak guna, tetapi akhirnya tidak bermanfaat. Kita tahu ramai daripada pengundi-pengundi kita sendiri rakyat jelata kita mendapat faedah daripada BR1M ini.

Sehubungan dengan itu, subsidi ini kita pun kena berhati-hati juga. Kalau semua kita hapuskan, kita memang bagi tumpuan kepada B40. Akan tetapi *what about* dengan izin, macam mana dengan golongan pertengahan? Mereka juga menjalani kehidupan seperti biasa. Jadi baru-baru ini saya ditanya oleh banyak pihak tentang harga minyak masak pun nanti tidak akan ada bantuan ataupun subsidi kepada minyak masak dan beberapa perkara lain.

Tuan Yang di-Pertua, ini soal jalan raya. Saya memang sangat dekat dengan hati saya lah. Ini soal tol ini. Baru-baru ini naikkan tol, saya pun sudah *highlight* perkara ini dengan izin, terdapat 17 buah lebuhraya yang dinaikkan harga tolnya. Ini terlibat juga dengan salah sebuah lebuhraya, saya tidak hendak cerita lah yang Utara Selatan ini, itu orang hendak ke Utara ke Selatan naik, termasuk saya tiap-tiap minggu ulang-alik ini pun kena. Okey lah. Itu satu bab.

Akan tetapi saya hendak membangkitkan Lebuhraya Senai-Desaru, kerana lebuhraya ini dari sejak azali lagi bila dibuka untuk orang ramai, harga yang dikenakan sudah melambung iaitu sebanyak RM5.90 bagi sehalu. Pekerja-pekerja saya, bekas pekerja saya dahulu banyak menggunakan tol ini kalau mereka hendak dari Tiram ke Pasir Gudang, mereka akan gunakan tol ini. Kita ambil purata, kalau satu hari dia menggunakan tol ini lebih kurang RM11, kalau sepuluh hari sudah jadi RM110. Kerja kalau 20 hari, sudah RM220 untuk tol sahaja. Ditambah pula dengan kenaikan tol baru ini, RM7.20. Bermakna kalau kita purata RM1 pun, akan ada pertambahan lagi RM20 untuk kos mereka menggunakan tol ini. Tidak boleh lah, saya mohon, saya pun hendak minta maaf kalau cakap saya ini agak keterlaluan.

■1730

Saya minta, bila ada pihak-pihak tertentu yang mencadangkan kalau tidak hendak bayar tol guna jalan lain. Saya rasa ayat-ayat seperti ini tidak eloklah kita gunakan untuk rakyat kita kerana kadang-kadang kita tidak ada pilihan. *What choice*, dengan izin, apakah pilihan yang mereka ada?

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Boleh saya bantu?

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Tidak apa, saya tidak cukup masa ini. Nanti Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menghormati masa. Jadi terima kasih banyak kerana minat tetapi saya hendak teruskan. Jadi kita kena fikir juga itu jalan yang ada, kalau hendak guna *highway* Pasir Gudang yang tidak siap-siap itu, saya pun susah hendak cakap. Ini pun rakyat juga marah tetapi walau macam mana pun saya bersyukur kerana mempunyai Menteri yang mengambil berat. Sekurang-kurangnya sudah beberapa kali diambil tahu, turun dan juga pihak yang berkenaan sedang berusaha keras untuk menyiapkan jalan raya tersebut.

Cuma permohonan daripada saya diharapkanlah untuk fasa seterusnya disegerakan. Fasa kedua, dan ketiga disegerakan, dan tidak ditangguhkan. Bagi membantu mengatasi masalah kesesakan jalan raya orang Pasir Gudang ini, satu hari lebih kurang 30,000 Tuan Yang di-Pertua, orang yang menggunakan kenderaan di Lebuhraya Pasir Gudang ini. Jadi saya memohon jasa baik pihak KPM untuk mempertimbangkan, mengadakan laluan. Ini untuk kementerian *Transport Ministry*, dengan izin, untuk memikirkan kerana kita sudah ada *track*, *tracking* kita sudah ada dari Johor Bahru-Kempas ke Pasir Gudang untuk kargo. Jadi kita minta diwujudkan juga *tracking* untuk *passenger* kerana perkara ini akan banyak dapat membantu dan rakyat memang menunggu dari dahulu sebelum saya jadi Ahli Parlimen pun perkara ini banyak kali disuarakan sama ada oleh pihak majikan ataupun pihak pekerja sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dari sudut kesihatan saya merakamkan setinggi penghargaan dan menyampaikan ucapan terima kasih dari warga Pasir Gudang, dari kerajaan negeri kerana pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas pembinaan Hospital Pasir Gudang yang akan dibina dan saya berharap sangat pembinaan ini dapat disegerakan di dalam *First Rolling Plan* kita. Kita tidak hendak jadilah macam tahun-tahun lepas, umum tetapi nanti buatnya lambat. Saya mohon dengan kepadatan penduduk 250 hingga 270,000 ini pembinaan hospital ini yang tentunya akan dapat membantu rakyat Pasir Gudang akan dapat disegerakan.

Sehubungan dengan itu, saya juga ingin menarik perhatian kepada kementerian kerana saya pun sudah berusaha untuk membantu pusat-pusat klinik kesihatan yang berada di dalam kawasan sampai saya bawa Timbalan Menteri turun untuk melihat sendiri tentang kepadatan pusat kesihatan, Klinik Kesihatan Pasir Gudang di mana Tuan Yang di-Pertua, purata mereka melayan 700 orang pesakit setiap hari tetapi klinik ini sangat kecil dan keadaan mereka sangatlah tidak selesa.

Saya membantu yang saya terdaya tetapi ada perkara yang melibatkan pembangunan dan sebagainya perlulah diambil kira oleh pihak kementerian dan bila kita bercakap di sini kita menyampaikan dua suara. Selain daripada suara rakyat, kita juga menyampaikan suara petugas-petugas juga. Jadi perlulah diambil kira kerana doktor-doktor, *nurses* ini biarlah mereka bertugas dengan hati yang ceria, dengan gembira, dengan keadaan yang selesa. Jika mereka tertekan pastinya kesan akan dirasakan oleh pengunjung-pengunjung atau pesakit-pesakit.

Begitu juga dengan Klinik Kesihatan Masai dan juga Klinik Desa Plentong yang perlu *diupgrad*kan. Klinik Kesihatan Masai ini memerlukan sebuah mesin *finders camera* untuk rawatan pesakit diabetes kerana sekarang mereka ini kalau dia hendak buat lanjutan, dia terpaksa pergi ke Johor kerana tidak ada di Pusat Kesihatan Masai ini sedangkan pusat kesihatan ini pun dia punya purata yang menerima rawatan sekitar 700 ke-800 orang.

Bagi Klinik Desa Plentong, mereka mempunyai kawasan yang agak besar yang hanya digunakan untuk pesakit ibu dan anak tetapi mereka ini masih lagi tidak mempunyai alat iaitu mesin bilirubin untuk mengesan sakit kuning bagi anak-anak ini. Jadi apalah kiranya pihak kementerian memberi mereka mesin ini supaya kemudahan duduk di kawasan Plentong itu kebanyakan mereka yang berpendapatan bawah B40.

Jadi orang-orang Sabah, Sarawak memang ramai di kawasan itu. Mereka kebanyakan suaminya bekerja kontrak. Pergi kerja pagi balik malam. Kalau pergi klinik itu dia boleh jalan kaki tetapi kerana anak kuning dia kena pergi Johor hendak naik teksi dan sebagainya itu menjadi penambahan kos kepada mereka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang lagi, Yang Berhormat?

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua. Saya dengan ini juga menyentuh soal kesihatan. Saya ingin menambah tentang perkara caj kepada pekerja-pekerja asing. Pekerja-pekerja asing ini kita tahu yang sedia ada 1.9 juta berdaftar tidak kira yang belum daftar. Mengapakah mereka masih lagi membayar rendah? Kita rasa yang *highly subsidized* ubat-ubatan ini untuk rakyat kita. *We have to be very clear*, dengan izin, untuk warganegara. Jadi kenapa mereka pun hanya dibayar sekadar RM5 sedangkan kalau pergi swasta dibayar lebih daripada itu?

Jadi pihak kementerian, khususkannya duit ini untuk rakyat kita dan dengan penjimatan itu, dengan lebih pendapatan itu kita boleh guna untuk menambah peralatan dan sebagainya. Berkenaan dengan pekerja asing juga saya ingin mencadangkan di sini supaya pekerja asing ini dikawal selia semula oleh Kementerian Sumber Manusia iaitu di bawah JCS dan hanya diperuntukkan kepada *3D job* sahaja yang memang anak-anak kita tidak hendak kerja. Saya

berulang kali katakan kenapa di hotel mereka perlu ambil pekerja asing? Kaji balik kenapa sebab-musababnya. *It is not about-* bukan soal gaji tetapi ada perkara-perkara lain yang perlu diambil kira.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir saya ingin membuat sedikit penggulangan di sini supaya PTPTN ini dikaji yang diberikan kepada kolej-kolej swasta kerana kolej swasta ini mengenakan bayaran yang sangat tinggi dan mereka mengambil keuntungan yang berlipat kali ganda dan kita perlu mengkaji perkara ini supaya perkara ini tidak disalahgunakan dan akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan kita untuk sama-sama kita berterima kasih walaupun kita terus menerus mengatakan kerajaan ini zalim dan tidak adil, sedarlah banyak keluarga kita, anak-anak kita, saudara-mara kita, sahabat kita mendapat kepentingan daripada kerajaan ini.

Jadi jadilah orang yang bersyukur penambahbaikan perlu diadakan tetapi tidak patut kita mengatakan kerajaan yang ada kerajaan yang zalim dan tidak adil. Berbincanglah demi kebaikan rakyat, dengarlah pandangan-pandangan dari Ahli Parlimen yang sangat sayang rakyat mereka tidak kiralah sebelah sini dan sebelah sana. Saya yakin apa yang kami sampaikan adalah untuk kepentingan rakyat. Sekian, itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Sepang.

**5.38 ptg.**

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi saya kebenaran untuk berbahas mengenai Bajet 2016 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memulakan perbahasan ini dengan sebuah hadis Rasulullah SAW yang berbunyi... [*Membaca sepotong hadis*] Bermaksud, setiap agama ini ada satu karakter dia dan karakter Islam itu adalah 'hayak' iaitu malu.

Saya membaca hadis ini sebab saya merasakan sebagai seorang Perdana Menteri, Yang Berhormat Pekan nampaknya tidak ada rasa malu, tidak ada rasa malu kerana masih lagi mempunyai keberanian lagilah untuk membentangkan Bajet 2016 ini dalam keadaan beliau diselubungi oleh pelbagai elegasi yang menjatuhkan kredibiliti beliau yang kita tahu isu RM2.6 bilion satu isu yang besar. Apabila didedahkan tentang RM2.6 bilion ini walaupun pada 5 Julai kerajaan telah bersetuju membentuk satu Jawatankuasa Khas, *Special Task force* untuk menyiasat 1MDB ini. Tiba-tiba 5 Ogos, kerajaan menggantikan Peguam Negara dengan mengetepikan Tan Sri Datuk Seri Panglima Abdul Gani bin Patail lantik Tan Sri Dato' Sri Haji Mohamed Apandi Ali.

■1740

Pada hari yang sama juga kita lihat Timbalan Perdana Menteri yang bagi saya tidak ada dosa beliau dalam Barisan Nasional kecuali dia bercakap mengenai 1MDB. Saya dengar ucapan beliau yang menyatakan bahawa, "*Kalau sayalah, saya minta mereka-mereka yang bertanggungjawab ini seharusnya diambil tindakan, dibawa ke mahkamah dan disiasat*". Masa



itu Timbalan Perdana Menteri yang ada sekarang pun ada dalam ucapan beliau itu. Dekat mana salahnya seorang Ahli Parlimen Barisan Nasional, selaku Timbalan Perdana Menteri yang hendak memulihkan imej Barisan Nasional ini dengan mengatakan dalam isu 1MDB ini seharusnya kerajaan ambil tindakan tegas. Akan tetapi bila dia cakap ambil tindakan tegas, beliau pula yang diambil tindakan.

Jadi saya berasa peliklah dengan Yang Amat Berhormat Pekan ini. Saya hormat dia sebagai Perdana Menteri. *We call him Honorable Prime Minister* tetapi saya ingin mengatakan apa yang dia buat terhadap negara kita *is really horrible*. Bukan *honorable* lagi dah. Jadi saya merasakan bahawa Bajet 2016 ini kalau di negara lainlah, kalau Perdana Menteri itu mempunyai masalah dengan RM2.6 bilion yang masih lagi tidak terjawab, seharusnya bukan dia bentang bajet tetapi dia seharusnya letak jawatan. Orang lain yang akan bentangkan bajet tetapi di Malaysia, RM2.6 bilion, isu 1MDB tidak dijawab. Bank Negara semua ini, dia masih lagi bentang bajet.

Di mana maruah Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional ini saya tidak tahulah. Saya mendengar beberapa ucapan daripada Ahli Parlimen Barisan Nasional. Antaranya Ahli Parlimen daripada Barisan Nasional yang mengatakan kita di selekoh terakhir untuk ke negara maju. Saya mengatakan, kita memang di selekoh terakhir tetapi kita bukan hendak pergi ke negara maju tetapi kita telah jatuh ke gaung. Hancur negara kita. Yang selekoh terakhir ini kita bukan untuk menuju negara maju tetapi kita menghancurkan negara kita.

Jadi, saya merasa hairan. Adakah kita sebenarnya secara jujur bersedia untuk menjadi sebuah negara maju. Kalau kita lihat apa yang berlaku ini, saya percaya kita mungkin boleh dengan bangga mengatakan kita negara maju tetapi hakikatnya sikap kita, cara kita memerintah, cara kita *dealing* dengan rakyat kita tidak menampakkan kita bersedia untuk menjadi sebuah negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, kita berbangga dengan bajet ini apabila kita mengatakan RM39 bilion akan dikutip daripada GST berbanding SST. Kalau kerajaan mengekalkan SST, kerajaan hanya akan dapat RM18 bilion. Akan tetapi oleh kerana kita telah memperkenalkan GST ini, maka kita akan dapat kutip RM39 bilion. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya. Adakah RM39 bilion ini kita dapat hasil daripada satu pelaburan wang dengan kepandaian kerajaan, dapat satu wang *capital*, selepas itu kita laburkan sehingga menjana RM39 bilion?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kalau itu yang berlaku, saya harus puji Barisan Nasional kerana kepakaran mereka melaburkan wang sehingga berjaya dapat RM39 bilion. Akan tetapi hakikatnya RM39 bilion ini adalah wang yang kita ambil daripada rakyat. Wang yang kita ambil daripada rakyat dan yang malangnya kita ambil daripada rakyat yang tidak ada pendapatan. Rakyat yang susah. Rakyat yang terpaksa bayar. Kalau tidak bayar, mereka tidak boleh *consume* benda. Rakyat yang perlu berbelanja. Akan tetapi ada juga Ahli Parlimen daripada Langkawi mengatakan SST dan GST sama sahaja. Saya pun hairanlah. Seorang *engineer* cakap macam ini.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang, satu *second* sahaja.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, okey.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat Sepang setuju atau tidak bahawa bukan sahaja RM27 bilion tahun ini dan unjuran RM39 bilion tahun depan yang akan diambil tetapi termasuk juga wang yang sudah diberi dalam poket rakyat itu, subsidi minyak sebanyak RM21 bilion pada 2004. Subsidi minyak masak juga diambil daripada poket rakyat. Oleh sebab itu saya bersetuju dengan Yang Berhormat Sepang, sepatutnya Perdana Menteri patut ada keberanian untuk letak jawatan seperti mana Speaker. Tan Sri Speaker berani untuk meletakkan jawatan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Pokok Sena. Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat, peraturan mesyuarat mengatakan bahawa sangkaan jahat tidak boleh.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** [Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan ketawa, Yang Berhormat. Ini serius. Sampai bila lagi kita akan faham. Umpamanya apabila saya dengar Yang Berhormat Sepang bercakap, bulu roma saya berdiri. Ini kerana bermakna kita sendiri membuat penilaian kepada diri kita.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan begitu. Sewaktu kita bercakap, kita menghormati juga yang di sebelah sana. Sebelah sini bercakap, menghormati sebelah sini. Itu sebab kita berbahas. *Nobody is perfect* tetapi jangan buat kesimpulan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya masa saya ditambah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk Yang Berhormat. Duduk, Yang Berhormat. Duduk dulu, Yang Berhormat. Duduk. Biar saya habis. Ini kerana apabila Yang Amat Berhormat Pekan dituduh begitu, ia mengatakan bahawa dia harus malu dan meletak jawatan. Itu persepsi tetapi kenapa pula ketua-ketua parti yang lain apabila didapati bersalah tidak meletak jawatan? Kita harus, apabila kita kasi gambaran, gambaran yang holistik. Jangan buat pendirian bahawa apa yang kita sebut itu, itulah tuntas. Sila.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahulah Tuan Yang di-Pertua merujuk kepada siapa tetapi saya ingin menyatakan bahawa ini satu fakta, Tuan Yang di-Pertua. *We are dealing with facts*. Faktanya ialah RM2.6 bilion ini sampai sekarang tidak dijelaskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, duduk dulu, Yang Berhormat. Yang Berhormat, duduk dulu, Yang Berhormat. Yang Berhormat, duduk dulu, Yang Berhormat. Yang Berhormat, duduk dulu, Yang Berhormat. Yang sekarang *Public Accounts Committee* yang sedang bersidang menyiasat ini, adakah ini Ahli-ahli Yang Berhormat tidak menganggap bahawa itu adalah struktur kerajaan yang mengamalkan demokrasi

seperti yang kita ada sekarang ini? Ataupun itu juga kalau ada keputusan, dihantar kepada Majlis, itu pun dianggap sebagai tidak betul? Bukankah itu kita punya wadah bahawa mesti sekarang ini diasas? Macam mana kita boleh dapat keputusan kalau tidak ada *due process*? Di Parlimen, itulah *due process*nya. *Public Accounts Committee*.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, saya harap Tuan Yang di-Pertua kurangkan gangguan boleh atau tidak, Tuan Yang di-Pertua? Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Saya bercakap, Tuan Yang di-Pertua selalu ganggu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Saya mengganggu Yang Berhormat oleh kerana atas peraturan mesyuarat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Apa peraturan mesyuarat yang saya langgar?

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau tidak, tidak perlu saya ganggu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Apa peraturan mesyuarat yang saya langgar, Tuan Yang di-Pertua? Saya tidak langgar apa-apa. *I am not making any allegation against you. I cuma menyatakan. Sebagai Perdana Menteri, he must subject to public scrutiny* apalagi dalam Parlimen ini. Kalau kita tidak boleh bahas tentang Perdana Menteri, baik kita tidak payah ada Parlimen ini. Buang sahaja Parlimen ini. Tuan Yang di-Pertua, *I am so disappointed*, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *Every time* saya bercakap, Tuan Yang di-Pertua mesti ganggu. Sudah selalu sangat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat Sepang. Kenapa orang lain apabila berbahas saya tidak tegur?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sebab mereka tidak tegur Perdana Menteri!

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, walaupun menegur, saya kata ada batas-batas. Itu sebab kenapa saya tegur. Ada batas-batas.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah tengok beberapa kali. Setiap kali saya berucap, Tuan Yang di-Pertua banyak mencelah. Saya harap dan saya mesti menyatakan protes saya bahawa saya minta masa saya mesti diganti. Saya minta, Tuan Yang di-Pertua sebab saya bukan menyerang Tuan Yang di-Pertua. Saya menyerang Perdana Menteri atas fakta, Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Tuan Yang di-Pertua, mohon membantu, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *I am not making...*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Hendak membantu, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa ini memang hak Ahli Parlimen pembangkang untuk mendesak

supaya Perdana Menteri meletak jawatan. Itu hak kita. Kalau hak ini pun tidak ada, kenapa ada parti pembangkang? Takkan kita hendak katakan Perdana Menteri hendak jadi Perdana Menteri selama-lamanya. Ini saya rasa Tuan Yang di-Pertua mesti berilah sedikit ruang untuk kita bahas. Kalau tidak, *there's no basis for debate. There's no basis for debate functioning Parliament in this Parliament.*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta teruskan. Saya minta masa saya ditambah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk dulu, Yang Berhormat. Duduk dulu, duduk dulu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *You have...*

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk dulu, Yang Berhormat. Yang Berhormat duduk dulu, Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sudah banyak kali duduk, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang saya dengar Yang Berhormat punya hujah tadi itu, seolah-olah kita pembangkang ini, tidak ada *limit* kita punya kebebasan untuk bercakap. Itu alasan Yang Berhormat. Akan tetapi dalam peraturan mesyuarat ini, wakil-wakil rakyat daripada pembangkang, daripada kerajaan bebas untuk berhujah tetapi kebebasan itu bergantung kepada apa yang diizinkan oleh peraturan mesyuarat. Peraturan mesyuarat, pada ketika kita berbahas, mesti ada *decorum*. Mesti ada hormat-menghormati di antara satu sama lain. Kita boleh *attack* dasar tetapi kita tidak boleh *attack* personel.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu peraturan mesyuarat.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** RM2.6 bilion itu bukan personel. Bukan personel itu, Tuan Yang di-Pertua. Bukan personel itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, yang sekarang ini pun *Public Accounts Committee* sedang dalam proses. Yang ini pun Yang Berhormat, Yang Berhormat disebut oleh....

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** *[Menyampuk]* Dia sudah mengakui...

#### ■1750

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang tadi disebut mengenai dengan RM2.6 bilion ini. Selepas Perdana Menteri bentang bajet sudah diangkat belakang. Ini saya boleh buktikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa berapa sudah Ahli-ahli Yang Berhormat yang membabitkan ini. Bermakna kalau diulang lagi satu orang wakil rakyat, *repetitive*. Diulang lagi *repetitive*. Tidak ada *point* yang lain kah? Itu sebab kenapa saya tegur Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, RM2.6 bilion ini saya menyuarakan suara rakyat di luar ini melalui Ahli Parlimen. Tuan Yang di-Pertua, kalau kami, RM2.6 bilion ini biarlah kami mengulangi seribu kali Tuan Yang di-Pertua sebab ia melibatkan ribuan masyarakat dalam negara kita ini merana kerana salah urus tadbir ekonomi ini. Rakyat berhak untuk bertanya. Kenapa kah RM2.6 bilion ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi maksud Ahli Yang Berhormat ini walaupun melanggar peraturan mesyuarat oleh sebab itu adalah interpretasi Yang Berhormat maka saya tidak diam-diamlah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, dekat mana langgar peraturan mesyuaratnya?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya bertanya soalan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Boleh bertanya Yang Berhormat Sepang?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, susahlah macam ini hendak hujah Tuan Yang di-Pertua kalau tidak langgar peraturan mesyuarat, kata langgar peraturan mesyuarat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Boleh saya tanya? Jalan?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak boleh. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk. Yang Berhormat Tanjong Karang, kalau bukan *point of order* Yang Berhormat Tanjong Karang, duduk Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Orang tengah marah, jangan dahulu, nanti dahulu.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tidak, saya hanya hendak tanya sahaja. RM2.6 bilion ada kena-mengena dengan bajet kah?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tanya Perdana Menteri mana RM2.6 bilion, jangan tanya saya. Tanya Perdana Menteri, Yang Berhormat Pekan di mana RM2.6 bilion.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak mengapa Yang Berhormat duduk. Sila Yang Berhormat Sepang *continue*.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey Tuan Yang di-Pertua. Saya harap Tuan Yang di-Pertua selepas ini janganlah ganggu sangat Tuan Yang di-Pertua. Kalau diganggu oleh Barisan Nasional saya boleh tahan. Kalau sudah banyak kali diganggu oleh Tuan Yang di-Pertua, ganggu *floor* Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, PAC memang betul ditubuhkan, memang ada Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua orang melihat, hari ini Tuan Yang di-Pertua buat satu *ruling* lagi dilihat lagi. Tuan Yang di-Pertua tidak boleh lari daripada persepsi rakyat. Persepsi rakyat sekarang ini seolah-olah persepsi rakyat, saya tidak tuduh. Persepsi rakyat, orang mengatakan Tuan Yang di-Pertua *is a savior of* Barisan Nasional. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, ini persepsi. *It is because you are sitting in that*, dekat atas kerusi itu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya tanya itu pun tidak boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, yang disebut rakyat ini Yang Berhormat *when you say you are replacing the* rakyat tidak semestinya semua juga di luar sana itu berpersepsi seperti persepsi Yang Berhormat. *You cannot assume that*.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya setuju tetapi ada rakyat yang berpersepsi begitu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Siapa yang bangun ini, siapa ini? Menteri bangun hendak tanya soalan bangun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan tidak mengapa.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *We are* kerajaan yang ada 52%. *You all* ada 47%, diam sahaja. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan selepas ini pun saya percaya Ahli Parlimen ini akan bangkitkan RM2.6 bilion ini sebab mereka menghantar surat kepada kami Tuan Yang di-Pertua. Ini Tuan Yang di-Pertua, mereka hantar kepada kami minta supaya bangkitkan RM2.6 bilion ini, undi tidak percaya kepada Menteri. Kalau kami tidak mengambil berat, ambil tahu suara rakyat Tuan Yang di-Pertua bermakna kami telah gagal menjalankan tugas kami sebagai Ahli Parlimen.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Boleh tanya Yang Berhormat Sepang surat apa yang ditunjukkan itu? Surat apa yang ditunjukkan dalam *envelope* itu?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Eh, yang hendak tahu kenapa tanya? Saya tidak bagi jalan, duduk.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya dapat, saya dapat. Surat itu bertimbun, surat itu bacalah. Surat menipu pun nak tunjuk Dewan? Biarlah Yang Berhormat kena tipu cukuplah, jangan hendak tipu Dewan. Surat itu surat apa? Tanda tangan pun tidak ada. Surat apa itu? *Standard letter*?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya malas layanlah.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Tuan Yang di-Pertua, suruh tarik balik itu...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya tidak bagi, saya tidak bagi. Duduk.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** 36(12). Peraturan Mesyuarat 36(12).

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya faham sebab ...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Peraturan Mesyuarat 36(12).

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Peraturan Mesyuarat 36(12). Mana-mana Ahli yang mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan Dewan. Peraturan Mesyuarat 36(12). Saya hendak tahu kalau Yang Berhormat kata itu suara rakyat dalam *envelope* itu, kalau Yang Berhormat tidak mahu mengelirukan Dewan, tolong baca apa di dalam surat itu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nak layanlah Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Bacalah, macam mana Yang Berhormat boleh menipu Dewan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua buat *ruling* Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 36(12) dia mengelirukan Dewan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini buang masa.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Hanya dapat tiga ke empat pucuk surat, surat *standard letter*, tandatangan tidak, hendak jadi hero dalam Parlimen, konon itu suara rakyat. Ini Peraturan Mesyuarat 36(12).

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, minta Yang Berhormat Tanjong Karang jangan ganggu saya Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat tolonglah cakap tidak reti. Yang Berhormat ingat ini apa?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Hei, saya tidak bagi duduklah.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Peraturan Mesyuarat 36(12). Okey *ruling*.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Apa ini? Tuan Yang di-Pertua pun tidak layanlah.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ini peraturan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua tahu itu peraturan mesyuarat apa.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Peraturan Mesyuarat 36(12) kalau Tuan Yang di-Pertua kata betul, betullah. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kah? Saya tanya Yang Berhormat Peraturan Mesyuarat 36(12), saya cakap kenyataan Yang Berhormat mengatakan *envelope* itu mewakili suara rakyat itu mengelirukan Dewan. Itulah Peraturan Mesyuarat 36(12).

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya tidak cakap sebab Tuan Yang di-Pertua pun tidak layan. Ini bukan suara undang. Ini suara rakyat betul ini, ada nama. Hendak sangat saya bacakah? Saya baca ini. Yang Berhormat Tony Pua, Yang Berhormat saya seorang pengundi berdaftar di kawasan anda. Nama dia Low Phe Nee nombor kad pengenalan 870308 ini bukan undanglah! Ini manusia!

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Lagi baca lagi. Surat *standard*, tanda tangan ada? Ada tanda tangan? Tanda tangan pun tidak ada. *Lawyer* apa boleh menerima satu dokumen yang tidak ada ditandatangani? *Lawyer* haprak. Apa punya *lawyer* boleh terima dokumen, tandatangan pun tidak ada. Apa punya standard peguam ini?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak apa, tidak apa. Tuan Yang di-Pertua, saya minta tolong...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Peraturan Mesyuarat 36(12) apa punya standard peguam ini? Terima dokumen macam itu, tanda tangan pun tidak. Apalah,

haprak punya *lawyer* macam ini. Patutlah Anwar Ibrahim tidak pilih Yang Berhormat jadi *lawyer* dia sebab *lawyer* tidak *standard*.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya *ruling* saya 36(12) bolehkah atau tidak boleh? Dia mengelirukan Dewan. Kalau Tuan Yang di-Pertua kata boleh...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** ...Boleh buat laporan.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** [*Mencelah*]

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** [*Bangun*]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini yang diberi kepada kami daripada BERSIH. Saya percaya BERSIH ini tidak ada niat selain daripada untuk menyatakan bahawa rakyat perlu beri satu protes kepada Perdana Menteri.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Boleh terima kah dokumen itu?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Hei, bangunlah Menteri.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tidak payah Menteri bangun.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Yang Berhormat Sepang jemput saya Tuan Yang di-Pertua. Isi surat pun sama, *font* pun sama. Ini apa benda yang boleh tulis surat sama kalau tidak dibuat oleh satu orang? Itu sahaja. Kita tanya, semua boleh tanya, semua dapat. Akan tetapi semua surat sama. Ini semua orang boleh buat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya pun dapat.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Hari ini kita layan, esok keluar lagi semua surat sama takkan kita hendak kata betul. Itu sahaja.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya sudah *check* dia bukan pengundi.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Biar saya jawab. Diam, duduk.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Apalah punya *standard*, benda tidak ada.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Cari udanglah...

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Cakap biarlah *standard*.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya bercakap dia tidak faham.

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Tuan Yang di-Pertua, lanjutan daripada...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sekejap. Saya tidak bagi.

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Saya bercakap dengan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *Under what ground?*

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** 36(12).

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey.



**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Ini mungkin boleh mengelirukan Dewan kerana daripada katakan surat yang datangnya daripada rakyat yang menulis, pengundi-pengundi. Ikut surat yang disampaikan pun dikatakan mereka sebagai pengundi.

Saya menerima 146 surat dan daripada 146 surat itu 20 tidak berdaftar sebagai pengundi. Maknanya sudah menipu. Sebanyak 35 surat bukan pengundi Johor Bahru, maknanya 37.7% tidak layak dan menipu menganggapkan saya sebagai Ahli Parlimen mereka. Jadi ini mengelirukan Dewan kalau Ahli Yang Berhormat Sepang ingin membawakan perkara ini di dalam Dewan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon minta pandangan daripada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, di manakah yang mengelirukannya? Kami terima surat ini. *It is not our duty* untuk *check* seorang-seorang. Bagi kami, apabila rakyat... [*Dewan riuh*] Dengar dulu. Sabar dahulu, saya jawab, saya akan jawab.

**Seorang Ahli:** Walaupun seorang?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya ingin mengatakan bahawa katakan walaupun seorang dari Johor Bahru mengundi hantar kepada saya, bagi saya itu adalah suara rakyat Malaysia.

**Seorang Ahli:** Ya, walaupun seorang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Oleh sebab mereka adalah orang yang bayar cukai dan ada hak untuk menyatakan bahawa RM2.6 bilion ini mesti dijawab.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat, surat itu ada tandatangan tidak? Ada tandatangan tidak surat itu?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Hei, Yang Berhormat Tanjong Karang. Duduklah. Hei, sejak bila hantar surat kepada Dewan perlu tandatangan? *Under what law?* Undang-undang mana?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yalah. Mestilah ada tandatangan untuk mengesahkan bukannya— saya pun boleh buat. Esok saya boleh *print* 10,000 daripada Yang Berhormat Sepang pun kita boleh *print*. Kalau setakat hendak *print*. Inilah sokong BERSIH, inilah kerja BERSIH.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini bukan...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Inilah kerja BERSIH Yang Berhormat hendak sokong satu NGO yang tidak sah...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Tanjong Karang. Banyak gangguan Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Kemudian hendak dibawa dalam Parlimen...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Boleh mencelah?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** ...Hendak menjadi *champion* kepada kumpulan yang tidak betul, dokumen tidak betul pun hendak dibawa ke dalam Parlimen, apa ini? Tidak ada *standard* langsung.

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey tidak mengapalah Yang Berhormat Tanjong Karang kata tidak betul, terpulang. Akan tetapi kami daripada Pakatan Harapan kami percaya bila rakyat yang telah beri kepada kami dan kami akan terus perjuangkan apa yang mereka tulis kepada kami. [Tepuk]

Biarlah Barisan Nasional tidak mahu layan, saya hendak beritahu ucapan ini akan didengar oleh semua rakyat Malaysia. Saya hendak beritahu kepada rakyat-rakyat di luar sana, Barisan Nasional tidak endahkan suara kamu. Mereka begitu sombong, takabbur, mereka kata mereka tidak endahkan suara kamu. Tunjukkan kuasa kamu pada pilihan raya akan datang, hukum Barisan Nasional. [Dewan riuh]

#### ■1800

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Sepang, menang pun menang nasib hendak capak banyak. Menang 1,000 lebih, menang nasib hendak capak banyak. Belum tentu menang lagi. [Dewan riuh]

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sudah *hangpa* tidak cerdik, boleh menang lah.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Menang dah la tiket PAS. Menang tiket PAS lari masuk PAN. Apa punya manusia ini tidak ada pendirian. [Dewan riuh] Wahai rakyat, perhatikan wakil rakyat yang tidak ada pendirian. Bertanding atas PAS, sudah menang lari tinggalkan PAS, masuk PAN. Hukumlah wakil rakyat-wakil rakyat macam ini. Wakil rakyat yang tidak ada pendirian, wakil rakyat yang hanya mementingkan jawatan. Hukumlah dalam pilihan raya yang akan datang ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, tidak apalah, saya kasihan pada Yang Berhormat Tanjong Karang. Dia terlupa bawa ubat. Tidak apalah, dia tidak bawa ubat, kita tidak boleh marah dia.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat duduk Ahli Yang Berhormat yang sedang berdiri. Itu kesudahannya. Kalau umpamanya Tuan Yang di-Pertua membiarkan hujah yang melanggar peraturan mesyuarat. Itu kesudahan seperti yang berlaku tadi kerana setiap Ahli Yang Berhormat yang berada di sini boleh mengaku bahawa mewakili rakyat. Biar saya bacakan Peraturan Mesyuarat 44. "*Pengerusi setelah menarik perhatian Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa kepada kelakuan seorang ahli yang berdegil-degil menyebutkan perkara yang tidak ada kena mengena dengan perkara mesyuarat atau berulang-ulang menyebutkan hujahnya sendiri atau hujah-hujah ahli lain dalam sesuatu perbahasan boleh memerintahkan hal itu suruh berhenti bercakap.*"

Jadi, setiap apa yang saya sebutkan itu berlandaskan kepada peraturan mesyuarat. Bebas kita bercakap waktu berbahas tetapi mesti ikut peraturan mesyuarat. Tidak ikut peraturan mesyuarat seperti apa yang berlaku tadi. Sila teruskan, saya cuma akan tunggu giliran timbalan saya ganti saya. Selepas itu siapa yang bercakap, cakap. Tidak ada giliran sampai sekarang, saya tidak panggil lagi siapa-siapa kerana setiap kamu akan bercakap suara rakyat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada sudah. Saya duduk sahaja di sini kerana setiap kamu adalah suara rakyat, maka tidak adalah ini. Bermakna kita tidak pakai lah ini semua. Sila.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini Dewan Rakyat Tuan Yang di-Pertua maka kita mewakili suara rakyat. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan Tuan Yang di-Pertua, GST ini saya katakan tadi kalau wang RM39 bilion itu yang kerajaan rasa berbangga dapat wang itu, kalau itu daripada hasil pelaburan mungkin kita boleh bagi tabik kepada Perdana Menteri. Akan tetapi ia adalah wang daripada asas kesusahan rakyat. Sebelum rakyat ambil cukai mereka terpaksa bayar cukai dan mereka tidak ada pilihan sebab cukai GST ini diambil...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat yang lain, saya tidak akan menegur Yang Berhormat Sepang sehingga dia berhenti dan yang tidak dapat berhujah itu, tidak dapat 15 minit itu jangan salahkan saya kerana tadi saya ada terima satu nota ditandatangani oleh ketua-ketua Whip minta saya bolehkah saya berbahas sampai jam 3.00 pagi. Kalau sudah ada begini sampai 3 pagi, sepuluh kali 3 pagi pun tidak akan selesai. Sila.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana...

**Tuan Yang di-Pertua:** Bercakap sewenang-wenang pasal tidak ada juga pasal suara rakyat. Sila.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tetap bercakap tentang rakyat.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Cakap, cakap, cakap. *[Dewan riuh]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya harap bukan sahaja Tuan Yang di-Pertua, Barisan Nasional pun tidak akan ganggu sebab ini suara rakyat. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan bahawa GST ini telah dikenakan kepada masyarakat yang tidak ada pilihan. Mereka terpaksa menggunakan untuk berbelanja, jadi mereka terpaksa membayar cukai. Jadi, bagaimanakah kita merasakan bahawa kita satu kerajaan yang hebat kerana kita ambil cukai daripada rakyat dan lepas itu kita kata kita pulangkan balik kepada rakyat.

*In the first face we shouldn't have,* ambil daripada rakyat sebab rakyat yang tidak berpendapatan pun terpaksa kita paksakan mereka untuk bayar cukai. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyatakan bahawa apabila...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Sepang, Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ya. Tidak apalah *tomorrow*, esok. *[Ketawa]*

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *[Menyampuk]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya sudah biasa dengar ulasan daripada Yang Berhormat Bagan Serai tentang GST, saya sudah muak dengar. Tidak payah lah.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Cakap macam orang tidak belajar.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Apa? Saya tidak bagi sudah lah, jangan marah. *Sorry* Yang Berhormat Bagan Serai. Kalau ada masa saya bagi. Pukul 3 pagi nanti saya bagi. Saya ingin menyatakan bahawa kalau kita lihat, walaupun kerajaan kata RM39 bilion ini daripada GST. Kalau kita SST hanya RM18 bilion. Saya percaya walaupun mungkin kita hanya dapat RM8 bilion daripada SST tetapi sebenarnya kita boleh pertingkatkan pendapatan kerajaan ini dengan kita menutup segala kebocoran.

Kenapakah dalam bajet ini tidak disentuh hasil daripada kebocoran, hasil daripada rasuah, salah guna kuasa. Patut dinyatakan berapakah jumlah wang yang telah kita rugi akibat daripada kebocoran-kebocoran ini. Kita bercakap dalam bajet ini seolah-olah benda tidak berlaku. Seolah-olah apa yang berlaku depan mata kita, benda itu tidak wujud, kita tidak mahu masukkan dalam bajet, kita tidak berani untuk bahaskan di sini.

Paling kurang kerajaan harus menyatakan versi kerajaan tentang 1MDB. Nyatakan pendirian kerajaan tentang RM2.6 bilion itu. Kenapa masih lagi tidak mahu. Malah lebih malang lagi apabila saya tanya soalan kepada Yang Berhormat Menteri, saya tanya adakah kerajaan, adakah SPRM telah memanggil Perdana Menteri di bawah Seksyen 23 subseksyen (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah. Jawapan daripada Yang Berhormat Menteri menyatakan sampai sekarang kita belum panggil lagi.

Jawapan daripada Menteri juga mengatakan bahawa kita akan panggil saksi-saksi. Maknanya akan panggil, belum panggil lagi. Adakah isu RM2.6 bilion ini satu, tidak melibatkan apa-apa salah laku jenayah? Seksyen 23 *very clear*. Adakah RM2.6 bilion akan diberi kalau Yang Berhormat Pekan bukan Perdana Menteri? Sudah tentulah kerana Yang Berhormat Pekan Perdana Menteri, itu sebagai satu jawatan itulah yang menyebabkan orang yang memberi itu mungkin ada sebab-sebab tertentu yang mereka bagi. Walaupun Yang Berhormat Pekan mengatakan ini adalah *donation*, SPRM mengatakan ini *donation* kita ingin tahu siapa yang derma, siapa yang beri itu. Kalau diberikan, kenapa diberikan? Sebab Yang Berhormat Pekan adalah Perdana Menteri.

Kalau yang terima itu ialah seorang individu nama Najib bin Razak, bukan Perdana Menteri, kami pun tidak ambil kisah. Lantak lah hendak bagi berapa pun tetapi sekarang dia adalah Perdana Menteri dan ada *allegation* yang mengatakan wang itu digunakan untuk pilihan raya, untuk lawan kami semua. Gunakan RM2.6 bilion ini. Saya percaya apabila bagi RM2.6 bilion ini sudah tentu ada sesuatu yang ingin mereka terima.

Sebab itulah kita minta Yang Berhormat Pekan ini *be man enough* untuk menyatakan, hadir di Parlimen ini menyatakan RM2.6 bilion ini diberi macam ini, ini, ini dia. Saya boleh nyatakan segala-galanya. Barulah kami percaya bahawa Yang Berhormat Pekan ini ada integriti. Walaupun Yang Berhormat Keteleh mengatakan kami tidak ada integriti sebab pembangkang ini

ada beberapa pendapat, saya pun pelik itu definisi integriti bagi mereka. Bagi mereka biarlah kita bersatu menyokong RM2.6 bilion ini, itu ialah integriti.

Jadi, saya ingin menyatakan bahawa sebab RM18 bilion SST itu bagi saya wang itu mencukupi kalau kita berbelanja dengan berhemah, kita tidak *corrupt*. Saya percaya rakyat tidak akan marah dan rakyat bersedia untuk menanggung kesusahan sedikit tetapi rakyat tahu bahawa wang itu dibelanjakan dengan bertanggungjawab, dengan penuh amanah, tidak ada *hanky panky*. Akan tetapi sekarang ini dapat RM39 bilion, saya percaya rakyat marah sebab rakyat kata kami terpaksa bayar kerana kelakuan kamu, kerana sikap kamu, kerana polisi kamu, kerana dasar kamu. Inilah yang saya rasa kerajaan seharusnya perlu menyatakan kepada Parlimen ini tentang RM2.6 bilion ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyatakan bahawa baru-baru ini ada satu tulisan daripada seorang ahli ekonomi yang menyatakan bahawa kita kluatir negara kita akan terjerumus ke dalam dipanggil kleptokrasi. Kita tahu ada dua jenis bentuk apa yang dipanggil rasuah. Satu dipanggil *degenerative corruption* yang melibatkan kes-kes di mana ahli-ahli politik ini mengambil wang rakyat. Jadi, wang rakyat itu disimpan di luar negara dan sebagainya dan ada juga satu bentuk *corruption* dipanggil *developmental corruption* di mana ini melibatkan kalau saya ingin berikan definisi yang dibuat oleh pihak penulis itu, dia mengatakan bahawa dia adalah melibatkan di mana kerajaan ini mempunyai kuasa untuk *allocate* projek-projek kepada *businessman* ini dan melalui pelesenan, melalui konsesi dan sebagainya dan di situlah mereka mendapat wang-wang *corrupt* ini.

Ada sesetengah orang berpendapat mengatakan, "*Oh developmental corruption ini is okay sebab ini memudahkan proses kita berniaga*" tetapi krisis ekonomi 1997 menunjukkan bahawa *corruption* berbentuk ini juga adalah merosakkan sebuah negara.

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Yang Berhormat Sepang, boleh bagi sedikitlah.

■1810

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Yang Berhormat Sepang, boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Sepang. Tadi saya tertarik dengan komen-komen Ahli Yang Berhormat dari sebelah. Kalau Barisan Nasional, Yang Berhormat Pekan kata Kerajaan Barisan Nasional, UMNO kerajaan sangat popular dan tidak ada buat apa-apa salah pun. Apa pandangan Yang Berhormat Sepang, panggil kerajaan buat satu Pilihanraya Umum Ke-14, diawalkan di hujung tahun ini atau awal tahun depan, 2016 *or at the very worst* bersama masa dengan Pilihanraya Negeri Sarawak. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih pada sahabat saya Yang Berhormat Wangsa Maju. Walaupun satu permintaan yang *reasonable* daripada rakan saya tetapi saya tidak yakin kerajaan ini begitu berani. Mereka tahu mereka tidak dapat menjawab banyak persoalan tetapi itu terpulanglah. Akan tetapi saya yakin bahawa sama ada kita hendak adakan pilihan raya cepat ataupun tidak, pokoknya semua orang sudah bercakap bahawa

Perdana Menteri seharusnya meletakkan jawatan sebab beliau tidak boleh lari daripada segala tuduhan ini.

Sekarang ini kita lihat dalam isu yang melibatkan yang terbaru didedahkan bagaimana Pegawai Pendakwa SPRM itu dipindahkan. Sebelum ini beliau ditangkap pukul 1 pagi sebab menyiasat kes 1MDB ini, mereka diambil tindakan. DPP Sazali itu seorang yang komited sehinggakan pegawai SPRM yang mengatakan, “...*Tangkaplah kami daripada ambil pegawai-pegawai kami ini...*”, menunjukkan bahawa SPRM, memang saya percaya mereka bertekad untuk membongkar segala rasuah yang berlaku di dalam 1MDB ini. Akan tetapi di sana wujudnya kekangan-kekangan. Buat, tubuh *task force*, dibatalkan. Walaupun kita lihat telah ada satu saranan daripada Bank Negara.

Bank Negara minta supaya Peguam Negara ambil tindakan. Senang saja dia kata tidak ada apa-apa kesalahan. Sekarang saya hendak tanya kepada Menteri Kewangan, apakah status wang yang disimpan di Singapura itu? Oleh sebab sekarang ini kita lihat Bank Negara telah buat kenyataan bahawa telah menarik balik tiga kelulusan yang diberikan kepada 1MDB itu. Oleh kerana gagal memberikan *info* yang betul, *inaccurate information* dan ia bertentangan dengan *Exchange Control Act*. Maka, wang yang disimpan di luar negara oleh 1MDB sekarang ialah wang yang haram.

Persoalannya, adakah 1MDB akan bawa balik wang itu ke Malaysia? Kalau tidak bawa balik, bermakna memang arahan daripada Bank Negara pun tidak diendahkan. Jadi, seolah-olah 1MDB ini memang ada pengawalanya, ada kekebalannya, dia tidak hairan. Dia hutang RM40 bilion pun tak kisah, apabila hendak disiasat, orang yang siasat pula kena tukar. Apabila kita berbahas di Parlimen ini, kita lihat ada perkara-perkara yang patut disegerakan, dilambatkan. Jadi, ini semua menjadi satu perbualan bukan sahaja di kalangan masyarakat di dalam negara tetapi juga di luar negara. Sekarang ini saya diberitahu telah pun didedahkan oleh *Wall Street Journal* bagaimana negara ini kita kluatir akan menuju kepada kleptokrasi, di mana di US ini mereka ada satu, di bawah *US State Department*, mereka ada satu *Justice Department Kleptocracy Asset Recovery Initiative*.

Sekarang ini, di bawah *Justice Department* ini mereka telah mula, saya difahamkan, siasat pemindahan wang RM2.6 bilion ini ke akaun peribadi. Saya hendak tanya kepada kerajaan, adakah kerajaan mempunyai pengetahuan tentang benda ini? Kalau ada, apakah status siasatan yang dibuat oleh *Justice Department* di US ini? Kita tahu sebelum ini, *Department of Justice* ini telah membekukan lebih kurang RM458 juta duit rasuah di bawah yang dibuat oleh diktator Nigeria, Sani Abacha. Di mana RM309 juta telah disimpan di akaun di US dan RM145 juta di dua buah bank di Perancis. Menggunakan *Justice Department Kleptocracy Asset Recovery Initiative* ini mereka dapat balik wang itu dan akhirnya wang itu dikembalikan balik kepada rakyat Nigeria.

Jadi saya ingin- kita kluatir kalau sampai US dah mula mengambil tindakan ini. Oleh sebab *the idea of having Kleptocracy Asset Recovery Initiative* ialah untuk memastikan segala wang-wang haram ini yang sepatutnya wang ini digunakan oleh rakyat, wang itu mestilah

dikembalikan kepada pemilik asal iaitu rakyat. Jadi, sekarang ini bila US dah mula ambil tindakan ini, saya percaya Perdana Menteri pun mungkin tidak selamat. Mungkin akan ada tindakan waran tangkap daripada pihak Interpol. Oleh sebab kita tidak boleh meremehkan kuasa Amerika Syarikat ini. Akan tetapi dalam hal ini walaupun kita tidak suka mana-mana negara campur tangan tetapi apabila Kerajaan Amerika sendiri pun telah mula ambil tindakan ini, ini menunjukkan bahawa telah serius negara kita ini. Adakah negara kita telah menuju ke arah kleptokrasi ini? Ini membahayakan negara. Jadi, saya minta supaya kerajaan menjawab perkara ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya kepada kerajaan. Adakah negara kita ini masih ada undang-undang lagi? Oleh sebab saya lihat banyak kes yang berlaku seolah-olah tidak ada orang-orang yang terlibat membuat kesalahan ini dan tidak langsung diambil tindakan. Kes 1MDB kita tidak tahu apa akan jadi. Sebelum ini, kita lihat dalam kes yang melibatkan MAS, mudah. Apabila MAS rugi, mereka kata sebab kita bersaing dengan pesaing-pesaing lain. Akan tetapi kita buat undang-undang, kita gunakan Parlimen ini untuk *restructure* balik MAS. Akhirnya, yang jadi mangsa ialah rakyat biasa, rakyat diberhentikan kerja, pekerja-pekerja MAS diberhentikan. Mereka yang terlibat melibatkan MAS rugi ini sampai sekarang tidak pernah langsung disiasat dan dibawa ke muka mahkamah. Mengapa berlaku begini?

Saya diberitahu oleh rakan saya dari Kuala Terengganu, apabila berlakunya keruntuhan stadium di Terengganu, sampai sekarang tidak ada pihak yang dibawa ke mahkamah. Seolah-olah benda ini bukan satu kesalahan. Kita lihat dalam kes-kes seperti ini, sepatutnya paling kurang kerajaan menunjukkan keseriusan sebab ia melibatkan wang rakyat. Apabila mangsa sekarang ini, beratus-ratus pekerja MAS, mereka bawa kes mereka ke Mahkamah Industri. Mereka minta bantuan kita tetapi mereka pergi Mahkamah Industri ini bukan maknanya automatik mereka akan dapat pembelaan di sana. Kalau katakan tidak dapat selesai perundingan itu, Menteri tidak mahu *refer* ke Mahkamah Industri, mungkin kes itu berakhir di situ. Mereka tidak dapat pembelaan kerana mereka mempertikaikan pampasan-pampasan yang dibayar itu begitu rendah.

Pokoknya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengatakan bahawa kenapakah apabila berlakunya tindakan-tindakan yang merosakkan ekonomi negara ini, orang-orang yang merosakkan itu pula dibela, diselamatkan, rakyat yang menanggung. Sekarang ini isu pemandu teksi ini. Apabila kita benarkan GrabCar, kita benarkan Uber dan sebagainya, walaupun ini bertentangan dengan undang-undang. Oleh kerana mereka ini bukan sahaja menyediakan perkhidmatan servis tetapi juga menyediakan kereta-kereta tertentu untuk bersaing dengan teksi-teksi ini.

Saya akui memang ada pemandu-pemandu teksi ini yang memang bersikap mungkin tidak bertanggungjawab. Akan tetapi dalam masa yang sama kita kena menjaga mereka. Kalau kita dalam bidang teksi ini kita *base* pada *market, demand and supply*, mereka ini akan *suffer*, mereka ini akan merana. Mereka jumpa dengan Ahli Parlimen mengatakan mereka hendak dapat duit sampai ke petang untuk hendak bayar sewa pun tidak mampu. Dengan adanya Uber dan

sebagainya ini kita biarkan berleluasa dengan mereka ini syarikat-syarikat yang besar, gergasi yang ada di seluruh dunia dan mereka boleh menawarkan pula teksi-teksi yang lebih *comfortable* dan sebagainya.

Memanglah dari segi kita telah menolong, kita pengguna seronok tetapi pemandu-pemandu teksi merana yang sumber ekonomi mereka, sumber pendapatan mereka hanya berdasarkan teksi sahaja. Saya hendak tanya kerajaan, kenapa tidak ambil tindakan? Kata akan pinda undang-undang, kenapa dalam sidang ini tidak ada langsung rang undang-undang yang dibentangkan? Kita mesti ambil tindakan segera. Mereka ini adalah mungkin bapa kita, mungkin adik kita, mungkin saudara kita yang mana mereka ini menumpukan, mereka buat sahaja *sole breadwinner* dalam keluarga tetapi mereka juga terpaksa bayar sewa kepada syarikat-syarikat yang membebankan mereka. Bayangkan dalam keadaan ada GST, mereka tukar tayar mereka kena bayar GST. Banyak yang mereka kena GST. Selepas ini kalau kita ada pula TPPA, apa jadi pada industri SME? Semua ini pasti akan menyebabkan rakyat menderita.

Persoalannya ialah kenapakah kita tidak mengambil tindakan yang sewajarnya untuk melindungi mereka?

#### ■1820

Seterusnya, sebagai penutup, saya ingin menyatakan bahawa tadi kami berjumpa dengan pihak AirAsia yang menunjukkan kami gambar-gambar yang menunjukkan bagaimana keadaan KLIA2 yang tidak sepatutnya daripada awal, mereka kata, mereka harus berpindah ke situ. Dalam soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, setakat ini, menurut kerajaan, MAHB telah membelanjakan RM76.5 juta untuk membaiki kerosakan-kerosakan. Kerosakan ini adalah sesetengahnya boleh membahayakan nyawa penumpang.

Tadi kami lihat sebuah pesawat sudah berhenti hendak *disembark passenger*, tengah-tengah *disembark* itu, tiba-tiba boleh bergerak lagi, boleh gelongsor pula. Ia membahayakan bukan sahaja *pilot* tetapi juga membahayakan *passenger*. Beliau mengatakan- *pilot* ya mengatakan. *Pilot* itu mengatakan akibat daripada berlakunya peristiwa itu, pesawat itu dua hari tidak digunakan. Saya kata berapa kekerapan yang berlaku kejadian itu, dia kata setiap bulan sekali paling kurang. Berlaku oleh kerana kecerunan itu.

Mereka sekarang ini, *of course* sebagai syarikat yang menawarkan penerbangan murah ini mereka memang di samping hendak tolong *passenger*, mereka juga hendak dapatkan keuntungan, tetapi yang lebih *basic* lagi ialah sekarang ini isu keselamatan. Jawapan yang diberikan oleh Menteri kata ada *crack* pula dalam bangunan. Ini juga boleh membahayakan penumpang. Sekarang ini saya ingin tanya kenapa ini harus berlaku? Kenapa boleh berlaku begini dan kenapa pihak-pihak yang bertanggungjawab tidak diambil tindakan? Tiada penyiasatan atau pendakwaan.

Oleh sebab itu saya rasa di Malaysia ini orang tidak takut hendak buat rasuah sebab buat rasuah pun mereka akan selamat. Kalau ini cara kita mentadbir, sudah tentulah negara akan hancur. Sebab itulah orang kata... [*Berucap dalam bahasa Arab*] "*Manusia ini ikut agama*



*pemimpin mereka*". Jadi kalau orang kecil-kecil di bawah kata kami rasuah biasalah, orang atas rasuah teruk lagi. Orang atas rasuah tidak disiasat, jadi kalau kami apa masalah?

Jadi saya berharap mesti betulkan keadaan ini dan saya harap kerajaan mestilah mendedahkan kepada Parlimen ini berapakah wang negara yang telah musnah, telah hilang akibat daripada rasuah-rasuah yang berlaku dalam negara kita ini. Dedahkan pada kita. Kita ingin tahu perincian dia kalau kerajaan ini kerajaan yang bertanggungjawab yang betul-betul *transparent*.

Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa tidak payah saya panggil, bercakap sahaja berdiri. Siapa mahu bercakap, bercakap sahaja sebab suara rakyat. Tidak sudah kita ikut peraturan sekarang.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** [Bangun]

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Saya membawa suara rakyat dari kawasan saya Kudat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk dahulu Yang Berhormat, duduk dahulu. Yang Berhormat Pokok Sena duduk. Nota saya di sini, Yang Berhormat Sepang dia bercakap mulai pukul 5.38 petang. Saya nota juga dia *due* berhenti 5.50 petang, itu pun saya bagi dia dua tiga minit *concession*. Tetapi dia berhenti bercakap 6.22 petang. Bermakna, dia makan setengah jam lebih.

Atas sebab itu, untuk bersikap adil, saya terpaksa bagi dua daripada Barisan Nasional untuk bercakap berturut-turut 15 minit dan 15 minit tadi yang digunakan oleh Yang Berhormat Sepang itu, maka dua daripada pembangkang sudah tidak boleh berhujah. Ini sebab dia. Peraturan Mesyuarat 35(7), "*Tuan Yang di-Pertua atau Pengerusi boleh menghadkan masa bagi Ahli-ahli berucap, jika perlu*". Sudah pun kita hadkan masa, di bawah peraturan ini, 15 minit. Haruskah Speaker atau Timbalan Speaker sentiasa mengingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang melanggar peraturan mesyuarat daripada Speaker? Tidak perlu. Masing-masing ada jam tangan, ada tergantung di sana. Perlu lagi?

Sila 15 minit Yang Berhormat Kudat, selepas itu seorang lagi Yang Berhormat dari BN juga 15 minit. Kalau lebih daripada itu, saya kasi juga di sini *penalize*. Kalau ini berulang balik, tidak ada apa-apa kepada saya, tidak ada apa-apa. Kalau Yang Berhormat Pokok Sena pun berucap pada ketika nanti selepas hujah setengah jam, setengah jam.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya, ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau sampai jam 3 pagi pun boleh, tidak ada masalah bagi saya.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudahlah Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tadi Tuan Yang di-Pertua yang beri laluan kepada Yang Berhormat Sepang, bagi saya. Saya kata harus kita kena *clear*. Tuan Yang

di-Pertua kata cakaplah berapa lama hendak cakap. Tuan Yang di-Pertua tidak buat *ruling* tadi. Sekarang baru Tuan Yang di-Pertua buat *ruling*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

#### **6.25 ptg.**

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk menyampaikan hasrat dari kawasan saya iaitu Parlimen Kudat.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan juga pujian terhadap kerajaan khususnya Perdana Menteri kerana telah dapat menyediakan Bajet 2016 ini dengan jumlah yang agak begitu besar iaitu RM267 bilion berbanding RM260 bilion pada tahun 2015 iaitu peningkatan sebanyak RM7 bilion. Ini membuktikan bahawa ia adalah merupakan kesungguhan kerajaan untuk memastikan bahawa Rancangan Malaysia Kesebelas ini akan dapat dicapai dengan jayanya dan kita akan dapat mencapai matlamat Wawasan 2020 iaitu menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita telah sedia maklum, bahawa dunia hari ini berhadapan dengan masalah krisis ekonomi. Kejatuhan harga minyak dan kejatuhan harga komoditi dan demikian juga penurunan kadar pertumbuhan ekonomi di negara China iaitu merupakan pemain ekonomi yang penting di dunia pada hari ini, telah memberikan kesan kepada ekonomi khususnya negara kita kerana kita adalah merupakan negara perdagangan dan juga merupakan negara pengeluar bagi komoditi utama iaitu minyak dan juga komoditi-komoditi yang merupakan punca pendapatan negara kita.

Oleh sebab itu, kerajaan berhadapan dengan masalah kekurangan hasil dan kita bersyukur kerana kerajaan telah mengambil langkah-langkah awal untuk memastikan supaya impak daripada kemerosotan ekonomi dunia ini tidak memberikan kesan yang boleh menjejaskan ekonomi negara kita dan juga kebajikan rakyat di negara ini.

Walaupun keadaan ekonomi ini begitu meruncing, tetapi di Malaysia, kita masih mampu mencatatkan pertumbuhan ekonomi bagi suku pertama sebanyak 5.3 peratus dan ini adalah merupakan suatu pencapaian yang tinggi berbanding dengan pencapaian *average* ekonomi dunia 3.1 peratus. Kalau kita melihat daripada kedudukan yang telah diletakkan terhadap Malaysia sebagai negara ke-18 negara yang terbaik bagi perniagaan dan juga *sovereign ratings* yang telah diberikan oleh *Fitch, Moody's dan Standard & Poor's* menunjukkan bahawa kedudukan ekonomi Malaysia masih lagi di tahap yang memuaskan dan kita mampu untuk mencapai matlamat kita untuk menjadi negara maju pada tahun 2020 seperti mana yang telah kita harapkan selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya yang penting di sini ialah untuk memastikan bahawa pertumbuhan *sustainable* ini dapat kita lakukan dan seperti mana yang kita sedia maklum bahawa dunia hari ini berhadapan dengan masalah kekurangan peluang pelaburan khususnya FDI. Di negara kita Malaysia hari ini, FDI semakin berkurangan. Ia kerana persaingan yang

semakin hebat daripada negara-negara jiran dan juga suasana ekonomi yang telah pun berubah. Disebabkan itu, kita harus menggiatkan usaha-usaha untuk meningkatkan *domestic investment*.

Oleh sebab itu, peranan haruslah dipacu oleh agensi-agensi khususnya GLC kerajaan dan juga dana-dana tempatan khususnya daripada negara kita sendiri.

■1830

Kita mempunyai EPF iaitu merupakan satu gergasi dana yang besar yang boleh kita gunakan, yang boleh kita gembeng untuk menjana pertumbuhan ekonomi, khususnya untuk meningkatkan pelaburan di dalam negara dan bagi membuka peluang khususnya pelaburan-pelaburan baru dan mampu untuk meningkatkan peluang pekerjaan dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa beberapa perkara daripada kawasan saya Parlimen Kudat. Seperti mana yang kita sedia maklum bahawa kawasan Parlimen saya Kudat ini adalah kawasan yang besar. Penduduknya hampir 120,000 orang dengan keluasan hampir empat kali negeri Pulau Pinang iaitu 3,700 lebih *square kilometers* berbanding dengan Pulau Pinang lebih kurang 1,000 *square kilometers*. Jadi sudah tentulah dengan keluasan yang begini besar, dengan pengundi lebih kurang 50,000 orang yang telah memberikan mandat yang besar kepada saya bagi tiga penggal berturut-turut, ianya adalah kerana mereka mengharapkan sesuatu daripada kerajaan.

Mereka mengharapkan pembangunan dan juga usaha-usaha untuk memperbaiki kehidupan mereka dari segi pembinaan infrastruktur dan juga kegiatan-kegiatan ekonomi yang akan membolehkan mereka mendapat pendapatan yang sesuai dan bertepatan dengan hasrat kita untuk menjadikan mereka sebagai rakyat berpendapatan tinggi seperti mana yang telah kita matlamatkan.

Oleh sebab itu, satu infrastruktur yang penting yang telah pun dirancang dan sebenarnya telah pun dibuat kajian secara terperinci bagi menjana pertumbuhan sektor pelancongan. Ia juga bagi membantu menyingkatkan perjalanan dari Kota Kinabalu ke Kudat untuk membolehkan lebih ramai pelancong datang ke Kudat iaitu jalan *coastal highway* dari Kota Kinabalu-Tuaran-Kota Belud-Kota Marudu-Kudat. Jalan *coastal highway* ini telah pun dibuat kajian secara terperinci.

Saya berharap supaya jalan ini dapat dimasukkan dalam Pelan Pembangunan Trans Borneo yang telah diumumkan oleh kerajaan bagi dimasukkan dalam pembangunan tersebut supaya ianya akan dapat menjana pertumbuhan ekonomi khususnya sektor pelancongan. Ini kerana kawasan-kawasan yang dirancang tersebut adalah merupakan kawasan-kawasan yang berpotensi besar untuk dimajukan sebagai tempat-tempat destinasi pelancongan kerana pantai-pantainya yang cantik dan juga peluang ekonomi yang dapat dijana daripada tempat itu.

Ini tidak hanya memberikan faedah kepada Parlimen Kudat, tetapi juga memberi faedah kepada Ahli-ahli Parlimen berdekatan seperti Tuaran, Kota Belud dan Kota Marudu. Ini adalah merupakan projek yang penting bagi ekonomi negeri Sabah memandangkan ekonomi pelancongan adalah merupakan salah satu *main stake* ekonomi yang penting bagi negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan beberapa perkara yang berkaitan dengan keselamatan khususnya di kawasan Kudat. Kawasan Kudat adalah termasuk dalam kawasan ESSCOM iaitu di utara kawasan zon ESSCOM ataupun ESSZONE. Oleh sebab itu, walaupun beberapa tindakan telah diambil oleh kerajaan untuk mewujudkan kem-kem di kawasan Lahad Datu, Semporna dan Tawau tetapi nampaknya di kawasan utara, kita tidak mempunyai satu ketumbukan tentera untuk menjaga sepenuh masa untuk memastikan bahawa tidak ada kebolsan khususnya di kawasan utara.

Oleh sebab itu saya ingin meminta kepada kerajaan semenjak dahulu lagi supaya kem dapat dibuat di Kudat, memandangkan kerajaan telah pun menyediakan tandas secara percuma bagi kem tersebut di Sikuati. Kem ini sudah tentu bukan sahaja akan mampu menyediakan kem bagi menjaga keselamatan bagi zon utara ESSCOM, tetapi juga ianya akan mampu menolong menjaga pertumbuhan ekonomi di kawasan tersebut akibat daripada pembangunan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara juga penting yang saya ingin sampaikan di sini iaitu berkaitan dengan jalan-jalan luar bandar. Seperti mana yang kita sedia maklum dan saya telah jelaskan tadi bahawa pembangunan seimbang adalah penting dan kawasan saya adalah merupakan kawasan yang luas dan memerlukan akses kepada perkhidmatan jalan raya khususnya di kampung-kampung terpencil. Kerajaan haruslah bekerjasama dengan kerajaan negeri untuk menaik taraf dan menurap jalan-jalan ini.

Satu jalan yang sangat menjadi sungutan rakyat di kawasan saya iaitu di kawasan daerah Pitas iaitu jalan Pitas-Bongkol-Telaga yang melibatkan ramai penduduk yang tinggal di kawasan tersebut dan ada dua sekolah menengah. Ianya juga berpotensi untuk dibangunkan sebagai pusat pelancongan di atas beberapa potensi destinasi pelancongan yang boleh dimajukan di situ. Akan tetapi ianya memerlukan komitmen daripada Kerajaan Persekutuan dengan bantuan kerajaan negeri untuk menaik taraf jalan ini kepada jalan berturap.

Memang sudah ada jalan, tetapi jalan tersebut adalah jalan gelabur dan sering menimbulkan banyak rungutan dari kawasan penduduk di situ sehingga beberapa jalan tertentu juga telah pun *dihighlight*, dieksploitasi oleh pihak-pihak tertentu di sebelah sana dan digambarkan seolah-olah kita tidak mengambil apa-apa perhatian terhadap permasalahan di kawasan itu. Seperti saya katakan tadi bahawa penduduk di kawasan saya ini memanglah berselerak, tetapi ini tidak bererti bahawa mereka tidak berhak untuk mendapat agihan pembangunan sewajarnya seperti mana dari kawasan-kawasan yang lain.

Seperkara lagi yang saya ingin bangkitkan di sini iaitu berkaitan dengan Agropolitan Pulau Banggi. Memang kita berterima kasih kepada kerajaan kerana telah pun membangunkan Agropolitan Pulau Banggi dan juga projek menangani kemiskinan ladang getah di Kanibongan. Ini adalah merupakan satu sumbangan yang besar kepada rakyat di kawasan saya. Akan tetapi yang saya ingin minta penjelasan khususnya daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah khususnya FELCRA, apakah kemajuan yang telah pun dicapai di kawasan Agropolitan Pulau Banggi tersebut, sama ada adakah ianya mampu menunjukkan arah untuk menaikkan taraf pendapatan masyarakat di situ. Ini kerana apa yang saya lihat, kemajuan hanyalah dari

bidang infrastruktur tetapi kegiatan ekonominya masih lagi belum begitu ternampak jelas. Saya minta penjelasan tentang kemajuan projek tersebut.

Begitu juga dengan projek menangani kemiskinan di Kanibongan, sama ada ianya benar-benar mencapai matlamatnya khususnya kejatuhan harga getah sekarang. Kita bersyukur kepada Perdana Menteri kerana telah menyediakan satu pelan untuk membantu penoreh-penoreh getah di kawasan tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, boleh gulung Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Satu lagi yang terakhir yang ingin saya bangkitkan Tuan Yang di-Pertua, iaitu berkaitan dengan perkhidmatan bank di Pitas. Saya ingin menyatakan di sini bahawa untuk membangunkan sesuatu kawasan tersebut, ia memerlukan perkhidmatan perbankan. Kita mempunyai dua bank utama, khususnya Bank Pertanian yang sekarang telah pun ditukar nama kepada Agrobank dan juga Bank Simpanan Nasional yang dimiliki oleh kerajaan 100% yang sepatutnya mampu untuk memberikan perkhidmatan sosioekonomi kepada penduduk di kawasan luar bandar.

Saya berharap salah satu dari bank ini buat keputusan secepat yang mungkin dan saya berharap Menteri Kewangan yang juga Perdana Menteri dapat memberikan arahan untuk meminta bank dibuka di kawasan khususnya di daerah Pitas. Ini kerana ini adalah merupakan rungutan rakyat dan mengharapkan supaya perkhidmatan ini dapat diberikan untuk menyokong pembangunan ekonomi di situ khususnya untuk membiayai peniaga-peniaga kecil dan juga untuk membolehkan penduduk di situ dapat mendepositkan wang mereka di bank selaras dengan hasrat mereka untuk menjadi *in the mainstream economy*.

#### ■1840

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-bbilang terima kasih di atas peluang ini dan saya dengan ini menyokong sepenuhnya Bajet 2016 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak [*Tepuk*] yang saya rasa adalah merupakan satu bajet yang penting untuk menjayakan Wawasan 2020. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sik.

#### 6.40 ptg.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Lama tunggu Yang Berhormat kan?

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Ya betul, lama. Banyak hari. Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana dapat kita bersama pada sesi kali ini. Sebelum saya teruskan perbahasan dasar dalam Dewan yang mulia ini, saya ingin

mengambil kesempatan sebagai wakil rakyat Parlimen Sik, menzahirkan ucapan terima kasih yang tak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah meluluskan sebuah MRSM untuk Parlimen Sik. Selain daripada itu, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana meluluskan lebih RM300 juta untuk projek *rubber city* di Kedah. Walaupun projek ini akan berlaku di Padang Terap tetapi hasilnya, limpahan ekonomi akan mengalir ke Parlimen Sik yang merupakan jiran kepada Parlimen Padang Terap.

Sebelum saya meneruskan dengan isu dasar dan nasional, saya ingin membuat ringkasan dahulu. Saya akan membuat *summary* kepada perkara-perkara yang perlu mendapat perhatian kementerian-kementerian untuk kawasan saya kerana saya takut nanti tidak kecukupan masa apabila sampai masa dan Tuan Yang di-Pertua menyuruh saya menggulung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, ucap mana yang utama dulu Yang Berhormat ya.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Ya, betul. Yang pertama, berkenaan dengan Kementerian Pendidikan. Sebuah sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Sik adalah merupakan sekolah menengah yang tertua di Sik, berusia sudah hampir 70 tahun iaitu semenjak penubuhannya pada tahun 1952 tetapi sehingga kini, sekolah tersebut yang merupakan sekolah kluster, sekolah biasa terbaik masih belum mempunyai sebuah dewan utama untuk menjalankan kegiatan pelajar dan guru seperti hari anugerah dan aktiviti-aktiviti lain. Sehingga sekarang, kaedah lama masih digunakan dengan membuka dinding penyambung di antara setiap bilik darjah untuk dijadikan dewan bagi menjalankan acara-acara yang disebutkan dan saya mohon Kementerian Pendidikan memberi perhatian.

Kedua, dalam Kementerian Pendidikan, saya ingin mendapat maklumat tentang perkembangan pemisahan PPD yang mana sekarang berkongsi dengan Baling. Ini amat menyukarkan ibu bapa dan guru-guru untuk berurusan dengan PPD. Perkara ini saya sudah timbulkan setiap kali saya berucap di dalam Dewan ini. Ketiga, mohon kerajaan membaik pulih sekolah-sekolah yang terlalu uzur di antaranya ialah Sekolah Kebangsaan Cemara, Sekolah Kebangsaan Jeneri dan Sekolah Kebangsaan Hujung Bandar.

Dalam Kementerian Kerja Raya pula, perkara pertama ialah, saya memohon supaya jalan dari Jeniang-Sik dinaikkan taraf kepada empat lorong kerana kadar pengguna jalan raya tersebut yang begitu drastik pada kebelakangan ini. Perkara ini telah dijawab oleh Menteri semasa pembentangan bajet sebelum ini. Saya juga berharap ianya dapat dilaksanakan di dalam *Rolling Plan RMKe-11* pada peringkat awal. Kedua di dalam KKR, saya memohon supaya diadakan lampu jalan sepanjang jalan tersebut memandangkan sering berlaku kemalangan disebabkan keadaan yang gelap dan jarak pandangan yang terhad terutama pada waktu malam dan hujan. Ketiga, ada satu jambatan dekat Pekan Jeniang yang menghubungkan Parlimen Sik dan Parlimen Jerai, jalan utama di mana daripada Parlimen Sik keluar ke Parlimen Jerai yang merentasi Sungai Muda adalah terlalu sempit berbanding penggunaan yang semakin meningkat. Perlu juga diperbesarkan. Kemalangan sering berlaku di atas jambatan ini.

Yang keempat, keadaan jalan dari Kampung Sik ke sempadan Nami perlu dinaikkan taraf dan dilebarkan kerana jalan ini telah menjadi jalan utama ke Durian Burung di Padang Terap dan Lebuhraya Tekih. Tambahan pula, setiap hari terdapat pelancong-pelancong luar yang menggunakan jalan ini untuk ke Tasik Beris dan ladang anggur yang menjadi tarikan pelancong pada masa ini. Penggunaan yang semakin meningkat dengan keadaan jalan yang sempit dan berbengkok-bengkok terlalu membahayakan pengguna.

Untuk Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Jambatan Lubuk Besar yang menghubungkan hujung bandar dan kampung-kampung kawasan sekitarnya telah hampir runtuh disebabkan berlakunya hakisan sungai. Terdapat banyak kampung di kawasan ini yang menggunakan jambatan tersebut setiap hari untuk urusan harian. Keadaan ini adalah terlalu berbahaya terhadap pengguna dan tidak mempunyai jalan alternatif yang lain. Titi ini perlu tindakan yang cepat sebelum kemalangan jiwa berlaku.

Kedua, jambatan gantung Cemara yang menghubungkan kampung di dalam Parlimen Sik dan juga satu kampung atau kawasan di dalam Parlimen Jerai sudah mengalami kerosakan yang teruk dan perlu perhatian daripada KKLW. Jambatan Dusun Pengapit yang menghubungkan Padang Cicak dan Kampung Dusun Pengapit juga perlu diberi perhatian.

Keempat, menaik taraf dan penurapan jalan-jalan kampung yang menjadi jalan utama yang digunakan oleh penduduk setempat. Terdapat juga di sesetengah tempat, jalan berbatu kerikil dan tanpa kasaran dan tidak dinaiktarafkan lagi. Yang kelima, penambahan peruntukan pemasangan lampu-lampu jalan kampung terutamanya di simpang-simpang jalan dan antara jalan kampung dan jalan utama.

Di dalam Kementerian Pertanian pula, saya meminta mengadakan sistem tambakan banjir bagi kawasan yang selalu dinaiki air seperti di Charuk Pelanduk dan Kampung Belimbing serta mewujudkan sistem mengawal hakisan sungai. Membina kompleks pertanian yang mana akan menjadi sebagai pusat sehenti dan aktiviti yang berasaskan pertanian bagi penduduk Parlimen di mana cadangannya telah saya hantar pada tahun lepas. Ketiga, meningkatkan ekonomi penduduk. Saya mohon agar kerajaan membina sebuah agrobazaar di Parlimen Sik. Dengan terbinanya agrobazaar ini, petani-petani dan peniaga barangan berasaskan pertanian dapat memasarkan hasil mereka.

Dalam Kementerian Kesihatan, Sik hanya mempunyai sebuah hospital daerah yang memberikan rawatan kepada seluruh penduduk Sik. Selain Hospital Sik, hospital terdekat untuk penduduk ialah sejauh 60 kilometer dari Pekan Sik. Memandangkan Hospital Sik telah kurang memuaskan untuk menampung pesakit yang semakin bertambah, kalau kita hendak tunggu hospital di Baling pun lambat lagi. Saya mohon kerajaan menaiktarafkan hospital tersebut seberapa segera.

Contohnya membina bangunan sendiri bagi unit-unit tertentu seperti mana sekarang ini, unit rekod digunakan di satu tempat yang dibuat *extension* daripada bangunan lama hospital itu. Tuan Yang di-Pertua, saya juga memohon supaya ditambah bilangan mesin hemodialisis di

Hospital Sik memandangkan buat masa sekarang mesin tersebut tidak mencukupi disebabkan penambahan pesakit yang semakin meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, daripada segi masalah komunikasi, cerita di Parlimen Sik ini kalau kita lihat daripada segi perkembangan sistem telekomunikasi, saya nampak kemajuannya bila saya lihat daripada awal saya menjadi Ahli Parlimen hingga sekarang adalah begitu lembap sekali. Tuan Yang di-Pertua, dalam kawasan saya sebenarnya tidak banyak orang yang bekerja di sana suka tinggal di kawasan saya termasuklah pegawai-pegawai tinggi kerajaan apatah lagi generasi muda. Apakah sebabnya?

Sebabnya ialah masalah telekomunikasi terutama pada zaman sekarang. Datanglah, cuba datang sekali ke kawasan saya. Jika anda menaiki kenderaan dalam Parlimen Sik, hubungan *internet* akan terputus-putus sehinggalah anda melintasi satu jambatan yang keluar ke kawasan jiran, hati anda akan gembira apabila hubungan telekomunikasi berterusan tanpa gangguan. Jadi dalam isu infrastruktur komunikasi ini, saya berharap dengan bajet RM1.2 bilion, kerajaan dapat meningkatkan kelajuan *internet* terutama kawasan luar bandar seperti kawasan saya. Setiap kali perbahasan, saya bangkitkan masalah ini. Banyakkan lagi kawasan jalur lebar tanpa wayar di kawasan luar bandar serta pedalaman seperti Parlimen Sik.

■1850

Saya sangat berharap rancangan meningkatkan kelajuan internet empat kali ganda sehingga 20 megabit sesaat di kawasan luar bandar tidak mengetepikan Parlimen saya. Saya rasa pendapat saya kita hentikan Pusat Internet 1Malaysia yang kos pembinaannya sebanyak suku juta ringgit tetapi hasil dan faedahnya tidak seberapa. Fasa pengenalan untuk menggalakkan rakyat menggunakan internet telah berlalu. Semua orang sudah suka guna internet termasuk warga emas. Apa yang perlu sekarang ialah *high speed broadband* di kawasan luar bandar. Contohnya sebagai kawasan saya, bukan saya minta semua seluruh Parlimen Sik.

Kita tidak minta kawasan hutan simpan hingga ke sempadan Malaysia-Thailand tetapi kita minta kawasan-kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi. Contohnya seperti di dalam Dewan Undangan Jeneri dan juga bahagian Selatan Dewan Undangan Belantik. Tuan Yang di-Pertua, saya pergi kepada isu nasional dan juga perbahasan dasar. Bajet 2016 memfokuskan kepada lima perkara. Yang utama dan yang terpenting sekali ialah meringankan kos sara hidup rakyat. Oleh itu bajet ini dipanggil sebagai bajet “ Mensejahtera Kehidupan Rakyat”. Empat fokus lagi ialah memperteguh ketahanan ekonomi negara dan meningkatkan produktiviti, inovasi serta teknologi hijau dan mempersiapkan modal insan dan yang akhir sekali ialah memperkasa agenda bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, saya menganggap pada pendapat saya bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan adalah satu bajet yang dikira mantap kerana walaupun kita sekarang berada dalam gelombang ekonomi yang mencabar, dengan wang menyusut nilai di banyak negara dunia termasuk Malaysia tetapi Malaysia tetap mantap dengan bukti-bukti yang berikut. Bukti yang pertama yang saya katakan demikian ialah rizab antarabangsa kekal tinggi



sebanyak RM418 bilion pada 15 Oktober 2015 yang mampu sebenarnya membiayai selama lebih kurang 9 bulan import tertanggung dan satu setengah kali hutang luar jangka pendek. Bukti kedudukan yang kedua ialah kemasukan pelabur asing pula terus kukuh pada RM2.4 bilion pada separuh tahun pertama yang lalu.

Yang ketiga, Indeks Bursa Kuala Lumpur mencatat 1,705 mata bersamaan nilai pasaran RM1.675 trilion menjelang penutup besar pada 22 Oktober 2015. Akhir sekali ekonomi semasa Malaysia berkembang sebanyak 5.3% bagi separuh tahun 2015 dan dianggarkan ekonomi semasa Malaysia akan mencapai pada tahap 4.5% hingga 5.5% sepanjang tahun meskipun ekonomi dunia dijangka lembab dan menurun pada kadar 3.1%. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memasukkan satu isu yang popular.

*Merengung bulan di langit,  
Rumput di bumi dilupa jangan,  
Ketika kita sudah berada di atas,  
Jangan lupa orang di bawah.*

Yang Amat Berhormat Pekan adalah pembela rakyat marhaen berpendapatan rendah. Saya dari luar bandar, saya bukan dari bandar. Saya cukup terkilan apabila orang-orang yang berpendapatan besar, gaji tinggi, dikurniakan rezeki yang luas, kedudukan yang tinggi, mereka ini selalu menghina dan mempergurau-sendakan satu usaha dan tindakan murni oleh seorang pemimpin yang berhati lembut dan berjiwa rakyat seperti Yang Amat Berhormat Pekan yang memulakan dan meneruskan BR1M. Mereka ini menuduh BR1M adalah gula-gula pilihan raya. Ini adalah selalu ayat dan nyanyian yang kita dengar.

Mereka kata BR1M ini rasuah politik. Ya bagi rakyat, bagi orang yang berpendapatan tinggi, bagi seorang pegawai, bagi seorang CEO, bagi seorang yang satu bulan pendapatannya RM15 ribu-RM20 ribu, RM400-RM500 mungkin tidak ada makna tapi bagi rakyat yang kais pagi makan pagi, yang bekerja keras berhempas pulas membanting tulang empat kerat untuk mendapat sesuap makanan, RM400-RM500 besar nilainya.

Gula-gula dan rasuah politik apakah kalau BR1M diberi setiap tahun dan bukan hampir pilihan raya sahaja 5 tahun sekali. Malah BR1M diberi kepada semua rakyat yang kita sasarkan, yang pendapatannya pada tahap tertentu, tidak kira mereka ini penyokong ataupun penentang kerajaan. Kesejahteraan rakyat terus diutamakan dengan memberikan BR1M dan menambahkan nilai BR1M seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan baru-baru ini. Jadi saya ingat, saya harap orang yang berpendapatan tinggi janganlah terlalu angkuh, jangan sombong sangat, jangan angkuh sangat. Ingat kepada Tuhan dan juga ingat kepada orang yang berpendapatan rendah, ingat kepada orang miskin.

Sekali sekala pi duduk di kawasan luar bandar. Tengok macam mana susah mereka. Mereka ini kalau kita beri RM300-RM400, mereka *appreciate*, terima kasih, itu adalah nilai duit. Janganlah terlalu sombong, janganlah terlalu ego, janganlah terlalu memikirkan kepentingan diri dan mengutuk, menghina apa yang dibuat oleh seorang pemimpin yang pada masa yang sama memikir akan kesusahan rakyat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, akhirnya saya cakap, boleh gulung Yang Berhormat.

**Dr. Mansor bin Haji Ahmad [Sik]:** Nasib baik Tuan Yang di-Pertua. Saya cakap mula-mula fasal rakyat saya. Saya sudah hendak *start* cakap tidak mahu tengok teks ini, mula saya hendak cakap banyak. Okey Tuan Yang di-Pertua, saya akan pergi pada satu topik lagi iaitu topik getah. Saya ingin mengucapkan terima kasih sebab saya kena cakap ini sebab ini kawasan saya penduduk banyak yang menoreh getah. Saya ingin ucap terima kasih kepada kerajaan yang dulunya pada tahun lepas mengumumkan bahawa ingin memberi 30 sen satu kilo iaitu dalam Insentif Pengeluaran Getah (IPG). Tetapi ketika itu kerajaan telah membuat keputusan 30 sen ini akan diberi ketika kalau harga sekerap, *rubber cup lump*, RM1.75.

Tetapi ketika itu pada tahun lepas hingga sekarang harga sekerap tidak pernah mencecah RM1.75. Jadi rakyat belum merasai 35 sen sekilo itu. Pada pembentangan bajet yang lepas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan bahawa harga lantai bantuan itu boleh diterima oleh rakyat iaitu 30 sen sekilo pada harga RM2.20.

Jadi *alhamdulillah* harga itu dinaikkan jadi sekarang ini lebih kurang sekarang ini saya ingat harga sekerap dalam RM2.20 ataupun RM2.30. Kalau atas kepada RM2.30, jadi penoreh getah tidak dapat RM0.30 sen. Kalau bawah daripada RM2.20, penoreh getah akan dapat RM0.30 sen. Bermakna minimum akan dapat RM2.50 sekilo. RM2.20 *campoq* 30 sen.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dr. Mansor bin Haji Ahmad [Sik]:** Dua *kupang*. Minta maaf tarik balik. Okey.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dr. Mansor bin Haji Ahmad [Sik]:** Kalau boleh dapat lebih, lagi bagus. Tuan Yang di-Pertua, saya, cukup masa Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ada, ada. Sudah cukup masa sudah Yang Berhormat.

**Dr. Mansor bin Haji Ahmad [Sik]:** Saya ingat saya ucap terima kasih pada Tuan Yang di-Pertua dan saya Yang Berhormat Sik mohon menyokong pembentangan Bajet 2016. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sandakan.

#### ■1900

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dalam Bajet 2016 ini, walaupun Menteri-menteri berkata bahawa bajet ini telah memberi banyak kebaikan kepada Sabah dan Sarawak dan kononnya RM29.2 bilion peruntukan diberi kepada Sabah dan Sarawak untuk pelbagai program memang ini tidak ada apa-apa keistimewaan kerana Sabah dan Sarawak telah lama dipinggirkan.

Sudah 30 tahun sekurang-kurangnya kita dibelakangkan Semenanjung dari segi pembangunan. Untuk mengejar balik pembangunan kita, kita perlu lebih banyak aset dan peruntukan disalurkan ke Sabah dan Sarawak. Saya mahu mengingatkan pemimpin wilayah di

sini, Sabah dan Sarawak adalah rakan kongsi di satu Malaysia. Tanpa Sabah dan Sarawak, tidak ada Malaysia dan jika kita pun dijanjikan untuk membangun bersama-sama rata dengan Semenanjung, barulah kita ada Malaysia.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya akan sentuh mengenai Pan Borneo Highway. Saya menyambut baik dengan pengumuman bahawa *highway* ini adalah tol *free*. Saya harap janji ini boleh ditepati kerana ini bukan satu pembinaan jalan yang baru. Ia hanya semata-mata menaik taraf terhadap jalan yang sedia ada dan janganlah kita lupa bahawa projek ini telah dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Bajet 2014.

Pada ketika itu bajet telah disediakan RM500 juta untuk pembangunan projek tersebut. Kini hanya merupakan satu projek *recycle* walaupun dikatakan ada RM12.8 bilion disediakan untuk projek Pan Borneo Highway di Sabah dan dijangka disiapkan pada tahun 2021 tetapi saya lihat buku bajet ini hanya terdapat RM800 juta untuk projek ini sahaja untuk tahun 2016.

Justeru saya hairan adakah projek ini boleh disiapkan sebelum tahun 2021? Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya mendapati bahawa bajet dibagi kepada JKR Sabah di keseluruhan peruntukan dikurangkan daripada RM432 juta hingga RM425 juta khasnya bagi projek jalan-jalan besar. Peruntukan disediakan jatuh daripada RM70 juta hingga RM20 juta. Ini adalah tidak boleh diterima. Mengikut Pengarah JKR Sabah, kita memerlukan sekurang-kurangnya RM2 bilion untuk menaik taraf dan pembaikan jalan raya dan projek lain di Sabah. RM400 juta ini adalah jauh tidak mencukupi malah kekurangan bajet untuk projek jalan-jalan besar sebanyak RM50 juta ini tidak masuk akal.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan jalan raya di Sabah adalah sangat tidak memuaskan. Saya fikir Tuan Yang di-Pertua pun setuju juga. Oleh itu peruntukan untuk membuat jalan raya di Sabah harus dipertingkatkan, bukan dikurangkan. Lagi, pengangkutan merupakan satu masalah yang paling besar dalam Sabah. Ia menyebabkan harga barangan kita lebih tinggi sebagai salah satu faktor meningkatkan kos barangan.

Oleh sebab kita hanya ada jalan raya sebagai pengangkutan barangan, tidak seperti Semenanjung ada rel dan sebagainya. Saya harap Barisan Nasional mencontohi Pakatan Harapan yang prihatin terhadap Sabah dan Sarawak bahawa dalam alternatif bajetnya telah mencadangkan untuk memindah projek *high speed rail* yang dengan kuasa tinggi 35 bilion kepada pembinaan rel atau kereta api di Sabah dan Sarawak. Saya rasa ini betul-betul prihatin dan jasa baik kalau boleh kita mencapai pembangunan Sabah dan Sarawak.

Justeru saya harap Kerajaan Barisan Nasional boleh mempertimbangkan cadangan ini. Tuan Yang di-Pertua, selain itu juga saya ingin merakamkan kekecewaan kerana cadangan mentransformasikan Pelabuhan Sepanggar sebagai *transshipment hub* masih tidak dicadangkan dalam bajet ini. saya ingin tanya keikhlasan Menteri Pengangkutan yang telah berjanji berkali-kali akan berusaha dalam cadangan tersebut oleh sebab *cabotage policy* itu tidak boleh dimansuhkan dan dijanji juga akan berusaha satu *transshipment hub* ini untuk membangunkan dan membantu bahawa potensi perdagangan laut di Sabah akan meningkatkan prestasi industri

Sabah. Ini juga menstabilise harga barangan di Sabah memandangkan kerajaan tidak berniat memansuhkan polisi *cabotage*.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab harga barangan Sabah adalah lebih tinggi daripada Semenanjung, justeru pembayaran GST kita adalah lebih tinggi memandangkan pendapatan kita lebih rendah. Ini menyebabkan impak GST di Sabah adalah berkali ganda dan lebih teruk. Ini langsung tidak adil bagi Sabah. Atas sebab itu saya pernah ulang meminta bahawa kadar GST harus lebih rendah daripada Semenanjung atau rendahkan tetapi ia tidak langsung, tidak beri pertimbangan pada bajet ini. Kita harap agar GST dikurangkan. Ia untuk makluman, alternatif bajet daripada Pakatan Harapan mencadangkan menetapkan kadar GST ke *zero rated*. Saya tak faham mengapa Barisan Nasional tidak boleh mengurangkannya ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu dalam bajet ini saya mahu sentuh program menyeragamkan harga diteruskan dengan peruntukan RM260 juta dan saya tahu sudah empat tahun berturut-turut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membentangkan program ini untuk memperuntukkan sebanyak RM1 bilion untuk menyeragamkan harga barangan antara Timur dan Barat Malaysia. Ini kita mengalu-alukan tetapi nampaknya peruntukan ini diguna tidak ada apa-apa kesan berjaya selepas empat tahun pelaksanaan.

Jadi kita ingin tahu, bagaimana peruntukan ini digunakan dan bagaimana cara menyeragamkan harga barangan ini. Antara programnya Kementerian Wilayah Persekutuan telah mengisytiharkan mulai 1 Januari 2013 tambang feri, kenderaan komersial, bot dan penumpang dari darat Sabah ke Labuan dan Sarawak akan menikmati diskaun 50% dan kerajaan membayar secara subsidi dipakai kepada pengusaha-pengusaha feri dan kenderaan komersial ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapat tahu program ini telah dihentikan pada tahun 2015 tanpa notis yang awal. Notis ini hanya dikeluarkan lewat sampai Jun 2015. Ini mengakibatkan para pengusaha feri itu mengalami kerugian keseluruhannya sebanyak RM3 juta iaitu subsidi yang dijamin bayar oleh Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu mengapa ini boleh berlaku sedangkan pada hujung tahun 2014, Perbadanan Labuan dan Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Ketua Setiausaha dalam surat telah mengekalkan bahawa diskaun ini akan diteruskan bagi tahun 2015 tetapi subsidi itu tidak dapat dibayar sejak November 2014 sehingga Jun 2015 baru kata dibatalkan. Ini adalah tidak wajar. Mana peruntukan yang disediakan sebanyak RM262 juta dalam Belanjawan 2015? Saya harap ini diberi penjelasan dan tukarkan bayaran harus diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, daripada kes ini saya ingin tahu berapa peruntukan telah dibagi untuk tujuan ini setiap tahun? Berapakah perbelanjaan telah digunakan setiap tahun? Bagaimana peruntukan ini telah diguna untuk tujuan ini? Memandangkan bajet ini pun ada menyediakan peruntukan sebanyak RM260 juta, tetapi subsidi yang ini telah dihentikan, saya ingin tahu adakah subsidi ini akan diteruskan pada tahun depan?

Kalau memang ada peruntukan disediakan setiap tahun, kenapa tiba-tiba hentikan subsidi tanpa notis dan menyebabkan komersial ini menyebabkan kesulitan pengusaha-pengusaha feri dan kenderaan komersial ini? Ini sememangnya tidak wajar adakah Perbadanan Labuan sudah terima duit ini tetapi kementerian ini langsung tidak tahu? Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh siasat dan beri penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, memang masalah bekalan elektrik merupakan masalah yang sangat besar dan penting bagi Sabah. Memandangkan bajet ini menyediakan peruntukan sebanyak RM515 juta untuk meningkatkan mutu pangkalan elektrik untuk Sabah.

■1910

Saya ingin tahu dengan peruntukan bagaimanakah kerajaan menggunakan peruntukan ini supaya bekalan elektrik di Sabah betul-betul ditambah baik dan apakah KPI kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, selain itu saya ada menyentuh perkara ini pada sesi Parlimen yang lalu. Saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Teknologi Hijau, Tenaga dan Air dalam Dewan yang mulia ini tentang *update* bagi cadangan pembinaan loji penjana kuasa gas di Lahad Datu. Inilah jawapan daripada Yang Berhormat Menteri itu, izinkan saya *quote* dia. Tujuannya supaya di ESSCOM ada satu *pay station* yang besar, sementara itu kita hantar dahulu 30 megawatt di Lahad Datu sendiri dan juga dua set, 30/30 yang dijangka *open cycle* dahulu supaya apabila gas sampai, ia boleh *convert* bagi *combine cycle*. Jadi dengan langkah-langkah ini saya berharap sebelum September, tender akan dibuka untuk perlaksanaannya. Jadi saya mahu mengingatkan Yang Berhormat Menteri, sekarang sudah bulan November.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, beliau berkata sebelum bulan September akan hantar 30 megawatt dahulu di Lahad Datu. Adakah tender telah ditawarkan dan dilaksanakan? Ini bukan main-main. Haraplah Yang Berhormat Menteri agar menepati janji beliau. Oleh sebab masalah ketidakcukupan elektrik di Pantai Timur semakin serius, ia perlu diselesaikan secepat mungkin. Walaupun Yang Berhormat Menteri berkata bahawa indeks SAIDI kita ada menurun tetapi saya anggap ini bukan di *East Coast* yang menjadi penyebabnya. Saya fikir di *East Coast* khususnya di Sandakan, indeks SAIDI semakin naik kerana aduan gangguan elektrik baru-baru ini setiap hari yang dilaporkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh satu perkara yang amat penting bagi negeri Sabah ialah isu keselamatan. Sejak ESSCOM ditubuhkan sudah melebihi RM1 bilion diperuntukkan kepada agensi ini untuk tujuan menjaga keselamatan di Sabah tetapi walaupun peruntukan yang diberikan daripada Bajet 2015 untuk ESSCOM adalah RM660 juta, naik daripada RM75 juta dalam Bajet 2014 dan dalam Bajet 2016, ESSCOM diperuntukkan sebanyak RM523 juta tetapi keselamatan masih tidak terjamin. Penculikan masih berlaku di Pantai Timur Sabah setiap tahun. Malahan penculikan yang berlaku pada 14 Mei pada tahun ini Restoran Ocean King berlaku di bandar Sandakan. Ini amat serius kerana bukan sahaja berlaku di persisiran pantai malah di darat serta di restoran yang dipenuhi penduduk biasa. Saya tidak faham – walaupun telah disediakan berpuluh-puluh juta untuk menambahbaikkan keselamatan

pantai timur Sabah, ia mungkin serius tetapi nampaknya langsung tidak ada apa-apa *improvement*.

Untuk makluman, pada masa penculikan itu berlaku adalah masa yang dalam *curfew hour*. Saya ingin tahu apakah status kedua-dua orang tebusan yang bernama Thien Nyuk Fun dan Bernard Ghen Ted Fen. Bilakah kerajaan boleh menyelamatkan kedua-dua orang *Malaysian* ini dan apakah cara yang kerajaan akan ambil untuk memperkuatkan keselamatan di Sabah? Bagaimanakah kerajaan akan menggunakan bajet sebanyak RM523 juta yang disediakan dalam Bajet 2016? Adakah kelengkapan alat yang canggih dibeli? Saya berharap kerajaan memberikan maklumat peruntukan itu secara terperinci.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa bajet ini tidak akan menyejahterakan seluruh rakyat Malaysia. Sejak sesi Parlimen lalu tamat pada Julai tahun ini, dalam beberapa bulan yang singkat ini negara kita telah mengalami ketenteraman dan menghadapi masalah yang perlu diselesaikan secepat mungkin...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Gulung Yang Berhormat.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Memandangkan isu yang serius seperti skandal-skandal yang kita sentuh berulang-ulang kali untuk Ahli-ahli Yang Berhormat lain Akan tetapi di sini saya mahu menyentuh untuk membangun dan membangunkan negara kita dengan kepada negara maju dan gembira, saya fikir tiga masalah negatif yang mesti dihapuskan iaitu pertama rasuah, kedua salah guna kuasa dan ketiga memainkan isu perkauman. Ketiga-tiga isu ini jika tidak dihapuskan, saya fikir Malaysia ini tidak akan sejahtera dengan kediaman yang keistimewaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bajet ini yang telah dikurangkan untuk kepentingan rakyat tetapi bajet untuk Jabatan Perdana Menteri yang ditambahkan dan seterusnya banyak subsidi pendidikan, peruntukan pun dikurangkan. Saya fikir bajet ini satu bajet yang tidak wajar untuk kepentingan rakyat. Walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada peruntukan yang begitu besar sehingga RM20 bilion – lagi ada RM8.5 bilion keseluruhannya pun tidak ada untuk kegunaan tertentu untuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Tetapi kemungkinan kepentingan rakyat, subsidi, barangan, semua itu pun dimansuhkan khususnya seperti beras ST15 juga telah dimansuhkan untuk golongan miskin.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya fikir saya tidak menyokong bajet ini kerana bukan untuk kepentingan rakyat. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Julau.

**7.17 mlm.**

**Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk sama-sama berbahas dalam menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2016 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan yang bertemakan “Mensejahtera Kehidupan Rakyat” yang bertunjangkan lima keutamaan.

Saya melihat bahawa bajet yang dibentangkan pada kali ini merupakan bajet yang menyeluruh walaupun ketika ini keadaan ekonomi global agak meruncing, harga komoditi utama masih berada pada tahap yang rendah dan hasil daripada petroleum juga semakin berkurangan. Saya juga berkeyakinan Tuan Yang di-Pertua bahawa ekonomi negara kita mampu untuk terus mencatatkan pertumbuhan sekitar empat hingga lima peratus pada tahun hadapan seperti mana yang diunjurkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang wakil rakyat daripada pedalaman yang serba kekurangan, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan kerana mendengar rintihan daripada kami dan bersetuju memperuntukkan sejumlah RM70 juta dana pinjaman rumah sebanyak RM50,000 untuk setiap unit tanpa faedah kepada Sarawak dan Sabah. Ini akan memudahkan penduduk-penduduk desa yang mempunyai pendapatan sederhana membangunkan rumah sendiri.

Saya sedar bahawa penyaluran pinjaman ini akan menimbulkan beberapa kesulitan. Namun jika diperincikan dahulu tatacara pinjaman ini dengan kerajaan negeri dan orang-orang yang faham keadaan di pedalaman dan adat resam orang Dayak, saya percaya skim ini akan membolehkan ramai orang di pedalaman memiliki rumah yang cantik dan selesa. Dengan rendah hati, saya menawarkan diri saya sebagai salah seorang yang boleh berbincang untuk menyediakan terma-terma pinjaman perumahan di bawah dana ini. Saya juga mendoakan agar skim ini berjaya dan Kerajaan Pusat akan menambahkan jumlahnya.

#### ■1920

Sementara kita berbincang berkenaan perumahan di pedalaman. Saya juga terkenang nasib orang-orang kita yang ditimpa kemalangan kebakaran rumah panjang yang sering berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang sudah ada sistem pemadam api yang direka oleh anak rumah panjang dan ditaja oleh iM Sarawak di mana saya sebagai pengerusinya. Sistem ini tidak mahal dan berkesan dan sudah pun dibekalkan kepada lebih 200 buah rumah panjang di seluruh Sarawak. Satu daripada jumlah tersebut dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat sendiri di Sebauh Bintulu pada pertengahan tahun ini.

Saya menyeru Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah supaya mereka mengkaji dan menambah baik sistem tersebut untuk dibekalkan kepada lebih banyak rumah panjang dan kampung.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana memperuntukkan tambahan sebanyak RM30 juta untuk pemetaan tanah adat atau NCR *land* di Sarawak. Saya berharap bahawa operasi pemetaan tanah NCR ini di bawah Seksyen 6 Kanun Tanah Negeri Sarawak akan dilanjutkan secepat mungkin kepada pemetaan dan *survey* terhadap lot-lot individu supaya geran tanah dapat dikeluarkan di bawah Seksyen 18 Kanun Tanah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai mana yang diketahui umum kebanyakan sekolah-sekolah rendah kerajaan di pedalaman Sarawak adalah dibangunkan oleh kerajaan tempatan sebelum merdeka lagi. Banyak bangunan yang mulanya dianggap sementara, sekarang memang sudah

usang. Sekolah-sekolah tersebut demi memberi kesempatan kepada seberapa ramai anak-anak kita berpeluang bersekolah telah dibangunkan berselerak mengikut taburan anak sungai.

Banyak sekolah tersebut sekarang dapat dihubungi melalui jalan dengan kenderaan atau berjalan kaki dan semakin kurang yang menggunakan perahu. Saya melihat bahawa keadaan ini memberi kita peluang membangunkan sekolah-sekolah baru yang lebih lengkap dengan fasiliti moden dan guru-guru yang terpilih supaya anak-anak desa juga berpeluang menjadi pelajar cemerlang. Jika kita dapat menyatukan beberapa buah sekolah lama, kita juga boleh menjimatkan perbelanjaan mengurus serta mengurangkan jumlah sekolah kurang murid.

Saya sebagai seorang wakil rakyat bersedia berkempen kepada ibu bapa dan penduduk setempat berkenaan kebaikan penyatuan sekolah-sekolah lama walaupun berdekatan dengan tempat tinggal mereka sekarang. Sementara itu, saya mencadangkan bahawa murid-murid prasekolah hingga Darjah 3 dihantar ke sekolah dengan kenderaan kerajaan atau kenderaan orang awam yang disewa oleh sekolah berkenaan. Manakala, murid-murid Darjah 4 hingga 6 ditempatkan di asrama.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan situasi di mana negara kita kaya dengan tanah yang sesuai dan iklim tropika. Tetapi mengimport berbagai-bagai keluaran pertanian, saya mencadangkan kerajaan dengan bersungguh-sungguh mencari jalan bagaimana kita boleh menggalakkan kerjaya dalam bidang pertanian dan perladangan. Saya percaya kita boleh mengimbangi kehendak kita menjadi sebuah negara maju dengan memperkukuhkan juga sektor pertanian.

Kita mesti menggunakan teknologi moden dan kaedah-kaedah percukaian yang menggalakkan sektor ini. contohnya, harga bahan-bahan pertanian dan penternakan seperti baja, racun dan makanan haiwan sekarang agak tinggi. Apa kata jika kita kecualikan bahan-bahan tersebut daripada pembayaran cukai import dan GST.

Sebelum saya duduk, saya juga merasa terpanggil menyentuh isu yang segar di hati semua rakyat kita di Sarawak dan Sabah. Tidak kiralah istilah mana yang digunakan divolusi atau *divolution* atau *empowerment* semua kita perlu tahu bahawa apa yang disebut sekarang adalah kuasa-kuasa yang termaktub dalam Perjanjian Penubuhan Malaysia 1963. Sekarang Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah sudah cekap dan matang. Maka kuasa-kuasa yang telah diperuntukkan dalam perjanjian tersebut perlulah dipulangkan atau dikembalikan kepada negeri-negeri tersebut.

Proses dan bentuk pemulangan ini perlu dirundingkan oleh Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri. Berkenaan dengan permintaan autonomi dalam hal pendidikan atau *education* ini adalah berikutan dengan polisi kementerian yang sering bertukar. Mungkin ada baiknya jika kita mengamalkan yang dipraktikkan di Amerika Syarikat di mana tiap-tiap negeri mengurus perkara berkenaan pelajaran atau pendidikan mereka masing-masing.

Perkara yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, ialah berkenaan dengan *service* atau perkhidmatan MASwings yang cukup tidak memuaskan baru-baru ini di Sarawak. Selepas pengurusan MAS yang baru menjalankan tugas maka jadual MASwings, penerbangan



MASwings di Sarawak adalah sangat tidak memuaskan misalnya dari Kuching ke Sibu tidak ada *flight* di pertengahan hari. Yang awal 6.15 minit, kemudiannya 10.50 minit, jadi kita tahu ini adalah menyukarkan perjalanan kita dari Kuching ke Sibu dan Sibu ke Kuching dan mana-mana bandar di negeri Sarawak.

Oleh demikian, sekiranya Mas tidak dapat menyediakan perkhidmatan MASwings iaitu *rural service* kepada negeri kita. Saya mencadangkan supaya MASwings dialihkan miliknya kepada negeri Sarawak dan Sabah untuk menguruskannya dan ini adalah satu yang mustahak yang mesti kita lakukan. Kalau tidak ini adalah satu punca ketidakpuasan hati penduduk-penduduk di Sarawak dan di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ucapkan terima kasih atas peluang yang diberikan untuk saya meluahkan sepatah dua kata berkenaan dengan Bajet 2016. Dengan itu saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar.

**7.29 mlm.**

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, salam reformasi, selamat malam. *Vanakkam. Nihaoma.* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua yang memberikan ruang kepada anak muda Kapar untuk membahaskan Bajet 2016.

■1930

Isu pertama yang saya ini mempertengahkan ialah bilangan Menteri dan Timbalan Menteri dalam Kabinet di Malaysia. Saya mendapati bilangan Menteri dan Timbalan Menteri amat merunsingkan dengan bilangan yang terlalu tinggi peratusnya berbanding dengan populasi negara kita. Sebagai contoh, India mempunyai 27 orang Menteri termasuk Perdana Menteri iaitu Shri Narendra Modi untuk populasi India yang berjumlah 1.252 bilion orang. England mempunyai 22 Menteri termasuk Perdana Menteri David Cameron untuk populasi England berjumlah 53 juta orang. Tambahan pula, Indonesia mempunyai 34 orang Menteri termasuk Presidennya Joko Widodo dengan anggaran hanya 16 daripada mereka mewakili parti politik dan bakinya ialah pakar-pakar profesional untuk populasi Indonesia yang berjumlah 250 juta orang.

Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia untuk populasi 30 juta orang penduduk sahaja kita mempunyai ramai Menteri dan Timbalan Menteri. Saya mendapati bahawa 37 orang Menteri termasuk Yang Amat Berhormat Pekan dan 33 orang Timbalan Menteri, jumlah ini termasuk beberapa Yang Berhormat yang dilantik sebagai Senator. Rata-ratanya hampir 50% daripada wakil Barisan Nasional adalah Menteri dan Timbalan Menteri termasuk dua Timbalan Speaker. Persoalan saya ialah, satu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Timbalan Speaker pun sudah berkurang sudah Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Tidak. Saya sokong Timbalan Speaker sebab tugas Speaker-speaker amat berat. Saya hargai. Persoalan saya ialah, nombor satu,

apakah rasional kerajaan mempunyai begitu banyak Menteri dan Timbalan Menteri berbanding dengan populasi mahupun prestasi sejak tahun 2008?

Soalan nombor dua, berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan daripada jumlah Bajet 2016 untuk menampung gaji dan faedah-faedah untuk Menteri dan Timbalan Menteri?

Isu kedua ialah perlombongan bauksit di Kuantan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Kapar. Satu *second*, satu *second* sahaja.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Ha, Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Yang Berhormat Kapar, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu ini sangat penting. Memang saya juga berhasrat untuk bangkit sebab Jepun ada 16 orang Menteri, 127 juta orang rakyat dia. USA 18 orang Menteri untuk 313 juta orang rakyat dia. Adakah Yang Berhormat setuju dengan saya bahawa sepatutnya dalam suasana kita menghadapi masalah kekurangan pendapatan, kita bebaskan rakyat dengan GST, sepatutnya Kabinet kita ini dikecilkan. Lantikan-lantikan politik juga mesti dikaji dan dikurangkan untuk memberikan penjimatan kepada rakyat daripada penggunaan wang rakyat yang begitu besar.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat. Saya berpendapat bahawa dalam keadaan ekonomi yang agak parah dan ekonomi yang sedang menurun, kerajaan yang prihatin sepatutnya membawa idea-idea reformasi yang bernas seperti mengurangkan bilangan Menteri dan Timbalan Menteri. Kecuali kita hanya memerlukan bilangan yang banyak apabila kita beranggapan bahawa yang ada tidak boleh melakukan tugas seperti yang diperlukan.

Saya sambung Tuan Yang di-Pertua, isu kedua ialah perlombongan bauksit di Kuantan. Saya telah diundang untuk memberi ceramah di Pahang termasuk di Parlimen Kuantan. Isu pencemaran alam sekitar dan gangguan kesihatan akibat perlombongan bauksit adalah isu yang amat memerlukan perhatian kerajaan. Izinkan saya Tuan Yang di-Pertua, untuk memetik artikel daripada Asian Correspondent bertajuk "*China's demand for aluminum is poisoning Southeast Asia*" dikaryakan oleh Alistair Denness pada 14 September 2015.

Antara inti pati penting yang wajib diberi perhatian oleh semua wakil-wakil rakyat dan rakyat biasa adalah, saya memetik, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, "*At the behest of Chinese companies, countries such as Vietnam and Malaysia have rolled out the red carpet, with little regard for their fragile ecosystems. After Indonesia enacted a ban on mineral exports in 2014, including bauxite ore, China was quick to look to Vietnam and Malaysia to make up for the lost supply and keep its booming aluminum industry. Vietnam is certainly not the only victim of China's aggressive policies and demand. Malaysia has leapt into play to meet China's inexhaustible demand for bauxite, increasing exports from 160,000 tons in 2013 to 10.2 million tons from January to July of this year, indicating that total exports to China in 2015 would be well above the 12 million tons currently predicted. Malaysia is now in danger of causing irreparable damage to its environment and the health of the local population.*"

Hasil daripada karya ini saya merumuskan Tuan Yang di-Pertua, bahawa perlombongan bauksit di Kuantan akan merosakkan ekosistem, mencemarkan alam sekitar termasuk pencemaran air, pencemaran udara dan seterusnya tahap kesihatan penduduk di Kuantan, Pahang dan Malaysia. Persoalan saya ialah, nombor satu, apakah pendekatan kerajaan terhadap isu perlombongan bauksit di Kuantan dan isu-isu pencemaran alam sekitar yang sedang berleluasa ketika ini?

Kedua, berapakah dana yang telah diperuntukkan melalui Bajet 2016, khasnya untuk mengelakkan berlakunya pencemaran alam sekitar, khususnya di Kuantan dan Malaysia secara am? Tiga, apakah kecenderungan Kerajaan Pusat untuk meluluskan perlombongan bauksit di negara kita tatkala Indonesia mengharamkan kegiatan sedemikian? Adakah pandangan Indonesia diteliti dan diperincikan sebelum kelulusan perlombongan bauksit ini dibenarkan di Malaysia?

Pada awal Februari 2015 terdapat satu komitmen daripada Menteri Besar Pahang apabila beliau mengumumkan bahawa Majlis Perbandaran Kuantan akan membersihkan kawasan yang terlibat dengan kos pembersihan ditanggung oleh pengusaha hampir bernilai RM130,000. Persoalan keempat saya ialah apakah status terhadap komitmen Menteri Besar Pahang dan adakah Kerajaan Persekutuan memantau komitmen ini? Isu ketiga saya Tuan Yang di-Pertua ialah 1MDB. Saya tidak berhasrat untuk menerangkan isu ini tetapi membawa Dewan yang mulia ini kepada titah utusan Majlis Raja-raja Melayu oleh Datuk Seri Syed Danial bin Syed Ahmad, Penyimpan Mohor Besar Raja-raja Melayu pada 6 Oktober 2015.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya sekali lagi memetik beberapa titah Majlis Raja-raja Melayu, dengan izin, *“Raja-raja Melayu mahu kerajaan menyelesaikan secepat mungkin siasatan berkaitan dengan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan mengambil tindakan tegas yang sewajarnya terhadap pihak-pihak yang terlibat. Penemuan siasatan ini hendaklah dilaporkan secara lengkap dan telus supaya rakyat dapat diyakinkan akan keikhlasan kerajaan yang sama sekali tidak akan melindungi fakta dan kebenaran. Kegagalan memberikan penjelasan dan jawapan yang meyakinkan, dikhuatiri mengakibatkan berlakunya krisis keyakinan. Raja-raja Melayu dengan ini, mengingatkan semua pemimpin agar pada setiap masa mendukung prinsip-prinsip Keluhuran Perlembagaan dan Kedaulatan Undang-undang menurut yang termaktub di dalam Rukun Negara.”*

Tuan Yang di-Pertua, kekhuatiran dan kerisauan Majlis Raja-raja Melayu amat terserlah melalui titah ini. Bayangkan perkataan-perkataan yang telah digunakan seperti *“Menyelesaikan secepat mungkin siasatan secara lengkap dan telus”, “Keikhlasan kerajaan”, “Keyakinan”, dan “Mengingatkan semua pemimpin”,* kesemua 222 orang wakil rakyat yang ada di sini untuk mendukung prinsip Rukun Negara. Maka, saya berpendapat isu 1MDB ini perlu diperjelaskan kepada semua pelosok masyarakat.

Persoalan saya adalah berkaitan dengan titah tersebut. Soalan pertama saya ialah apakah langkah-langkah Kerajaan Pusat sejurus menerima titah daripada Majlis Raja-raja Melayu? Kedua, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Menteri-menteri yang

terbabit telah menjawab titah Majlis Raja-raja Melayu yang bertarikh 6 Oktober 2015? Ketiga, sekiranya siasatan ini dilambatkan atau terdapat unsur-unsur untuk melindungi fakta dan kebenaran, adakah ia boleh diibaratkan sebagai derhaka kepada Majlis Raja-raja Melayu?

Keempat, bilakah kali terakhir Majlis Raja-raja Melayu mengeluarkan titah utusan sebegini yang bertujuan menasihati kerajaan yang sedang memerintah? Jika ada, bila dan apakah isunya? Isu keempat yang saya ingin memberi penekanan ialah kebajikan rakyat Kapar. Saya senantiasanya menekankan keperluan seperti pembinaan hospital di Parlimen Kapar, pembaikan pulih klinik kesihatan di Pekan Kapar, pembinaan balai bomba di Meru, pembaikan pulih jalan-jalan di bawah Jabatan Kerja Raya, isu paip air pecah di Pulau Ketam yang kerap berlaku mengakibatkan gangguan bekalan air kepada penghuni di Pulau Ketam.

#### ■1940

Saya setakat ini Tuan Yang di-Pertua, berpuas hati dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia khususnya Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Klang. Saya berharap komitmen kementerian ini dan pejabat di Klang dapat terus berkhidmat untuk menjaga kebajikan warga di Kapar.

Persoalan saya ialah saya ingin menuntut status pembinaan hospital di Parlimen Kapar, status membaik pulih klinik kesihatan di Pekan Kapar dan pembinaan balai bomba di Meru. Soalan kedua saya ialah berapakah dana yang akan diperuntukkan daripada Bajet 2016 untuk membaik pulih jalan-jalan di bawah Jabatan Kerja Raya? Kerap kali kita bawa persoalan kepada Jabatan Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya mengatakan tiada dana yang secukupnya. Jadi saya menuntut berapakah dana yang diperuntukkan daripada Bajet 2016?

Soalan ketiga saya ialah berapakah juga dana yang akan diperuntukkan daripada Bajet 2016 untuk memperbaiki isu paip air pecah di Pulau Ketam? Isu paip pecah di dalam ataupun di dasar laut di Pulau Ketam berlaku dengan agak kerap, Tuan Yang di-Pertua. Dalam masa setahun dua tiga kali. Setiap kali pecah, ada rumah yang tidak dapat air hampir tiga hingga empat minggu. Saya beranggapan ini tidak sepatutnya berlaku. Kerajaan sepatutnya meletakkan satu dana untuk memperbaiki isu ini.

Isu kelima saya Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai status rawatan perubatan dan kesihatan ayahanda Dato' Seri Anwar Ibrahim. Sejak Februari 2015 selepas beliau telah ditahan, Dato' Seri Anwar Ibrahim berada dalam keadaan kesakitan berikutan kecederaan yang dialami pada bahu kanan beliau. Walaupun beliau memerlukan perhatian dan rawatan perubatan dengan segera, Datuk Dr. Jayendran Sinnadurai yang merupakan doktor yang dilantik oleh Kementerian Dalam Negeri untuk memantau Dato' Seri Anwar Ibrahim, berulang kali menafikan rawatan yang perlu diberikan kepada beliau dan yang paling kritikal, Tuan Yang di-Pertua, adalah rekomendasi menjalani rawatan fisioterapi setiap minggu. Fisioterapi secara intensif telah dicadangkan semenjak bulan Mac lagi oleh doktor ortopedik yang akan mengurangkan kesakitan dan mengekalkan mobiliti dan kekuatan otot tetapi telah ditangguhkan atas arahan Dr. Jayendran.

Tuan Yang di-Pertua, kesan daripada ini, kecederaan dan kesakitan yang dialami oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim meningkat yang mana Dr. Jayendran hanya memberikan ubat tahan

sakit dan bukan memastikan fisioterapi intensif di hospital seperti insan-insan lain. Persoalan yang saya ingin bangkitkan ialah, satu, mengapa terdapat unsur-unsur campur tangan politik dan gangguan tidak profesional daripada Datuk Jayendran yang sebenarnya dilantik oleh Kementerian Dalam Negeri sendiri? Soalan kedua, apakah rasional keengganan Kerajaan Pusat untuk memberikan rawatan dan perubatan yang terbaik kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim?

Tuan Yang di-Pertua, saya menuntut agar Dato' Seri Anwar Ibrahim diberikan rawatan dan perubatan yang wajar secepat mungkin. Jangan pandang Anwar sebagai mantan Ketua Pembangkang. Jangan pandang Anwar sebagai mantan Ahli Parlimen Permatang Pauh. Jangan pandang Anwar sebagai mantan Timbalan Perdana Menteri. Jangan pandang Anwar sebagai mantan Timbalan Presiden UMNO. Jangan pandang Anwar sebagai pesaing UMNO Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, pandang Anwar sebagai manusia biasa, sebagai warga Malaysia yang biasa, sebagai anak Melayu yang biasa, sebagai penganut Islam yang biasa, sebagai seorang insan yang biasa. Maka, rawatan dan perubatan tidak boleh dielakkan dan sengaja dilambatkan. Maka, saya menuntut agar kerajaan segera melaksanakan segala rawatan dan perubatan terhadap Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Tambahan kepada itu, untuk perhatian Tuan Yang di-Pertua yang saya hormati, Kumpulan Kerja-kerja Penahanan Arbitrari Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dalam istilah bahasa Inggerisnya, *UN Working Group on Arbitrary Detention* (UNWGAD) Pendapat Nombor 22/2015 sebulat suara mendapati Dato' Seri Anwar Ibrahim dipenjarakan secara haram dan melanggar undang-undang antarabangsa. Kumpulan Kerja Penahanan Arbitrari mengeluarkan pendapat berikut. Izinkan saya memetik pendapat mereka, "*Pemenjaraan Saudara Anwar Ibrahim adalah arbitrari. Mengambil kira semua hal dalam kes tersebut, kumpulan kerja ini berpendapat bahawa jalan untuk membetulkan keadaan adalah untuk membebaskan Saudara Anwar Ibrahim dengan serta-merta dan memastikan hak-hak politik beliau yang dirampas oleh kerana pemenjaraan beliau ini dikembalikan*". Maka, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Dato' Seri Anwar Ibrahim dibebaskan segera selaras dengan penemuan UNWGAD.

Akhir kata Tuan Yang di-Pertua, saya menyelami dan menghalusi penderitaan rakyat, kesengsaraan dan kesusahan rakyat. Mewakili majoriti rakyat Malaysia, demi rakyat, demi martabat dan maruah negara dan demi masa depan negara, saya menolak Bajet 2016 kerana bajet ini bukan mensejahterakan kehidupan rakyat tetapi menderita kehidupan rakyat. Saya juga, selaras dengan permintaan Ketua Pembangkang, menuntut juga Yang Amat Berhormat Pekan dengan segala hormatnya meletak jawatan sehaluan dan selaras dengan permintaan dan tuntutan majoriti rakyat Malaysia kini.

Sekian, terima kasih, *nandri, vanakkam*. Salam reformasi Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hendak balas *vanikkam* ke *nandri* Yang Berhormat Kapar? *Vanakkam*?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *Vanakkam, nandri*. Sebut betul-betul Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *Vanakkam*. Tak bolehlah. Orang Dusun susah sikit.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *Va, va. Vanakkam*. Cuba lagi sekali Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *[Ketawa]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *Vanakkam*. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lubok Antu.

#### **7.46 mlm.**

**Datuk William @ Nyallau anak Badak [Lubok Antu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk turut serta berbahas mengenai pembentangan bajet untuk tahun 2016 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tahniah saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas kejayaan beliau untuk membentangkan Bajet 2016. Walaupun negara kita menghadapi kelembapan ekonomi yang disebabkan oleh penurunan harga komoditi utama seperti minyak, minyak sawit, getah dan penyusutan nilai ringgit tetapi masih juga dapat sedikit sebanyak melegakan rakyat dengan bayaran insentif-insentif seperti BR1M, bayaran khas kakitangan kerajaan dan anak-anak bersekolah.

Begitu juga dengan peruntukan lebih-lebih lagi untuk pembangunan yang diperlukan oleh rakyat khususnya melibatkan rakyat Sabah dan Sarawak yang masih jauh ketinggalan dari segi pembangunan khususnya pembinaan jalan Lebuhraya Pan Borneo Sarawak yang meliputi jajaran sepanjang 1,090 kilometer dengan jumlah peruntukan sebanyak RM16.1 bilion. Dengan siapnya lebuh raya ini nanti, rakyat akan lebih senang lagi, akan mendapat membawa barang mereka untuk dijual ke bandar-bandar lebih dekat atau mudah lagi untuk dijual. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ada dua tiga perkara yang saya ingin ketengahkan dalam perbahasan kali ini dan ia perkara yang betul-betul diungkap oleh rakyat di kawasan Parlimen Lubok Antu.

Pertama iaitu cadangan pembinaan Klinik Kesihatan Lubok Antu. Rakyat di Lubok Antu telah begitu gembira apabila mendengar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan kelulusan pembinaan klinik kesihatan di Lubok Antu dalam bajet tahun 2015. Akan tetapi, setakat ini tidak ada tanda-tanda projek itu dilaksanakan atau bermula. Jadi rakyat tertanya-tanya mengapa projek ini belum lagi dimulakan. Buat masa ini, Klinik Kesihatan Lubok Antu dibuat semasa kerajaan *local council* dahulu yang dibuat daripada kayu dan buat masa ini adalah cukup tidak selesa khususnya untuk doktor bertugas di klinik tersebut. Oleh yang demikian, klinik baru yang menjanjikan atau diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri amatlah dinantikan penduduk kawasan Lubok Antu.

**■1950**

Perkara yang kedua yang saya ingin ketengahkan di sini adalah mengenai kegagalan atau kelambatan pelaksanaan bekalan penduduk di luar bandar khususnya bekalan elektrik luar bandar. Saya telah menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah iaitu Datuk Alexander Nanta Linggi untuk melawat kawasan saya atau untuk melihat sendiri bagaimana pelaksanaan projek bekalan luar bandar sampai sekarang belum siap lagi. Contohnya di Rumah Bara, yang telah dilaksanakan sejak tahun 2015 sampai sekarang tinggal tiang sahaja berdiri. Jadi mengikut laporan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah iaitu telah siap di mana silapnya pemantauan yang dibuat oleh Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Begitu juga di kawasan Titok yang melibatkan tiga buah rumah panjang Manggat, rumah panjang Libong, dan lain-lain tempat hanya tiang sahaja dihantar tetapi belum lagi dibina sampai ke hari ini. Projek tersebut telah gagal dilaksanakan sejak tahun 2012 dan saya harap dengan lawatan Yang Berhormat Timbalan Menteri masalah ini dapat diselesaikan.

Ketiga yang saya ingin ketengahkan mengenai pelaksanaan Projek *ecoculture* di Batang Ai. Tiga tahun yang lepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memperuntukkan kuota lebih RM60 juta tetapi hingga ke hari ini projek tersebut belum lagi dilaksanakan. Saya mohon pihak kementerian supaya menyelesaikan peruntukan disalurkan kepada *ecoculture* atau para yang berusaha *ecoculture* di Batang Ai. Penempatan Batang Ai ini amat sesuai untuk projek *ecoculture* tumpuannya.

Keempat saya ingin ketengahkan di sini adalah mengenai para pelancong ke rumah panjang. Saya memohon pihak kementerian supaya memberi latihan kepada penduduk-penduduk rumah panjang kerana mereka para ejen yang bawa pelancong ini tidak jujur dengan mereka dan mengeksplotasikan mereka mengenai bayaran kurang sahaja kepada peserta yang kepada penduduk-penduduk rumah panjang yang membuat persembahan atau tinggal di rumah panjang berkenaan. Oleh demikian saya mahu pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan supaya lebih prihatin terhadap penduduk-penduduk rumah panjang yang digunakan oleh ejen-ejen rumah pelancong ini supaya mereka dilatih dengan cukup bagaimana menguruskan *homestay* program untuk rumah-rumah panjang.

Dengan itu saya mengakhiri ucapan perbahasan saya dan ingin menyokong bajet tahun 2016 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu Kawan.

**7.54 mlm.**

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk Batu Kawan membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2016.

Tuan Yang di-Pertua, secara dasar Belanjawan 2016 ini yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Ahli Parlimen Pekan, dua minggu yang lalu

boleh dirumuskan sebagai mendukacitakan, mengecewakan, menghampakan dan jauh terpesong daripada tema “Mensejahtera Kehidupan Rakyat”.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengutarakan beberapa isu yang baru-baru ini mendapat perhatian semua rakyat Malaysia dan masyarakat antarabangsa juga. Setiap pelosok Malaysia telah dikejutkan dengan kehilangan tujuh orang kanak-kanak Orang Asli Temiar pada 23 Ogos 2015 yang berumur di antara 7 tahun sehingga 11 tahun dari asrama SK Tohoi di Gua Musang. Selepas 47 hari, jasad anak kecil yang tidak bernyawa mula dijumpai satu demi satu dan masih ada seorang lagi yang belum ditemui lagi. Dalam tragedi ini muncul dua orang kanak-kanak perempuan yang masih hidup, selamat tetapi dalam keadaan yang kurus seperti rangka berpaut sesama sendiri kerana takut. Takut kerana marah, takut cikgu atau takut pulang ke sekolah.

Insiden ini bukan sahaja menimbulkan 1,001 pertanyaan yang bermula daripada keadaan infrastruktur sekolah seperti ketiadaan air di sekolah yang menyumbang kepada semua kanak-kanak keluar untuk mandi di sungai, kualiti makanan yang amat *pathetic*, dengan izin dan menyedihkan di asrama termasuklah laporan kanak-kanak yang terpaksa tidur di atas lantai.

Pada 12 Oktober yang lalu, saya bersama ADUN Damansara Utama telah membuat satu lawatan ke Pos Tohoi dan berpeluang untuk duduk dan mendengar keperitan kisah ibu bapa kepada kanak-kanak yang hilang dan ketabahan mereka dalam mengharungi malapetaka yang melanda keluarga mereka dan komuniti mereka. Saya mendapati bahawa pihak keluarga tidak dimaklumkan secara rasmi oleh pihak sekolah akan kehilangan anak mereka. Mereka telah menerima maklumat ini daripada pengawal keselamatan di asrama SK Pos Tohoi.

Apabila mendapat maklumat, berita kanak-kanak hilang ibu bapa tidak dibenarkan sama sekali oleh pihak berkuasa untuk melancarkan usaha mencari dan menyelamatkan yang mahu dilaksanakan oleh ibu bapa sendiri. Mengapa tidak dibenarkan Tuan Yang di-Pertua? Bagaimana tujuh kanak-kanak kecil mampu menyelip keluar dari pekarangan asrama tanpa pengawalan atau pemantauan dari pihak sekuriti sekolah?

Pengurusan dan kualiti pentadbiran yang tidak profesional serta kakitangan di sekolah di mana tiada guru besar di sekolah pada ketika kanak-kanak ke sungai untuk mandi, tiada warden wanita serta guru wanita di sana, kemudahan pengangkutan untuk kanak-kanak berulang alik dari kampung yang jauh menaiki Hilux terbuka menggunakan laluan balak yang penuh dengan debu merah dan kuning serta pelbagai isu seperti isu bahasa, identiti, budaya dan isu teras ketiadaan kasih sayang bagi kanak-kanak Orang Asli ini dan semua kanak-kanak yang lain menyumbang kepada tragedi kehilangan kanak-kanak ini akan mengundang bahaya sekiranya tidak ditangani secepat mungkin dan diberikan satu jawapan di Dewan yang mulia ini.

Kepada semua Ahli Parlimen yang berada di sini, di sebelah saya dan di sebelah sana, adakah Yang Berhormat akan menghantar anak-anak anda yang berumur 7 tahun ke sekolah asrama di mana anak kecil ini terpaksa berdikari tanpa apa-apa sokongan dan bimbingan, basuh baju sendiri, sikat rambut sendiri, makan sendiri dan mandi sendiri. Mungkin bagi setengah yang ada di sini ini adalah sesuatu yang biasa tetapi dengan pemantauan ibu bapa atau penjaga



daripada tujuh kanak-kanak Orang Asli Temiar yang hilang di hutan, empat daripada mereka telah meninggal dunia dan satu masih lagi belum ditemui. Ini kerana merekalah hari ini keadaan pahit kehidupan Orang Asli diberikan perhatian yang dengan izin, *long overdue* oleh media dan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kenapa harus lima orang kanak-kanak yang tidak bersalah mati disebabkan kecuai dan keterbiaran oleh pihak berkuasa, pihak sekolah, JAKOA, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah serta Kementerian Pendidikan? Malah saya salahkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri kerana beliau sibuk mengejar populariti dengan jari telunjuk 1Malysianya di samping memenggal orang-orang yang paling dekat dengannya untuk kepentingan peribadi. Lima orang kanak-kanak telah mati disebabkan oleh satu sistem yang korup, kejam, zalim dan tidak bebas. Yang bising itu cuba *justify*. Hari ini dengan izin *no heads have rule*. Dengan izin, *there is no accountability, no has said, it is because of us*. Dengan izin *it is still very sketchy*. [Disampuk] Siapakah yang cakap itu?

#### ■2000

**Seorang Ahli:** Saya.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tolong bangun. Kalau berani buka *mike*, tolong bangun yang cakap jaga mulut itu.

**Seorang Ahli:** Betullah jaga mulut.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Apa alasan oleh kerajaan yang berwawasan...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Batu Kawan.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Ya.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Boleh saya mencelah sedikit?

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Boleh.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mungkin ada yang menganggap bahawa tindakan Yang Berhormat Batu Kawan mengaitkan Perdana Menteri kepada kes ini keterlaluan, tetapi saya rasa apabila seseorang itu menjadi Perdana Menteri, dia kena bertanggungjawab ke atas semua yang berlaku di dalam negaranya. "*The buck stops here*", ini kata-kata Presiden Amerika Syarikat dahulu kalau tidak silap saya. Dia kata, "*The buck stops here*". Lalu saya hairan mengapa di Malaysia ini, sikap seolah-olah Perdana Menteri dia tidak bersalah. Ada orang mati dalam tahanan, dalam penjara, ia tidak ada kena-mengena dengan Perdana Menteri. Kanak-kanak mati, tidak ada kena-mengena dengan Perdana Menteri. Seolah-olah Perdana Menteri ini dia tidak ada apa, tidak ada tanggungjawab, hanya hendak kutip RM2.6 bilion sahaja. Apakah pandangan Yang Berhormat Batu Kawan?

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Shah Alam. Setakat ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Oleh sebab itulah saya telah sebut pagi tadi, bila Yang Berhormat Setiu bercakap fasal ahli yang lain. Sama sahaja kedudukannya.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Amat Berhormat Pekan ada, saya akan tanya Yang Amat Berhormat Pekan terus, apa pendapat beliau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Bukan itu maksud saya. Bukan.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua, sampai hari ini tiada sesiapa yang telah diambil tindakan atas kematian keempat-empat kanak-kanak Orang Asli di Pos Tohoi. Belum lagi. Kalau di negara lain, Menteri Pendidikan dipaksa untuk meletak jawatan. Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah akan dipaksa untuk meletak jawatan. Akan tetapi di Malaysia dahulu, kini dan selamanya dengan izin, *nothing happens* sampailah perkara ini berlaku di pekan atau di bandar, sampai itulah kita akan lihat dengan izin, *the operation of the Orang Asli* di Malaysia.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** [Bangun]

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan ucapan saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Baling bangun.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Maaf Yang Berhormat Baling, saya tidak ada masa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tadi Yang Berhormat kata- Yang Berhormat. Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tadi kata kalau berani bangun. Tadi cabar. Kalau berani, bangunlah!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat beritahu, tidak ada orang yang bangun...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Kalau siapa hendak cakap, bangun. Sudah bangun, tidak berani.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Amboi.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ini bukan pondan, tetapi teruk daripada pondanlah.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Eh!

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Kalau boleh- kenapa tidak boleh pula.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Baling, jangan kurang ajar macam ini.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tarik baliklah Yang Berhormat Baling.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Baling, tarik balik.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tadi cabar orang bangun. Saya bukan cakap apa, kalau takut...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** *Gentlemen*, tarik balik.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** *Gentlemen*. Yang Berhormat Baling.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *You* sibuk fasal apa?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** *You gentlemen*. Tarik baliklah. Jangan...

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Apakah ini? Takkanlah guna perkataan “pondan” di Parlimen, *unparliamentary*...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Okey, okey. Tidak. Kenapakah tidak hendak beri peluang?

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Baling, tolong tarik balik apa yang dikatakan tadi.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Saya bangun berdiri elok-elok...

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Jangan gunakan perkataan yang *unparliamentary* seperti “pondan” dalam Dewan yang mulia ini.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Okey. Tadi Yang Berhormat cakap siapa berani bangun. Yang Berhormat cakap tadi!

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Yes.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Jadi saya bangun, kenapakah tidak mahu beri saya berhujah? Berilah saya hujah.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Akan tetapi Yang Berhormat Baling kena tahu tatatertib. Takkan tidak tahu di Parlimen?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Lepas itu Yang Berhormat beri jalan kepada Yang Berhormat Shah Alam. Hei! Dengar saya cakap dahulu!.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua, apa ini? Saya tidak layan orang yang mencarut macam inilah.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Shah Alam pula bangun kata, apa berlaku dalam negara ini Perdana Menteri kena bertanggungjawab. Yang Berhormat kena bertanggungjawab.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Apa alasan kerajaan...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Jangan bohong rakyatlah. Yang Berhormat ada pergikah Gua Musang, bantu Orang Asli...

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Ya, saya ke Pos Tohoi...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Saya pergi beri bantuan, Yang Berhormat ada? Batang hidung Yang Berhormat Shah Alam pun tidak nampak, Yang Berhormat Sepang pun tidak nampak. Cakap sahaja lebih. Datang Parlimen memekak, menyebuk, menipu rakyat, mengelirukan...

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Okeylah. Semua pengundi Baling tahu Ahli Parlimen mereka ada di Parlimen hari ini. Okeylah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Apakah ini? Tidak makan ubatkah?

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Memang standard betul ini. Memang standard... [*Dewan riu*]

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Baling, *you* hendak tarik balikkah?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Macam mabuk sahaja.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ini Yang Berhormat semua ini di tepi jalan berlambak adalah!

**Beberapa Ahli:** Cayalah. Mabukkah?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Siapakah yang mabuk? Berani keluar! Keluarlah!

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tarik balikkah, tarik balikah?

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua, adakah ini...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Apa, kena-mengenaakah dengan Yang Berhormat Shah Alam pula hendak sibuk?

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua, *it is acceptable behavior?* Itu *acceptable behavior*, kah?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Sebab Yang Berhormat cakap, saya bangun baik-baik. Saya cakap, saya hendak mencelah. Saya hendak beritahu, kalau segala berlaku dalam negara ini tanggungjawab Perdana Menteri...

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak teruskan ucapan saya Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Baling, jangan buat begitulah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, ambillah *action*. *What are you waiting now?* Ini gunakan bahasa-bahasa begitu... [*Dewan riu*]

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua diam sahaja. Apa sahaja dia cakap, tidak mahu ambil tindakankah?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Siapa yang meninggal, siapa yang mati, tanggungjawab Perdana Menteri. Apa kena-mengena...?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Perdana Menteri...

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Mana boleh... [*Dewan riu*]

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Suruh letak jawatan. Patut kalau Yang Berhormat prihatin, pergi sana tolong orang Gua Musang, bantu dia, barulah cakap... [*Dewan riu*]

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Di bawah siapa?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat-Yang Berhormat letak jawatan. Yang Berhormat sampai ke hadapan, berhenti...

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Baling, cakap di bawah siapa? Kementerian mana? Apa alasan oleh kerajaan yang berwawasan dan kononnya berprinsip ini... ?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Batu Kawan, sebab itulah saya sebut pagi tadi.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Mencabar orang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Shah Alam, eloklah pergi minum teh berdua.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak payahlah. Buang masa kalau minum teh dengan dia.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan ucapan saya. Apa alasan oleh kerajaan yang berwawasan dan kononnya berprinsip ini, jika kualiti pendidikan yang terbaik, prasarana yang kondusif serta keutamaan keselamatan setiap pelajar tidak diberikan? Ini memandangkan pendidikan anak-anak pelaburan terbaik bagi masa hadapan sesebuah negara. Adakah kerajaan akan memikul tanggungjawab atas kehilangan tujuh orang kanak-kanak Orang Asli dan kematian empat lagi? Apa usaha realistik yang akan diambil oleh kerajaan untuk memastikan perkara ini tidak berlaku lagi memandangkan ia, dengan izin, *human error* sepenuhnya. Tuan Yang di-Pertua, *heads must roll*.

Saya ingin memohon perhatian Dewan yang mulia ini kepada satu isu yang sering kali meletakkan penduduk setinggan di sesebuah kawasan wakil rakyatnya, kerajaan negeri serta pihak pemaju dalam satu keadaan di mana Undang-undang Kanun Tanah Negara sering kali memihak kepada pembeli tanah dan nilai perikemanusiaan serta pampasan biasanya diberikan tempat kedua berhubung dengan isu-isu pengusiran penduduk dari tanah pemilik. Saya pasti ramai Ahli Parlimen di sini telah berhadapan isu pengusiran penduduk dari tanah yang diduduki dengan peruntukan undang-undang KTN. Peguam yang berhujah menggunakan undang-undang tersebut, mahkamah membuat keputusan berdasarkan undang-undang yang sedia ada tetapi malangnya dari sudut pandangan undang-undang, ia memihak kepada pemilik tanah dan bukannya penduduk setinggan di atas tanah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, di mana keadilan jika keluarga yang menduduki tanah selama lebih 20 tahun, 30 tahun, 40 tahun tidak diperuntukkan pampasan yang sewajarnya dan diberikan notis pengusiran yang pendek. Pada 6 Oktober yang lalu, Ahli Parlimen Seremban bersama dengan ADUN Temiang dan 15 lagi telah ditahan oleh pihak polis kerana membantah perobohan dan pengusiran penduduk di Kampung Ulu Temiang yang berbilang bangsa yang telah menduduki tanah tersebut lebih 40 tahun. Apa yang diharapkan oleh mana-mana penduduk adalah pampasan yang adil daripada pihak pemaju atau kerajaan negeri supaya mereka dapat meneruskan kehidupan mereka seperti biasa. Malangnya apa yang berlaku adalah dalam kebanyakan kes, tidak ada keadilan bagi golongan bagi penduduk setinggan ini. Walaupun hal ehwal tanah terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, namun kuasa kerajaan negeri terbatas kerana undang-undang yang ada atau wujud ingin menggari tangan pihak berkuasa negeri.

Tuan Yang di-Pertua, boleh saya dan semua Ahli Parlimen di sini mendapat kepastian dari Majlis Tanah Negara bahawa masalah yang menghantui penduduk setinggan di seluruh negara

akan ditangani dengan baik dengan meletakkan hak golongan kelas pertengahan ini atas kepentingan pihak swasta. Mampukah Majlis Tanah Negara berusaha untuk menggubal dasar-dasar dan undang-undang tanah yang sedia ada supaya tidak ada lagi kes warganegara anak Malaysia akan diusir lagi dari rumah mereka tanpa satu pampasan yang adil supaya mereka dapat meneruskan kehidupan baru selepas dipaksa keluar dari tempat yang mereka begitu biasa.

Maka saya ingin cadangkan di sini Tuan Yang di-Pertua, supaya satu undang-undang baru digubal oleh Parlimen yang hendaklah digunakan oleh setiap kerajaan negeri untuk memastikan hak-hak penduduk setinggan dapat dilindungi dan mereka tidak akan diambil kesempatan oleh beberapa pihak yang mementingkan keuntungan sahaja. Mana-mana tanah yang mempunyai penduduk yang sudah bermastautin di sana lama, tidak boleh dijual beli sehinggalah masalah pampasan dan penempatan semula dirunding dan dibicara antara pihak kerajaan negeri dan pihak pemaju. Apa yang diperlukan satu keseragaman dalam Kanun Tanah Negara dan dilaksanakan oleh Majlis Tanah Negara supaya wujudnya satu pengecualian bagi kes-kes pengusiran yang selalunya penghujungnya adalah negatif.

#### ■2010

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat banyak kes pengusiran ini, ramai peguam daripada pihak pemaju akan, dengan izin, *quote the law*, dan Undang-undang Kanun Tanah Negara selalu melindungi pemilik tanah atau pembeli tanah. Jadi apakah masa depan penduduk-penduduk setinggan di atas tanah tersebut? Kita lihat banyak kampung di Pulau Pinang seperti yang dikatakan oleh rakan saya, Ahli Parlimen Bukit Bendera, di Kampung Mutiara, di kawasan saya sendiri di Negeri Sembilan, malah di setiap negeri di Malaysia, ramai, kalau bukan semua Ahli Parlimen, berhadapan dengan masalah pengusiran. Saya faham ramai Ahli Parlimen pun tidak boleh buat apa-apa disebabkan undang-undang yang sedia ada perlu diperbaiki dan dipinda.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Batu Kawan boleh gulung.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Okey. Satu lagi poin dan saya akan gulung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam soalan bertulis saya kepada Kementerian Kesihatan pada Oktober 2014 berhubung bilangan mesin MRI dan *CT Scan* di hospital kerajaan dan daripada bilangan itu, berapa yang masih berfungsi atau tidak. Sehingga Oktober 2014, daripada 70 buah mesin *CT Scan*, hanya 54 yang masih berfungsi dan daripada 35 buah mesin MRI, 31 masih berfungsi, selebihnya rosak dan akan dilupuskan. Anggaran mesin *CT Scan* adalah dalam lingkungan RM1.5 juta hingga RM5 juta dan anggaran kos mesin MRI - RM3.3 juta.

Saya pelik, mengapa dengan peningkatan populasi rakyat Malaysia, hospital kerajaan masih memberi rawatan dengan bilangan MRI dan *CT Scan* yang begitu rendah. Andai kata peratusan rakyat Malaysia lebih mengunjungi hospital kerajaan, maka nisbah setiap MRI kepada

bilangan pesakit yang memerlukan kemudahan *scanning* adalah tinggi dan nisbah pesakit yang menunggu untuk menggunakan mesin *CT Scan* juga tinggi.

Mengapa Kementerian Kesihatan tidak membeli lagi mesin MRI dan *CT Scan* supaya giliran menunggu atau *waiting list*, dengan izin, dapat dipendekkan bagi pesakit-pesakit yang menunggu pengimejan dibuat? Saya pasti rakyat Malaysia ingin tahu ke manakah perginya bayaran cukai mereka sekiranya ia tidak digunakan untuk membeli peralatan dan perkakas yang penting seperti mesin MRI dan *CT Scan* untuk kebaikan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, jika kementerian tiada hasrat untuk membeli lagi atau menambah bilangan mesin-mesin di hospital kerajaan, saya ingin tahu justifikasi oleh Kementerian Kesihatan mengapa keputusan itu dibuat memandangkan bilangan mesin dan kekerapan penggunaan mesin itu sejajar dengan peningkatan populasi di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, saya ingin membawa beberapa isu Batu Kawan ke Dewan yang mulia ini. Saya pernah membangkitkan ketiadaan sebuah hospital besar, hospital kerajaan di Batu Kawan memandangkan dalam beberapa tahun yang akan datang Batu Kawan akan menjadi sebuah Bandar Satelit di bahagian di Koridor Utara di Semenanjung Malaysia.

Apa yang ada adalah Hospital Daerah Sungai Bakap yang Timbalan Menteri Kesihatan juga pernah menjadi *houseman* di hospital tersebut. Hospital Sungai Bakap sudah berumur lebih 100 tahun dan memang tidak mampu untuk menampung lagi bilangan pesakit yang tinggi dari Nibong Tebal dan Batu Kawan, dua buah kawasan Parlimen yang agak besar di Seberang Perai. Bagi kes-kes yang kritikal, pesakit akan diferi ke Hospital Bukit Mertajam atau Seberang Jaya yang juga sarat dengan pesakit. Kalau tidak, mereka akan dihantar ke Hospital Pulau Pinang.

Saya ingin bertanya di sini, Tuan Yang di-Pertua, apakah status projek pembesaran Hospital Seberang Jaya dengan kos RM400 juta yang dijanjikan dalam Manifesto Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Permatang Pauh tahun ini yang dikatakan tender akan dibuka pada bulan Mei 2015? Ini kerana, saya perlu mengingatkan Kementerian Kesihatan hari ini bahawa jika janji untuk membesarkan Hospital Seberang Jaya tidak dapat ditunaikan, maka bolehkah saya menganggap bahawa Kementerian Kesihatan tiada apa-apa niat atau hasrat untuk membina sebuah hospital besar baru di Batu Kawan memandangkan tanah kerajaan telah pun diagihkan di Batu Kawan untuk pembinaan hospital tersebut? Bolehkah saya juga menganggap bahawa kesihatan rakyat Malaysia dipolitikkan oleh Kementerian Kesihatan jika mereka tidak menepati janji yang dibuat dalam pilihan raya umum atau pilihan raya kecil?

Tuan Yang di-Pertua, dalam Sambutan Perasmian Hari Sukan Negara yang berlangsung di Stadium Batu Kawan di kawasan saya di mana saya tidak dijemput, saya mendapati ratusan anak-anak muda memenuhi jalan raya di seluruh Pulau Pinang dengan izin, *in the name of sports*, dan merempit merata tempat. Saya ingin bertanya, apakah tujuan program ini sekiranya anak muda masih tiada apa-apa dorongan atau visi atau satu *framework* disediakan untuk membimbing mereka supaya mereka mempunyai idea untuk mengolah masa depan mereka?

Tuan Yang di-Pertua, satu indikasi yang mudah bilangan anak-anak muda yang merempit pada hujung minggu dan dalam kes ini pada Hari Sukan Negara, 9 Oktober di kawasan

saya, beratus-ratus anak muda. Bukan saya marah bila saya melihat mereka tetapi saya rasa kasihan bila saya tengok mereka. Mereka nampak seperti anak-anak muda yang tidak ada hala tuju, mereka nampak seperti anak-anak muda yang *blurred*, dengan izin, yang tidak tahu apa hendak buat dengan kehidupan mereka. Jadi, apa hasrat kerajaan untuk membantu anak-anak muda seperti ini memberikan peluang pekerjaan dan dengan izin, meningkatkan *employability* anak-anak muda bukan sahaja di Malaysia tetapi khususnya di kawasan Batu Kawan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Batu Kawan.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Sikit lagi dan saya akan gulung, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Hendak gulung lagi, Tuan Yang di-Pertua. Kawasan Parlimen Batu Kawan terdiri daripada banyak kawasan estet, perkampungan nelayan, perladangan khinzir, lembu dan ayam. Saya ingin bertanya di sini, apakah usaha kerajaan untuk terus menggalakkan perkembangan bidang-bidang ini dan apakah sistem sokongan yang akan diberikan oleh kerajaan untuk memastikan bidang pertanian ini terus subur di bumi Malaysia?

Tuan Yang di-Pertua, sesiapa pun boleh merancang belanjawan sesebuah negara walaupun mereka bukan daripada latar belakang kewangan. Beza sebuah kerajaan yang baik dan sebuah kerajaan yang hebat bukan hanyalah berdasarkan pembentangan belanjawan setahun sekali dengan laungan hebat yang pelbagai. Sesebuah belanjawan mestilah diiringi oleh visi serta kemahuan politik, dengan izin, *political will*, untuk melaksanakan semua yang tertera dalam belanjawan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia akan bertambah lumpuh dengan pembentangan belanjawan oleh Yang Amat Berhormat Pekan kerana Perdana Menteri serta kerajaannya telah membuktikan yang mereka tiada hasrat untuk transformasi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Batu Kawan.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tanpa pelaksanaan polisi-polisi untuk rakyat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Batu Kawan.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** ...Belanjawan ini hanya tinggal rangka sahaja tanpa jasad.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Dah 23 minit, Yang Berhormat Batu Kawan.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya diganggu oleh Yang Berhormat Baling.



**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sebab itu saya biarkan lebih lima minit, Sekarang sudah 23 minit.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Jadi saya mohon *injury time*. Okey, Tuan Yang di-Pertua, sikit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Batu Kawan.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Saya mengakhiri ucapan saya dengan petikan daripada Mahatma Gandhi, "*Be the change you want to see in the world.*" Dengan ini, saya menggunakan peluang ini untuk menolak Belanjawan 2016, pembentangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sekian, terima kasih

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Baram.

### 8.17 mlm

**Tuan Anyi Ngau [Baram]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama, saya ambil peluang ini untuk ucapkan berbilang-berskala terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk terlibat dalam bahas Bajet 2016.

Bagi saya, bajet ini satu bajet yang menjadi tapak permulaan untuk kita mencapai *high income economy* dalam tahun 2020. Lebih-lebih lagi, kita nampak bahawa bajet ini juga menekankan pembangunan yang menyeluruh termasuk juga di kawasan luar bandar dan terutamanya di Sabah dan Sarawak.

Saya yakin bahawa bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah pasti menjadi satu kebanggaan kepada rakyat khususnya di Sabah dan Sarawak yang kebetulan merupakan kawasan yang boleh kita gelarkan sebagai kawasan luar bandar ini. Saya bagi rakyat di kawasan Baram ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana telah memperuntukkan peruntukan kewangan untuk membangunkan kawasan-kawasan luar bandar.

Bagi kita di kawasan Baram yang kebetulan merupakan sebuah kawasan yang besar yang mempunyai keluasan kira-kira 22,000 *square kilometer*, dengan izin, kawasan ini sebuah kawasan yang besar dan kita akui bahawa Kerajaan Barisan Nasional sejak lama, yang sudah telah pun membawa pembangunan-pembangunan di kawasan ini.

### ■2020

Namun, kita yakin usaha ini akan diteruskan dan ini seperti saya kata awal tadi Tuan Yang di-Pertua satu permulaan untuk kita membangunkan kawasan luar bandar khususnya di kawasan Baram. Saya sebagai wakil dari Baram ingin mengucapkan banyak terima kasih kepada kerajaan kerana telah memperuntukkan kewangan sebanyak RM1.4 bilion untuk menaikkan taraf jalan di kawasan luar bandar. Saya pohon dan saya minta di Dewan yang mulia ini supaya usaha untuk terus menaikkan taraf jalan balak di kawasan Baram dipertingkatkan lagi seperti yang telah

dibuat dahulu yakni bahawa pihak kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM300 juta untuk menaikkan taraf jalan di kawasan Baram dalam dua tahun yang lepas ini.

Dengan kesempatan ini saya mohon bagi pihak rakyat di kawasan Baram untuk minta kerajaan Barisan Nasional untuk mempertimbangkan supaya Jalan Lapuk menuju ke Long Atun di kawasan Tinja dan juga Jalan MBOS Miri, Marudi serta Jalan Long Lama ke Long Bedian yang kebetulan pada masa ini telah pun diiktiraf sebagai daerah kecil supaya ketiga-tiga jalan ini bukan sahaja dapat dinaikkan taraf tetapi juga dipertingkatkan lagi supaya dia menjadi laluan yang mesra kepada rakyat bukan sahaja musim hari yang baik tetapi juga pada musim hujan pada penghujung tahun.

Kedua, saya juga ingin memohon supaya *Rural Electrification Scheme* (RES) ini dipertingkatkan di kawasan Baram sebab kita difahamkan bahawa pada tahun kita dijanjikan sebenarnya bahawa pada tahun 2016 ada beberapa buah kampung akan dibekalkan dengan RES dan kita harap dalam tahun 2016 ini semua kampung ini yang terdiri daripada Long Ikgang, Sungai Peking, Long Banyok dapat dilaksanakan dalam tahun 2016 ini.

Di samping itu, suka juga saya memohon supaya kemudahan ini dapat dikembangkan ke kawasan-kawasan lain terutamanya di kawasan Apoh di mana kita mempunyai kira-kira 6,000 orang penduduk dan di kawasan Apoh inilah yang akan menjadi *sub district*, yang pun sudah menjadi *sub district* dan kita memerlukan kemudahan elektrik ini 24 jam di kawasan Apoh ini.

Saya juga ingin memohon di Dewan ini supaya kawasan Pujut yang *it's about 25 kilometer radius*, dengan izin, dari Pekan Marudi supaya rumah-rumah panjang di kawasan ini dibaiki ataupun dibekalkan dengan BALB. Sebab kita dalam kawasan ini kawasan di mana sungai adalah jauh dan tanah adalah rendah dan untuk *gravity-fit* memang susah untuk kita binakan *gravity-fit* ke kawasan ini. Saya mohon pertimbangan kementerian yang berkenaan supaya bekalan air ini dapat dipanjangkan ke kawasan Puyut ini.

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, dalam Bajet 2016, RM41.3 bilion juga diperuntukkan untuk Kementerian Pendidikan. Saya amat mengalu-alukan peruntukan ini dan mohon supaya kementerian dapat membaik pulihkan sekolah-sekolah rendah, sekolah-sekolah menengah yang dalam keadaan yang kurang sempurna di kawasan Baram ini dipertimbangkan untuk dinaikkan taraf ini. Misal kata, kita nampak SMK Long Lama, SMK Long Lama yang mempunyai bilangan murid dalam lingkungan 800 orang, tetapi sesetengah daripada mereka ini, murid-murid ini terpaksa- apa yang saya pada masa tahun 1970-an digunakan sebagai dewan makan dahulu tetapi mereka terpaksa menukarkan dewan ini untuk dijadikan sebagai asrama. Saya mohon supaya perkara-perkara macam ini dapat kita pertingkatkan untuk kebaikan, bukan sahaja untuk murid-murid ini tetapi saya percaya ini adalah untuk kebaikan negara kita keseluruhannya.

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya dengan pihak Kementerian Pendidikan berkenaan dengan kaedah ataupun syarat-syarat yang ditentukan oleh kementerian untuk mengiktiraf satu-satu sekolah ini supaya ia menjadi *boarding school*, dengan izin. Ini kerana ada di kalangan sekolah-sekolah rendah di kawasan Baram ini yang belum lagi mempunyai asrama taraf asrama penuh ini. Misal kata SK Long Apuh, SK Long Ikgang, SK Long

Pelutan, ini adalah antara sekolah-sekolah yang belum diiktiraf sebagai berasrama penuh. Mohon supaya penjelasan dapat diberi oleh kementerian.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengatakan di sini bahawa dalam ucapan saya yang sebelum ini sering saya mengatakan bahawa perlu diwujudkan klinik desa di Long Atun ini sebab kawasan ini kawasan di pedalaman dan tapak pun sudah disediakan. Kerajaan juga telah pun mengatakan akan mempertimbangkan jadi dalam tahun 2016 ini saya mohon supaya peruntukan dapat diberi kepada untuk pembinaan Klinik Long Atun ini. Ini kerana di kawasan ini ada dalam lingkungan 15 buah rumah panjang. Kawasan ini belum lagi ada kemudahan-kemudahan jalan raya yang sempurna. Jadi adalah amat penting untuk mereka ini dibekalkan dengan klinik desa untuk kebaikan mereka di kawasan itu.

#### ■2030

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengatakan di sini bahawa kawasan Baram ini mungkin dalam satu, dua bulan ini lagi kita akan mengalami, kita mohon, kita tidak alamilah tetapi mungkin ada banjir dalam hujung tahun ini dan sering kali kawasan pertengahan Baram ini di mana Rumah Panjang Long Panai, Long Ikang, Kuala Tuttur, Kampung Benawak dan Long Linai ini sentiasa banjir tiap-tiap tahun ini.

Saya mohon supaya jabatan yang berkenaan yang relevan ini supaya membuat kajian ke kawasan itu dan di mana perlu ambillah tindakan yang sewajarnya sebab tiap-tiap tahun ataupun tiap-tiap kali kita ada musim hujan kawasan ini memang sentiasa mengalami banjir ini. Saya percaya keyakinan yang kita ada dalam bajet yang 2016 ini kita harap semua ini akan dapat dipertimbangkan dan dilaksanakan untuk kesejahteraan rakyat ini sejajar dengan tema Bajet 2016. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Bajet 2016 yang telah dibentangkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sekian, terima kasih [*Tepuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih. Saya ingin kepastian, sebelah Barisan Nasional masih ada yang berminat untuk berucap, untuk berbahas. Sudah habis ya. Ya, saya tahu saya cuma ingin dapat pengesahan. Yang Berhormat Hulu Langat.

#### 8.36 mlm.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada saya bersama-sama terlibat dalam perbincangan Bajet 2016.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Di sebelah sini ada 10 lagi ya. Sila.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Dalam Laporan Ekonomi 2015 menyebut bahawa sehingga 2020 sekurang-kurangnya 60% dari 1.5 perjawatan baru memerlukan kelulusan teknikal dan vokasional. Bagi mencapai hasrat ini kerajaan memberi penekanan kepada Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) termasuk menaik taraf sekolah vokasional kepada kolej vokasional.

Sehingga Ogos 2015, 80 buah sekolah vokasional dinaik taraf dengan peruntukan RM8.7 juta. Permintaan kepada program TVET meningkat melalui strategi lautan biru kerajaan mendapat kerjasama dari Pusat Latihan Awam beberapa kementerian dan swasta dengan memberi tempat, kemudahan, peralatan, sumber manusia termasuk tenaga pengajar. Sehingga Ogos 2015 jumlah pengambilan pelajar program TVET berjumlah 8,585 orang pelajar dengan kos RM49.8 juta. Dalam Bajet 2016 sebanyak RM4.5 bilion diperuntukkan kepada 545 buah institusi TVET dan peruntukan pembangunan pendidikan teknik dan vokasional sebanyak 255,222,400.

Persoalan saya adakah benar pelajar-pelajar yang tamat pengajian di kolej vokasional diberi tahap diploma tetapi tidak perlu mempunyai SPM yang mungkin nanti menjadi masalah untuk mendapatkan kerja nanti. Saya juga ingin mendapat penjelasan adakah pengiktirafan pendidikan TVET oleh MQA diselesaikan. Sejauh mana kerajaan sudah dapat memastikan peluang lulusan teknikal dan vokasional mempunyai peluang pekerjaan di masa akan datang sekurang-kurangnya sehingga 2020.

Adakah syarikat-syarikat elektronik dan elektrik serta syarikat-syarikat perabot bersedia menukar dari label intensif kepada automasi yang lebih memerlukan pekerja teknikal kerana ia melibatkan kos atau mereka lebih suka mendapatkan perkhidmatan buruh murah daripada buruh asing yang dibawa masuk ke negara ini. Saya berharap jangan jadi seperti siswazah universiti dalam bidang kejuruteraan, akauntan dan profesional lain yang mempunyai peluang pekerjaan yang luas suatu masa dahulu tetapi mereka sekarang banyak menganggur, difahamkan lebih 50,000 orang siswazah yang masih menganggur ataupun terpaksa menukar bidang umpamanya sebagai guru Bahasa Inggeris atau bekerja di kilang-kilang elektronik sebagai *technician*.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usaha kerajaan mengkomersialkan hasil penyelidikan dan inovasi dengan memberi peruntukan khas kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi berjumlah RM1.5 bilion. Saya mengucapkan tahniah kepada pencapaian yang baik oleh penyelidik-penyelidik negara sama ada dari universiti dan institusi penyelidikan yang mungkin dimanfaatkan oleh industri dalam negara ini terutama melalui Program Rangkaian Penyelidikan Awam-Swasta yang diperkenalkan bulan Mei 2014.

Hakikatnya dalam 5 ke-10 tahun ini dari 27,449 hasil R&D, dari 15 buah universiti awam hanya 2% sahaja dikomersialkan. Kenapakah perkara ini berlaku? Adakah ia tidak mencapai tahap yang diperlukan oleh industri atau lebih banyak R&D dalam bidang sains sosial. Apa yang saya pandang yang perlu diberi penekanan juga, masyarakat perlu mendapat maklumat mengenai pencapaian R&D dalam negara ini. Apa langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dalam usaha memasyarakatkan sains dan teknologi supaya rakyat sentiasa berfikiran positif dan menghargai manfaat yang diperoleh daripada sumber negara dan ketinggian intelek rakyat kita?

Tuan Yang di-Pertua, dalam Bajet 2016 ini juga ada diperuntukkan bayaran pampasan tol sebanyak RM593,321,000 tetapi saya hairan kenapa pula kadar tol pula dinaikkan secara mendadak umpamanya di tempat saya Lebuhraya SILK meningkat dari RM1 ke RM1.80.

Sepatutnya kadar tol meningkat secara perlahan sebagai contoh mungkin kita mula dengan RM1.20 kemudian naik berperingkat. Secara peribadi saya setuju membayar tol sebagai timbal balas servis yang diberi oleh konsesi tol tetapi janganlah kadarnya menekan dan dinaikkan secara mendadak seperti sekarang yang terlalu membebankan pengguna jalan raya yang sedang menghadapi kenaikan kos sara hidup dan beban cukai GST.

Saya setuju dengan cadangan Yang Berhormat Bandar Tun Razak supaya menyemak balik perjanjian konsesi tol mengambil kira untung yang terkumpul dan berusaha memendekkan tempoh konsesi yang ada dan hasrat sama juga diminta oleh Pemuda PAS Selangor yang datang ke Parlimen baru-baru ini supaya konsesi tol itu disemak semula agar tempoh konsesi dapat dipendekkan. Saya berharap kementerian dapat menjelaskan pengagihan sebanyak RM593.3 juta yang dibuat kepada konsesi-konsesi tol bagi mengelak persepsi buruk oleh masyarakat.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Lebuhraya Malaysia yang mengambil tindakan cepat melaksanakan secara menyeluruh kutipan tol secara elektronik untuk menghuraikan kenderaan yang melalui rumah tol dengan cepat. Malangnya apabila berlaku masalah teknikal atau dalam perkataan yang lain kad tidak dapat dikesan akibatnya berlaku kesesakan kerana tidak ada pembantu teknik yang mengambil tindakan segera menyelesaikan masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kerja Raya mendapat peruntukan sebanyak RM19,824,600 untuk infra atau membina jalan dan RM440 juta untuk menyelenggarakan jalan di Semenanjung maka saya berharap ada juga peruntukan ke kawasan saya Hulu Langat terutama Jalan Dusun Tua yang juga kampung Yang Berhormat Menteri.

#### ■2040

Memandangkan Jalan Dusun Tua dari Batu 9, ke Batu 18 yang mengalami kesesakan yang teruk setiap hari agar jalan ini dapat dibesarkan bagi mengurangkan kesesakan yang berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kementerian Kerja Raya yang dapat menyelesaikan pembesaran tiga buah pembetung di Sungai Serai melalui Jalan Dusun Tua dalam usaha mengurangkan risiko banjir. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan kementerian dari segi kelemahan penjagaan keselamatan pengguna jalan raya terutama oleh kontraktor-kontraktor yang membina jalan atau membaik pulih jalan atau menyelenggarakan landskap kerana mereka tidak memberi notis yang cukup jaraknya bahawa kerja-kerja baik pulih atau penyelenggaraan sedang berlaku di hadapan yang boleh mengakibatkan berlakunya kemalangan.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada keselamatan dan ketenteraman awam dalam negeri yang berhasrat untuk terus mengurangkan jenayah dengan peruntukkan RM13.1 bilion. Terima kasih dan tahniah kepada PDRM yang berusaha gigih membanteras jenayah. Merujuk inisiatif kelima iaitu dengan pertambahan 500 unit rondaan bermotosikal PDRM, 500 unit kereta peronda dengan peruntukan RM35 juta. Saya sangat berharap pihak polis dapat menyelesaikan jenayah

ragut yang menggunakan modus operandi yang sama iaitu dua orang naik sebuah motor bawa parang meragut suri rumah yang berada di halaman rumah. Sekiranya lambat diberi barang-barang kemas, maka senjata parang yang digunakan. Ini berlaku sebagai contoh suri rumah di Bandar Teknologi Semenyih. Kes-kes ragut ini berulang-ulang dan menakutkan rakyat.

Begitu juga yang diperkatakan kes culik yang berlaku berleluasa di beberapa buah tempat. Pihak polis perlu mengambil tindakan segera sebelum mereka bermaharajalela menculik anak-anak kita. Contohnya seorang kanak-kanak di Sungai Chua yang diculik tetapi berjaya diambil tindakan oleh pihak polis. Bagaimana pula dengan yang berlaku di beberapa buah tempat lain. Contohnya di Bangi, di Seremban katanya kerana ada aktiviti jual organ. Ibu bapa terlalu resah dan risau tentang keselamatan anak mereka ketika mereka berulang alik ke sekolah atau tinggal di rumah semasa ketiadaan ibu bapa.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya menyokong usaha mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah hijau (GHG) sehingga 40% KDNK pada tahun 2020. Saya faham insentif-insentif yang digariskan seperti audit tenaga, penggunaan sel fotovoltaik, skim pembiayaan teknologi hijau. Saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian langkah-langkah yang mudah difahami dan mudah dilaksanakan yang akan diambil oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dalam memastikan hasrat mengurangkan pelepasan GHG menjadi realiti. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Johor Bahru.

#### **8.42 mlm**

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya mengucapkan tahniah kepada bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dan saya juga telah mengikuti perbahasan yang tertumpu kepada soal bajet ini. Saya ingin mengambil peluang ini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa usaha yang sedang dijalankan oleh pihak Tuan Yang di-Pertua khususnya daripada segi penambahbaikan Parlimen yang mana dilakukan melalui perbincangan dan pertimbangan kepada mengubah, meminda dan juga menambah kepada peraturan mesyuarat supaya dapat kita menjadikan Parlimen ini lebih dinamik dan lebih juga tertumpu kepada soal-soal semasa terutamanya dalam Soal Jawab Lisan yang merupakan satu mekanisme yang memang mempunyai tujuan untuk mendapatkan atau melakukan pemantauan kepada perjalanan kerajaan berhubung dengan isu-isu semasa terutamanya.

Saya juga berharap bahawa penyemakan dan penggubalan peraturan mesyuarat oleh pihak yang diketuai oleh Tuan Yang di-Pertua ini akan dapat berjalan dengan baik supaya kita benar-benar dapat melihat agar Parlimen ini, Dewan Rakyat terutamanya dapat memainkan peranan yang lebih berkesan. Apa yang saya lihat dan apa yang telah saya fahami daripada segi perjalanan ini, segala usaha yang dilakukan, ia mendapat sambutan yang baik dan juga menggambarkan, membayangkan juga kehendak dan hasrat Ahli-ahli Parlimen biasa mahupun

daripada sebelah pembangkang ataupun di sebelah kami sebagai Ahli Parlimen biasa. Akan tetapi itu daripada segi perjalanan Parlimen di dalam Dewan ini di mana peraturan mesyuarat itu merupakan cara dan kaedah bagi menguruskan perjalanan Parlimen.

Tentunya, biasanya kalau kita menghormati institusi kita dan barulah institusi kita ini boleh memainkan peranannya yang diharapkan. Selain daripada itu, adanya keperluan yang harus kita sama-sama mengambil perhatian. Kita melihat sekeliling kita bagaimana berbagai-bagai kerja yang dilakukan bagi membina kemudahan-kemudahan yang baru. Namun, saya lihat bahawa seolah-olah Jawatankuasa Dewan Rakyat ini tidak pula terlibat secara langsung dalam soal perancangan apatah lagi daripada segi soal pemantauan kepada kerja-kerja penambahbaikan fizikal bagi Dewan. Kita harus akui bahawa pertamanya, kita sudah pun menunggu begitu lama dan tentunya apa yang dilakukan hari ini dianggapkan boleh menampung keperluan sehingga 50 tahun yang akan datang sebelum kita pula meminta bajet tambahan untuk membuat kerja-kerja penambahbaikan kepada kemudahan-kemudahan bagi Dewan Rakyat dan juga kepada Parlimen keseluruhannya.

Saya lihat bahawa dalam soal pelaksanaan kerja pembinaan semula kemudahan-kemudahan asas bagi Parlimen, ada juga pandangan bahawa sebagai sebuah bangunan warisan, diletakkan pula sekatan-sekatan yang menimbulkan kepada saya kewajaran daripada segi untuk memelihara Bangunan Parlimen itu sebagai bangunan warisan. Umpamanya saya difahamkan bahawa kemudahan pejabat bagi Ahli-ahli Parlimen yang akan dibina di sebelah Dewan ini tertakluk pula kepada sekatan ketinggian agar ia tidak lebih tinggi daripada bangunan Dewan Rakyat dan bangunan dewan yang sedia ada. Oleh itu saya ingin...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Seremban.

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Johor Bahru, sedarkah Yang Berhormat bahawa Jawatankuasa Dewan memang tidak memainkan apa-apa peranan daripada segi pemantauan terhadap kerja-kerja penambahbaikan Bangunan Parlimen. Saya anggota Jawatankuasa Dewan. Memang ada dua tiga kali sebelum ini taklimat oleh pihak JKR tetapi apa-apa pandangan ataupun input daripada Jawatankuasa Dewan seolah-olah tidak diambil peduli oleh pihak JKR dan mereka menganggap ini sebagai satu projek JKR yang lain sahaja tanpa mengambil apa-apa pandangan daripada pihak Jawatankuasa Dewan.

#### ■2050

Saya hendak tanya Yang Berhormat Johor Bahru sebab Yang Berhormat Johor Bahru lama dalam Dewan ini. Dalam projek-projek sebelum ini, adakah pihak JKR mendapat input daripada Jawatankuasa Dewan? Apakah peranan Jawatankuasa Dewan dalam memantau projek-projek pengubahsuaian bangunan Parlimen ini? Oleh sebab memang saya rasa semua di kalangan kita sudah agak letih dengan projek ini. Bertahun-tahun kita sudah duduk sini

sementara tiga tahun sebelum PRU-13 lagi. Sekarang sudah masuk tahun ketiga. Sampai hari ini kita tidak tahu sampai bila boleh masuk balik Dewan asal kita. Berapa lama lagi kita hendak perlu menghadapi suasana begitu di kawasan Parlimen ini? Minta pencerahan Yang Berhormat Johor Bahru. Terima kasih.

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Sebenarnya kalau hendak berikan pencerahan itu sepatutnya Ahli Jawatankuasa Dewan yang sepatutnya memainkan peranan. Saya tidak mengatakan bahawa Jawatankuasa Dewan ini tidak memainkan peranannya. Mungkin mereka mengalah kepada kebijaksanaan dan perancangan pihak JKR.

Akan tetapi pada pendapat saya, itu tidak wajar. Apa yang sepatutnya mengambil tanggungjawab mengenai pembinaan dan penambahbaikan Dewan ini, Dewan Rakyat dan juga Parlimen keseluruhannya haruslah Jawatankuasa Dewan.

Oleh sebab itu saya ingin mengesyorkan supaya Tuan Yang di-Pertua mengambil alih, mengambil peranan yang lebih besar daripada soal penambahbaikan ataupun pembinaan yang baru. Saya memberi contoh Tuan Yang di-Pertua, bahawa sebenarnya apabila hendak dibina bangunan tambahan bagi pejabat, ia terhad kepada perkiraan dan kononnya perkiraan warisan. Jadi, perkiraan warisan pula melebihi dari apa yang Jawatankuasa Dewan Rakyat sendiri mampu untuk lakukan.

Umpamanya daripada segi kerana warisan, bangunan ini dihadkan ketinggian pejabat yang hendak dibuat baru bagi Ahli-ahli Parlimen terhad kepada 27 meter setengah, tidak boleh tinggi daripada 29 meter iaitu ketinggian bangunan Dewan yang kita bersidang, Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Kepada saya ia menimbulkan satu masalah. Bagaimana kedudukan sebuah bangunan yang lebih tinggi daripada Dewan Rakyat dan Dewan Negara itu, bangunan persidangan ataupun *main block* boleh mengacau atau mencemar warisan Parlimen itu sendiri. Sedangkan bangunan menara sudah pun lebih tinggi daripada bangunan *main block* yang dipanggil sebagai bahagian utama itu.

Jadi, di sinilah saya lihat bahawa kita seperti mana Yang Berhormat Seremban mengatakan, JKR mempunyai kelebihan daripada segi hendak menentukan dan hendak memantau dan merancang pembangunan ini. Jabatan Warisan juga mempunyai pengaruh yang lebih daripada Jawatankuasa Dewan sendiri ataupun pengguna-penggunanya.

Jadi, kalau kita katakan bahawa kita harus mempunyai sebuah Dewan yang boleh kita banggakan, tentunya yang hendak diutamakan ialah pengguna-pengguna dan mereka yang benar-benar menggunakan kemudahan Dewan ini. Pertamanya, daripada segi peraturan mesyuarat memang itu dipentingkan tetapi itu daripada segi perjalanan kita di dalam Dewan Rakyat ini.

Bagaimanakah pula dengan kemudahan kita untuk mempunyai pejabat? Kemudahan kita untuk hadir di dalam Dewan ini, di dalam kawasan ini sepanjang masa diadakan persidangan atau Mesyuarat kita? Bagaimana pula dengan kemudahan bagi pihak media yang harus kita juga mempunyai sebuah pusat media yang cukup dan sesuai untuk mereka melaporkan ataupun untuk mereka mengikuti perbahasan dan kerja-kerja Dewan Rakyat atau Dewan Negara.



Bagaimana pula Perpustakaan Parlimen ini yang harus juga menjadi pusat rujukan atau pusat sumber, bukan sahaja bagi kita yang sebagai Ahli Parlimen tetapi juga untuk rakyat, penyelidik dan sebagainya. Begitu banyak saya tahu adanya artifak dan juga barangan yang boleh menunjukkan sejarah perjalanan Dewan Rakyat dan Dewan Negara dan Parlimen ini.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Terima kasih Yang Berhormat Johor Bahru, berkenaan dengan arkib ini. Ini memang sesuatu yang kami amat prihatin. Oleh sebab dalam proses pengubahsuaian sekarang ini bahan-bahan arkib kita, semua rekod kita, hansard daripada dahulu, sekarang diletakkan di mana pun kita tidak tahu. Oleh sebab perpustakaan yang ada sekarang ini hanya sebuah bilik kecil.

Jadi, amat penting bahawa kami mengharapkan pihak yang bertanggungjawab terhadap projek ini dan juga pengurusan Parlimen mengambil maklum bahawa yang paling penting segala arkib dan dokumen-dokumen yang kita ada dahulu itu perlu diurus dengan baik.

Jangan nanti ada bangunan baru tetapi arkib-arkib kita itu semuanya hilang dan perpustakaan yang akan kita buat nanti itu tidak ada bahan-bahan sejarah kita yang amat bernilai kepada kita untuk generasi akan datang...

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Sedikit Yang Berhormat Johor Bahru.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Hendak sokonglah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Johor Bahru.

Saya amat tertarik dengan apa yang dikatakan Yang Berhormat Johor Bahru dan saya *basically* sokong apa yang dikatakan. Cuma saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Johor Bahru. Mungkin pembangunan fizikal itu penting tidak dapat dinafikan tetapi saya rasa yang lebih perlu kita utamakan ialah macam mana kita hendak pertingkatkan lagi mutu perbahasan di Parlimen ini dengan kita mengambil pendekatan-pendekatan yang menunjukkan bahawa Parlimen ini betul-betul tempat untuk kita dapat berperanan dengan lebih baik.

Saya hendak beri contoh, kalau kita tengok di England, di UK kalau kita tengok Parlimen mereka *simple*. Daripada segi kerusi pun tidak cukup, *in fact* ada yang berdiri belakang Tuan Yang di-Pertua pun sebab mereka hendak *maintain* tradisi Roman itu. Akan tetapi yang saya hendak tanya Yang Berhormat Johor Bahru, adakah Yang Berhormat Johor Bahru setuju kalau kita sebagai contoh ambil contoh macam di UK itu ada *opposition days, 20 days* sepanjang sidang Parlimen, *20 days allocated for opposition days*. Di India sebagai contoh, setiap hari Jumaat saya baca dia kata ada satu *motion* yang akan dibenarkan untuk pembangkang bawa bawah Akta 18.

Jadi, setuju tak dengan saya bahawa kita perlu juga mempertingkatkan perkara-perkara begitu di samping kita memperbaiki pembangunan fizikal. Apa pandangan Yang Berhormat Johor Bahru?

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Sedikit, boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Indera Mahkota.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Johor Bahru, saya hendak tanya, setuju tak dengan saya bahawasanya kalau kita hendak tunjuk kepada warisan kita generasi akan datang, saya rasa arkib Parlimen ini seharusnya ia merupakan sebuah muzium yang gah. Supaya warisan akan datang dapat meneliti dan mewarisi perjuangan orang-orang zaman dahulu.

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Tuan Yang di-Pertua, inilah hujah saya. Bahawa sebenarnya kita berada dalam satu keadaan di mana kita tidak mempunyai kontrol dan juga tidak mempunyai sebarang pengaruh kepada apa yang sedang dan sudah dirancang. Saya rasa untuk mengatasi masalah ini, untuk mendapatkan kemudahan bagi kita memperkukuhkan arkib kita, khazanah kita dalam Parlimen dan untuk kita membuka lebih memberikan kemudahan kepada Ahli-ahli Parlimen ini untuk bekerja umpamanya, kenalah Jawatankuasa Dewan, terutamanya kepada Tuan Yang di-Pertua, untuk mengambil alih.

Saya bukan duduk sebagai Jawatankuasa Dewan tetapi saya mewakili rakan-rakan saya yang lain dan saya percaya disokong oleh ramai daripada Ahli-ahli Yang Berhormat kita di sini [Tepuk] Walaupun daripada bukan di seluruh Dewan ini agar kerja ini begitu penting. Semula lagi sekali untuk kita hendak melihat perubahan dan pembangunan semula kepada Parlimen ini mungkin 20 tahun, 30 tahun yang akan datang.

Saya rasa tidak lewat untuk Tuan Yang di-Pertua bersama dengan Jawatankuasa Dewan mengambil alih sekarang untuk menentukan supaya pembangunan yang kita benar-benar perlu itu dapat kita laksanakan sebelum terlambat lagi.

**Beberapa Ahli:** Setuju.

#### ■2100

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Jadi, tentang soal amalan Yang Berhormat, seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Sepang, saya rasa banyak yang boleh kita lakukan tetapi ia bermula daripada penghormatan kita kepada amalan dan juga konvensyen dan juga peraturan mesyuarat itu sendiri. Jadi, sebab itu kadang-kadang kita hendak semuanya tetapi dalam soal kita hendak maju ke depan, hendak mengikut cara-cara atau pun kaedah-kaedah di negara-negara lain, kita kenalah sama-sama memberi sokongan yang kuat kepada peraturan yang kita ada.

Saya ada terbaca dalam satu cerita rencana bagaimana sebuah kerajaan di Kanada telah diberikan undi tidak percaya pada tahun 2011 apabila telah dirujuk kerajaan kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Di situ ia menunjukkan bagaimana adanya perbezaan daripada apa yang dikatakan sebagai *spin* dan apa yang sebenarnya, tetapi rumusan yang dibuat oleh penulis rencana ini ialah *if you want to make an institution work, you begin by respecting it*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Itu sahajalah daripada segi Parlimen. Kita sudah pun mempunyai 60 ekar tambahan. Saya berterima kasih kepada kerajaan yang telah bersetuju untuk memberi Bukit Ledang kepada kita. Tambahan 60 ekar kepada 30 ekar yang kita ada. Saya berterima kasih kerana inilah antara perkara yang saya bawa pada Parlimen Kesebelas. Jadi, *alhamdulillah*, walaupun pada Parlimen

Kesebelas saya telah mengutarakan perkara ini hendak bawakan Bukit Ledang di bawah Parlimen sebelum ia diswastakan, *alhamdulillah*, hari ini kita mempunyai tanah yang lebih luas.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu perkara yang bukan sangat kena mengena dengan bajet ini tetapi ia satu keadaan yang menimbulkan tanda tanya kepada saya, di mana pada pandangan saya, kerajaan harus mempunyai satu pandangan untuk sambil menggalakkan kepada penswastaan, pihak swasta untuk memainkan peranan melabur bersama dengan kerajaan juga dalam *Private-Public Partnership* umpamanya dan berbagai-bagai kaedah yang ada untuk membolehkan gabungan antara kerajaan dan juga pihak swasta daripada segi pelaburan untuk menggalakkan pelaburan di dalam negara kita, tetapi daripada segi itu kerajaan juga harus memahami bahawa ia merupakan satu peranan yang lebih kepada *regulatory* iaitu untuk memantau dan juga untuk menguruskan lebih daripada untuk mencampuri dalam urusan yang boleh dikatakan sebagai perniagaan.

Kita semua tahu bahawa satu perjanjian *Power Purchase Agreement* (PPA) yang termasyhur dalam negara ini ialah PPA yang telah dilakukan di antara TNB dengan YTL iaitu sehinggakan ia melibatkan satu konsep perjanjian bersama yang *take-or-pay* atau pun TOP di mana walaupun TNB tidak menggunakan hasil daripada dua IPP yang berkenaan, tetapi Tenaga harus membayar sampai 75 peratus daripada pengeluarannya.

*Alhamdulillah*, hari ini setelah 20 tahun, kita lihat bahawa PPA itu telah habis, tamat. Dalam masa 20 tahun itu, pembayaran kepada YTL sebanyak RM26.2 bilion. Daripada segi kerajaan yang telah membuat perjanjian itu, daripada segi TNB yang buat perjanjian itu, ia perjanjian yang harus dihormati kerana itulah perjanjian yang dibuat, *Concession* yang diberi. Kalau kita katakan kita hendak tamatkan dalam masa yang terdekat kerana kita tidak puas hati selepas 15 tahun atau pun 10 tahun kita tidak puas hati, tentunya penamatan yang tidak menghormati perjanjian itu menimbulkan reaksi yang berbagai-bagai.

Daripada segi Perlembagaan Persekutuan, kita tahu biasanya kalau dicakapkan fasal ataupun Perkara 153, kita rasa macam seolah-olah hanya yang soal tentang Melayu dan bumiputera tetapi kepentingan pihak-pihak lain harus juga dilindungi di bawah Perkara 153 ini. Akan tetapi sekarang ini PPA itu sudah tamat dan bila PPA itu tamat, kita tahu bahawa sudah pun IPP Paka mendapat lanjutan selama dua tahun sepuluh bulan dan IPP itu akan juga mendapat pulangan tetapi tidaklah sampai RM1.2 bilion dalam satu tahun umpamanya atau RM1.1 bilion dalam setahun sehingga sampai RM1.7 bilion dalam satu tahun. Dalam tiga tahun mereka akan dapat pulangan yang munasabah dan mereka pun bersetuju.

Akan tetapi malangnya, daripada segi PPA sudah diselesaikan, IPP Paka di bawah YTL mendapat lanjutan dua tahun sepuluh bulan, tetapi lesen mereka sebenarnya telah tamat bulan Jun. Jadi, macam mana sebuah IPP tidak ada lesen boleh pula tidak dikenakan tindakan daripada pihak yang menjadi *regulator* kepada sektor ini? Itu satu soalan yang saya harap Yang Berhormat Menteri boleh jawab.

Akan tetapi soalan yang lebih penting Tuan Yang di-Pertua ialah sambil PPA sudah diselesaikan, yang menjadi soal kepada saya mengapakah pula kementerian hendak

mencampuri dalam soal *Land Lease Agreement* (LLA)? Ini kerana saya difahamkan bahawa sebenarnya IPP di Paka itu hanya menggunakan sebahagian daripada tanah milik TNB. Kalaulah mereka perlu hanya menggunakan sembilan hektar sedangkan tanah itu hampir 17 hektar, mengapakah pula kementerian mesti meminta supaya LLA itu harus diteruskan dalam bentuk yang sama? Sedangkan, keperluan IPP YTL di Paka hanya perlu sembilan hektar dan sepatutnya biarlah TNB sebagai sebuah *business* berunding dengan pihak YTL sebagai sebuah *business* yang lain- *business-to-business*, dan tidak pula kementerian mencampuri dalam hal ini.

Kalau tanya TNB, mereka tentu mahukan baki tanah yang tidak digunakan oleh IPP YTL itu tetapi pihak YTL seolah-olah macam tidak berapa kisah sangat dan ingin melanjutkan juga satu perjanjian LLA ini, *Land Lease Agreement* ini, yang memang berat sebelah. Bukan TNB hendak mengejar keluar atau menghalau YTL. Sanggup mereka memberikan sembilan hektar yang ada di mana IPP itu terletak untuk terus digunakan tetapi kalaulah lebih tanah yang tidak diperlukan untuk IPP itu terus juga disyaratkan TNB tidak boleh ambil balik, saya rasa ini sekali lagi satu keadaan yang tidak adil.

Oleh itu, saya berharap bahawa kementerian dalam keadaan membahaskan dan memberi jawapan kepada perkara-perkara yang ditimbulkan dalam perbahasan ini...

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** *[Bangun]*

■2110

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Indera Mahkota bangun.

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Saya nak habis sudah ni.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Sikit saja.

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Yang Berhormat Indera Mahkota Paka, Paka jauh sikit.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Paka dekat dengan Indera Mahkota dari Johor Bahru.

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Dekat tapi negeri lain ya. Akan tetapi saya TNB dekat, saya dekat dengan TNB.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Kalau boleh saya hendak minta pandangan Yang Berhormat.

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terpulang pada Yang Berhormat.

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Saya hendak pulang tetapi tidak apalah, saya tunggu.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Dia bagi Tuan Yang di-Pertua, dia pun lahir di Kuantan. Tuan Yang di-Pertua, saya mendengar dengan teliti atas hujah-hujah Yang Berhormat Johor Bahru khususnya berkenaan dengan IPP. Saya rasa Yang Berhormat tentu ada

merasakan sedikit kegusaran atas perjanjian-perjanjian seperti itu. Apa pandangan Yang Berhormat di atas perjanjian-perjanjian penswastaan yang lain seperti jalan raya, lebuhraya dan sebagainya dan termasuk penswastaan SPANCO umpamanya yang saya kira kalau bolehlah lain kali kalau kerajaan hendak melaksanakan penswastaan harus diteliti perjanjian dengan seteliti-telitinya dan sepatutnya *transparent*. Yang Berhormat, macam mana pandangan Yang Berhormat.

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Yang Berhormat ini kadang-kadang bila kita bercakap selepas 20 tahun, kita ada seperti mana yang disebutkan oleh orang Jerman, *we have the wisdom of hindsight*. Jadi, biasanya begitulah. Akan tetapi tentunya kita juga sedar bahawa kerana penswastaan, bajet kerajaan ketika itu pun sebenarnya menjadi surplus- *balance budget*. Jadi ada pro dan kontranya dan sebab itu saya tidak mahu menghukum tentang soal betul atau tidak orang 20 tahun dulu lakukan 20 tahun dulu kalau kita menoleh ke belakang dan melihat mereka. Jadi sebab itu kadang-kadang hari ini kita terlalu bijaksana kerana kita mempunyai kebolehan untuk meninjau dan melihat apa yang telah diputuskan 20 tahun dahulu...

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Yang Berhormat Johor Bahru.

Saya rasa masalahnya bukan *wisdom at hindsight* tetapi ia daripada awal bagi pandangan kamilah merupakan perjanjian-perjanjian berat sebelah yang daripada awal disebabkan campur tangan pihak politik. Tadi contoh yang diberikan berhubung dengan Paka dan TNB. Saya rasa soal IPP ini sampai Tan Sri Ani Arope letak jawatan. Maka ia bukan *wisdom at hindsight*. Ia merupakan keputusan pihak atasan yang mengatasi segala kepentingan negara ataupun komersial, lalu saya rasa benda ini *let it be a*, dengan izin, *lesson well-learned*, dan sesiapa yang bertanggungjawab sepatutnya mengakuilah akhirnya bahawa *there was abused of power*, dan jangan kita ulangi dan cuba kita perbetulkan lebih-lebih lagi dalam soal konsesi tol dan sebagainya yang masih lagi berjalan dalam keadaan berat sebelah seperti mana yang kita tahu. Apa pandangan Yang Berhormat Johor Bahru. Terima kasih.

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Saya, Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakanlah kadang-kadang kita hanya mendengar cerita ini sesudahnya perkara itu sudah habis dan bukan setahun kemudian. Tokoh yang meletakkan jawatan kerana tidak bersetuju dengan keadaan itu merupakan orang yang berani membuat keputusan. Meletakkan jawatan kerana prinsip. Saya umpamanya setelah berdepan dengan membantu UMNO baru dalam pilihan raya kecil Tanjung Puteri, melihat bahawa UMNO baru tidak sama seperti UMNO lama dan tidak mahu menerima kepimpinan yang sudah dipilih, saya juga buat keputusan untuk letak jawatan.

Jadi kita buatlah atas prinsip. Maknanya kadang-kadang saya hendak cakap pun takut sindir kepada kawan-kawan, kita tahu, takkanlah kita hendak tunggu sampai *hindsight* esok, kemudian baru kita kata betulnya, patut dengar cakap abang, letak jawatan. Yang Berhormat Johor Bahru cakap begini. Apa Yang Berhormat Johor Bahru buat. Oleh sebab saya melalui

perkara ini, semuanya ini saya melalui. Tidak ada apa yang hendak diherankan tentang jawatan. Kalau ada prinsip, kita letak jawatan. Kalau tidak mahu menghormati, tadi saya dengar cerita bagaimana pandangan satu orang pun merupakan pandangan rakyat. Jadi betullah, itu semua prinsip yang harus kita hormati dan bukan kita ulangi atau sebut dalam cakap kita.

Pendek kata, kebijaksanaan itu mungkin kebijaksanaan kepada Yang Berhormat Shah Alam. Dia ketika itu, dia melihat awal-awal lagi bagaimana tidak bijaknya dan tidak perlu kepada *hindsight* langsung tetapi pada pandangan saya soal konsesi, tol umpamanya, sudah nak menang pilihan raya kita janji kita akan turunkan tol. Akan tetapi enam tahun kemudian tak turun juga tol.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Bukan enam tahun, beberapa bulan.

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Ya?

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Boleh?

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Boleh lagi.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Sebelum pilihan raya janji hendak turun tol tapi lepas pilihan raya naik tol. Saya nak tanya ini, itu soalan lain. Akan tetapi disebut tadi pendek kata, itu yang saya kurang setuju Tuan Yang di-Pertua. Pendek kata. Tidak, panjang kata maksudnya tanya....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kira Yang Berhormat Indera Mahkota terasa pendek?

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Tidak, saya bukan pendek, saya tidak tinggi saja. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya sahabat saya Yang Berhormat Johor Bahru ini. Yang Berhormat katakan *benefit of hindsight* tetapi apa juga perjanjian sama ada IPP atau tol tidak siapa yang tahu. Malahan kalau kita dedahkan apa juga perjanjian, tertakluk kepada OSA. Sama ada Yang Berhormat Johor Bahru setuju atau tidak saya ingat OSA ini untuk keselamatan negara, bukan untuk melindungi perjanjian yang berat sebelah. Macam mana pandangan Yang Berhormat. Saya tahu Tuan Yang di-Pertua, saya tahu Yang Berhormat ini memang yang cukup berprinsip daripada sekolah sampai jadi Menteri, *very principal*, dan *I salute you for that*.

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Saya bertanya juga perkara ini dengan Menteri Kerja Raya. Dia kata datang tengok ke pejabat, sesiapa boleh baca perjanjian itu. Ya, benda ini dah lama berlaku, hanya kita mungkin tidak diuar-uarkan sesama kitalah. Ya, boleh, yang saya tahu daripada ...

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Shah Alam bangun lagi.

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Ada lagi?

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, nak tanya fasal jawapan itu sudah ada kan, boleh datang ke pejabat Menteri dan baca. Akan tetapi adakah selepas dibaca itu kita boleh

ceritakan ataupun kita hanya baca *for your eyes only* dan tidak boleh didedahkan pada *public* dan tidak boleh dijadikan satu isu untuk kita berbahas.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** *Ataupun freedom to read but no freedom after ... [Ketawa]*

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita ini kalau kita hendak meletakkan pelbagai sangkaan, saya ingat tidak adil. Biarlah kita pergi buat, pergi tengok sana, lepas itu tengok apa yang berlaku. Ini belum buat pun sudah mungkin itu, nanti ini berlaku, itu berlaku dan sebagainya. Jadi mengapa kita tidak ...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Johor Bahru, saya nak tanya. Kalau Menteri boleh benarkan kita pergi tengok, maknanya apa masalah untuk kita dedahkan kepada masyarakat. Maknanya kalau yang saya faham, kalau OSA sudah, maknanya *even* individu yang tidak boleh tengok. Akan tetapi kalau benda itu apa beza kita tengok sendiri dan kita tengok ramai-ramai. Saya rasa kalau benda yang melibatkan kepentingan awam, *that's why* kita *have been talking about freedom of information act*, satu *freedom* yang kita boleh dapat maklumat.

Setujukah dengan saya, OSA atau undang-undang seperti ini, ini yang menyebabkan *transparency* tidak berlaku. Sebelum benda itu berlaku, kita tidak boleh beri komen. Contoh perjanjian *toll agreement*. Kalau kita ada dapat lihat sebelum perjanjian itu ataupun perjanjian itu masa mula-mula di peringkat awal, *at least* kita boleh beri pandangan. Ini kita tidak dapat lihat langsung. So macam mana kita hendak berperanan untuk memberitahu kepada kerajaan *this agreement shouldn't be sign in the first place* sebab *it is* memang kata orang itu *longsighted* yang memang memihak kepada pihak-pihak konsesi *holder* ini, bukan kepada pihak yang kerajaan yang rakyat ini.

■2120

Saya hendak bagi contoh, apabila kerajaan tidak naikkan tol, sebagai contoh LDP, tidak naikkan tol pun mereka tetap untung sebab apa pertamanya mereka kutipan tol pun sudah untung, mereka sudah boleh *cover cost*. Keduanya, kalau mereka tidak naikkan tol mereka akan dapat *compassion* yang begitu banyak. Saya masih ingat pada tahun 2014 lebih kurang RM89 juta LDP kerana tidak naikkan tol. So perjanjian daripada awal memihak kepada pihak konsesi. Jadi saya hairan kenapakah perjanjian seperti ini tidak didedahkan kepada masyarakat awam. Kenapakah ada satu ancaman OSA?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Pandangan Yang Berhormat Johor Bahru.

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Kalau kita lihat keadaan sekarang, saya rasa jawapan ini patut Menteri boleh jawab. Biarlah saya masukkanlah ucapan dia dalam saya jadi kalau Menteri nanti dengar, bolehlah dia jawab. Kalaulah tidak bawa,

sebab kadang-kadang apabila bercakap, kita tidak payah cakap benda lain tetapi masa peluang kita bercakap kita patutlah masuk benda-benda seperti ini. Saya ingat ada yang sudah masukkan. Jadi bolehlah Menteri akan jawab. Nanti kata awak bukan Menteri. Itu pun bahaya jugakan. Jadi sebab itu saya hanya hendak balik semula kepada...

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** *[Bangun]*

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bharu]:** Minta maaf, saya hendak habis. Orang lain hendak bercakap. Minta maaf. Saya pun hendak habis ini.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Sedikit berkaitan dengan...

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bharu]:** Yang Berhormat sudah bercakap?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, saya kira sudah panjang.

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bharu]:** Sudah lebih masa saya ini. Saya pun hendak menghormati keputusan kalau boleh 15 minit sudah lebih ini. Nanti minta tambah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya sengaja membiarkan kerana nampak kawan-kawan daripada pembangkang pun berminat hendak mendapat pencelahan daripada Yang Berhormat Johor Bharu terutama Yang Berhormat Shah Alam.

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bharu]:** *[Ketawa]* Saya pun kadang-kadang hendak cakap pun, maklum sahajalah kan. Saya hendak balik semula kepada gesaan saya tentang masalah dan soal mengenai dengan LLA atau *Land Lease Agreement* di antara TNB dengan YTL. Saya berharap kerajaan membenarkan ia berlaku sebagai perjanjian dan rundingan di antara *business-to-business*. Kerajaan hanya *sit back, let it happen*. Jangan memihak kepada sesiapa. Itu sahajalah harapan saya dan saya berharap kerajaan akan mengambil kira pandangan saya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih, Yang Berhormat Beruas.

### 9.23 mlm.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahas Bajet 2016 atau secara formal Rang Undang-undang Perbekalan 2016. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengutarakan lima perkara dan harap dapat siap dalam masa 15 minit. Isu pertama ialah GST ataupun Goods and Sales Tax dalam Bahasa Melayu cukai barangan dan perkhidmatan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan beliau sangat bangga kerana kerajaan dapat mengutip lebih RM21 bilion cukai GST kalau dibandingkan dengan SST. Kerajaan akan dapat RM39 bilion melalui GST. Kalau kita bahagikan RM21 bilion dengan 30 juta orang rakyat Malaysia, setiap rakyat Malaysia mesti



membayar lebih cukai RM700. Kalau sebuah keluarga lima orang- suami-isteri, tiga orang anak, setiap keluarga mesti membayar tambahan nilai cukai RM3,500 setahun.

Ini jauh lebih daripada BR1M, RM1,000 yang diberikan oleh kerajaan. Jadi kerajaan mesti senantiasanya diingatkan bahawa cukai tambahan yang kerajaan dapat kerajaan perah daripada rakyat yang sekarang ini sudah kehausan wang untuk kehidupan seharian. Ini adalah kerana di Malaysia hutang isi rumah kita amat tinggi. Sudah menjangkau 88% daripada GDP ataupun KDNK. Daripada segi pendapatan pada puratanya setiap rakyat Malaysia membayar hutang adalah lebih kurang 50% daripada pendapatan mereka dan daripada satu statistik yang dibuat, dikatakan 90% daripada rakyat Malaysia tidak ada simpanan. Daripada segi *obsolete return* ataupun angka jumlah hutang rakyat Malaysia isi rumah pada akhir tahun 2014, hutang isi rumah berjumlah RM940.4 bilion ataupun RM31,333 seorang iaitu setiap rumah yang sekeluarga lima orang berhutang, mereka sudah menjangkau RM156,666. Hutang isi rumah ini merupakan 146% daripada pendapatan isi rumah setiap tahun.

Ini menunjukkan rakyat Malaysia sudah pun dibebani dengan hutang rumahnya sendiri, dan kalau kerajaan masih menekan mereka, rakyat memang susah.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian saya mencadangkan memandangkan kerajaan mendapat begitu banyak wang daripada GST, lebih banyak lagi barangan mesti dengan izin, di *zero-rated* tidak dikenakan GST atau dikurangkan lapisan GST. Yang lebih penting kerajaan mestilah cuba...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Boleh beri penjelasan sedikit tidak? Yang Berhormat Beruas, pendek sahaja.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Saya habis satu *sentence*. Saya berharap kerajaan boleh cuba untuk menjimatkan duit dengan menghentikan ketirisan dan rasuah dan lebih telus dalam memberikan kontrak-kontrak kerajaan. Okey Baik.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Beruas. Saya hendak minta penjelasan sedikit. Tadi ada sedikit kira-kira, saya keliru. Kalau bahagikan dengan *household*, RM700. Jadi saya hendak tanya, yang 400,000 buah syarikat itu macam mana? Di manakah dapat cukai itu? Yang kedua *rebate* RM5 bilion yang kita bagi itu macam mana hendak kira? Saya minta Yang Berhormat Beruas jelaskan. Sebab dia tidak tele, dan kira-kira purata ini jauh tersasar. Minta tolong jelaskan.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Jumlah 400,000 buah syarikat itu ialah merupakan difahamkan daripada statistik yang diberikan oleh kerajaan merupakan 90% daripada syarikat yang patut daftar untuk membayar GST sekarang ini jumlah RM21 bilion- tambahan ini diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan beliau. Maksud saya ini pengakuan kerajaan bahawa mereka mendapat cukai yang lebih. Jadi kalau...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Nanti. Apa yang kerajaan uar-uarkan sebelum GST dilaksanakan bahawa ia satu cukai yang lebih adil ini merupakan satu pandangan ataupun satu alasan yang tidak telus dan tidak jujur. Niat kerajaan ialah untuk mendapat cukai yang lebih bukan satu sistem yang lebih adil kerana sudah dipolitikkan oleh UMNO di kalangan orang-orang Melayu bahawa kalau ada GST, orang Cina kerana lebih ramai peniaga mereka lebih banyak bayar GST.

Akan tetapi, MCA pergi kepada orang-orang Cina kata ini sistem lebih adil kerana sekarang ini orang Melayu lebih miskin dia kurang bayar GST. Jadi lebih adil, semua orang Melayu sekarang membayar GST. Sebenarnya hakikatnya ialah semua rakyat Malaysia jadi mangsa, tidak kira Melayu, Cina, India, Dayak ataupun Orang Asli setiap rakyat jadi mangsa dalam GST. Kerajaan yang memerah rakyat yang sudah miskin ini untuk dapat cukai yang lebih RM21 bilion ini.

■2130

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Okey itu tafsiranlah. Itu terpulang kepada Yang Berhormat Beruas. Saya hendak tanya balik, 90% *compliance* 400,000 itu sudah berapa bilion? Selepas itu termasuk rebat RM5 bilion yang ada itu. Jadi makna dekat situ, *you* beri purata dengan itu jauh tersasar tidak betul. Jadi ini mungkin mengelirukan Dewan. Jadi saya ingat tafsiran dari UMNO itu, itu *you* punya tafsiranlah tetapi daripada segi kira-kira dan fakta itu salah. Jadi saya minta ditarik balik sebab tidak kena, purata itu salah dan *misleading*, saya minta tolong tarik balik.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Ini kita ada 30 juta orang rakyat, RM21 juta kalau *divide* dengan 30 juta dapat RM700 seorang...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Betul jadi 400,000...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Rebate RM5...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Jadi 400,000 buah syarikat itu tidak bayarlah, rakyat sahaja yang bayar, jadi macam mana?

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Syarikat ini ...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Jadi angka-angka ini tidak betul.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Bukan, 400,000 buah syarikat ini hanya bayar syarikat sahaja.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Betul, tetapi *compliance* dia 90% maknanya, yang membayarnya syarikat-syarikat bukan rakyat. Kalau rakyat itu bayar, betul...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Bukan syarikat yang bayar, syarikat yang mengutip. Macam Pejabat Peguam dia mengutip setem untuk kerajaan, bukan untuk tujuan membayar...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Jadi saya ingat ini- itu salah dan angka itu salah. Yang Berhormat Beruas.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Yang Berhormat Beruas. Inilah masalahnya saya rasa kerajaan yang melaksanakan GST tetapi wakil rakyat pihak kerajaan pun tidak faham. GST ini bayarannya semuanya adalah dibayar oleh rakyat, *this is the and users yang bayar, that's why they called it a consumption tax.*

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Nanti sekejap, biar saya *explain*, biar saya *explain*.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Okey, Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Syarikat dia bayar GST dia dapat rebat, apa yang dibayar, dia *collect*.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Ya, betul.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** So akhirnya, *the RM21 billion* yang tambahan kutipan GST yang dianggarkan yang ia masuk dalam bajet. Kalau itu dianggap sebagai andaian tidak apalah tetapi kita guna *figure* yang digunakan oleh kerajaan dalam bajet. So ini dibayar dan dikutip daripada rakyat bukan dari syarikat. Syarikat dia bayar keuntungan, *income tax* dia punya *profit tax*, dan sebagainya, yang dia bayar GST semuanya dia dapat rebat balik. Akhirnya rakyat yang bayar. Itu yang kita faham, *so that is why it is divided RM21 billion* itu dibahagikan dengan 30 juta orang rakyat, *so it is correct, nothing misleading*. Faham?

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Saya tidak beri laluan memandangkan apa yang diutarakan ini mengelirukan dan bukan saya yang silap...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Beruas hendak mengelirukan Dewan.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Boleh beri penjelasan lagi satu perkara yang ingin saya utarakan mengenai GST ialah tentang *input tax* atau rebat yang akan kerajaan bayar balik. Sebenarnya kerajaan mengumumkan bahawa melalui GST harga barangan hanya akan naik 6% tetapi hakikatnya ia lebih daripada 6% kerana masalah pentadbiran yang menjadi *cumulative*, dengan izin. Saya mengharapkan bahawa kerajaan akan memastikan bahawa peniaga tidak mendapat untung daripada cukai ini. Apa yang berlaku sekarang ini ialah peniaga mendapat untung daripada cukai. Sebenarnya cukai hanya dibayar kepada kerajaan.

Saya hendak beri satu contoh, katakan satu barangan nilainya, harganya RM1,000, ia akan dijual dengan RM1,060. Akan tetapi peniaga yang menjual barangan ini boleh mendapat rebat balik ataupun *input tax*. Katakan kalau kos dia RM800, dia biasanya dia untung RM200. Jadi kalau dia masih menjual barangan dengan RM1,000 dan tambah GST, dijual dengan RM1,060, peniaga ini akan mendapat untung tambahan RM48 kerana *input tax* atau rebat yang diberikan balik oleh kerajaan kepada peniaga ini dia masuk poket sendiri. Jadi kalau untuk lebih adil, peniaga mesti menurunkan harga mungkin kepada RM940 tambah RM60 dan menjadi

RM1,040 dan kerana mereka akan dapat balik lagi RM48 dari kerajaan. Jadi saya berharap kerajaan akan memastikan peniaga tidak mendapat untung daripada cukai ini.

Masalahnya sekarang ialah ramai peniaga enggan memberikan potongan harga yang dikatakan mereka akan dapat daripada *input tax* ataupun rebat yang diberi balik oleh kerajaan. Ini kerana dikatakan kerajaan lambat bayar atau tidak bayar balik *input tax* dalam masa yang dijanjikan iaitu dua minggu. Ramai khuatir mereka tidak akan dapat balik duit ini *input tax* atau rebat ini daripada pihak kerajaan. Jadi saya berharap isu ini dapat diselesaikan segera supaya rakyat tidak dibebankan dengan kenaikan harga melebihi 6%.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua ialah gambaran Perdana Menteri yang- bagi saya tidak jujur bahawa RM1 masih mempunyai nilai yang tinggi. Iaitu apabila Perdana Menteri memberitahu rakyat bahawa inflasi terkawal dan adalah antara 2% hingga 3% untuk tahun 2016. Pada hakikatnya, wang kita ini sudah menurun kalau dibandingkan dari 1 Januari 2013 hampir tiga tahun ini, RM1 sudah menurun sehingga 40.8%. Pada 1 Januari 2013, USD1 Amerika kalau ditukar dengan ringgit Malaysia, kita boleh dapat RM3.0580. Pada permulaan tahun ini, 1 Januari 2015, USD1 boleh tukar RM3.6315, semalam USD1 kita boleh tukar RM4.3070. Jadi RM1 sudah turun mendadak dalam tiga tahun ini iaitu 40.8%. Untuk tahun ini sahaja dari Januari ke semalam RM1 sudah menurun 18.6%. Apabila kita menyatakan tentang inflasi, kita khuatir tentang inflasi kerana nilai wang pemberian itu menurun tetapi hakikatnya RM1 ini bukan menurun 2%, 3% tetapi 40%...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Beruas, masa sudah cukup.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Masa sudah cukup?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. So itu terpulang kepada Yang Berhormat Beruas kerana rakan-rakan daripada pembangkang telah dihantar kepada saya senarai baru 19 orang lagi yang hendak berucap.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Kalau boleh saya- ini sahaja *point* saya. Isu ketiga ialah rakyat Malaysia tidak menikmati kesan positif daripada harga barangan api dan komoditi yang menurun. Memang setiap harga yang naik atau turun ada kesan positif dan negatif. Jadi sungguhpun bahan api seperti arang batu, gas, petroleum menurun mendadak, TNB tidak turunkan tarif elektrik. Sungguhpun masa bahan api ini naik, dia naik sampai 40% untuk beberapa tahun ini. *Point* yang saya hendak katakan ialah beras, gula, minyak kelapa sawit, getah sudah menurun mendadak tetapi rakyat tidak dapat beli beras yang lebih murah ataupun gula yang lebih murah.

Isunya ialah kerana kita ada monopoli ataupun kerajaan melindungi segelintir kecil peniaga hinggakan harga ini sungguhpun turun mendadak, kita rakyat Malaysia masih beli dengan harga tinggi. Saya syorkan supaya ada persaingan ataupun dibenarkan, BERNAS ataupun dua buah syarikat yang mengawal gula ini tidak boleh terus dimonopoli. Saya pun hendak tanya kerajaan sama ada, adakah benar sungguhpun BERNAS boleh beli dengan harga beras yang murah tetapi kerajaan masih memberikan subsidi 75 sen sekilo.

## ■2140

Untuk saya percepatkan, untuk isu keempat ialah bahawa kerajaan mengabaikan pembangunan luar bandar. Dalam ucapan Perdana Menteri, untuk LRT, MRT di *Klang Valley* RM80 bilion diperuntukkan tetapi untuk luar bandar 700 kilometer hanya RM1.4 bilion. Ini merupakan 1.75% daripada peruntukan di *Klang Valley*. Sebab itu di negeri Perak, kalau jalan rosak ditampal macam kita tampal pakaian orang miskin 60 tahun yang lepas, tidak diturap semula.

Akhir sekali, negeri Perak pun diabaikan dan daripada Kerajaan Barisan Nasional telah rampas kerajaan di negeri Perak tapi abaikan kebajikan rakyat. Jadi, dalam ucapan Perdana Menteri, Perdana Menteri kata dalam beberapa tahun akan datang, sembilan projek besar akan dilaksanakan. Satu, *Malaysian Vision Valley*, 108,000 hektar dari Nilai ke Port Dickson. Ini merupakan satu pembangunan ratusan kilometer. Projek kedua, *Cyber City Centre* di Cyberjaya, RM11 bilion. Projek ketiga, Bandar Lapangan Terbang Aeropolis KLIA, 1300 ekar, RM7 bilion dan sembilan projek yang diumumkan, Perak *illek* dapat orang India kata, tidak ada apa-apa pembangunan kepada negeri Perak. Ini tidak adil dan saya rasa kalau ini berterusan, negeri Perak pendapatan antara semua rakyat di Malaysia, pendapatan negeri Perak adalah ketiga rendah di Malaysia.

Saya harap kerajaan berlaku adil, mesti juga jaga Perak yang sudah dicuri ataupun dirampas dan baru-baru ini sungguhpun 45% sahaja Barisan Nasional dapat undi, mereka masih bertegas nak jadi Kerajaan. Tak menghormati majoriti rakyat negeri Perak untuk Pakatan Harapan atau Pembangkang jadi Kerajaan. Jadi harap Kerajaan jagalah juga Perak sungguhpun sudah dirampas, jangan abaikan atau dianaktirikan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Mersing.

**9.42 mlm.**

**Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** Saya ucap banyak-banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya hendak ucap tahniah kepada Kerajaan kerana walaupun kita sedia maklum bahawa tiap-tiap bajet itu tidak pernah sempurna tetapi ia akan pergi ke arah kesempurnaan sebab hendak puaskan hati semua orang, kita manusia memang ada kekangan. Yang boleh puaskan hati semua orang adalah Allah Taala. Kerja manusia kita buat kerja manusia, kita jangan buat kerja Tuhan. Kalau Tuhan tak ada kerja, bahaya.

Saya hendak merujuk kepada beberapa perkara khusus...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta tarik baliklah kenyataan itu. Mana boleh kata, "Kalau Tuhan tak ada kerja, bahaya."...

**Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** Ya lah, tarik baliklah itu.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Tarik baliklah.

**Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** Itu *is a-* Yang Berhormat Shah Alam tak faham.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya fahamlah.

**Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** Itu *figure of speech* sebenarnya, kan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *Figure of speech* macam itu pun tak bolehlah- “Kalau Tuhan ada anak” “Kalau Tuhan tak ada kerja.” Tak bolehlah macam itu, janganlah. Kita orang Islam.

**Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** *This is my floor, this is my floor.*

Pertama sekali saya hendak ucap tahniah kepada kerajaan dalam suasana, saya agak lama juga duduk dalam Parlimen ini, daripada pendapatan negara lebih kurang RM100 bilion pada tahun 1999 sampai pada tahun 2016 dianggarkan pendapatan negara boleh mencapai RM200 lebih bilion dengan dana pembangunan sebanyak RM50 bilion. \

Jadi, sudah pasti perkara ini dapat tercapai kerana keberkesanan beberapa buah jabatan yang memang mahir mengutip cukai iaitu Lembaga Hasil Dalam Negeri, kita ucapkan berbilang-banyak terima kasih pada Lembaga Hasil Dalam Negeri dan juga Jabatan Kastam dan Eksais Negara. Sudah pasti kecekapan ini kecekapan yang terurus dan terancang kerana kerajaan tidak ada cara lain untuk menambah pendapatan selain daripada mewujudkan sistem cukai yang boleh menjadikan pembangunan negara itu terus mapan dan pada waktu yang sama, ia tidak membebankan rakyat.

Walaupun kita dengar bermacam-macam hujah daripada pelbagai rakan-rakan baik di pihak penyokong kerajaan mahupun rakan-rakan di pihak pembangkang tetapi kita perlu sedar bahawa usaha untuk memastikan yang kerajaan dapat berbelanja dan memastikan perjalanan harian kerajaan itu terus berlaku kerana bajet adalah hanya cadangan iaitu jangkaan kutipan cukai yang dapat dikutip oleh dua jabatan yang penting ini tetapi perbelanjaan harian adalah *real* sementara kutipan adalah anggaran. Bermakna, tiap-tiap bulan bila kakitangan awam tekan atau cucuk ATM mesin pada 25 hari bulan atau 26 hari bulan, gajinya mesti ada. Sebab itu saya harus memberi pujian juga bukan sahaja kepada Yang Amat Berhormat Pekan tetapi kepada Yang Amat Berhormat Gombak kerana telah berjaya menguruskan bajet negeri walaupun tidak banyak, hanya setakat RM2.8 bilion tetapi ia dapat dibelanjakan dengan cara yang amat berhemah dan sampai kepada rakyat.

Saya ingin merujuk kepada komitmen Kerajaan untuk melakukan transformasi teknikal vokasional dengan izin, *education and training* (TVET) ini. Biasanya dalam pembentangan bajet, dalam banyak-banyak sektor, kalau ada pemotongan bajet, biasanya latihan dan *training* ini akan memberi kesan dalam mana-mana pembentangan bajet tetapi pada kali ini, Yang Amat Berhormat Pekan memberi penekanan yang khusus iaitu bagaimana transformasi TVET ini dapat dilaksanakan dengan memastikan yang potensi pekerja yang seramai 1.5 pekerjaan baru menjelang 2020 ditumpukan perbelanjaan sebanyak RM4.8 bilion kepada 545 TVET *institutions*.

Sepanjang yang saya maklum, pemerintah atau kerajaan memberi perkhidmatan TVET ini kepada tiga kementerian iaitu Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Pelajaran. Kita dalam proses untuk mengubah beberapa perundangan dan meletakkan akreditasi ketiga-tiga *service provider* ini kepada satu tahap yang dapat dibanggakan.

Justeru itu, saya ingin cadangkan bahawa dalam memastikan yang bila pelatih-pelatih ini keluar daripada segenap institusi latihan sama ada institusi latihan perindustrian, IKBS mahupun institut-institut di bawah Kementerian Pelajaran, saya hendak tanya bagaimana cara supaya *National Occupational Skills Standard* ini atau NOSS, perlu dibangunkan dengan penglibatan lebih proaktif mereka daripada pihak industri.

#### ■2150

Kalau kita lihat buat masa sekarang yang saya faham, kebanyakan anak-anak kita yang dilatih di institusi-institusi ini biasanya dilatih mengikut kurikulum yang disusun atur oleh kementerian-kementerian itu sendiri. Justeru itu wujud ketidaksamarataan mungkin di antara Kementerian Belia dan Sukan dengan Kementerian Sumber Manusia, itu satu.

Kedua, isu ini lebih kompleks kerana skim yang digunakan di bawah TVET ini perlu ditambah nilai kerana sampai tahap di mana SKM atau Sijil Kemahiran Malaysia ini tidak disamakan dengan diploma yang dikeluarkan oleh pusat-pusat latihan. Walaupun ia *skill*, tetapi dia sebenarnya di bawah urusan kuasa Yang Berhormat Menteri Pelajaran.

Kalau boleh sewaktu membangunkan *National Occupational Skill Standard* ini perlu waktunya pihak industri betul-betul terlibat dan mereka merangka latihan-latihan yang kondusif, latihan-latihan yang pro aktif dan terkini supaya anak-anak yang keluar daripada institusi ini dapat diserap terus bekerja di sektor-sektor industri dan tidak sangat bergantung kepada pekerjaan-pekerjaan yang ataupun jawatan-jawatan yang ditawarkan kepada sektor Jabatan Perkhidmatan Awam. Saya juga ingin tahu sama ada sebuah jawatankuasa yang seragam diwujudkan di tiga-tiga kementerian ini supaya kursus-kursus dan juga *skill* dan keterampilan yang diwujudkan oleh tiga-tiga ini dapat diseragamkan dan diguna pakai sehingga wang sebanyak RM4.8 bilion yang dapat digunakan oleh 545 TVET ini tidak habis begitu saja.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beralih kepada Dasar Tenaga Negara. Saya hendak tanya kepada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air sementara harga minyak dan gas berada kurang daripada USD50, dengan izin, sudah pasti tarif kadar harga minyak dan gas ini dapat dimanfaatkan bagi kegunaan rakyat. Pada waktu yang sama kita perlu bergerak dan tidak sangat bergantung kepada minyak dan gas. Cuma saya kluatir zaman di mana harga minyak dan gas ini kurang daripada USD50, kita lupa untuk membangunkan sumber tenaga baru. Umpamanya IPP Solar. Walaupun kita dengan kerjasama dengan TNB, *bill in tariff*, saya sudah terdapat dan wujudnya Skim *Community Service* di mana, mana-mana pihak yang berminat boleh menyalurkan tenaga baru ini kepada sekolah di pedalaman umpamanya.

Jadi saya hendak tahu adakah pihak kerajaan bersedia untuk membuat dasar, berapa banyak tenaga daripada solar ini dapat diguna pakai untuk keperluan negara. Kita faham bahawa menjelang 2018 akan wujud *ASEAN Power Grid* yang boleh dikongsi di antara negara-negara ASEAN. Umpamanya kalau lebih tenaga daripada Bakun, boleh dieksport ke Kalimantan atau dengan adanya *submarine cable* dari Sarawak yang akan lalu di tempat sayalah, di kawasan Mersing, agak-agaknya bila program lebihan daripada tenaga di Bakun ini boleh disalurkan ke

Semenanjung, dan ada atau tidak dasar baru yang menetapkan, berapa megawatt IPP yang boleh dijana daripada tenaga solar yang percuma?

Kita tahu bahawa kita banyak matahari tapi kita tidak guna secara efisien. Akhir sekali saya hendak sambung sikit apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Rompin. Saya amat bersetuju bahawa sudah tiba masa dan ketika kita mewujudkan sebuah Lembaga pengurusan sungai atau lembaga pengurusan tadahan air supaya sungai-sungai kita dapat diurus dengan baik. Saya dari kawasan Mersing, dulu ada peruntukan fasa 1 dan fasa 2 untuk Sungai Mersing. Fasa 1 sudah berjalan dengan baik. Ekoran daripada itu, bandar Mersing tidak banjir seperti bandar-bandar lain di Pantai Timur.

Akan tetapi perlu juga supaya urusan mendapan di kuala-kuala sungai di Pantai Timur khususnya di kawasan ECER perlu wujud satu *wall breaker* juga di kawasan Mersing supaya dengan adanya *wall breaker* ia dapat memastikan yang kedatangan pelancong yang berjumlah purata 10 ribu ke 15 ribu tiap-tiap bulan yang hendak pergi ke pulau-pulau yang berdekatan termasuk Pulau Tioman yang berada di negeri Pahang supaya *wall breaker* ini dapat dibina dan diberi perhatian khusus bagi menjana kedudukan ekonomi.

Akhir sekali saya bukan saja hendak menyokong, Cuma saya berharap informasi mengenai Bajet 2016 daripada pihak pembangkang yang mengatakan ia boleh kutip RM20 bilion ke RM30 bilion daripada ketirisan dan rasuah, saya kira ini perlu dapat penjelasan kerana agak mustahil kita boleh menyelamatkan RM20 bilion ke RM30 bilion sedangkan pembangunan yang digunakan tiap-tiap tahun hanya bersasarkan kepada RM50 bilion. Jadi saya amat hairan bagaimana *figure* ini boleh timbul sebab tiap-tiap tahun tidak ada satu bukti pun melalui Jabatan Audit Negara bahawa sejumlah RM20 bilion ke RM30 bilion itu berlakunya ketirisan dan rasuah. Dengan ini saya mohon menyokong Bajet 2016.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Batu Pahat. Kalau ia ringkas, 5 minit lagi bagus. Ya terpujang. Ramai lagi rakan-rakan yang belum berucap. Sila.

■2200

10.00 mlm.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Tuan Yang di-Pertua, rakan-rakan Ahli Parlimen. *Assalamualaikum warrahmatullaahi wabarakaatuh*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi izin saya berbahas antara 5 minit hingga 15 minit.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mula membangkitkan masalah *philosophy* atau falsafah bajet pada tahun depan 2016 yang mengatakan bajet ini adalah untuk kesejahteraan rakyat. Ia merupakan lanjutan daripada pembentangan Rancangan Malaysia Kesebelas yang juga mengambil tema itu.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan mensejahterakan rakyat ini susah hendak diterima oleh rakyat terutama oleh kawasan Parlimen Batu Pahat. Saya tak mahu bercakap bagi pihak rakyat yang lain tetapi bila saya balik ke Batu Pahat yang hampir tiap-tiap minggu dan paling kurangnya



dua atau tiga hari bersama mereka, berjumpa dalam sembang di warung, di surau, di masjid, di program-program KBSM, kahwin, beranak, sakit, mati, persoalan yang ditimbulkan oleh rakyat rata-rata menengok atau pun menyatakan kekeluhan mereka terhadap pertama, tentang GST.

Yang kedua tentang kenaikan harga barang dan keperluan-keperluan harian, tentang kejatuhan harga produk kampung, kejatuhan harga sawit, kejatuhan harga getah, kejatuhan harga nanas, kadang-kadang ada musim nanas tak laku.

Tentang isu 1MDB, orang kampung pun pandai cakap tentang 1MDB ini Tuan Yang di-Pertua. sekurang-kurangnya kawasan saya Rengit, Senggarang, Pengerang. Tentang derma RM2.6 bilion, tentang turunnya nilai harga Ringgit berbanding kerana mereka ini berjiran dengan Singapura, berbanding dengan Dolar Singapura dan oleh sebab ramai juga yang pakai pengasuh, penolong pengasuh, pembantu rumah dari Indonesia, mereka juga melihat bagaimana susutnya wang Ringgit kita berbanding dengan Rupiah Indonesia.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2016 ini tidak menawarkan penjelasan yang tuntas kepada permasalahan dan isu-isu yang dibangkitkan oleh rakyat. GST diteruskan dengan jangkaan pendapatan pungutan tahun depan RM39 bilion dan bila rakyat mendengar RM39 bilion ini Tuan Yang di-Pertua, lebih menyesakkan pemikiran mereka.

Mereka rupanya yang menampung kekurangan kantung negara kesan daripada kejatuhan harga minyak. Rakyat yang berkorban dan dikorbankan. Tol dinaikkan. Pemegang konsesi yang untung berlipat ganda berbilion-bilion Ringgit terus dijaga. Bagi penghuni Lembah Klang, kebanyakan anak-anak saya duduk di kawasan ini, dia katakan tiap-tiap hari tol yang hendak dia kena bayar untuk pergi balik ke tempat kerja pergi, balik tempat kerja ke rumah antara RM10 hingga RM20 sehari tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat bertanya, apakah betul mereka didahulukan? Adakah betul bajet ini untuk mensejahterakan mereka atau bajet ini terus memperkayakan yang telah kaya, memiskinkan yang sudah sedia papa kedana? Bajet ini terus mendera rakyat. Kepada siapa rakyat mahu mengadu? Kepada para pemimpin negara? Perdana Menteri, atau Menteri Kewangan? Yang Berhormat Pekan sibuk, sedang sibuk mengatur strategi hendak melepaskan diri daripada kemelut isu 1MDB, dan derma RM2.6 bilion sehingga tidak ada masa untuk melihat isu-isu yang menyebabkan penderitaan rakyat. Akan tetapi kes ini, kes 1MDB dan RM2.6 bilion ini Tuan Yang di-Pertua, dia seperti seorang yang telah terperosok dalam pasir jerlus. Makin meronta, makin tenggelam. Yang menolong pun turut ditarik sama.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha menutup kes ini daripada pandangan awam, pandangan umum terutama kes derma RM2.6 bilion yang menjadikan rakyat makin ragu kerana ia mengorbankan ramai tokoh. Mengorbankan Timbalan perdana Menteri, orang Johor, orang jiran sayalah, dan sekarang ini ada keluarganya jiran sekampung saya di Kuala Lumpur ini. Mengorbankan Menteri, AG dipecat, Pengerusi dan Ahli PAC dipecat menerusi kenaikan pangkat. Jadi kenaikan pangkat tetapi pecat. Pegawai-pegawai SPRM dipindahkan, dan senarainya boleh diperpanjang lagi.

Semua ini tentang peristiwa ini Tuan Yang di-Pertua menyebabkan rakyat tertanya-tanya apakah sebenarnya isu RM2.6 bilion ini? Dari manakah puncanya? Apakah sebab ia meleret-leret tak selesai masalah sehingga mengorbankan banyak mangsa?

Tuan Yang di-Pertua, semua masalah ini oleh sebab kemelut kepimpinan dan akhirnya berlaku krisis kepimpinan, berlaku kredibiliti kepimpinan dan rakyat merasakan oleh sebab kemelut kepimpinan ini mereka terbiar dan saya ingin mencadangkan Tuan Yang di-Pertua supaya Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan kerajaan dan kita memberikan perhatian khusus kepada penderitaan rakyat ini terutamanya dalam hal-hal yang kita sebutkan tadi soal GST, soal kenaikan harga barang, soal kemerosotan harga produk kampung yang menyebabkan hidup mereka sangat seksa...

**Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, hendak bagi jalan Yang Berhormat Batu Pahat?

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Sila, sila.

**Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** Tanya sahaja kekanda Batu Pahat. Boleh tak bagi contoh mana-mana negara yang boleh gerenti tak ada harga barang naik dalam dunia ini? Boleh tak bagi contoh?

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Saya hendak bagi- Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Mersing. Saya hendak bagi penyelesaian supaya tak payah kena GST dan oleh sebab itu harga barang tak naik atau tak melambung naik dengan mencari jalan penyelesaian yang lain. Penyelesaian yang lain itu kita ada cadangkan dalam perbahasan awal. Jadi Yang Berhormat Mersing boleh tengok *Hansard*.

Tuan Yang di-Pertua, jadi kita ingin mencadangkan supaya kerajaan secara serius melihat masalah masyarakat luar bandar ini dan elakkanlah daripada memberikan ubat. Ada seorang kawan ini menyebutkan ubat Panadol ataupun *pain killer* yang sementara tetapi tidak menyelesaikan masalah masyarakat luar bandar secara tuntas.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang pendidik, saya sangat prihatin terhadap nasib pendidikan atau sistem pendidikan negara. Dalam PPPM 2013 hingga 2015, PM menyatakan tentang wajah pelajar yang ingin dibangunkan. Enam ciri utama, dikatakan wajah pelajar yang ingin dibangunkan.

Pertama, pelajar yang ada pengetahuan- *knowledgeable*; pelajar yang ada kemahiran berfikir; pelajar yang ada kemahiran memimpin; kemahiran dwibahasa atau *bilingual*; etika dan kerohanian; dan identiti nasional. Ciri ini disebutkan sebagai ciri yang boleh menjadikan pelajar sebagai *output* daripada sistem pendidikan kita ini yang boleh bersaing di peringkat global.

#### ■2210

Saya ingin mengajak Yang Berhormat sekalian melihat *output* daripada pendidikan kita beberapa tahun sampai sekarang. Kalau kita tengok *outputnya*, pelajar-pelajar kita lulusan SPM sebahagian besar menganggur, sebahagiannya terlibat dalam kes mat rempit dan lain-lain seumpamanya. Jadi, apakah hasil pendidikan yang telah kita lahirkan? Jadi, kita lihat ada

*discrepancy*, ada cita-cita yang hendak kita capai dengan realiti yang kita sedang hadapi. Saya hendak tanya Kementerian Pendidikan, apakah tindakan yang berupa lompatan saujana yang boleh kita lakukan untuk mencapai *output* pelajar-pelajar yang kita gambarkan tadi?

Berkaitan dengan ini juga, Kementerian Pendidikan meletakkan hendak membangun prasarana, sekolah dan lain-lain di dalam bandar dan di luar bandar yang bertaraf dunia. Kalau kita dengar rintihan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sabah dan Sarawak, kita dengar puluhan kalau tidak ratusan sekolah yang masih ketinggalan zaman. Jadi, kita mahu tanyakan, apa langkah-langkah sekali lagi untuk lompatan saujana untuk mencapai tahun 2020, sekolah-sekolah ini di'*transform*' semua sekali menjadi sekolah-sekolah bertaraf dunia? Apa langkah-langkah yang bersifat lompatan saujana, fasal tinggal empat tahun lagi. Kalau buat biasa-biasa itu seperti jawapan yang selalu dijawab, "Kita sudah buat langkah satu, langkah dua, langkah tiga, langkah empat" tetapi sebenarnya tidak melangkah juga. Jadi, kita hendak kementerian memberikan jaminan supaya akhirnya kepentingan, terutamanya penduduk-penduduk di luar bandar diatasi dengan serta-merta.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kemahiran yang hendak diwujudkan di kalangan pelajar-pelajar tadi sebagai *output* pendidikan kita ialah kemahiran dwibahasa. Kalau kita tengok Tuan Yang di-Pertua akhir-akhir ini, pelajar-pelajar kita yang keluar daripada sekolah kebangsaan, *national schools*, Bahasa Melayu dia *out*, Bahasa Melayu dia juga rosak dan punah, bahasa Inggeris pun tidak reti. Kedua-dua bahasa. Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sudah dicampuri macam bahasa *WhatsApp*, yang ejaannya pun kita tidak boleh hendak baca. Kalau kita baca, kalau saya baca memang tidak boleh faham. Sama-sama mereka, mereka boleh faham. Jadi, standard bahasa kedua-dua bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu merosot dengan derasnya.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengisytiharkan untuk menjadikan- dipilih kira-kira kalau tidak silap ingatan saya, 300 buah sekolah untuk menjadi sekolah dwibahasa. Ada aliran Inggeris, ada aliran Melayu. Ini dikatakan sebagai *pilot project*. Kalau berjaya nanti akan diteruskan, sekolah 30 buah dulu yang nanti akan ada dua aliran. Aliran Melayu, aliran Inggeris mungkin juga ada aliran agama.

Tuan Yang di-Pertua, saya menjadi cikgu ini, menjadi guru, menjadi pendidik, menjadi pengetua, menjadi pensyarah, itu sejak tahun 60-an. Saya tengok antara masalah kita Tuan Yang di-Pertua menjadikan sistem pendidikan kita sebagai makmal uji kaji. Setiap kali datang Yang Berhormat Menteri, setiap kalilah ia berubah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, boleh gulung Yang Berhormat.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Apakah Tuan Yang di-Pertua? Bagi peluang. So, jadikan— akhirnya tidak ada satu yang mantap. Apabila tidak ada satu yang mantap, akhirnya yang cikgu-cikgu, para pendidik yang letih mengikuti kursus, akhirnya ditunggu sahaja pergi kursus, pergi mana, pergi apa. Akhirnya serupa juga, dia buat serupa juga, rutin sahaja. Ini kerana dia tengok nanti datang Yang Berhormat Menteri baru berubah lagi.

Poin saya Tuan Yang di-Pertua ialah mengapa tidak Kementerian Pendidikan melihat secara teliti tentang apakah kaedah dan bahasa yang kita hendak ajar? Kita kena yakin kita boleh gunakan Bahasa Melayu kerana Bahasa Melayu sudah menjadi terbukti puluhan tahun dahulu. Kalau mereka hendak aliran Inggeris, mereka boleh pilih *international school*, ibu bapa yang hendak pilih. Sekarang sudah ada *international school*. Mantan Menteri Pendidikan yang lepas sudah membenarkan *international school* menerima anak-anak ini. Kalau mahu mereka hendak menggunakan aliran Mandarin, boleh pergi sekolah Mandarin dan juga sekolah Cina. Begitu juga dengan Tamil. Jadi, maknanya ibu bapa masih ada kebebasan untuk memilih bahasa yang mereka mahu ikuti tetapi *content* pembelajarannya masih serupa.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita harap hal-hal ini dapat diberikan perhatian. Ini termasuklah nanti soal MBM, MBI, memperkasa Bahasa Melayu dan mengukuhkan bahasa Inggeris. Kita harapkan juga ia jangan *trial and error*. Sekarang ini paling akhir saya dimaklumkan hendak bawa guru-guru India pula. Dulu ada guru Australia, guru-guru India yang Bahasa Inggeris ini boleh bawa ke mari ya. Jadi, kita sentiasa cuba. Kenapa tidak kita pilih guru-guru kita, dilatih betul-betul, diberikan keyakinan, maka mereka boleh berbahasa Inggeris dan diajar mereka ini. *The local teacher's*, yang memang sudah dididik dalam bahasa Inggeris dan menerusi pendidikan latihan Bahasa Inggeris. Mereka ini dilatih dan diberikan latihan secara intensif secara praktis, secara praktikal. Jangan teori sahaja.

Jadi, kalau terutama dalam soal *communication*, dalam soal penulisan- *writing and comprehension* dan hal-hal seperti itu. Maknanya, *basic English competencies* itu dibina di kalangan lokal, di kalangan guru-guru tempatan dengan mengambil *expertise* dari luar. Bukan panggil orang luar. Orang luar ini Tuan Yang di-Pertua, dia ada dia punya lenggok bahasanya, loghatnya dan orang luar pergi masuk ke tempat-tempat di luar bandar, mereka bukan sahaja sudah tidak faham bahasa Inggeris, tidak faham pula dia punya lenggok, dia punya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, kesian Yang Berhormat Pokok Sena, tidak ada peluang nanti Yang Berhormat.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Okey Tuan Yang di-Pertua, saya fikir hal yang terakhir yang saya hendak sebutkan ialah peruntukan. Jumlah peruntukan yang kita beri kepada sesuatu kementerian, kepada sesuatu jabatan? Itu menggambarkan pendirian kita, pendirian kerajaan, pendirian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jadi, kalau kita lihat, peruntukan yang terbesar diberikan ini pada Jabatan Perdana Menteri. Dengan ada 10 orang Yang Berhormat Menteri penuh, dengan dua Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu diberikan bajet RM20 bilion, RM30 bilion. Jadi, berganda daripada yang lepas-lepas. Maknanya, kalau kita tengok fokusnya ialah memperkasa Jabatan Perdana Menteri dengan meletakkan 12 orang, keliling Yang Berhormat Menteri, Perdana Menteri. Apakah isyarat yang hendak disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri? Jadi, saya hendak tanya apakah isyarat yang hendak disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada rakyat dengan 12 orang Yang Berhormat Menteri dengan dua Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, 10 campur 2. Kemudian dengan peruntukan yang besar itu.

Saya hendak tanya juga kepada Tuan Yang di-Pertua, apakah isyarat yang hendak diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan melantik lebih daripada separuh wakil rakyat yang 133 orang dari UMNO- Barisan Nasional, menjadi Menteri dan Timbalan Menteri? Jadi, apakah isyarat hendak disampaikan? Terima kasih, *assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Kalau kita *maintain* 15 minit, cuma boleh empat, lima orang Yang Berhormat. Kalau kita bagi 10 minit, enam atau tujuh orang boleh berucap. Jadi, 10 minitlah ya... [Disampuk] Ya, lima minit. Yang Berhormat Bakri.

**10.18 mlm.**

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Terima kasih kepada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** 10 minit Yang Berhormat ya.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Okey, terima kasih. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan ketua WHIP DAP kerana memberikan peluang pada Bakri untuk turut sama mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2016 peringkat dasar ini. Bakri hanya ingin membawa dua isu dalam ucapan kali ini.

Pertamanya, mengenai beras ST15. Berdasarkan laporan berita sebuah akhbar, polisi subsidi ST15 telah bermula pada tahun 2008. Laporan Ketua Audit Negara pada tahun 2011 telah mendedahkan penyelewengan-penyelewengan yang berlaku dalam pelaksanaan polisi ini. Akan tetapi nampaknya sepanjang tempoh tujuh tahun ini tiada tindakan yang konkrit telah diambil sehinggakan berlakunya insiden 6,000 tan metrik beras ST15 yang tersimpan di dalam gudang milik kilang Dibuk Sdn. Bhd.

■2220

Sepanjang tempoh tersebut, Bakri ingin meminta penjelasan Kementerian berapakah pegawai yang ditangkap dan didakwa dalam perkara ini? Berapakah syarikat, konsesi atau pemegang AP beras yang telah digantung dan disenaraihitamkan? Senaraikan nama syarikat dan nombor pendaftaran syarikat yang telah dikenakan tindakan oleh pihak kementerian.

Laporan akhbar juga menyatakan bahawa sebanyak RM582 juta telah dibelanjakan sebagai subsidi ST15 setiap tahun. Ini melibatkan peruntukan sebanyak lebih kurang RM4 bilion yang telah dibazirkan dan tidak ada seorang pun Menteri yang meletakkan jawatan kerana kegagalan polisi sehinggakan golongan miskin tidak dapat menikmati bekalan beras ini. Sekarang Kerajaan Barisan Nasional mahu membuat polisi baru pula?

Bakri berpandangan kepincangan dan masalah beras ST15 ini bukanlah kerana masalah sistem tetapi kesilapan pihak pelaksana. Seperti masalah-masalah lain dalam negara ini, kegagalan Kerajaan Barisan Nasional dalam melaksanakan urus tadbir yang baik menyebabkan berlaku banyak ketirisan. Oleh hal yang demikian, Bakri menyeru Kerajaan Barisan Nasional

untuk meminta maaf secara terbuka kepada seluruh rakyat kerana pembaziran dan kegagalan polisi ini.

Kerajaan Barisan Nasional terbukti gagal apabila tidak mampu untuk memberikan kelompok miskin beras yang murah sedangkan beras makanan ruji kita. Jika ini pun Barisan Nasional tidak mampu untuk melaksanakan, macam mana hendak menjadi kerajaan?

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, salah satu tujuan TPPA adalah sebagai penampan kepada rangkaian Pasifik untuk melindungi kepentingan ekonomi dan strategik Amerika Syarikat. Adakah kita bakal menjadi 'budak suruhan' Amerika Syarikat? Lebih membimbangkan, sehingga ke hari ini, seluruh negara masih tidak tahu akan kandungan perjanjian tersebut. Bilakah kerajaan akan mendedahkan butiran rundingan itu kepada orang awam?

Bakri juga sangat pelik dengan perkara ini. Setelah kerajaan menyatakan persetujuan, kemudian mahu dibentangkan di Parlimen untuk dibahaskan, adakah selepas perbahasan itu, kerajaan akan menarik balik persetujuan tersebut sekiranya ia tidak menguntungkan Malaysia?

Dalam topik yang sama ini juga, Bakri ingin membangkitkan mengenai isu kehadiran Presiden Amerika Syarikat ke Malaysia yang dijadualkan pada bulan ini, kali kedua dalam tempoh dua tahun berturut-turut. Selepas Yang Amat Berhormat Pekan menjadi Perdana Menteri, secara tiba-tiba Amerika Syarikat menjadi begitu mesra dengan kita. Mungkin kerana membalas jasa Perdana Menteri yang sanggup bermain golf pada saat rakyat sedang bergelut menghadapi banjir pada penghujung tahun lepas.

Selepas kehadiran Obama pada April tahun lepas, Amerika Syarikat telah mula menekan Malaysia untuk turut serta dalam rancangan perang melawan keganasan. Maka, kita telah pun membentangkan dan berbahas mengenai Kertas Putih *Islamic State* (IS) sehingga kita telah menggubal Akta SOSMA dan POTA.

Banyak laporan berita antarabangsa telah mendedahkan bagaimana Jabatan Negara Amerika Syarikat dan sekutunya telah menyalurkan dana dan peralatan ketenteraan kepada mujahidin di Timur Tengah. Malahan, Hilary Clinton juga pernah menyatakan sewaktu di dalam Kongres Amerika Syarikat bahawa negara *Uncle Sam* inilah yang telah menghantar dana untuk melahirkan mujahidin di beberapa buah negara Timur Tengah semata-mata kerana Amerika Syarikat bimbang dengan kemunculan semula Rusia.

Adakah kita perlu membenarkan Presiden sebuah negara yang terbabat dengan tuduhan seperti ini masuk ke negara kita? Seharusnya sehingga semua laporan berita ini selesai disiasat, kita sepatutnya menggantungkan semua pertukaran maklumat dengan Amerika Syarikat terutamanya dalam isu keselamatan. Mereka yang mencipta kekacauan tetapi kemudiannya mereka meminta kita untuk berjaga-jaga. Di manakah logiknya perkara ini? Ternyata, Amerika Syarikat hanya mempergunakan kita untuk menjaga kepentingannya semata-mata.

Bakri juga tertanya-tanya apakah tujuan Obama datang pada kali ini? Adakah untuk memastikan Malaysia menandatangani TPPA dan terus kekal menjadi 'budak suruhan' yang baik kepada Amerika Syarikat?

Dalam isu persenjataan seperti jet pejuang dan kapal perang pula, ia dianggap sebagai satu sistem kelengkapan, bukannya tertumpu kepada jet atau kapal semata-mata. Sekarang ini kita menggunakan jet Sukhoi dan telak mengeluarkan sejumlah perbelanjaan yang besar untuk membeli jet dan kelengkapan termasuklah menghantar juruterbang dan krew menerima latihan pengendalian pesawat ini.

Semua persenjataan yang mahal ini amat bergantung kepada dasar luar kita. Kita memilih untuk cenderung kepada Rusia dalam hal persenjataan dan kemudiannya cenderung kepada Amerika Syarikat untuk alasan ekonomi. Akan tetapi, sejauh manakah kedua-dua kuasa besar ini akan membiarkan Malaysia mengamalkan keadaan ini dan apakah kesannya nanti kepada kita? Bakri ingin membangkitkan persoalan untuk tempoh sepuluh tahun akan datang, adakah kita akan kekal menggunakan sistem jet pejuang daripada Rusia atau beralih kepada negara lain? Akhir sekali, Bakri menolak Belanjawan ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Bharu.

**10.27 mlm.**

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, memang susah ahli politik dan juga peguam untuk bercakap 10 minit tetapi saya cuba.

Tuan Yang di-Pertua, saya pertamanya mengucapkan terima kasih, walau bagaimanapun, kerana dapat peluang untuk bersama membahaskan Belanjawan 2016, belanjawan yang pertama selepas RMKe-11 dan RMKe-11 ini merupakan Rancangan Malaysia yang terakhir sebelum tahun 2020. Perbelanjaan ataupun belanjawan yang bertajuk, "Mensejahtera Kehidupan Rakyat" telah menampilkan belanjawan sebanyak RM267.2 bilion yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Pekan pada 23 Oktober yang lalu.

Saya mempunyai empat poin yang utama yang akan saya huraikan secara ringkas. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa dalam Bajet 2016 kita dapat lihat beberapa inisiatif-inisiatif kerajaan yang telah dilontarkan baik dalam bentuk pemberian langsung mahupun inisiatif percukaian dan sebagainya yang disebutkan untuk mengurangkan tekanan kepada kehidupan rakyat terutamanya kelompok yang paling terdedah kepada kesan negatif keadaan ekonomi umum yang lemah. Begitu juga dalam Belanjawan 2016 telah memperlihatkan kononnya ada perluasan kelompok barangan yang katanya berkadar GST sifar, peningkatan paras gaji minimum, penambahan pemberian langsung BR1M serta pelepasan cukai bagi golongan berpendapatan rendah.

Apa pun Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa seelok dan sebaik mana pun dasar yang telah dibuat oleh sesebuah kerajaan itu, ia hanya akan menjadi nikmat sebenar kepada rakyat sekiranya ia dilaksanakan dengan penuh saksama, tidak ada penyelewengan serta diselia dengan penuh jujur oleh agensi penguat kuasa.

**■2230**

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menekankan satu aspek yang cukup penting dalam sebuah kerajaan ataupun dalam sebuah negara terutamanya seumpama Malaysia ini yang bersifat persekutuan ataupun federalisme. Dalam konteks kerajaan federalisme ini apa yang hendak saya sentuh ialah bagaimana komponen negeri-negeri yang berada di dalam satu federalisme ini harus dilayan dengan begitu baik, harus dilayan dengan saksama dalam apa bentuk keadaan sesebuah negeri tersebut.

Oleh sebab itu saya melihat ada sedikit perkara dalam Belanjawan 2016 ini yang nampaknya tidak memenuhi ataupun tidak menurut sepatutnya konsep federalisme ini. Saya ambil satu contoh, perbelanjaan 2016 ini nampaknya masih lagi bergantung kepada suatu logik zaman kolonial iaitu pembangunan yang ditumpukan adalah lebih di Pantai Barat berbanding dengan Pantai Timur.

Saya ambil satu contoh dalam belanjawan ini misalnya, daripada peruntukan RM267.2 bilion ini terdapat sejumlah peruntukan berjumlah RM42 juta bagi pembinaan Lapangan Terbang Mukah di Sarawak serta kenaikan taraf Lapangan Terbang Kuantan dan Kota Bharu. Diandaikan Lapangan Terbang Mukah yang baru hendak dibina ini jumlahnya RM30 juta, maka tinggal lagi RM12 juta yang akan dibahagikan antara Kuantan dan Kota Bharu. Jadi inilah nasib negeri-negeri yang berada di Pantai Timur Tuan Yang di-Pertua.

Kerajaan Persekutuan juga nampaknya tidak dapat mempertimbangkan cadangan Kerajaan Negeri Kelantan yang cuba menawarkan segala keperluan infrastruktur terutamanya tanah untuk membina satu lagi lapangan terbang baru di daerah Machang di negeri Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mencadangkan kepada Kerajaan Persekutuan hasil daripada perkara yang saya sebutkan tadi, ketidakseimbangan pengagihan pembangunan di antara negeri-negeri di dalam Persekutuan Malaysia ini. Pertamanya, saya hendak mencadangkan supaya bagi memastikan pembangunan yang seimbang antara Pantai Barat dan Pantai Timur, saya ingin mengesyorkan supaya Kerajaan Persekutuan dapat melaksanakan Pelan Fizikal Negara yang mencadangkan supaya satu sistem hubungan kereta api laju ataupun *speed rail* diadakan di Pantai Timur. Sebolehnya tanpa melalui landasan yang juga dibuat oleh kolonial dahulu iaitu melalui Gemas, terus dari Kuala Lumpur Pantai Barat seterusnya ke Pantai Timur Kelantan dan juga Terengganu yang tidak mempunyai kereta api sehingga sekarang ini.

Keduanya saya juga ingin mencadangkan supaya kerajaan memikirkan bagaimana memperkasakan industri-industri tempatan yang berdasarkan kepada budaya dan juga bakat kepakaran yang ada di kalangan rakyat di sesebuah negeri itu. Umpamanya saya mencadangkan supaya industri emas dan perhiasan peribadi diperkasakan di negeri Kelantan di mana di negeri tersebut mempunyai banyak faktor-faktor yang boleh memajukan industri ini.

Begitu lah juga saya tidak ketinggalan mencadangkan supaya Kerajaan Persekutuan dapat memikirkan untuk mewujudkan negeri Terengganu di Pantai Timur juga sebagai sebuah pangkalan utama industri perikanan di dalam negara kita ini.



Dengan kata lain, wilayah Pantai Timur yang masih kurang tercemar di samping kaya dengan alam semula jadi serta flora dan faunanya boleh dimajukan sebagai pusat penyelidikan dan pembangunan teknologi hijau yang dirasakan amat sesuai di wilayah Pantai Timur.

Isu yang kedua mengenai isu antarabangsa Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan khususnya Kementerian Luar Negara mengenai cadangan ataupun usaha perdamaian di selatan Thailand yang mana pada 28 Februari 2014 yang lalu, Kerajaan Thailand telah pun bersetuju untuk melantik Kerajaan Malaysia menjadi sebagai *facilitator*, dengan izin, ataupun pemudah cara bagi mencari suatu langkah perdamaian antara Kerajaan Thailand dengan pejuang-pejuang pembebasan selatan Thailand.

Saya sebagai wakil rakyat dari negeri Kelantan amat merasakan apabila berlakunya suasana yang tidak tenteram di negara jiran di Thailand maka kita yang berada di negeri-negeri yang berada di sempadan juga merasai bahang kepada rasa tidak selamat yang berlaku di negeri kita. Itu yang kedua.

Ketiganya, saya mengambil kesempatan ini untuk merekodkan suatu penghargaan saya kepada pasukan Polis Diraja Malaysia Negeri Kelantan yang telah berusaha bersungguh-sungguh untuk menyelesaikan ataupun membendung angkara kes-kes jenayah di negeri Kelantan. Sehingga bulan Mei 2014, polis Kelantan telah berjaya menurunkan indeks jenayah sebanyak 2% dan dengan harapan akhir tahun 2015 ini sehingga mencecah kepada 5%.

Isu yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, ini isu yang tidak popular mungkin di kalangan sesetengah orang. Kebetulannya Yang Berhormat Bera berada di dalam Dewan pada hari ini. Saya ingin mendapat kepastian daripada kerajaan mengenai langkah kerajaan untuk menilai semula kebenaran penggunaan *vape* di kalangan rakyat Malaysia.

Saya tidak tahu kenapa Yang Berhormat Bera yang menjadi Menteri Pertanian begitu berminat dalam isu *vape* ini dan saya merasakan bahawa beliau mungkin telah berjaya melobi di dalam Kabinet sehingga *vape* ini yang pada asalnya nampak seolah-olah ingin diharamkan oleh kerajaan sebagaimana yang diharamkan di Singapura, sebagaimana yang diharamkan di negara hiburan- di Thailand, dan juga negara yang kuat merokok, di Indonesia telah ada undang-undang untuk *diban...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat tidak ada masa Yang Berhormat.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Ataupun diharamkan. Jadi saya ingin dapat penjelasan lah daripada kementerian yang berkenaan, kenapa dan mengapakah? Adakah kerajaan tidak ingin mengambil pandangan terutamanya bagi orang Islam di kalangan mufti-mufti yang telah membuat fatwa bahawa *vape* ini haram sebagaimana haramnya rokok dan berdasarkan kepada alasan-alasan yang diberikan. Jadi untuk itu saya mengakhiri ucapan perbahasan saya. Terima kasih. *Assalamualaikum*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, tepat sepuluh minit Yang Berhormat. Yang Berhormat Bukit Gelugor.

**10.57 mlm.**

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua bagi memberi saya peluang untuk menyertai perbincangan Bajet 2016.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang saya ingin- saya faham masa saya singkat. Jadi saya akan meringkaskan apa yang hendak saya nyatakan kepada hanya tiga perkara Tuan Yang di-Pertua.

Pertama sekali isu berkenaan dengan bajet hari ini, seperti yang kita tahu kegawatan ekonomi yang dialami oleh negara ini pada hari ini. Apa yang penting Tuan Yang di-Pertua kita kena tanya kenapakah kita mengalami ekonomi yang semakin merosot sehingga nilai mata wang kami berbanding mata wang *US Dollar* semakin merosot terutamanya dalam tahun 2015.

Pendapat saya Tuan Yang di-Pertua, yang penting adalah sama ada dengan izin, terdapatnya lagi *confidence, whether there is confidence any longer in the leadership of this country*. Itu lah isu utama yang perlu kita ambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita malangnya menyaksikan beberapa isu ataupun insiden yang berbaur perkauman. Insiden di Plaza Low Yat Tuan Yang di-Pertua, adalah suatu *reminder* dengan izin bahawa perkauman ataupun, dengan izin, *there is a delicate balance between races in this country*. Ini adalah bersangkutan dengan ekonomi negara Tuan Yang di-Pertua oleh sebab sekiranya terdapat ketidakstabilan daripada segi perkauman, kekacauan dan sebagainya sudah tentunya ini akan mempunyai *effect* yang negatif terhadap pelaburan asing dan pelaburan lain.

**■2240**

Kes Mohd Ali Baharom ataupun lebih dikenali sebagai Ali Tinju, Tuan Yang di-Pertua kita tahu apa yang dia buat di Plaza Low Yat. Satu dunia ini boleh lihat di *YouTube*, apa dia cakap satu dunia ini boleh dilihat ataupun melihat dia cuba memprovokasi satu kaum terhadap kaum lain. Kita tahu apa niat Ali Tinju ini, baru-baru ini dia buat kecoh lagi di Melaka. Nasib baik, Menteri Besar atau *Chief Minister of Melaka* memberi dia tahu jangan ke Melaka tetapi apa yang perlu kita mengambil ataupun memetik di sini Tuan Yang di-Pertua, adalah apa dibuat daripada segi undang-undang untuk kontrol orang seperti Ali Tinju ini?

Sekiranya Ali Tinju ini tidak dan orang seperti itu tidak diberitahu atau diberi amaran melalui tindakan undang-undang, apa *leadership crisis* di dalam negara akan terus merosot. Peguam Negara Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Mohamad Apandi Ali baru-baru ini mengatakan bahawa pertubuhan-pertubuhan terhadap Ali Tinju ini tidak akan diteruskan oleh sebab tiada bukti yang kukuh. Ini adalah satu dengan segala hormatnya, perkara yang susah untuk kita percaya. Seperti yang saya kata satu dunia boleh lihat dari *YouTube* apa yang Ali Tinju buat.

Bukan sahaja Ali Tinju, Tuan Yang di-Pertua. Bagaimana pula dengan orang-orang lain yang terlibat dalam kes-kes seperti itu. Adakah saya hendak tahu dari kerajaan adakah memandangkan keadaan-keadaan seperti ini, adakah kerajaan *seriously* berniat untuk memperkenalkan undang-undang Tuan Yang di-Pertua. Memperkenalkan undang-undang untuk menyekat *the menace of racism*, dengan izin. Ini adalah penting di UK, di Australia, Bolivia juga,

Tuan Yang di-Pertua saya ada senarai di sini tapi memandangkan masa suntuk, saya tidak dapat- *I can't go into it.*

Akan tetapi satu perkara yang dalam pengetahuan am, bahawa *racism* ini satu perkara yang perlu di sekat daripada segi undang-undang tapi di negara ini kita tidak ada sebarang undang-undang Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua pun tahu. Tiada sebarang undang-undang di negara ini yang menyekat *racism*. Oleh itu orang seperti Ali Tinju akan membuat atau mengulangi apa yang dia buat kerana dia tidak takut. Ini adalah bertambah teruk, memandangkan kita mempunyai seorang Peguam Negara yang amat lemah- *we have the greatest of respect*, dengan izin, "*A weak attorney general*". *This* dengan izin *surely will affect public confidence* yang akan mempunyai kesan yang buruk Tuan Yang di-Pertua terhadap ekonomi negara yang semakin merosot.

Isu yang seterusnya Tuan Yang di-Pertua adalah berkenaan dengan itu isu mata wang. Kita tahu *the currency*, isu mata wang sekarang semakin merosot. Apa yang perlu dibuat Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan tersepit-sepit seperti itu kita dengar daripada Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz. Walaupun dia kata, mata wang itu akan pulih tetapi, "*We have no indication of that happening*". Ini satu isu yang mempunyai *effect* dan kesan kepada rakyat biasa Tuan Yang di-Pertua.

Sekiranya saya hendak berniaga dengan negara-negara asing sudah tentunya saya tidak boleh. Sudah tentunya ada sebab mata wang sekarang amat lemah, harga naik, harga kos *manufacturing* naik. Saya ada banyak kawan yang membuat *business* Tuan Yang di-Pertua dengan negara-negara asing menggunakan *US Dollar*. Secara paksanya terpaksa tutup perniagaan-perniagaan mereka. Apa bajet ini, apakah *plan* dalam bajet ini Tuan Yang di-Pertua untuk *tackle* masalah tersebut?

Saya tidak nampak. Saya tidak nampak ada apa *plan* yang konkrit, kita hendak bagi BR1M. Berapa dia orang hendak bagi RM50? itu tidak akan ada kesan terhadap mata wang. Apa yang penting Tuan Yang di-Pertua, kita perlu *restore public confidence*. *We have to*, dengan izin, *restore public confidence in the leadership of Najib Tun Razak*. Ini sahaja, perlu dibuat untuk memulihkan keadaan ekonomi sekarang. Tiada sebarang langkah dinyatakan di dalam Bajet 2016 ini untuk mengatasi masalah *leadership crisis*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Balik kepada isu mata wang, Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang saya nyatakan tadi, kita dan ada dengar dari Gabenor Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz isu 1MDB adalah berkenaan bersangkut Tuan Yang di-Pertua dengan kenapa nilai mata wang semakin merosot. Tindakan memecat mereka yang bertanggungjawab untuk menyasat 1MDB, Peguam Negara MACC *ditransfer* dan sebagainya. Ini sudah tentunya, akan menakutkan pelaburan asing walaupun kita baru dengar ini dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa pelaburan asing meningkat.

Akan tetapi apakah *effect long term*? Apakah kesan *long term*? Tuan Yang di-Pertua sekiranya kita tidak menangani isu 1MDB ini secara telus dan *transparent*. Baru-baru ini kita ada dengar kita ada menyaksikan Ahli Gelang Patah digantung enam bulan. Digantung enam bulan Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab, apa yang dinyatakan di Dewan yang mulia ini tetapi apa yang

dinyatakan di Dewan yang mulia ini oleh Yang Berhormat Gelang Patah adalah berkenaan dengan isu yang sebegitu serius sekali. Bukan saya kata, saya tidak akan komen berkenaan dengan pergantungan tersebut tapi apa yang saya ingin menekankan di sini Tuan Yang di-Pertua, adalah *this whole budget*, dengan izin, *misses the point*.

Keseluruhan bajet ini, tidak mengambil kira isu pokok ataupun isu utama mengenai masalah-masalah di negara ini. Jadi saya ingin mengambil tahu daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita hendak tahu berkenaan dengan duit RM2.6 bilion tersebut. Saya ada tanya soalan, soalan tidak jawab bukan saya seorang yang ditanya ataupun bertanya ramai bertanya tapi tidak berjawab. Dia kata dia akan jawab pada tarikh yang lain. Kenapakah isu itu diberi *why is the issue* diberi keutamaan sehingga kita perlu tunggu kepada satu tarikh lain untuk jawapan?

Ini Tuan Yang di-Pertua saya boleh berhujah sehingga esok pagi tapi saya tidak ada peluang untuk berhujah sehingga esok pagi tetapi saya ingin menekankan dengan rendah hati dan segala hormat Tuan Yang di-Pertua bahawa adalah perlu untuk tindakan segera diambil. Tindakan segera diambil untuk isu 1MDB ini diselesaikan. Kita perlu ambil tindakan segera untuk *restore public confidence in judiciary*, dengan izin. Oleh sebab ini, memberi kesan *direct* ataupun kesan langsung kepada pelaburan asing. Sudah tentu orang asing tidak akan ataupun takut untuk melabur di negara ini sekiranya dia tidak *confident* atau yakin...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, boleh habiskan Yang Berhormat Bukit Gelugor.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Yang arif, Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf. Isu terakhir. Isu terakhirnya adalah berkenaan dengan isu pembunuhan Altantuya Shaariibuu. Dalam bulan Mac tahun ini, Tuan Yang di-Pertua saya ada bangkitkan soalan sama ada proses ekstradisi Sirul Azhar Umar, salah seorang pembunuh dari Australia telah pun dimulakan.

■2250

Saya diberikan jawapan bahawa proses itu akan dimulakan, itu dalam bulan Mac tetapi sampai sekarang kita belum tahu, tidak ada apa berita berkenaan isu tersebut dan baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, kita ada menyaksikan satu dokumentari di Al-Jazeera ataupun program Al-Jazeera yang menimbulkan pertuduhan yang baru. Jadi saya akan menggulung dan mengakhirkan hujahan saya Tuan Yang di-Pertua dengan bertanya kepada Kementerian Dalam Negeri, adakah tindakan diambil oleh sebab sekiranya isu ini tidak diselesaikan, dakwaan-dakwaan Sirul yang baru ini tidak dijawab, disiasat dan diselesaikan, ini sudah tentu akan memberikan satu *effect* dan kesan yang buruk kepada ekonomi negara ini. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat SibU.

10.55 mlm

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk membahaskan dalam perbahasan Bajet 2016 ini. Tuan Yang di-

Pertua, saya di sini mahu menekankan bahawa GST memang merupakan satu polisi cukai yang memang membebankan rakyat. Di kawasan saya, saya diberitahu bahawa ada syarikat-syarikat kecil yang harus meminjam wang untuk membayar GST kerana kebanyakan syarikat-syarikat kecil ini mereka tidak mengutip hutang mereka setiap bulan. Kebanyakan syarikat-syarikat kecil ini hanya mengutip cukai dalam tempoh tiga bulan. Jadi GST ini memaksa mereka membayar GST setiap bulan. Jadi mereka tidak ada duit yang banyak untuk membayar GST dan mereka harus meminjam dari bank untuk membayar GST. Tuan Yang di-Pertua, GST ini bukan sahaja satu faktor yang mengakibatkan harga barang naik, ia juga menyusahkan kebanyakan syarikat-syarikat kecil di kawasan saya. Jadi saya meminta dan memohon kerajaan supaya menghapuskan sistem GST ini supaya tidak begitu membebankan rakyat.

Isu selanjutnya yang saya ingin bangkitkan di sini ialah isu banjir di kawasan Sungai Bidut di kawasan Sibu. Saya sudah banyak kali membangkitkan isu banjir di Sungai Bidut dalam sesi Parlimen yang lalu. Dalam sesi Parlimen yang lalu, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar juga memberikan jawapan bahawa kementerian akan membina sebuah stesen pam air di kawasan Sungai Bidut untuk mengatasi masalah banjir di sana. Tuan Yang di-Pertua, tetapi kalau jawapan yang diberikan pada bulan Jun tahun ini oleh Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar yang menyatakan bahawa kementerian sudah meninggalkan projek itu.

Dalam jawapan tersebut, mereka tidak menyatakan apakah cadangan lain agar diadakan daripada kementerian untuk mengatasi masalah banjir di Sungai Bidut. Jadi saya di sini memohon kementerian supaya memberikan satu peruntukan atau mengadakan satu *flood mitigation project* fasa kedua di Sungai Bidut. Jangan biarkan begitu sahaja kerana masalah banjir di Sungai Bidut amat teruk. Setiap tahun penduduk-penduduk di Sungai Bidut akan mengalami masalah banjir dan kebanyakan kebun akan dirosakkan dengan masalah banjir ini.

Oleh itu, kerajaan harus- saya mencadangkan supaya kerajaan memperuntukkan RM5 juta sahaja untuk mengatasi masalah banjir di Sungai Bidut, Sibu. Di kawasan Sungai Bidut bukan sahaja ada masalah banjir tetapi juga ada masalah bekalan air dan elektrik yang tidak stabil. Ia disebabkan oleh sistem atau *we call network*- bekalan air atau elektrik yang sudah lama tidak dinaiktarafkan. Jadi saya juga memohon kerajaan supaya memberikan satu peruntukan untuk menaiktarafkan sistem bekalan air dan elektrik di kawasan Sungai Bidut. Sungai Bidut sekarang sudah di pertengahan jalan dari Sibu ke Tanjong Manis. Jadi Tanjong Manis merupakan kawasan projek skor bagi Sarawak. Jadi sudah boleh tengok Sungai Bidut memang merupakan sebuah kawasan yang berpotensi untuk pembangunan. Oleh itu bekalan air dan elektrik ini amat penting untuk dibangunkan serta dinaiktarafkan supaya pada masa akan datang tidak akan mengganggu projek pembangunan di sana.

Tuan Yang di-Pertua, sudah banyak kali saya membangkitkan *Pan Borneo Highway* di dalam Dewan yang mulia ini. Saya masih ingat apabila saya baru dipilih untuk menjadi Ahli Parlimen Sibu, isu pertama yang saya bawa ke dalam Dewan yang mulia ini ialah *Pan Borneo Highway* pada tahun 2013. Saya masih ingat pada tahun itu apabila saya membangkitkan *Pan Borneo Highway*, Menteri yang memberikan jawapan bahawa walaupun *Pan Borneo Highway*

dinaiktarafkan, masalah kemalangan tidak akan dapat dielakkan. Kalau jalan menjadi lebih baik, lebih banyak kemalangan akan berlaku jadi kementerian tidak berhasrat untuk menaiktarafkan *Pan Borneo Highway*.

Akan tetapi pada tahun 2014 dalam Bajet 2014, kementerian membuka polisi mereka. Mereka mengatakan akan memperuntukkan RM380 juta untuk membina 95 *over taking lanes* sepanjang *Pan Borneo Highway*. Selepas itu dalam Bajet 2015, kementerian membuka lagi polisi mereka dengan mengatakan mereka akan menaiktarafkan sepanjang *Pan Borneo Highway* kepada dua buah lorong, dua hala yang berjumlah RM12 bilion pada masa itu. Akan tetapi pada tahun ini dalam Bajet 2016, polisi ditukar lagi.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan bahawa projek lebuh raya *Pan Borneo Highway* yang *the cost* berjumlah RM16.1 bilion. Jadi di sini saya mahu bertanyakan tentang adakah projek *Pan Borneo project* ini yang diubah pada tahun ini, adakah sama seperti yang diumumkan pada tahun lepas atau kerajaan hanya *recycling project* yang sudah diumumkan dalam Bajet 2016 ini. Apakah bezanya projek yang diumumkan ini dari tahun lepas? Saya minta kementerian memberikan penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, satu isu baru yang saya ingin bangkitkan di sini mengenai kedai pajak dan pinjaman wang semakin banyak dibuka di kawasan saya di SibU. Kadar *interest* mereka adalah lebih tinggi daripada bank. Adakah kerajaan sedar bahawa banyak penjawat awam yang meminjam wang dari kedai-kedai itu mengalami masalah kewangan yang teruk. Mereka meminjam, selepas itu tidak mampu membayar balik mengakibatkan kesesakan kewangan berlaku di kalangan mereka.

#### ■2300

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, boleh habiskan Yang Berhormat.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Jadi, saya di sini ingin memohon kementerian memberikan penjelasan bahawa berapakah jumlah bilangan lesen kedai pajak dan pinjaman wang ini dikeluarkan oleh kerajaan dan apa syarat-syarat untuk mereka memohon lesen sebegini. Adakah kerajaan sedar kedai-kedai pajak dan pinjaman wang ini telah mengakibatkan satu masalah masyarakat yang baru?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Habiskan.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Saya ada satu lagi isu saya mahu bangkitkan di sini. Saya tahu kerajaan sudah mengkadar sifarkan ubat kawalan, semua ubat kawalan. Akan tetapi, saya juga di sini ingin memohon kerajaan supaya mengkadar sifarkan *Chinese medicine* kerana *Chinese medicine* merupakan satu perubatan yang amat penting bagi golongan Cina. Saya rasa sekarang kaum lain juga banyak mendapatkan rawatan *Chinese medicine, traditional medicine*. Jadi kalau kerajaan memang prihatin kepada rakyat, saya rasa bukan sahaja ubat kawalan saya, kerajaan juga haruslah mengkadar sifarkan *traditional Chinese medicine*. Ini kerana saya diberitahu, sekarang banyak *traditional Chinese doctor practitioner* banyak *graduate* dari China dan Taiwan. Mereka balik Malaysia mempraktikkan profesion mereka sebagai *traditional*

*practitioner*, tetapi apa yang membezakan mereka ialah mereka tidak dapat rawatan yang sama seperti yang kerajaan berikan kepada *western medical practitioner*. Mereka ada kadar sifar ubat, tetapi *Chinese medicine* tidak ada.

Jadi, saya harap dan memohon kerajaan mempertimbangkan isu ini supaya kadar sifarkan *traditional Chinese medicine* also kepada golongan ini. Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Miri. Dia kena bangun, baru boleh panggil Yang Berhormat ya.

### 11.03 mlm.

**Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama membahaskan Bajet 2016. Tuan Yang di-Pertua, dalam senarai yang pertama di sini mengenai GST. Dari sudut mana sekali pun kita lihat GST ini, rakyat yang menanggung beban kerana pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) ini terbukti telah membebankan rakyat terutamanya di pendalaman Sarawak. Dengar sahaja tentang GST, perkara pertama yang akan terlintas di kepala rakyat sudah pastilah tentang kenaikan harga barang disebabkan cukai yang dikenakan kerajaan. Contohnya seperti di Bario, sebelum GST, harga barangan sememangnya sudah mahal akibat kos pengangkutan yang tinggi. Harga minyak diesel di Bario pernah RM10 seliter, manakala tong gas petroleum (LPG) 14 kilogram pula berharga RM148 setong. Makanan keperluan seperti gula pula pernah mencecah harga RM6 untuk sekilogram, manakala RM10 untuk minyak masak dan RM4 tepung gandum dengan berat yang sama.

Kos hidup yang amat menekan ini disebabkan keadaan muka bumi Sarawak yang bergunung-ganang, berlembah dan sungai yang luas, faktor lokasi dan kesukaran pengangkutan yang mana jalan masuk ke perkampungan ini hanya boleh dihubungi dengan menggunakan pesawat khas kecil atau dengan kenderaan pacuan empat-roda melalui jalan balak yang mengambil masa hingga 12 jam dari Miri. Semua aspek perbelanjaan rakyat ketika ini mengalami kenaikan, tidak kira sama ada seseorang itu orang kaya atau orang miskin. Malah, ramai juga bersungut kerana aktiviti kesukaan harian iaitu sehingga minum teh tarik bersama rakan-rakan pun turut dikenakan GST.

Selain itu, walaupun ada barangan tertentu dikecualikan GST, tetapi apabila mereka membelinya di pasar raya, semuanya dikira sekali dan daripada jumlah keseluruhannya tetap juga dikenakan tambahan 6% itu. Memang ada barangan tertentu turun harga seperti mana yang digembar-gemburkan kerajaan, namun ia langsung tidak dirasai rakyat. Apa yang mereka rasa hanyalah kenaikan harga barang sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan gaji minimum. Saya akan bersama rakan-rakan di sebelah sini membantah tindakan kerajaan yang tidak prihatin kepada pekerja sektor swasta, di mana gaji minimum dinaikkan kepada RM1,000 untuk Semenanjung Malaysia dan RM920 untuk Sabah dan Sarawak. Maka, saya cadangkan agar gaji minimum antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak perlulah diselaraskan.

Perbezaan gaji minimum untuk pekerja di Semenanjung Malaysia serta Sarawak dan Sabah adalah tidak munasabah. Kos sara hidup di Sabah dan Sarawak adalah lebih tinggi berbanding Semenanjung Malaysia. Jadi, Mengapakah kadar gaji minimum di Sabah dan Sarawak lebih rendah?

■2310

Perlu juga diingatkan akibat perbezaan jarak yang ketara ini telah meningkatkan kos beberapa jenis barangan di Sabah dan Sarawak bagi menampung kos pengangkutan. Malah harga petrol di banyak tempat di Sarawak adalah lebih mahal berbanding kawasan-kawasan lain berikutan faktor tersebut. Jadi tiada apa yang boleh dibanggakan dengan kadar baru gaji ini. Ia tidak menampakkan keseriusan pihak kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara berpendapatan tinggi pada tahun 2020.

Hadiah baru ini hanya melibatkan jurang pendapatan antara yang kaya dan miskin serta jurang di antara pekerja di Semenanjung serta Sabah dan Sarawak. Maka dengan hujah-hujah saya sebentar tadi dengan ini saya mohon tidak untuk menyokong Belanjawan 2016. Sekian, terima kasih [*Tepuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** 20,616 lama lagi itu Yang Berhormat [*Ketawa*]

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Empat orang ada 15-20 minit, 30 minit.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Lima, lima.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Lima orang, lima minit seorang Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Aduh [*Ketawa*]

**Seorang Ahli:** Sepuluh minitlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Runding bagus-bagus. Sepuluh minit tidak boleh. *I can't extend.*

**Seorang Ahli:** Lima minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *No.*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sambung sampai pukul 12 lah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Mana ada peraturan macam itu. Usul 11.30 malam. Tidak boleh. Tidak boleh macam itu Yang Berhormat. Kita ada baik hati ini. Sudah baik hati banyak, baik hati sampai 11.30 malam.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Runding bagus-bagus. Yang Berhormat Indera Mahkota kalau boleh enam minit, tujuh minit. Yang lain itu runding bagus-bagus ya mana satu yang hendak berucap mana satu tidak boleh berucap.



**11.13 mlm.**

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita membentang bajet atau belanjawan tiap-tiap tahun. *That is no such thing as a perfect budget.*

Tuan Yang di-Pertua saya hendak nyatakan bahawasanya belanjawan ini merupakan seperti sebutir gelas yang diisi dengan separuh penuh air. *Another half glass with half full of water.* Jadi ada di antara kita yang membicarakan tentang *half full of water* tetapi saya hendak membicarakan tentang yang *the half empty of water.*

Pertama saya hendak nyatakan oleh sebab masa terlalu suntuk bagaimana kita katakan bajet ini bajet yang baik. Sedangkan kalau kita tengok daripada beberapa tahun yang lalu, daripada 1997 hutang negara RM90 bilion kini sudah menjangkau RM600 bilion lebih dan jikalau dikirakan sekali dengan *contingent liability* yang lain ia telah menjangkau RM840 bilion ataupun satu peratusan yang amat tinggi daripada segi KDNK.

Jadi oleh itu Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa tidak memiliki kewangan yang mencukupi dan apa yang dilakukan oleh kerajaan, mengenakan GST. Sedangkan dalam keadaan yang hari ini kita lihat bahawasanya apabila kerajaan menaikkan harga minyak atau menghapuskan subsidi, menaikkan harga minyak barangan naik. Kemudian dikenakan *toll rate* naik, barang naik. Elektrik tarif dia naik, barang lagi naik. Kemudian mata wang kita jatuh barang lagi naik. Dalam keadaan barang yang naik berlipat ganda, kita melihat kerajaan masih mahu melaksanakan GST yang ringkasnya membebankan rakyat.

Jadi Tuan Yang di-Pertua pada hemat saya, ada cara lain bagi kita mencari hasil ataupun memastikan bahawasanya kita boleh menuju ke arah belanjawan yang seimbang. Tuan Yang di-Pertua, saya masih dengar pada beberapa tahun yang silam dalam Dewan yang mulia ini, di mana apabila belanjawan di bentang oleh kerajaan dibawa contoh daripada Al-Quran bahawasanya bagaimana tujuh tahun lembu gemuk dan lembu kurus. Saya malas hendak cerita panjang-panjang sebab masa suntuk.

Bererti bahawasanya tujuh tahun- Al-Quran telah menunjukkan bahawasanya, *good times* tujuh tahun, *bad times* tujuh tahun. Ertinya kalau kita tengok sekarang memang benar, kita gaduh harga minyak turun tetapi kita telah jelas dalam Dewan yang mulia ini juga Menteri Barisan Nasional juga yang membentangkan belanjawan mengatakan bahawasanya dalam keadaan tujuh tahun yang baik kita mesti buat persiapan dengan tujuh tahun yang kurang baik.

Kalau kita lihat harga komoditi, barang naik tetapi peneroka FELDA kelapa sawit turun, yang menoreh getah, getah tidak ada harga. Minyak dan gas turun harga. Satu ketika dahulu USD100 *per barrel*, USD80 *per barrel*, sekarang sudah jatuh sampai USD30 hingga USD40 *per barrel*. Bererti semasa dalam keadaan ekonomi baik kita tidak ingat kepada ekonomi yang kurang baik di masa akan datang. Jadi oleh itu saya berpendapat bahawasanya kita tidak mengambil iktibar daripada apa yang kita sendiri bercakap dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan bahawasanya selain daripada kita mengenakan cukai seperti cukai GST yang kita hendak hujah panjang-panjang akhirnya ia membebankan

rakyat, kita sebenarnya ada cara-cara yang lain yang boleh kita menentukan yang bajet kita boleh menuju ke arah bajet yang seimbang. Kerajaan menyasarkan bahawa tahun 2020 kita boleh mengimbangkan bajet. Bagi pandangan saya mengapa kita hendak tunggu 2020 sedangkan kita boleh lakukan pada tahun 2017.

Saya ingin membuat beberapa syor nanti Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita lihatlah ini masalah GST, Imam Nawawi apabila dalam satu Sirah, Imam Nawawi adalah seorang Imam yang cukup masyhur. Apabila raja hendak mengutip cukai untuk berperang dengan negara jiran dengannya, semua ulama mengatakan bahawa kita boleh kutip cukai. Akan tetapi Imam Nawawi dia seorang sahaja katakan tidak boleh kerana ada sebab-sebab bahawasanya raja ataupun pemerintah ketika itu memiliki jongkong-jongkong emas, memiliki gundik-gundik yang mempunyai harta, yang mempunyai gelang dan intan berlian yang harus diraut dahulu, di beres, dijual dahulu sebelum menyusahkan rakyat. Ertinya pengajaran seperti itu tidak diambil kira oleh pemerintah hari ini walaupun ia didendangkan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin terus membuat cadangan bahawasanya kerajaan boleh menuju kepada belanjawan yang seimbang sekiranya kerajaan sendiri mengambil titik berat dalam usaha-usaha penjimatan perbelanjaan. Saya hendak syorkan dalam masa yang amat singkat, bahawasanya kerajaan boleh dengan pertamanya menumpu kepada hanya *core business*. Kerajaan tidak perlu berniaga lagi. Kerajaan buat macam MAS, MAS boleh rugi. PERWAJA, PERWAJA pun boleh rugi dan banyak lagi kerugian kita yang kerajaan cuba menceburi dalam bidang perniagaan tetapi ia tidak menjadi.

Saya kira kerajaan kena kembali kepada *the core business that the government* dengan izin, *has no business to be in business because business of the government is to govern*. Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya- yang kedua ialah untuk meneliti dengan rapi laporan daripada *Auditor General*. Saya kira banyak cadangan-cadangan daripada *Auditor General* yang boleh kalau dilaksanakan dengan baik boleh menjimatkan perbelanjaan kerajaan.

Ketiga, saya hendak mencadangkan supaya kaji semula semua projek penswastaan. Tadi kita dengar umpamanya Yang Berhormat Johor Bahru yang menceritakan bahawasanya perjanjian yang berat sebelah dan kadangkala dan ia merugikan kerajaan. Apabila merugikan kerajaan ia ertinya merugikan rakyat. Saya hendak cadangkan kerajaan mengkaji semula semua projek penswastaan sama ada tol, IPP, SPANCO dan sebagainya supaya ia lain kali lebih telus dan dapat kita menjimatkan wang rakyat dengan secara yang baik.

#### ■2320

Perkara yang keempat saya hendak cadangkan kerajaan tidak lagi menzahirkan *negotiated tender*. *Full stop*. Jangan ada lagi *negotiated tender* sebab kita sudah lihat. Saya dengar macam Yang Berhormat Pandan umpamanya membuat satu contoh sama ada benar atau tidak benar, saya minta Menteri jawab. Yang Berhormat Pandan kata harganya ITM atau hospital yang bermula dengan RM600 juta mungkin meningkat lebih sampai berbilion-bilion ringgit. Kalau ianya benar, inilah yang menyebabkan ketirisan duit rakyat atau duit kerajaan.

Oleh itu saya hendak cadangkan supaya *there will be no more negotiated tenders*. Kalau ada kita katakan bahawasanya bagaimana kita hendak menolong bumiputera? Kita adakan *part* bumiputera 30% daripada tender *to be* bumiputera, biar dia tender sesama bumiputera. Sesiapa juga yang mendapat harga terendah dan mampu membuat kerja, biar kita berikan kepada yang terendah. Saya percaya kita boleh menjimatkan banyak wang di situ.

Perkara yang kelima saya hendak cadangkan supaya dengan izin, *there should be an optimization of executive and civil service*. Ini Menteri kalau kita lihat, dahulu semasa saya berada dalam kerajaan, situ sampai situ sahaja. Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen. Sekarang ini sudah sampai situ. Saya ingat esok kalau kita tidak jaga sampai sini, Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen. *So, there must be optimization* dengan izin, *of executive* dan juga pegawai-pegawai kerajaan yang dunia mengetahui bahawasanya kita punya *civil service is the most bloated civil service* dengan izin, dan antara yang terbesar di dunia, per kapita.

Dan yang paling mustahak seperti mana kerajaan pernah menyatakan bahawasanya rasuah merupakan musuh negara yang pertama. Akan tetapi kita tidak menunjukkan sikap yang kita mahu menghapuskan rasuah dengan sebenar-benarnya. Kalau kita lihat kes 1MDB, kita tahu bahawasanya 1MDB dibicarakan oleh ramai orang. Akan tetapi apabila ada badan untuk menyiasat kes 1MDB, ramai sudah bercakap tadi, saya tidak mahu ulang-ulang. Makanya sama ada di SPRM, polis atau di mana juga PAC, semuanya dijalankan, disekat. Kami tidak mengatakan Awang Dolah, sesiapa sudah *guilty*. Akan tetapi *they are all innocent*. Daripada Perdana Menteri sampai pegawai semua *innocent*. Yang kita mahu adalah penyiasatan, mengapa penyiasatan itu disekat? Sama ada kerajaan hendak nafi atau tidak nafi sekatan itu, tetapi penglihatan kami sebagai rakyat sesungguhnya ada *hidden hand* yang tidak mahu penyiasatan diteruskan. *If there is nothing to hide*, dengan izin, mengapa kita perlu sekatkan segala penyiasatan yang sedang berlalu.

Tuan Yang di-Pertua, ini laju sangat sampai saya sudah hilang poin. Terima kasih saya akan teruskan lagi untuk 20 minit. Jadi penjimatan, saya kira penjimatan dan penutupan ketirisan, mengutamakan keutamaan *fiqh aulawiyat* dalam istilah Islam mesti kita perlihatkan dengan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, kita di dalam membenteng belanjawan, ianya haruslah adil. Adil ini bukan hanya benteng belanjawan, tetapi apa juga kita lakukan hendaklah adil. Saya hendak mencadangkan Tuan Yang di-Pertua bahawasanya demi keadilan, saya minta Menteri yang bertanggungjawab tentang tentera ataupun Jabatan Perdana Menteri meneliti tentera-tentera kita yang bersara yang tanpa berpencen. Saya percaya bahawasanya mereka telah berkhidmat dengan begitu hebat. Saya minta kalau boleh kerajaan mengkaji pencen sekurang-kurangnya dapat menyara anak, memberi sesuap nasi kepada anak dan keluarga mereka.

Tuan Yang di-Pertua, begitu jugalah kalau keadilan kita hendak berikan saya hendak mencadangkan di sini bahawasanya Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri cuba melihat keadaan seorang bekas Timbalan Perdana Menteri yang duduk merengkok dalam

penjara yang kira-kira menghadapi masalah kesihatan yang perlu diberi perubatan yang sepatutnya. Berapa minit lagi Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah habis Yang Berhormat.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah habis.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Dua minit?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah habis.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Oh, sudah habis. Kalau sudah habis, saya hendak begitulah. Saya hendak bawa sedikit masalah alam sekitar. Satu *line* sahaja. Yang Yang Berhormat Kuantan telah membawa selama 15 minit. Saya sokong pandangan Yang Berhormat Kuantan dan saya minta kerajaan menanggung dulu eksport *of bauxite* sehingga kaedah dan undang-undang dilaksana ya. Ramai lagi yang telah bercakap fasal itu.

Perkara seterusnya fasal banjir, minta maaf. Ini hendak habis sudah ini. Banjir Tuan Yang di-Pertua, saya kira saya minta jabatan-jabatan tertentu untuk membuat persiapan yang rapi menghadapi banjir tahun ini yang dijangka lebih hebat, Sebagai penutup, saya hendak mencadangkan supaya kerajaan menubuh satu jawatankuasa khusus untuk menjimat dan menyekat ketirisan pemborosan dan sebagainya. Satu jawatankuasa ini terdiri daripada Ahli-ahli Parlimen, daripada kerajaan, daripada sini, daripada profesional, daripada badan-badan ekonomi untuk bersama-sama memberi sumbangan bagi kerajaan menutup segala *loop hole* di atas ketirisan, pemborosan, rasuah dan sebagainya mudah-mudahan rakyat lebih terbela. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, pembahas yang terakhir daripada Yang Berhormat Jelutong untuk lima minit ya.

**11.26 mlm.**

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sempat juga untuk membuat ucapan sebagai pengucap yang terakhir. Masih berkenaan dengan banjir, saya menjadi Ahli Parlimen tahun 2008. Tuan Yang di-Pertua pun diangkat sebagai Timbalan Yang di-Pertua pada tahun 2008. Jadi bersama-sama kita telah menyaksikan bahawa Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar telah bertukar-tukar empat kali. Ada empat kali Menteri yang baru. Banjir itu memang satu bidang kuasa di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Walaupun Rancangan Tebatan Banjir di Sungai Pinang di kawasan Parlimen Jelutong telah pun diberikan peruntukan RM150 juta untuk dibiayai pada Rancangan Malaysia Kesembilan. Sekarang Rancangan Malaysia Kesembilan selesai sudah. Rancangan Malaysia Kesepuluh pun selesai sudah. Jadi berkali-kali saya buat rayuan dan tuntutan dalam Dewan yang mulia ini supaya peruntukan dijanjikan sepuluh tahun yang lepas itu dapat diturunkan dengan secepat mungkin. Jadi, akhirnya kita kedengaran bahawa Rancangan Tebatan Sungai Pinang Fasa Kedua sebanyak RM150 juta itu telah diperbesarkan menjadi RM450 juta untuk diselesaikan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas.

Walaupun begitu, apabila saya menelaah dokumen-dokumen dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, malang sekali tidak terdapat sebarang sematan kata-kata huruf hitam di atas kertas putih. Memang tidak tercatat bagaimana peruntukan baru RM450 juta itu akan diturunkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas. Jadi saya minta tahun ini Bajet 2016 ini, merupakan bajet yang pertama dalam Rancangan Malaysia Kesebelas.

Kalaulah janji yang sepuluh tahun yang tidak sampai-sampai itu, bolehkah peruntukan itu diturunkan sebagai satu simbolik keikhlasan kerajaan supaya dapat diselesaikan Rancangan Tebatan Banjir Fasa Kedua yang telah sampai ke tahap yang paling genting. Suka saya memberitahu Dewan ini bahawa kesemua 223 bilik rumah di tebing-tebing Sungai Pinang itu telah pun selesai dipindah sebagai salah satu syarat yang harus dipenuhi sebelum peruntukan itu dapat diturunkan. Jadi saya buat rayuan kalau kali ini tidak lagi peruntukan itu diturunkan, saya akan buat cadangan supaya potongan RM10 dikenakan ke atas kementerian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, yang keduanya saya rasa kita sudah sampai ke saat yang begitu genting dalam tempoh sidang Parlimen sekarang bahawa kekangan ekonomi harus ditangani dengan secara serius. Kita ambil maklum bahawa pada 26 Ogos yang lepas, telah pun didirikan satu Jawatankuasa Ekonomi Khas (*Special Economic Committee*) dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, saya merayu supaya dalam sidang ini juga dibentangkan apakah kutipan daripada *Special Economic Committee (SEC)* ini supaya kita dapat tahu hala tuju ekonomi kita pada tahun akan datang.

■2330

Banyak laporan analisis dan juga pakar-pakar ekonomi telah memberi amaran bahawa kedudukan ekonomi ataupun hala tuju ekonomi untuk tahun depan amat mencabar. Jadi, kita hendak tahu juga kalau di sebelah situ dikatakan *fundamental economy* kita itu masih kukuh kenapa pula kita menghadapi begitu banyak cabaran dari segi pertukaran mata wang dan sebagainya. Jadi, saya mintalah SEC membentangkan satu laporan ringkas, *executive summary* untuk maklumat semua Ahli di dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita sudah sampai di satu ketika bahawa citra Malaysia, imej Malaysia harus diperbaharui. Saya rasa kita harus mendahului proses pembaharuan citra Malaysia itu dengan satu *reform* ataupun pembaharuan di dalam Dewan Rakyat sendiri. Itu pun telah dijanjikan sendiri oleh jabatan Tuan Yang di-Pertua juga. Saya rasa adalah mustahak sekali kita menoleh ke belakang, imbas kembali pada babak-babak yang berlaku di dalam Dewan ini pada tahun 2005, 13 Oktober 2005. Di mana pihak kerajaan telah mencadangkan supaya *the Parliamentary Services Act* dihidupkan semula.

Kalau kita imbas kembali bahawa *the Parliamentary Services Act* itu telah dipuskan ataupun *repeal*, dengan izin, pada tahun 1992. Itu hanya dengan satu *unilateral suggestion* daripada pihak Tuan Yang di-Pertua pada ketika itu. Jadi, kalaulah perkara itu berlaku dan kalaulah kita hendak membawa satu pembaharuan yang bermakna, maksudnya kita sudah sampai ke saat dan ketika yang begitu penting supaya perkara seperti mana yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Kemaman.

Saya ingat lagi Yang Berhormat Kemaman dan disokong oleh Yang Berhormat Johor Bahru pada ketika itu yang merupakan Pengerusi BNBBC. Jadi, kalaulah kedua-dua Yang Berhormat Kemaman dan juga Johor Bahru dapat imbas kembali bagaimana mereka hampir-hampir berjaya membawa balik, bagi nafas baru kepada *the Parliamentary Services Act* ini dan itu akan mendatangkan banyak manfaat kepada kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Habiskan Yang Berhormat.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Jadi, tidak perlulah Tuan Yang di-Pertua itu membuat ugutan supaya hendak bersara ataupun hendak melepaskan jawatan. Saya rasa sebelum melepaskan jawatan, perjuangan Tuan Yang di-Pertua masih belum selesai. Jadi, adalah baik kalau Akta Perkhidmatan Parlimen dapat dipulihkan semula. Itulah satu-satunya permohonan saya yang ikhlas sekali. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih, Yang Berhormat. Ya, saya ingin buat baik dengan Yang Berhormat Pokok Sena. Catatkan Yang Berhormat Pokok Sena, saya bagi peluang kepada Yang Berhormat Pokok Sena sebagai yang terakhir. Ya, cukuplah. [*Dewan riuh*] Ya, Yang Berhormat Pokok Sena, lima minit sahaja Yang Berhormat, selepas itu kita kena balik ya.

### 11.33 mlm.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, bagi saya gulung Bajet pada hari ini. Saya ingat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, ya belum habis, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya ingat ekstra Yang Berhormat daripada 11.30 sampai 11.45, boleh. Pertama, saya hendak tanya kerajaan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Lagi 5 minit tambah pula.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** ...Apa persediaan dan persiapan kerajaan untuk menghadapi kemungkinan kejatuhan harga minyak pada tahun yang akan datang kerana unjuran bajet ini berasaskan kepada USD50, 1 tong. Jadi, pada ucapan Perdana Menteri mengatakan bahawa kita telah kehilangan RM30 bilion daripada sektor petroleum. Jadi, apakah nanti kita terpaksa melonjakkan GST, pencapaian GST itu lebih tinggi daripada RM39 bilion untuk menampung kemungkinan kehilangan lebih daripada RM30 bilion daripada minyak.

Kedua, apa masalah kerajaan untuk hendak mengecilkan saiz Kabinet yang begitu besar seperti mana yang disebut oleh rakan-rakan saya tadi. Apa masalah kerajaan untuk mengecilkan saiz Kabinet yang saya kira bahawa gagal untuk melonjak pencapaian ekonomi negara kita ini pada kadar yang munasabah dengan jumlah saiz Kabinet juga dengan jumlah penduduk dalam negara kita berbanding dengan negara-negara maju seperti pernah saya sebut tadi bahawa di Jepun, 18, 19 anggota Kabinetnya, 127,000,000 rakyatnya, ia merupakan negara maju.

Jadi, saya hendak minta penjelasan daripada pihak kerajaan. Contoh, saya katakan bahawa kali ini rombakan Kabinet yang lalu telah mewujudkan kembali pemisahan kementerian yang telah disatukan sebelum ini iaitu Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Pendidikan. Dahulu berasingan kemudian kita satukan, kemudian kita asingkan kembali. Kemudian ramai lagi Timbalan Menteri sampai dua orang dan sebagainya. Ini penjelasan yang perlu saya dapat.

Kemudian Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan GST ini. GST walaupun disebut diberikan kepada rakyat dengan berbagai pemberian yang disebut BR1M dan sebagainya tetapi rakyat melihat bahawa tidak sepadan dengan tanggungan yang terpaksa ditanggung mereka untuk membayar GST. Contoh, saya kata bahawa walaupun pekebun kecil mendapat BR1M, peningkatan RM50 daripada RM950, ia naik sampai RM1,000 sehari, RM2.70. Ikan termenung pukat tangsi pun RM10 besar tiga jari ini sahaja, RM10 sekilo. Makna, RM2.70 sehari, 3 hari BR1M baru boleh sekilo termenung pukat tangsi.

Ini soal pekebun kecil dia dapat tetapi akhirnya bila dia jual getah, dia terpaksa jual dengan harga GST yang diambil oleh pembeli. Contoh saya kata, hari ini di tempat saya, hari ini getah sekerap ini RM2.22 duit 1 kilogram. Itu harga rasmi, harga rasmi yang disebut oleh Lembaga Getah dan sebagainya harga itu. RM2.22 duit tetapi pembeli getah berlesen dia beli daripada pekebun kecil ini RM2.10, bermakna bahawa GST 6%. Jadi, dia sudah mengalami kekurangan. Kemudian dengan pengurangan harga yang akhirnya kerana getah tersebut lebih air, lebih air yang ada dalam kandungan getah tersebut dipotong lagi. Jadi, berapa sen, berapa duit sangat yang dia hendak beli.

Jadi, saya hendak minta supaya kerajaan melihat kembali persoalan ini, beban. GST ini membebankan kepada peniaga-peniaga walaupun disebut bahawa pekebun kecil ini akan mendapat apabila harga getah itu jatuh sampai RM2.20, dia akan dapat pertambahan insentif pengeluaran getah ini, IPG ini sebanyak 20 sen – 1 kilo. Akan tetapi hari ini, harga RM2.22 tetapi dia hanya dapat RM2.10. Jadi, saya minta bahawa kerajaan hapuskan terus GST supaya ini tidak membebankan masyarakat dan rakyat dalam negara kita.

Keduanya, berkaitan dengan soal sektor padi. Kawasan saya ini sektor padi. Saya buat dialog sembang santai dengan rakyat, apa orang kampung kata tentang bajet. Mereka tidak puas hati, tadi isu getah itu. Itulah yang diluahkan oleh mereka, Tuan Yang di-Pertua. Kemudian soal padi, soal padi. Bila kerajaan kata diumumkan kenaikan pertambahan RM51 lebih kurang untuk subsidi menjadikan RM300 subsidi untuk satu metrik tan untuk RM300 itu dapat. Akan tetapi dengan syarat mutu padi 20%.

Maknanya, mesti tidak boleh lebih daripada itu. Saya hendak sebut bahawa ini tidak adil kepada petani. Soal kita meletakkan bahawa petani kita kena hasil padi yang elok. Betul saya kata bahawa petani kena hasilkan padi yang elok tetapi kerajaan juga seharusnya menyediakan prasarana yang baik untuk petani-petani ini boleh mengeluarkan hasil padi yang baik. Contoh yang saya katakan perairan, soal tali air dan sebagainya. Ini masalah yang dihadapi oleh petani-petani.

Sebab saya nyatakan bahawa mutu ini telah pun dikuatkuasakan sebelum ini. Di kawasan Rompin sendiri tahun sudah antara 25% ke 30% potongan padi. Potongan padi basah, padi tidak eloklah, 25% ke 30%. Tuan Yang di-Pertua, bayangkan kalau kita dapat 10 tan padi, hanya 20% sahaja dipotong, bermakna bahawa 2 tan padi kita akan hilang. 2 tan berapa? RM3,000 – 2 tan. 2 tan – RM3,000 Yang Berhormat Sungai Petani. 2 tan – RM3,000 kita akan hilang 2 tan. Petani akan hilang 2 tan, itu hanya 20% potongan. Kalau 25%, kalau 30% seperti mana yang berlaku di Rompin pada musim pertama tahun 2014, ini sudah tentu akan membebankan. Oleh kerana apa, di Rompin itu kerana kawasan tersebut tidak mempunyai prasarana yang baik, contoh.

Begitu juga di tempat-tempat yang lain. Begitu juga dengan penyediaan benih. Kementerian Pertanian memberikan kuota kepada syarikat-syarikat tertentu ini untuk mengeluarkan benih tanpa mengambil kira soal syarikat tersebut mempunyai bank benih ataupun tidak. Ini persoalannya.

Akhirnya, sawah-sawah yang dibuat oleh syarikat pengeluar benih ini, dia ambil sawah daripada petani-petani ini, dia mengharapkan padi itu lah untuk dibuat benih. Walaupun pada musim itu sawah tersebut diserang dengan penyakit. Penyakit karah, penyakit ulat padi dan sebagainya. Akhirnya, syarikat benih ini juga ambil padi dari sawah yang diserang, diserang benih. Akhirnya, menghasilkan benih yang terhasil dari sawah yang ada penyakit.

Jadi, benih tidak ada, bila benih tidak ada, kualiti tidak ada, benih tidak ada kualiti, kita suruh petani buat bendang. Mana hendak menghasilkan mutu padi yang baik. Jadi, menyebabkan potongan ini tidak adil bagi saya. Jadi, sebab itu saya katakan bahawa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Habiskan, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya sedang hendak gulung. Tidak boleh hanya meletakkan kepada 20. Akan tetapi tidak boleh lebih daripada 18 sebab tidak adil juga kalau letak 20 kalau orang itu punya padinya elok. Mungkin dia boleh sampai kepada 17 ataupun 18 tetapi tidak boleh juga dalam suasana kita mengambil kira *environment* hujan, penyakit. Musim akan datang ini pada bulan Januari ini adalah musim yang mudah diserang penyakit.

Jadi, sudah tentu hasil mutu padi itu akan berkurangan dan kalau potongan itu melambung sampai 25% - 30%, bayangkan bukan 2 tan tetapi sampai 3 tan dari 10 tan itu akan hilang. Ini menjadikan bahawa subsidi yang dijanjikan RM300 itu sebenarnya ialah proses rasionalisasi subsidi untuk kerajaan mengurangkan pembiayaan subsidi kepada para petani. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memberikan laluan untuk saya menggulung bajet. Saya bagi pihak pengundi-pengundi di kawasan saya, menyatakan kepada saya dalam dua, tiga dialog yang saya buat, mereka sangat kecewa dengan kerajaan, dengan bajet yang tidak memberikan keuntungan kepada hasil-hasil padi mereka.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, terima kasih, Yang Berhormat.



**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Wong Ling Bui [Sarikei]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi dua minit, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak boleh, cukup, cukup Yang Berhormat.

**Tuan Wong Ling Bui [Sarikei]:** Bagi dua minit, saya akan memberikan apa itu kita punya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Setakat itu perbincangan pada peringkat ini, Yang Berhormat. Esok giliran Yang Berhormat Menteri menjawab yang akan didahului dengan Kementerian Dalam Negeri. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Rabu, 4 November 2015.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 11.42 malam]***